

**Bil. 33**

**Rabu  
10 Mei 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**



## KANDUNGAN

### USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):

- Kebebasan Peguam-peguam Dianiayai Polis  
*Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)* (Halaman 1)

### RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 (Halaman 2)
- Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan  
Air Negara 2006 (Halaman 53)
- Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006 (Halaman 87)
- Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006 (Halaman 100)
- Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya  
dan Warisan 2006 (Halaman 117)

### USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 47)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman – *Senator*

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. ” Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP

23. Yang Berhormat Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. ” Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN

61. Yang Berhormat Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keterah) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. ” Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO

99. Yang Berhormat Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. ” Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli



**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Rabu, 10 Mei 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)****Kebebasan Peguam-Peguam Dianiayai Polis****10.02 pg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya M. Kula Segaran, Ahli Parlimen Ipoh Barat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dengan ini mencadangkan supaya ditangguhkan majlis mesyuarat dengan hendak merundingkan perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan. Teks usul seperti ini – Kebebasan peguam-peguam dianiayai oleh pegawai polis.

Peguam-peguam diamalkan untuk mengamalkan fahaman tanpa memihak kepada mana-mana pihak dengan izin, *act without fear or favour*. Pada kebelakangan ini polis telah mengganggu tugas-tugas peguam. Pada tahun 2003, 'Veta' peguam cara P. Utayakumar yang membela kes-kes kematian dalam tahanan polis, menembakkan mati polis dan lain-lain kes salah guna polis telah dipecahkan cermin keretanya. Kemudian pada 10 April 2003, semasa dalam perjalanan pulang telah diserang dengan senjata api dan beliau mendapat kecederaan. Selepas itu P. Utayakumar pulang dari London, pihak polis dikatakan telah menghantar satu peluru hidup dan nota akan membunuh beliau.

Pada 1 Mac 2006, seorang lagi peguam Rajasingam telah ditangkap dan dibelasah dan dcederakan semasa beliau masih digari setelah dituduh untuk tidak bekerjasama dengan polis. Beliau ditangkap semula di luar perkarangan mahkamah oleh pegawai polis yang sama yang membelasah beliau dan ditahan untuk satu lagi kesalahan memaki hamun polis.

Selepas itu, seorang lagi peguam S. Bala Subramaniam telah ditangkap dan ditahan semalaman dilokap polis Petaling Jaya pada 29 Disember 2005. Apabila beliau bertekak meminta balik kad pengenalan daripada pihak polis yang meminta untuk memeriksa semasa beliau sedang makan bersama bapanya. Beliau telah dibebaskan hanya pada hari kemudiannya dengan rayuan dan campur tangan beberapa orang peguam cara yang lain.

Pada 18 April 2006, S. Bala Subramaniam yang telah hadir di Balai Polis Petaling Jaya telah membela anak guamnya, semasa membela hak anak guamnya, telah ditangkap dan ditahan oleh polis. Selepas kejadian terkini ini, pada 27 April 2006, lebih kurang 50 orang peguam membantah dan mengadakan perhimpunan secara aman di Balai Polis Petaling Jaya adalah berkenaannya. Walaupun diminta sehingga hari ini, Ketua Polis Daerah tersebut enggan dengan berjumpa rombongan dari Majlis Peguam ini. Peguam-peguam lain yang dianiaya seperti ini adalah Encik Zainol Zakaria, Leonard Teoh, Chia Ka Peng dan lain-lain lagi.

Walaupun laporan-laporan polis telah dibuat dan surat ditulis kepada Peguam Negara Malaysia, tidak ada pendakwaan terhadap dan salah guna kuasa dan perkara ini semakin hari semakin menjadi-jadi khususnya terhadap para peguam. Oleh yang demikian, penubuhan IPCMC adalah satu-satu jalan dan jalan terakhir dalam membawa penubuhan dan memulihkan kredibiliti pasukan polis. Jika pasukan polis tidak ada apa-apa untuk

disembunyikan maka tidak perlu takutkan IPCMC. Imej polis telah tercemar di khalayak orang ramai dan dalam prosesnya kepercayaan rakyat terhadap kredibiliti polis dan telah menurun secara mendadak.

Saya pohon agar majlis mesyuarat ditangguhkan untuk merundingkan perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Ipoh Barat pada hari Selasa 9 Mei 2006. Teks usul adalah seperti yang dibacakan oleh ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh majlis mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara tertentu, syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu; perkara ini adalah perkara satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai; dia adalah bagi kepentingan orang ramai, berkehendak disegerakan; pada fikiran pendapat saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya difahamkan bahawa tuduhan gangguan terhadap peguam-peguam seperti yang dibangkitkan oleh Ipoh Barat sedang disiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil sebaik sahaja siasatan selesai, ya.

Oleh itu, usul ini tidak dapat diterima sebagai usul tergepar mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1), dan saya menolak usul itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [9 Mei 2006]

*Dewan bersidang dalam Jawatankuasa*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### **Fasal 10 – Pindaan:**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

#### **10.11 pagi**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya membawa satu cadangan untuk meminda Fasal 10, untuk menambahkan satu fasal yang baru, iaitu 10(3) yang akan dibaca seperti ini.

"10(3) Tanpa mengambil kira subfasal (2), seseorang pemegang lesen individu yang gagal untuk mematuhi sebarang syarat lesen individu di bawah subfasal (1) akan selanjutnya bertanggungjawab untuk mengganti rugi mana-mana pengguna yang mengalami kehilangan akibat kegagalan tersebut. Ganti rugi tersebut boleh ditentukan dalam Mahkamah Perundangan atau Tribunal Pengguna."

Tuan Pengerusi, semasa perbincangan bermula pada hari Isnin, beberapa Ahli Parlimen Dewan Rakyat telah mengutarakan bahawa tidak ada apa-apa untuk pengguna-pengguna, untuk mengambil tindakan dalam mahkamah atau Tribunal Pengguna dan mereka telah mencadangkan agar ada sesuatu rang undang-undang spesifik untuk mengambil kira jika ada apa-apa tuntutan dibuat. Dalam hal ini, Fasal 10 mengatakan pemantauan syarat lesen individu. Di antaranya dua syarat yang dikenakan oleh kerajaan yang dicadangkan adalah syarat standard yang ditetapkan bagi lesen individu itu dan apa-apa syarat khas yang dikenakan oleh menteri.

Jika kedua-duanya atau satu di antaranya tidak diikuti oleh pihak yang mendapat lesen, maka kerajaan dari segi undang-undang ini dapat memberi denda tidak melebihi RM500 ribu. Akan tetapi tidak ada apa-apa yang mengatakan bahawa seorang pengguna atau pengguna-pengguna yang sebenarnya, yang akan menjadi terus *effected* dalam perkara ini. Maka merekalah yang patut dilindungi walaupun saya baca Akta ini tidak ada apa-apa yang khusus bagi pengguna-pengguna. Maka saya cadangkan bahawa subfasal baru ini patut dimasukkan dalam Fasal 10 sebagai 10(3), dan selepas itu ia akan memberi peluang kepada pengguna-pengguna di negara ini untuk mengambil tindakan undang-undang jika perlu, terima kasih.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong pindaan untuk memasukkan subfasal baru kepada Fasal 10. Saya rasa perlulah ada satu mekanisme untuk memastikan kepentingan pengguna dipelihara semasa mereka mengalami kehilangan akibat kegagalan pemegang lesen perkhidmatan air dan pembetulan. Menteri selalu kata perkara ini tidak boleh dilakukan. Jadi kita tidak nampak betapa susahnya jika kita memasukkan satu subfasal baru kepada Fasal 10 untuk mengatasi segala kebimbangan yang disuarakan oleh menteri. Jadi saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan apa yang hendak dipinda tentang Fasal 10 ini, kalau kita mengikuti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan disokong oleh rakan dia tadi, saya takut besok mahkamah kita tidak ada cerita lain kerana apabila masalah air ini, jutaan orang akan terlibat. Oleh kerana tidak dapat *supply* sekerat hari ataupun satu hari, dia akan tuntutan di mahkamah. Jadi mahkamah kita ini yang untung orang macam dialah, *lawyer*. Jadi saya kira benda ini tidak boleh masuk. Kalau masuk tidak ada orang akan melabur dalam industri air, kalau ini dimasukkan. Oleh hal demikian, saya berharap, kita tolak apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya bukan ingin cadangkan bahawa kita menutup satu mata. Saya ingin mencadangkan bahawa semua orang membuka mata dan memberi hak kepada semua pengguna di negara ini dan ini adalah satu perkara bukan saya sahaja telah bangkitkan, juga ramai di antara Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional terutamanya Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Itulah sebabnya hari tu saya mengatakan bahawa, saya akan membawa satu rang undang-undang ini. Adakah beliau akan bangun dan sokong saya, tetapi semasa perbincangan, banyak kuat cakap mengenai hal ini. Jadi kita menjadi macam Napoleon hanya menggunakan satu mata. Apabila perlu tengok, jika tidak dua-dua mata dapat ditutup. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sekarang ini kita hendak buka dua-dua mata, kita tidak main lagi tutup satu mata Tuan Pengerusi. Ini masalah dia, kita hanya mengingatkan pada menteri tetapi sudah masuk sebagai akta, contoh apa yang berlaku di Melaka, kita mengalami ketidakadaan air di Melaka tempoh hari, berbulan. Kalau hendak dinilai kesusahan satu keluarga itu, mungkin sejuta. Mungkin dua juta dan negeri Melaka ada 700 ribu penduduk. Siapa akan datang hendak *invest* tentang air ini? Jadi kita kena rasional soal ini, jangan dok fikirkan tentang kita hendak lawan pasal pengguna. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, jangan dok cari publisiti murah, saya minta buka dua mata. Tidak pakai, tutup?...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya pohon, saya ingin menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, menambahkan fasal ini kerana kalau kita mahu memastikan satu perkhidmatan yang baik diberikan kepada *consumer*, kita mesti ada satu *check and balance* dan ini boleh dimainkan oleh pihak *consumer*, di mana bagi memastikan pemegang lesen ini sentiasa memberi perkhidmatan yang terbaik kepada kesemua *consumer*. Jadi pihak pemegang lesen akan tahu.

Jika mereka gagal mematuhi syarat-syaratnya, mereka akan dikenakan satu penalti yang begitu tinggi, di mana *consumer* mempunyai hak untuk menuntut daripadanya. Jadi ini menyenangkan lagi kerja-kerja pihak kementerian dan juga memastikan pada masa yang sama *consumer* haknya tidak akan terhakis, sama-sama boleh memantau. Jadi tidak perlu lepas itu ada banyak masalah berkenaan kualiti air seperti TNB sekarang, di mana mereka hanya ada hak untuk memotong bekalan elektrik tanpa pilihan yang lain, di mana pampasan, ganti rugi, apabila mereka mengalami kerugian. Jadi saya rasa ini adalah satu *safety net* yang paling baik, kalau pihak kementerian juga menyayangi dan prihatin ke atas *consumer*. Jadi saya pohon, saya menyokong pindaan ini.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak ambil bahagian sedikit oleh kerana saya melihat ada dua pandangan yang berlainan tadi. Sebelah kerajaan dia menyokong apa yang tercatat di sini, sebelah pembangkang ini, sebelah rakyat sebelah *consumer* atau pengguna. Memang berlaku demikian, kalau sokong belah sini, nanti kena gantung pula atau kena bagi amaran atau pecat. Itu betul, pandangan dia itu betul dari segi...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini mata air.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Pendirian betul, saya hendak sebut di sini ialah, kita jangan sangat percaya kepada pihak yang hendak usahakan ini, pihak pelabur ini sebab kita sudah banyak kali kena. Kita kena ada sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah *check and balance*. Oleh kerana sebahagian besar di kalangan kita ini suka sangat kepada kapitalis. Suka sangat kepada pelabur-pelabur yang mari ini kerana mungkin ada bahagian kepada UMNO atau panel-panel lain. Ini sudah biasa dan kita pun sudah nampak sekarang ke arah mana siapa akan dapat semua ini, mestilah ada bagi pada UMNO, tidak apa tetapi bagi hendak membela rakyat ini, untuk pengguna ini mesti ada untuk pembelaan. Kalau kita tidak bela langsung...

**Tuan Pengerusi:** Tumpu pada isi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ini isilah ini, kandungan ini...

**Tuan Pengerusi:** Itu bukan isi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Pembelaan kepada rakyat... [Dewan riuh]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Saya sebut ini, saya bimbang, takut kita cakap sedap sangat, apabila terlepas kepada...

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Pengerusi, kita bincang soal dalam Jawatankuasa ini sebut fasal berapa? Ini bukan dasar, fasal berapa?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** 10, saya sebut 10. Berkaitanlah ini.

Jadi saya hendak sebut di sini ialah walaupun perkara ini Fasal 10 tetapi kaitan itu mesti ada kaitan dengan yang lain. Jadi saya bimbang, takut-takut kita ini terperangkap sekali lagi, UMNO biasa terperangkap perkara ini. Dia tidak kisah terperangkap, terperangkap sekali dua kali biasa dianya, tetapi kita rakyat ini saya bimbang sebab perkara ini dari segi rakyat ini kalau majoriti kalau kita buat *referendums* sekali pun rakyat tidak suka ini, rakyat bimbang sangat. Jadi kita orang yang bertanggungjawab ini sepatutnya perkara ini kena terima pandangan-pandangan, cadangan atau usul yang dibawa oleh pembangkang tadi.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, cukup.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Pengerusi, saya tidak hendak Rantau Panjang ini dia memang senang bercakap, gatal mulut. Kalau ini dikuatkuasakan, Kelantanlah yang kena teruk, membekalkan air keladak, membekalkan air apa dan negeri Kelantan akan bankrap, negeri yang pertama akan bankrap kalau ini dia pun ambil. Jadi jangan sedap sahaja bercakap, gatal mulut bercakap.

**Tuan Pengerusi:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, biar menteri jawab.

**Tuan Pengerusi:** Menteri jawab, menteri jawab. Biarlah menteri jawab, kemudianlah.

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Saya punya suara sudah cukup kuat lagi mahu buka apa? *You* tidak dengar, *you* ingat *you* butakah..., bukan buta, pekakkah? Tutup *you* punya komputer dan *you* boleh dengarlah.

Tuan Pengerusi, Fasal 10 adalah berhubung dengan kewajipan pemegang lesen untuk mematuhi syarat lesen yang ditetapkan oleh SPAN. Setiap pengguna berhak untuk mengambil tindakan terhadap pemegang lesen sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen. Hak ini tidak terikat dengan sama ada pemegang lesen, mematuhi syarat lesen atau tidak. Dia mematuhi atau tidak pengguna ada hak. Hak yang mana pengguna boleh mengambil tindakan mengikut amalan biasa iaitu melalui tribunal pengguna atau proses mahkamah.

Ini adalah satu hak pengguna yang termaktub di bawah undang-undang. Dengan itu cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 11 hingga 32** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

#### **Fasal 33 dan 34 –**

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat.

#### **10.24 pagi**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya membawa satu pemindaan bagi Fasal 33 dan dibaca seperti berikut:

“Seseorang pemegang lesen perkhidmatan yang membekalkan perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembetulan mempunyai tugas am untuk:

- (a) berurusan secara munasabah dan adil dengan pengguna-pengguna;
- (b) menyelesaikan aduan-aduan pengguna dengan segera dan secara secukupnya; dan
- (c) mendedahkan maklumat yang perlu untuk melindungi kepentingan pengguna dengan segera dan secara secukupnya.”

Tuan Pengerusi, di Fasal 33 asal di rang undang-undang ini yang berkenaan dengan perurusan dengan pengguna nampaknya tidak ada Fasal-fasal atau berkaitan

dengan keadilan dan juga untuk mendedahkan maklumat-maklumat yang tertentu kepada pengguna-pengguna. Itulah saya mengesyorkan dan saya membawa fasal ini supaya semua pihak yang berkaitan dengan sektor air, pengguna-pengguna terutamanya akan mendapat perlindungan pada *win-win situation* maka saya mencadangkan perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Saya ingin menyentuh berkenaan dengan 33, 36, 36(2), 36(4) dan 37. Kalau lihat, 34 sampai 33 sahaja?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, nanti saya habis ini nanti.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Sampai 33 sahaja?

**Tuan Pengerusi:** 33 dan 34. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang tertera dalam kertas pindaan telah dibentangkan sekarang dan terbuka untuk dibahas. Perbincangan, 33 dan 34, pindaan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tuan Pengerusi terima kasih. Dalam 34, keselamatan sistem bekalan air dan sistem pembeutungan. Di sini tidak dinyatakan mengenai pewartaan kawasan larangan bagi menjamin semua kawasan sistem bekalan air dan pembeutungan dipertingkatkan keselamatannya. Saya mencadangkan supaya perlu ada dalam *clause* ini kawasan-kawasan yang perlu diwartakan sebagai kawasan larangan seperti kawasan 'muka *south*' ataupun *intake*, loji, kawasan pam penggalak dan juga kawasan tangki.

Seboleh-bolehnya dimasukkan perkara ini hak negeri masing-masing untuk mewartakan perkara tersebut kerana apa yang kita lihat di sini ada *loophole*, ada sedikit kekurangan kerana tidak disebutkan. Saya bimbang apabila tidak disebutkan pertembungan di antara negeri dan pihak suruhanjaya juga pihak-pihak yang berkaitan ini akan bertembung di satu masa apabila keadaan genting kedudukan air.

**Tuan Pengerusi:** Yang lain? Tidak ada menteri menjawab.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Fasal sedia ada sudah mencukupi untuk meliputi apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dalam cadangan pindaan (a) dan (b). Pindaan yang dicadangkan dalam (c) adalah tidak wajar. Apa yang dimaksudkan dengan maklumat yang perlu untuk melindungi kepentingan pengguna dengan segala dan secara secukupnya adalah tidak jelas. Fasal 138 yang memberi kuasa kepada SPAN untuk menyiarkan apa-apa maklumat kepada pengguna adalah mencukupi bagi maksud ini. Dengan itu cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal 33 hingga 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

### **Fasal 35 hingga 39 -**

**Tuan Pengerusi:** Fasal-fasal 35 hingga 39. Ya, sila Yang Berhormat.

### **10.29 pagi**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Fasal 33 sampai 39, 36(2)(a) memberi bekalan air kepada premis dalam kawasan liputan bekalan air apabila terdapat permohonan. Peruntukan di bawah klausa ini memberi kesan ketara kepada pemegang lesen kerana dikehendaki menyalurkan bekalan air kepada pelanggan yang memohon bekalan air di kawasan liputannya. Kerana dalam sesuatu keadaan di mana

ianya tidak ekonomik untuk dipasang paip air dengan kos yang tinggi tetapi pulangan hasil adalah terlalu rendah. Saya bukan hendak membela tetapi hendak disebut di sini perlu dimasukkan satu ayat lagi tertakluk kepada adanya paip servis di lokasi di mana permohonan bekalan paip itu dibuat. Itu cadangan saya ditambah klausa ini dan bagi 36(4), pembangunan dan penyelenggaraan sistem bekalan air. Kita mesti ingat kos pembaikan, penggantian dan penyelenggaraan paip komunikasi ditanggung oleh pemegang lesen.

Saya mencadangkan supaya dimasukkan satu ayat lagi, kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu, kos tersebut akan ditanggung oleh pengguna yang akan ditentukan oleh suruhanjaya. Itu perlu dimasukkan. Fasal 37(2)(a), iaitu bekalan air, tidak dibenarkan membekalkan air kepada premis yang dibina yang menyalahi undang-undang bertulis atau dalam keadaan tidak selamat. Itu ditulis.

Saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini memberi kesan kepada premis-premis yang masih belum mendapat sijil layak duduk atau rumah-rumah haram dan setinggan. Pihak suruhanjaya perlu menjelaskan dalam situasi-situasi tertentu, dibenarkan bekalan air disambung supaya mereka yang tidak bersalah terutama sekali rumah yang mempunyai masalah sijil layak duduk yang belum diperolehi dapat dipertimbangkan untuk mendapat bekalan air. Perkara ini sudah berlaku zaman berzaman. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Fasal 37(2)(a) seperti mana juga disentuh oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi. Ini termasuk golongan setinggan. Ini memang satu peruntukan yang boleh menimbulkan kesusahan sebab kita sudah bahaskan bahawa melihat air sebagai satu *entitlement* dan juga sebagai hak asasi manusia yang seharusnya dan sepatutnya dinikmati oleh semua rakyat termasuk semua golongan setinggan.

Jika pemegang lesen tidak perlu membekal air kepada golongan setinggan ini, ini akan menafikan hak hakiki ini. Jadi saya rasa pemegang lesen tidak harus dibabitkan dalam pertikaian di antara setinggan dan pemilik tanah, sebab itu satu isu yang lain. Seperti mana amalan yang dibuat oleh Tenaga Nasional, mereka tidak mengambil kira apakah status pemilikan tanah sebelum mereka membekalkan perkhidmatan. Selagi ada permohonan untuk mendapat bekalan elektrik mereka akan membekalkan tanpa mengira status pemilikan tanah pemohon itu tetapi dalam rang undang-undang ini amalan ini tidak diikuti dan sebaliknya ini amat ketat dan akan menjejaskan hak golongan setinggan. Walau bagaimanapun saya menyambut baiklah Fasal 38(1) yang menyatakan tentang penyambungan sesalur utama awam yang saya rasa ini satu tindakan yang haruslah diteruskan supaya bekalan air dapat dinikmati oleh semua rakyat. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Menteri, sila.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, walau tidak ada permintaan, tetapi ada komen-komen ya? Saya tahulah, DAP selalu mahu mainkan politik. Dia mahu jadikan popular. Siapa suka-suka sahaja, mahu dirikan rumah di mana-mana pun yang menjadikan setinggan. Dia cakap ini mesti mahu berikan dia air. So, ini mereka tidak...

**Seorang Ahli Pembangkang:** [Bercakap tanpa pembesar suara].

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Nantilah. *You* cakap banyak. Saya cakap sikit pun tidak boleh. Dengarlah! *You* cakap banyak, saya cakap sikit pun tak boleh. Dengarlah!!... *You* kalau ada dua telinga, dengarlah. Jika mereka mahukan dan ada di dalam 37(g) di mana 37, jika pihak berkuasa membenarkan kewujudan rumah-rumah setinggan di sesuatu kawasan.

Maka lazimnya syarikat utiliti akan memberikan perkhidmatan berdasarkan kelulusan tersebut dan juga atas dasar-dasar penjagaan kesihatan umum dan peri kemanusiaan, dan mana dalam Fasal 37(2)(g) juga keengganan untuk membekalkan air itu diluluskan oleh suruhanjaya. Biasanya kalau pihak berkuasa yang tidak membenarkan sesuatu rumah didirikan dan tidak membenarkan untuk menyambungkan air, saya ingat pemegang lesen pun susah mahu berikan liputan kepada rumah-rumah tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Pindaan tidak disetujukan.

**Fasal-fasal 35 hingga 39** diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

## **Fasal-fasal 40 hingga 42 –**

### **10.35 pagi**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membawa pindaan kepada Fasal 40, dan untuk menambah satu fasal yang baru, yang akan berbunyi sedemikian, 40(3), "*Tanpa mengambil kira subfasal (2), seseorang pemegang lesen individu yang melanggar subfasal (1) akan selanjutnya bertanggung untuk mengganti rugi mana-mana pengguna yang mengalami kehilangan akibat kegagalan tersebut*". Kalau Menteri pun tidak mahu dengar, lari dari sini, saya rasa ini akan dipersetujui... [Disampuk].

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan Yang Berhormat... [Disampuk].

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya cadangkan bahawa di sini juga ada satu lacuna dengan izin, di mana dengan telus menunjukkan bahawa hanya pihak-pihak yang diliputi dan mendapat perlindungan adalah semua orang tetapi tidak termasuk pengguna-pengguna. Maka ini adalah satu cadangan dari pihak kami supaya semua pengguna yang juga menghadapi perkara tekanan air, *air water pressure* yang kurang, maka mereka patut diberi ganti rugi. Ini disebabkan oleh sektor air yang menyalur air yang tidak mengikut standard piawaian yang ditentukan oleh pihak kementerian. Maka pihak yang betul-betul, dengan izin, *affected* dalam perkara ini adalah pengguna-pengguna. Maka merekalah yang patut diberi pampasan. Pampasan jika diberi bukan oleh kerajaan, oleh sektor yang mengendalikan air ini. Maka mereka pengguna-pengguna patut diberi hak dalam situasi ini.

Hak untuk membawa kes-kes mereka ke mahkamah. Mahkamah atau Mahkamah Pengguna. Jika mereka yang membawa kes ini, ini akan memberi peluang kepada mereka untuk mendapat pampasan jika ada apa-apa kecuai yang dibuat oleh pengendali sektor air ini, atau jika itu juga *check imbalance* dan membawa satu sistem *efficiency* kepada sektor air, maka mereka tidak akan gagal dalam perkara ini. Yang kedua, adalah Tuan Pengerusi mengenai 41(1). Keadaan yang sama mengenai kualiti air. Saya juga di sini telah mencadangkan satu subfasal yang akan berbunyi seperti ini. Yang baru 41(1) untuk dibaca seperti berikut, 41, "*Pemegang lesen mengagihkan air semasa membekalkan air kepada sebarang premis memastikan bahawa pada masa bekalan kualiti air yang dibekalkan tidak boleh di bawah piawaian kualiti yang diperuntukkan*".

Ganti rugi tersebut boleh ditentukan dalam Mahkamah Perundangan dan Akta Tribunal Pengguna. Keadaan yang sama Tuan Pengerusi, di mana ada *check imbalance* dan juga memberi satu *security* kepada pengguna-pengguna. Mereka tidak dianiayakan. Ini adalah satu dari cadangan saya. Lagi satu adalah cadangan 41(1)(a), iaitu 41(1)(a) yang berbunyi sedemikian, "*Mendefinisikan secara tepat piawaian kualiti minuman dalam undang-undang*". Kita membawa fasal yang baru ini supaya memberikan dengan tetap dan dengan *clarity* dengan izin, supaya pihak-pihak pengguna dapat tahu apakah piawaian yang diguna oleh pihak kementerian. Juga kepada, Tuan Pengerusi, 42 adakah juga sekarang atau 42...

**Tuan Pengerusi:** 42? Boleh, boleh...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** 42?

**Tuan Pengerusi:** Boleh, ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** 42, saya juga telah membawa satu fasal yang baru, subfasal yang akan berbunyi macam ini, 42(4) iaitu selepas *renumbering* akan dibaca sebagai yang lama, untuk dibaca sebagai 5. Saya cadangkan perkara ini juga dan pada subfasal 42(4) yang dibaca seperti ini. Tanpa mengambil kira sub fasal 42(3), seorang pemegang lesen mengagihkan air yang melanggar subfasal 1 boleh dengan selanjutnya bertanggung untuk mengganti rugi mana-mana pengguna yang mengalami kehilangan akibat pelanggaran tersebut. Ganti rugi tersebut boleh ditentukan oleh Mahkamah Perundangan atau Tribunal Pengguna. Dan hujah-hujah saya yang saya hujahkan sebelum ini, saya pohon ia diguna pakai dalam Sub Fasal ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Pindaan ...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, satu lagi.

**Tuan Pengerusi:** Pindaan yang sebagaimana tertera di dalam kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk di bahas. Sila.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Saya nak bercakap berkenaan 40(1)1 ya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kualiti bekalan, mewakili standard minimum. Pemegang lesen pengagihan air hendaklah apabila membenarkan air ke mana-mana premis memastikan bahawa kualiti air yang dibekalkan mematuhi standard kualiti minimum, ditetapkan oleh menteri pada masa perbekalan.

Saya rasa perlu kita jelaskan kerana di sini tidak dijelaskan, setakat kualiti minimum sahaja. Semalam kita dengar Tanah Merah ada menyebut kualiti air Kelantan ini tidak masuk flourida menyebabkan ramai kanak-kanak jadi rongak di Kelantan ini. Saya nak tahu daripada menteri, adakah selepas pada ini selain daripada klorin dimasukkan, adakah flourida ini akan dipastikan dimasukkan sebagai bahan untuk pengawalan kepada *standard* air tersebut. Saya dimaklumkan bahawa flourida ini sebenarnya di Amerika sendiri pun telah tidak digunakan kerana bimbang tentang kawalan penggunaan flourida ini kalau lebih sangat dia akan jadi kesan sampingan penyakitnya.

Jadi sejauh mana kemampuan untuk kita mengawal penggunaan flourida ini? Seperti mana juga kita menggunakan klorin ini. Saya minta jaminan, kalau ada jaminan, perlu dimasukkan dalam *clause* ini. Sebab setakat ini biasanya kita kata apa yang perlu ialah kita mesti mematuhi *standard* air minimum yang telah ditetapkan oleh WHO dan juga MOH, *Ministry of Health* setakat hari ini. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sama ada pandangan Yang Berhormat Tanah Merah semalam ini, kalau betul-betul perkara ini berlaku, pihak kerajaan akan menetapkan mesti dimasukkan flourida sebagai salah satu bahan untuk menjadikan gigi seseorang itu kukuh.

Dan kalau boleh Suruhanjaya juga perlu mengambil kira masalah loji-loji lama, dan paip-paip lama yang perlu dibina atau di naik taraf. Serta paip lama ini perlu ditukar di kebanyakan kawasan. Masalahnya ialah kedua-dua inilah yang kadang kala memberi kesan kepada kualiti air yang dibekalkan. Kerja-kerja naik taraf loji lama dan pertukaran paip lama ini melibatkan kos yang amat tinggi dan tempoh yang panjang. Oleh kerana tempoh ia panjang, kos yang amat tinggi boleh tahan lagi. Kalau tempoh yang panjang ini perlu diambil kira oleh pihak Suruhanjaya ini sewaktu kuat kuasa akan dikenakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Menteri jawab.

#### 10.43 pagi

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Untuk pemindahan Fasal 40 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Barat. Setiap pengguna berhak untuk mengambil tindakan terhadap pemegang lesen sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen. Hak ini tidak terikat dengan sama ada pemegang lesen mematuhi syarat lesen atau tidak. Pengguna boleh mengambil tindakan mengikut amalan biasa iaitu melalui Tribunal Pengguna atau proses mahkamah. Ini adalah sesuatu hak pengguna yang termaktub di bawah undang-undang. Dengan itu cadangan Pindaan ini tidak dipersetujui.

Untuk memindah Fasal 41(1). Fasal sedia ada adalah lebih baik dan meletakkan kewajipan secara khusus ke atas pemegang lesen. Untuk mematuhi kualiti air bagi menjaga kepentingan pengguna. Pindaan yang dicadangkan adalah lebih longgar berbanding dengan Fasal sedia ada. Dengan itu, cadangan Pindaan ini tidak dipersetujui. Dan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Rantau Panjang di dalam 41(1). Walau tidak disebut minimum standard yang dikatakan di dalam standard kualiti minimum yang dikatakan oleh Menteri. Menteri akan mengeluarkan peruntukan-peruntukan atas perkara ini. Dan SPAN akan mengeluarkan kaedah-kaedah berkenaan apa yang minimum *standard* mengikut *standard* yang ditetapkan melalui WHO, *World Health Organization*.

Untuk meminda Sub Fasal 41(1)(A) oleh Yang Berhormat dari Ipoh Barat. Dan cadangan pindaan tidak dipersetujui memandangkan piawai kualiti minimum akan ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang akan dikeluarkan, apa yang saya jelaskan tadi. Untuk meminda subfasal 42(4) oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Setiap pengguna berhak untuk mengambil tindakan terhadap pemegang lesen. Sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen. Hak ini tidak terikat dengan sama ada pemegang lesen mematuhi syarat lesen atau tidak, pengguna boleh mengambil tindakan mengikut amalan biasa iaitu melalui Tribunal Pengguna atau proses mahkamah. Ini adalah suatu hak pengguna yang termaktub di bawah Undang-undang. Dengan itulah cadangan pindaan ini tidak juga dipersetujui.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Pindaan yang dicadangkan di dalam kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal-fasal 40 hingga 42** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

### **Fasal-fasal 43 hingga 51 -**

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Menyentuh Fasal 45(1)(2). Yang nampaknya diberi kuasa juga iaitu hak kelulusan pelan dan spesifikasi oleh Suruhanjaya diperlukan bagi membina, mengubah, memotong atau menutup sistem bekalan air, sistem pembetungan dan tangki *safety*. Kalau kita lihat sini, sudah berapa fasal dah, semuanya diberi kuasa kepada Suruhanjaya-suruhanjaya. Sepatutnya pelan dan spesifikasi tidak sepatutnya diluluskan oleh Suruhanjaya tapi sekiranya melibatkan projek yang dibangunkan oleh pemegang lesen, ianya perlu mendapat kelulusan pihak kerajaan tempatan. Kerajaan tempatan nampak ditinggal terus.

Walaupun bagaimanapun sekiranya projek yang dibangunkan melibatkan pemaju perumahan, maka pemegang lesen bersama dengan kerajaan tempatan akan meneruskan projek tersebut. Pemegang lesen hanya memaklumkan sahaja kepada pihak Suruhanjaya mengenai pembangunan projek yang telah diluluskan untuk mengemaskinikan rekod tetapi apa yang berlaku dalam fasal ini nampaknya kerajaan tempatan ditinggalkan begitu sahaja. Sedangkan sedikit sebanyak kuasa kerajaan tempatan itu perlu dihormati. Jadi semua Suruhanjaya, pertama sekali ialah akan berlaku kelambatan.

Yang kedua, seolah-olah kita meminggirkan kuasa-kuasa kerajaan tempatan. Jadi perkara ni sepatutnya apa yang Suruhanjaya hanya patut menerima untuk rekod, terima untuk rekod sahaja. Apa yang perlu diluluskan, diluluskan tetapi sekarang semuanya bergantung kepada Suruhanjaya. Jadi saya rasa perkara ini patut dipinda supaya kerajaan tempatan diambil kira dan walaupun tidak diberi kuasa sepenuhnya, tapi sekurang-kurangnya ada kerjasama dengan kerajaan tempatan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang salah faham. Ini ada dalam Akta yang mana dia dapat persetujuan daripada SPAN. Jadi you mahu korek tanah di bawah jagaan pihak berkuasa tempatan, kena dapat kebenaran

daripada pihak berkuasa tempatan. Atau di atas jalan-jalan yang ada di dalam jagaan JKR, yang kita kena dapat kebenaran dari JKR juga sebelum kerja boleh dimulakan.

**Fasal-fasal 43 hingga 51** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

#### **Fasal 52 hingga 53 –**

**Tuan Pengerusi:** Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun juga untuk membahas dan buat satu subfasal yang baru yang berbunyi:

“52(3) Tanpa mengambil kira subfasal (3) sebarang perjanjian sebegini akan mengandungi peruntukan-peruntukan bagi pengguna supaya diberi hak kepada ganti rugi sekiranya pemegang lesen mengagihkan air, melanggar sebarang peruntukan-peruntukan Akta tersebut atau Perjanjian Bekalan dalam subfasal 52(1)”.

Tuan Pengerusi, dalam Fasal 52, satu di antara objektifnya adalah mengadakan kaedah-kaedah mengikut Fasal 180. Fasal 180 Tuan Pengerusi, ada beberapa kriteria yang telah digariskan panduan di mana faktor-faktor dan perkara-perkara dinyatakan. Akan tetapi yang mustahak sekali yang dengan sengaja telah dilupakan oleh Menteri dan Kementerian adalah hak kepada pengguna. Di mana kalau dikatakan prestasi sektor air tidak baik, atau standard dan spesifikasi mereka tidak baik atau kelayakan minuman tidak baik, atau pemasangan meter itu ada sesuatu kekurangan dan lain-lain.

Dalam hal ini siapakah yang betul-betul rugi dalam faktor ini, dalam perkara ini? Adalah pengguna-pengguna. Maka mereka lah patut diberi hak untuk membawa tindakan. Kenapa mereka ditahan, tidak dibenarkan? Kenapa undang-undang tidak menyatakan perkara tersebut? Maka saya mencadangkan Fasal baru ini 52(3) untuk memberi hak kepada pengguna-pengguna untuk mengambil tindakan jika perlu.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini, dibuka untuk dibahaskan.

*[Tiada perbincangan]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, seperti yang saya jelaskan banyak kali, setiap pengguna berhak untuk mengambil tindakan terhadap pemegang lesen. Sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen, hak ini tidak terikat dengan sama ada pemegang lesen mematuhi syarat lesen atau tidak. Pengguna boleh mengambil tindakan mengikut amalan biasa iaitu melalui Tribunal Pengguna atau proses mahkamah. Ini adalah satu hak pengguna yang termaktub di bawah undang-undang. Dan pemegang lesen dan pengguna mempunyai perjanjian. Oleh itu *remedy* masing-masing adalah di bawah perjanjian berkenaan.

SPAN adalah badan kawal selia yang akan mengawal selia atas mutu-mutu air yang dikeluarkan oleh pemegang-pemegang lesen. Dan dengan itulah cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal-fasal 52 dan 53** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal-fasal 54 dan 55 –**

**Tuan Pengerusi:** Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, dalam Fasal 54, saya juga mencadangkan satu subfasal yang baru yang akan berbunyi begini:

“54(b). Selepas perkataan memberhentikan secara sementara bekalan air... yang diakibatkan oleh keadaan-keadaan atau kemalangan yang mana bukan diakibatkan oleh tindakan, kelakuan atau ketinggalan pemegang lesen pengagihan air dan yang mana tidak boleh dielakkan walaupun pemegang lesen pengagihan air telah melaksanakan semua perhatian dan kerajinan yang munasabah.”

Ganti rugi tersebut boleh ditentukan oleh Mahkamah Perundangan atau Tribunal Pengguna.

Lagi satu Fasal yang baru ialah Fasal 55(5) yang saya cadangkan dan akan berbunyi seperti ini:

“55(5) Tanpa mengambil kira subfasal (4), seseorang pemegang lesen individu yang melanggar subfasal (4) boleh selanjutnya bertanggung untuk mengganti rugi mana-mana pengguna yang mengalami kehilangan akibat pelanggaran tersebut.”

Ganti rugi tersebut boleh ditentukan dalam Mahkamah Perundangan dan atau Tribunal Pengguna.

Tuan Pengerusi, dalam kedua-dua perkara ini nampaknya dalam Rang Undang-undang yang sedia ada, tidak ada apa-apa memberi ruang kepada pengguna-pengguna. Dan jika kita baca rang undang-undang, Fasal 54, jika bekalan air diberhentikan secara serta merta atau sementara oleh sektor air, tidak ada apa-apa yang dikatakan tindakan akan diambil terhadap mereka oleh atau boleh diberi kuasa kepada pengguna-pengguna. Maka ini adalah satu antara cadangan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini, terbuka untuk di bahas. Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, setelah membaca pindaan ini saya berasa inilah munasabah sikit. Sebab Yang Berhormat, dua hari yang lepas dan satu contoh. Dua hari yang lepas, di Kepong Baru Tambahan itu, mungkin kerana faktor teknikal *reserve* rosak lebih 24 jam tidak ada bekalan air. Ini memang menjejaskan pengguna dan kalau kita adakan Fasal 54(b) ini, maka pihak kerajaan mempunyai lebih saluran untuk menyiasat dan juga seterusnya kalau didapati pihak pembekal tidak munasabah ataupun salah, kita boleh mengambil tindakan bagi pihak pengguna. Sebab itulah bukan sahaja kita adakan satu fasal seumpama ini, Yang Berhormat Menteri, saya bercadang supaya kita mengkaji cara-cara pihak Kementerian dapat membantu para pengguna dengan secara munasabah untuk memelihara kepentingan para penggunanya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, untuk meminda Fasal 54(b) yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Setiap pengguna berhak untuk mengambil tindakan terhadap pemegang. Sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen dan hak ini tidak terikat dengan sama ada pemegang lesen mematuhi syarat lesen atau tidak. Pengguna boleh mengambil tindakan mengikut amalan biasa iaitu melalui Tribunal Pengguna atau proses mahkamah. Ini adalah suatu hak pengguna yang termaktub di bawah undang-undang.

Peruntukan sedia ada adalah umum dan mengambil kira apa-apa jua keadaan sementara, cadangan pindaan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengenai perhentian bekalan air secara sementara hanya boleh dibuat dalam keadaan di mana ia diakibatkan oleh pihak-pihak lain selain dari pemegang lesen.

Cadangan pindaan ini adalah tidak dipersetujui kerana terdapat keadaan yang memerlukan bekalan air diberhentikan secara sementara walaupun dia disebabkan oleh perbuatan, kecuaiannya pemegang lesen sendiri. Ini bagi mengelak pengguna dibekalkan dengan bekalan air yang tidak mematuhi piawaian atau tercemar serta boleh menjejaskan kesihatan pengguna. Dengan itulah cadangan pindaan ini tidak dipersetujui. Untuk menambah Fasal 55(5), jawapan saya ialah setiap pengguna berhak untuk mengambil tindakan terhadap pemegang lesen sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen.

Hak ini tidak terikat dengan sama ada pemegang lesen mematuhi syarat lesen atau tidak. Pengguna boleh mengambil tindakan mengikut amalan biasa iaitu melalui tribunal pengguna atau proses mahkamah. Ini adalah satu hak pengguna yang termaktub di bawah undang-undang. Dengan itulah cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal 54 hingga 55** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

#### **Fasal-fasal 56 hingga 67 –**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Kalau kita lihat Fasal 57, 54 sampai 67? 57,58, 59 dan 63. Kalau tengok perkara-perkara yang disebut di sini, umpamanya Fasal 57. Kuasa mengarah premis membuat sambungan kepada sistem pembedungan awam dan Fasal 58, kuasa mengarah pemaju untuk menyambung projek pembangunan mereka kepada sistem pembedungan awam dan Fasal 59 pula ialah keperluan untuk membaik pulih sistem pembedungan kepada lebih sempurna atau lebih baik dan Fasal 63 ialah kuasa untuk membina sistem pembedungan awam.

Kalau kita lihat di sini, boleh dikatakan semua kuasa-kuasa ini kuasa dan satu lagi kita tengok ialah dalam semua klausa, kuasa ini ialah kuasa mengarah pemilik atau pengurusan bangunan atau penghuni untuk melakukan perkara seperti mana yang tersebut di atas adalah terletak pada Suruhanjaya sekali lagi ketiga-tiga, keempat-empat fasal ini juga diletakkan pada Suruhanjaya.

Saya hendak mencadangkan ialah supaya kuasa memberi arahan di atas sepatutnya diberi kepada pemegang lesen bagi melicinkan lagi urusan operasi sistem pembedungan bagi mengelakkan birokrasi atau pun melambatkan tindakan. Walau bagaimanapun sekiranya pihak yang terlibat ingkar atau tidak mematuhi arahan bertulis yang dikeluarkan oleh suruhanjaya, barulah pihak Suruhanjaya memberi amaran dan sekiranya pihak terbabit juga ingkar atau tidak mematuhi arahan, barulah di ambil tindakan perundangan. Makna biarlah kuasa itu ada sedikit kepada pelesen. Ini semua Suruhanjaya, Suruhanjaya.

Jadi saya rasa perkara ini patut kita ambil kira, di mana kuasa pelesen kalau semuanya berada di tangan suruhanjaya. Saya minta pihak menteri beri sedikit penjelasan kenapa perkara ini boleh berlaku?

**Tuan Pengerusi:** Ya, menteri silakan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau apa sambungan yang dibuat oleh pemegang lesen di jalankan, biarkan dia dijalankan. Kalau pemegang lesen tidak membuat apa-apa liputan atau sambungan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air atau SPAN akan mengeluarkan arahan untuk minta mereka sambungkan jika diperlukan. Ini kuasa mesti diberikan kepada SPAN jugalah...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Sedikit lagi, minta penjelasan. Saya memang mengetahui semuanya itu kuasa di tangan menteri dan kuasa Suruhanjaya. Saya pertikaikan di sini ialah tadi saya ada sebut beberapa fasal semuanya di tangan menteri dan suruhanjaya. Sekarang ini masih ada lagi beberapa fasal yang

berkeadaan demikian. Saya hendaknya ialah kenapakah tidak diberi kepercayaan kepada pihak pelesen? Semuanya seolah-olah pihak pelesen ini tidak boleh diharap. Itu yang saya nak tahu, kenapa perkara ini berlaku dalam akta ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ya, pemegang lesen dia hanya menjalankan perkhidmatan. Kalau dia tidak bagikan, mengeluarkan infrastruktur, dan liputan antara rumah kepada sistem yang dijagakan oleh pemegang lesen, tentulah SPAN akan mengambil, mendapat kuasa untuk mengarahkan mereka membuat demikian. Ini kuasa mesti dibagikan kepada SPAN. Kalau dia sebagai syarikat atau pemegang lesen yang memberikan perkhidmatan pembedaan. Kalau tidak ada liputan, dia tidak boleh buat perkhidmatan itu dan jika dia tidak hendak membuat liputan itu, saya ingat SPAN mesti arahkan pemegang lesen itu untuk membuat demikian.

**Fasal-fasal 54 hingga 67** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

### **Fasal-fasal 68 hingga 83 –**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya memohon agar satu fasal baru dimasukkan yang akan berbunyi demikian. 68(1)(2e) iaitu selepas perkataan pengguna. Termasuk tetapi tidak terhad kualiti air, pengekalan tekanan air, pembekalan air pada setiap masa dan kos bagi pembekalan air.

Tuan Pengerusi, dalam standard pengguna, di Fasal 68, satu perkara yang mustahak yang tertinggal pada pandangan NGO dan ramai adalah bahawa kualiti air dan tekanan air dan sebagainya. Maka itu perlu dimasukkan supaya satu piawaian yang tertentu dapat di sedia ada supaya pengguna-pengguna dapat tahu apakah hak mereka. Itu adalah cadangan saya untuk 68(1)(2e).

Untuk 68(3) Tuan Pengerusi, adalah mengenai satu fasal yang baru yang berbunyi sedemikian. Suruhanjaya dalam menjalankan tugas dan obligasinya perlu seberapa munasabah terima pakai pandangan Forum Air. Tuan Pengerusi, Ini adalah perkara yang mustahak kerana dalam fungsi-fungsi yang sedia ada yang dikatakan oleh suruhanjaya itu tidak mengandungi dengan telus dan supaya perkara ini akan diambil kira.

Maka saya mencadangkan satu fasal yang baru. Dan lagi satu adalah mengenai 69(1a) yang pada pandangan saya adalah yang mustahak sekali Tuan Pengerusi di rang undang-undang ini iaitu mengenai fungsi Forum Air. Sebenarnya saya cadangkan satu fasal yang baru yang akan berbunyi macam ini, 69(1a) selepas perkataan orang iaitu hendak termasuk individu atau badan yang berkaitan mengikut pandangan suruhanjaya yang mewakili kepentingan pengguna yang mempunyai keahlian majoriti dalam Forum tersebut.

Tuan Pengerusi, bila mula-mula rang undang-undang ini dicadangkan oleh kementerian. Menteri telah mengadakan beberapa pertemuan dengan organisasi-organisasi NGO untuk mendapat pandangan dan input. Di antaranya bantahan yang kuat-kuat mereka beritahu adalah bahawa perkataan yang mula-mula digunakan fungsi industri-industri air selepas itu menteri mengatakan bahawa betul, ramai di antara pihak yang membaca Rang Undang-undang ini akan kurang faham bahawa ini adalah satu perangkap, dengan izin *a catch* di mana ia akan memberi kuasa kepada pemain-pemain industri, sektor air di negara ini untuk menjadi anggota dalam Forum Air.

Kenapa kita mengatakan kita membantah, *civil society*, NGO-NGO membantah kepada pihak-pihak industri menjadi anggota dalam Forum Air ini? Ini adalah kerana apa yang terjadi kepada situasi dari multimedia di mana pihak industri sekarang memonopoli semua yang dijalankan di sana kerana pengguna-pengguna tidak ada apa-apa *bargaining power*, dengan izin, dan mereka perlu dilindungi. Mereka perlu ada satu ruangan tanpa pemain-pemain industri dalam forum tersebut. Maka itu adalah perkara yang dicadangkan di mana menteri telah memberi aku janji kepada NGO-NGO tersebut akan tetapi dia menukar nama dari industri kepada Forum Air.

Inilah sebabnya pada hari pertama saya mengatakan beliau telah tidak benar dan tidak membuat apa aku janji yang beliau beri kepada NGO-NGO tersebut. Maka saya

mencadangkan satu perkara supaya pihak-pihak pemain atau yang terlibat dalam industri air ini tidak dibenarkan menjadi ahli dalam Forum Air. Mereka diberikan satu forum yang lain, jangan dengan pengguna-pengguna. Itu adalah mustahak kerana kita ada situasi, kita ada *precedent* dalam negara ini di mana Akta Multimedia, mereka yang memonopoli dan inilah perkara yang patut dielakkan.

Kalau kita tidak pernah tahu, tidak ada *precedent* dalam negara ini, maka kita boleh terima pakai, tetapi sudah ada *precedent*. Jika ada *precedent*, kenapa menteri sangat cuai dan tidak ingin mengambil kira pengguna-pengguna. Ini adalah perkara yang mustahak, Tuan Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat Menteri faham apa yang saya cakap dan akan terima cadangan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat bagi Puchong hendak mengambil bahagian.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak berani, tidak berani. Bos ada sana, mana dia berani. Dia marah bos semalam.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia marahkah?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Puchong berminat tetapi tidak berani mengikut Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Teruslah kepada perbincangan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya percaya pindaan ini di 68(1)(2)(e), bab 68(3) dan juga 69(1)(a) memang rasional kerana walaupun Yang Berhormat sudah menemui beberapa badan NGO dan sebagainya, pada umumnya ada sesetengah berasa tidak puas hati dan perlu kita ada *standard of service* yang dijanjikan, *guaranteed standard of service*. Saya berharap Yang Berhormat dapat meneliti apakah *standard of service* yang *guaranteed* oleh pihak Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Bangun] [Berjalan ke tempat Setiausaha Dewan]

**Tuan Pengerusi:** Fasal berapa?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Eh, apa jadi, jalan-jalan, apa jadi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak tahulah itu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dia ada rang undang-undang yang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terus, terus, terus.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dia mahu menjadi Perdana Menteri? Itu tempat Perdana Menteri. Satu tidak ada kerja punya....

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Cakaplah, saya ada dua telinga.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana kalau ada tiga, empat telinga bolehlah, Yang Berhormat... [Ketawa] Saya berharap...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mana boleh, mana boleh ini macam? Mana boleh, *across the bench to deliberate*...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Peraturan Mesyuarat, masa, jaga masa, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tidak hormat dalam Dewan ini.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tidak hormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [*Lalu di tempat duduk Yang Berhormat bagi Kepala Batas*]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya, mana boleh berdiri macam itu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekarang dia ambil kerusi Perdana Menteri, ini saya bantah. Ini dia ambil kerusi Perdana Menteri ini. Mana boleh! Sudah jadi Perdana Menteri?... [*Ketawa*] Tidak layak. Sila duduk sana. Mana boleh! Sekarang Timbalan Perdana Menteri pula.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kepong, terus.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Sudah hilang jalan, Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dia ingat, dia banyak *funny*...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sudah hilang jalan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dewan yang mulia ini.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Ini Presiden MCA, bukan Gerakan, Yang Berhormat bagi Tanjong Piai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kepong, terus.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sana, Beruas di sana... [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kepong, terus.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, ini cili padi, apa hal dia? Hari ini tidak pedaskah?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apa masalah menteri? Bagaimana boleh jalan-jalan begitu?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, jalan sini jalan sana. Mahu serius?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *What's wrong with you*, Yang Berhormat Menteri?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *You are not well?*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *Nothing wrong with me. Something wrong with you today...* [*Ketawa*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *What?*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, dalam Fasal 68 itu yang memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh atas inisiatifnya sendiri atau atas syor Forum Air, menyediakan atau menyebabkan supaya disediakan standard pengguna untuk menangani perkara yang berkenaan pengguna dan kualiti pemegang lesen perkhidmatan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya tidak nampak di dalam rang undang-undang ini, apakah standard perkhidmatan, atau *standard of service* yang dijanjikan, *guaranteed standard of service* dan Yang Berhormat Menteri, saya berharaplah dapat memberi penjelasan lanjut mengenai *guaranteed standard of service* dan jika syarikat gagal untuk memenuhi standard yang dijanjikan itu, apakah tindakan oleh pihak kementerian dan juga apakah saluran yang boleh diambil oleh pihak para pengguna. Standard-standard ini mestilah meliputi sasaran-sasaran untuk membuat *appointments* untuk maklum balas kepada pertanyaan-pertanyaan akaun dan untuk mengendalikan bekalan yang tergendala.

Tuan Pengerusi, saya menganggap satu pindaan seumpamanya adalah perlu untuk memastikan standard-standard perkhidmatan yang terjadi. Ini memang satu perkara penting. Lantaran daripada itu Fasal 69(1)(a) ini memang yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat termasuk individu atau badan yang berkaitan mengikut pandangan suruhanjaya yang mewakili kepentingan pengguna yang mempunyai keahlian majoriti dalam forum itu.

Forum Air ini memang disebut-sebutkan. Saya pun tidak tahu macam mana Yang Berhormat Menteri dapat memastikan semua forum yang kita akan adakan memang benar-benar dapat mewakili semua lapisan. Itu memang satu perkara yang perlu kita buat dan juga kita mesti memastikan semua forum yang ada di negara ini adalah benar-benar bebas yang dapat mewakili kepentingan para penggunanya.

Saya berpendapat bahawa kalau kita adakan pindaan seumpama ini, sekurang-kurangnya kepentingan para pengguna dan kebebasan Forum Air ini dapat dijamin kerana kita tidak boleh ikut kehendak menteri sahaja. Kita mesti ikut kehendak semua lapisan masyarakat untuk mewujudkan satu kualiti air dan standard perkhidmatan yang lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

### 11.20 pagi

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, untuk meminda Fasal 81, fasal sedia ada, adalah lebih luas dan boleh merangkumi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Dengan inilah cadangan-cadangan pindaan ini tidak dipersetujui. Perkara untuk menambahkan Fasal baru 88(3), perkara ini telah pun diperuntukkan dalam Fasal 72, dengan inilah cadangan-cadangan pindaan ini tidak dipersetujui. Untuk meminda Fasal 69(1)(a), fasal sedia ada sudah mencukupi untuk merangkumi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Anggota Forum Air adalah tidak terhad dan ia terbuka kepada sesiapa yang berminat untuk mewakilkan kepentingan pengguna, dengan ini cadangan-cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

Dan saya beritahu walau Ipoh Barat cakap banyak berkenaan forum air, dia mahu dimonopolikan oleh sesuatu badan yang dia kira mewakili pengguna, dia *quotekan*, "hanya perbincangan dengan sesuatu badan NGO sahaja". Badan itu pun tidak didaftar di *Registrar of Society*. Walau bagaimanapun, saya cakap dengan sesiapa pun itu ialah *pollution against water privatization*. Dia *quote* semua apa yang saya cakap dengan satu badan, yang badan itu... saya tidak tahulah, sudahkah... akhirnya saya minta mereka tolonglah pergi daftar di *Registrar of Society*.

Ada badan-badan pengguna yang lain FOMCA, CAP, WWF, ini semua pun mahu masuk, tetapi kita ingat untuk jadikan satu forum yang bermakna yang boleh memberikan sumbangan kepada SPAN, lebih baik terbuka kepada semua orang, tetapi sebelum perkataan "*semua orang*", "*orang yang berkait*". Kalau pengguna hanya di dalam satu forum bercakap-cakap sahaja, lain industri tidak ada di dalam forum itu, dia pun tidak tahu apa organisasi pengguna mahukan. Lebih baik ada perwakilan dari industri, perwakilan dari orang teknikal, orang yang tahu ini industri perkhidmatan air. Dan juga badan-badan pengguna, dan sama-sama mereka *debate* dan memberikan cadangan kepada SPAN untuk menjalankan sebagai satu dasar SPAN bagi menjagakan kepentingan pengguna. Mestilah majoriti? Kadang-kadang saya satu orang dengan *you* tiga orang tidak majoriti, saya pandai cakap, saya lebih bercakap dan ikutkan apa yang saya cadangkan di apa-apa forum di situ. *So*, tolonglah, jangan ingat *you narrow minded*, dia ingat, sebab dia wakil satu

badan CAWP, semua ini CAWP cakap mesti mahu ikut. *You* sudah lupa FOMCAkah? Sudah lupa CAPkah? Semua saya punya kawan. Semua saya punya kawan. Kawan saya *believe, you believe* CAWPkah? Atau dia *believe you*. Jangan cakap begini. Apa ini? Kosong sahaja. Saya tidak gunakan bohong, saya gunakan kosong. Jangan cakap kosong, you punya otak kosongkah? Dengan itulah saya ingat cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

Untuk meminda 61(1)(a) fasal sedia ada sudah mencukupi untuk merangkumi apa-apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Keanggotaan forum air adalah tidak terhad dan ia terbuka kepada sesiapa yang berminat untuk mewakili kepentingan pengguna, dengan inilah cadangan-cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

Untuk meminda Fasal 69(3) dan 69(4), cadangan pindaan ini tidak dipersetujui kerana SPAN perlu mempunyai kuasa untuk menamakan badan yang lain untuk menggantikan badan yang tidak lagi berfungsi dengan sepatutnya. Ini adalah bagi menjaga kepentingan semua pihak. Untuk memasukkan Fasal baru 70(h) tugas untuk membuat penyelidikan bebas, audit dan penaksiran pencapaian pelesenan adalah termasuk dalam fungsi SPAN, ini adalah lebih wajar dan patut kerana SPAN mempunyai kuasa untuk...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi penjelasan...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Meminda apa-apa maklumat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Bagi maksud tersebut, Fasal 29 (iv) dan (v) telah memperuntukkan mengenai perkara ini. Dengan ini cadangan-cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan. Tuan Pengerusi, sebelum ini saya ada bangkitkan mengenai perkara situasi monopoli, di mana di multimedia forum itu sekarang dimonopoli hanya oleh pemain-pemain industri. Jadi itu adalah satu teladan, kita sudah tahu bahawa perkara itu telah berlaku. Jadi untuk mengelak perkara macam itu berlaku, barulah kita cadangkan dan mengambil kira bahawa pemain-pemain industri air tidak patut menjadi ahli dalam forum ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Menteri supaya mengelak situasi monopoli ini, di mana satu di antara faktor adalah menteri sendiri, di mana membenarkan perkara-perkara ini berlaku.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa ini? Selalu kena buka, tutup, buka tutup. Tuan Pengerusi...*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini tidak ada kena-mengena dengan menterilah, ini pihak sini akan...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata, forum air adalah spesifik untuk perkhidmatan air, untuk menjagakan kepentingan pengguna. Forum air yang ada di dalam Akta ini, barangkali Akta MCMC tidak ada forum komunikasi, tetapi *please* bagikan kredit kepada kementerian untuk mengadakan forum air di dalam Akta ini. Ini adalah spesifik dan tujuan mereka ialah untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna. Dengan itu apa yang...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat..

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, tidak menjawab... bukan-bukan..

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Cadangan - semua tidak di persetujui...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan semua. Dengan niat baik Tuan Pengerusi...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dengan niat baik, tapi...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, perkara yang saya bangkitkan adalah kejadian ini mesti berlaku bila ia diimplementasikan, jadi itulah cadangan yang saya rasa bila FOMCA, *pollution against water privatization*, NGO-NGO lain dan *social society* berjumpa dengan menteri dan telah mengatakan, mereka tidak merasa senang hati kerana kemungkinan besar berlaku, dan hanya yang dibuat oleh menteri adalah, yang tidak cakap hari ini, kerana ini adalah betul, kerana menteri hanya bersetuju berkata akan meminda semua aspek ini, tetapi hanya meminda perkataan "industri". Keluar industri, dan memberi satu gambaran bahawa semua pihak diambil kira, tetapi di dalam betul-betul ini, hanya bila kita mengelakkan dan menggugurkan perkataan "industri", kita memberi perhatian yang lebih kepada pihak-pihak... *player-player* industri di dalam hal ini. Jadi bagaimana hendak mengatasi masalah ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, dia cakap menteri janji itu, janji itu. Dia ada dengarkah? Dia dengar daripada siapa, siapa? Dan kalau saya cakap, saya tidak cakap begini, minta dia mari cakaplah. *So, you* jangan dengar satu pihak. Siapa pihak itu? Tolong namakan pihak itu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Coalition Against Water Privatisation*. Di antaranya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ha, satu pihak sahaja!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *No, no*, ada banyak. Ada banyak.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Satu pihak sahaja. Satu pihak, saya cakaplah, dia yang *narrow minded*. Dengar satu pihak sahaja. *Coalition Against Water Privatisation* - satu pihak sahaja. Pihak yang lain? Dia sudah lupa FOMCA, WWAF, Consumer Association Pulau Pinang yang ada ...

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Nantilah. Duduklah.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tidakkah Berhormat Menteri tahu bahawa ada 120 *signatory* dalam CAWP?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang ada pandangan berlainan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** 120 badan termasuk FOMCA, CAP dan selainnya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Okeylah, kita boleh ada Forum Air, 120 ahli masuk dalam sana. *Come on* lah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ahli *organization, thousands of people*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Baik. Sebelum kita mula dia sudah keriau.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *Prevention is better than cure*.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa *prevention, prevention against ...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah cukuplah, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *Prevent you from doing the wrong law*.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *Prevention against* kekacauan oleh DAP. Ha, ini *prevention*. Kalau tidak ada KTAK tidak ada Forum Air, jangan lupa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal-fasal 68 hingga 83** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal-fasal 84 hingga 113 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membawa satu Fasal 84 (3) berbunyi sedemikian:

*“Tanpa mengambil kira sub fasal 84(1) dan 84(2), apa-apa caj yang dikenakan atau pertukaran caj perlu mengambil kira kualiti dan tekanan air yang dibekalkan kepada premis pengguna, kos kepada pembekalan air yang menyediakan kemudahan air dan keperluan asas untuk kemampuan kepada semua pengguna.”*

Tuan Pengerusi, dalam peraturan-peraturan mengenai kadar caj dan deposit yang disenaraikan di Fasal 84, tidak merangkumi pandangan semua pihak, maka ini adalah satu cadangan yang perlu dan baik untuk pengguna-pengguna di negara ini, maka saya mencadangkan supaya ini dimasukkan dalam fasal tersebut dan diterima pakai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, ini peraturan-peraturan mengenai kadar caj dan deposit. Kita sedang menghadapi masalah seumpama ini dengan bekalan elektrik, Tenaga Nasional Berhad yang saya pun tidak tahulah, mungkin itu satu rang undang-undang mesti diluluskan di dalam Dewan ini juga untuk bekalan elektrik. Mengenai kadar caj dan deposit ini, Tuan Pengerusi, dalam beberapa tahun ini TNB sudah kenakan denda kepada beribu-ribu pengguna.

**Seorang Ahli:** Ini airlah, bukan TNB.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini satu contoh sahaja, untuk mengambil iktibar... [Disampuk] Saya dengar Yang Berhormat bagi Sungai Petani, iktibar tu. Iktibar, satu perkataan yang disukai oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Pihak TNB mempunyai kepakaran dan ahli-ahli teknik atau *technician*, tetapi kadangkala 10, 20 tahun tidak begitu memeriksa meter-meter orang dan tiba-tiba dikenakan caj, kenakan denda. Ini bermakna mekanisme yang ada dalam TNB sekarang ini gagal. Saya pun tidak tahulah sama Suruhanjaya atau Tenaga ini apakah peranan dan fungsinya. Ini sebagai iktibar, Yang Berhormat bagi Sungai Petani, ya?

Dengan adanya satu pindaan, tambahan ini bermakna Yang Berhormat Menteri, kita ini mengakui bahawa 1 dan 2 itu perlu, sehingga 2(a), (b), (c), (d) dan (e) pun kita perlu tetapi ini kita hendak mengindahkan lagi apa yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini dengan memasukkan satu Fasal 84(3). Saya berharap Rang Undang-undang ini dan juga dengan SPAN yang akan diluluskan kelak, kita dapat memastikan semua caj atau pertukaran caj perlu mengambil kira kualiti dan tekanan air yang dibekalkan kepada premis pengguna, kos kepada pembekal air dan menyediakan kemudahan air dan keperluan asas untuk kemampuan bagi semua pengguna.

Tuan Pengerusi, satu lagi. Ini mengenai bekalan air. Kadangkala kita nampak satu contoh di mana mungkin pihak pekerja atau *technician* di dalam SYABAS misalnya, tidak begitu telus dan bersih. Kadang-kala pemasangan paip itu tidak mengikut peraturan dan pihak pengguna dikenakan caj dan sebagainya yang tidak munasabah. Dengan adanya tambahan satu fasal lagi, satu ayat lagi itu di dalam Fasal 84 ini, kita berharaplah semua penyelewengan dan semua caj yang dikenakan kepada pihak pengguna adalah berasaskan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Sebab itulah saya sokong satu pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, cadangan pindaan kepada Fasal 84(3), cadangan ini adalah tidak praktikal dan tidak wajar. Pembekalan air perlu mematuhi

standard kualiti minimum yang ditetapkan dan dengan itu saya tidak bersetuju dengan cadangan pindaan itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis, Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tadi bahas pindaan? Ini bukan pindaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah minta menteri jawab.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Menteri sudah? Ya, undi dulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri sudah jawab, betul?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ya.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Fasal 84(2) membolehkan peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar berdasarkan kepada kategori pengguna, jumlah penggunaan dan jenis pengguna dan juga lokasi geografi. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan bagaimana aras kadar yang digunakan untuk perkhidmatan pembedaan. Adakah seperti yang dipakai sekarang nilai tahunan premis diambil kira sebagai satu aras kadar di mana didapati nilai tahunan premis komersial digunakan untuk menetapkan kadar bulanan di samping mengira jumlah penggunaan air.

Ini satu kriteria yang menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pemilik-pemilik premis ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil kira perkara ini. Misalnya dalam kes *stratified property* dalam kompleks-kompleks perniagaan, *shopping centre* dan sebagainya di mana lot-lot berasingan yang di *stratified* mungkin dan sememangnya tidak ada kemudahan pembedaan dalam lot-lot berasingan. Mereka berkongsi kemudahan di dalam satu kompleks.

Saya rasa kalau bil itu dihantar kepada perbadanan pengurusan, ini memang patut dilakukan tetapi saya pun ada menerima aduan, saya rasa Ahli-ahli yang lain pun ada menerima aduan, khususnya Ahli Yang Berhormat bagi Puchong, di mana lot-lot berasingan menerima bil untuk pembedaan, walhal dalam lot berasingan itu langsung tidak ada kemudahan pembedaan dan mereka membayar *management fee* kepada perbadanan pengurusan yang seharusnya mengambil kira bil-bil pembedaan oleh IWK.

Saya tidak tahu sama ada wujudnya satu keadaan *double billing*. Pertamanya, bil dihantar kepada perbadanan pengurusan dan bil yang kedua dihantar pula kepada lot-lot berasingan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan.

Tuan Pengerusi, Fasal 85 pula, memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri mengecualikan mana-mana orang atau organisasi daripada pembayaran apa-apa kadar caj atau deposit. Ini juga berbalik kepada soal yang saya bangkitkan tadi iaitu oleh sebab nilai tahunan dijadikan satu aras kadar, kita mendapati banyak *non-profit organization* seperti pertubuhan-pertubuhan budaya, kongsi-kongsi Tionghoa, tempat-tempat ibadat, mungkin sekolah-sekolah swasta yang menggunakan premis yang diberikan nilai tahunan yang amat tinggi oleh pihak berkuasa tempatan yang menyebabkan mereka perlu membayar caj pembedaan yang agak tinggi sehingga beberapa ratus dan mungkin ada kes yang mencecah ribuan ringgit bagi satu premis yang di miliki oleh *non-profit organization* ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri bolehlah mengambil kira kesusahan *non-profit organization* dan termasuklah orang-orang kurang upaya juga diberi perhatian supaya mereka ini dapat memainkan peranan sivik yang amat membina kepada masyarakat dan negara ini.

Satu lagi Fasal 87 (1) sebenarnya saya perhatikan bahawa selain dari Fasal 81 ini, juga didapati di dalam fasal-fasal yang lain ada menyatakan perkataan-perkataan seperti berikut iaitu tertakluk kepada mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini. Saya nampak perkataan-perkataan ini didapati di dalam beberapa fasal. Jadi saya ingin Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah perundangan subsidiari yang akan digubal dan sama ada kuasa menteri akan diperturunkan kepada mana-mana pihak untuk menggubal perundangan subsidiari untuk melicinkan penguatkuasaan akta kelak. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Rantau Panjang lepas itu menteri jawab.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Saya juga akan bercakap berkenaan 84 dan 85 di mana kalau kita melihat 84 tersebut tidak tercatat langsung iaitu perkataan ataupun kajian semula takrif sedangkan yang lain-lain tercatat. Jadi saya hendak tanyalah sama ada saya minta maaf sekiranya saya tidak terpandang di dalam Akta ini klausa-klausa yang menyebut tentang peruntukan yang diberikan untuk membuat kajian semula tetapi setakat ini saya tidak nampak. Kenapa perkara ini berlaku demikian, adakah kerajaan merasakan perkara ini tidak perlu dicatat di sini kerana cukup dengan kuasa menteri apabila hendak membuat kajian semula takrif ini menteri arah maka dibuat. Saya pun mengagaklah demikian kerana kuasa menteri terlalu besar dan terlalu banyak mungkin beberapa perkara yang diselitkan yang cuba ditutup sebelah mata daripada kita semua. Sepatutnya kalau kita tengok sekarang ini negeri-negeri itu biasanya tiga atau lima tahun sekali dibuatkan kajian berkenaan hal ini. Kerana kalau kita tengok kedudukan takrif air sebelum ini teruk sangat bezanya antara satu negeri dengan satu negeri.

Kalau kita tengok jawapan Menteri yang lepas kepada saya perbezaan di antara negeri-negeri ini terlalu nampak sangat dan yang paling tinggi takrif ini di Johor nombor satu, nombor dua di Sabah, nombor tiga di Melaka, nombor empat di Selangor, nombor lima di Negeri Sembilan dan di Kelantan duduk di nombor sepuluh. Jadi dengan adanya pengambilan alih ini barangkali takrif ini disamakan tetapi hendaklah dikaji balik. Ia ada kajian semula beberapa tahun sekali kalau-kalau ada berlaku perkara yang tidak disenangi oleh rakyat maka perlu dikaji semula sama ada menurun atau pun menaikkan harga. Menurun tak mungkin sekali. Menaikkan mungkin berlaku.

Yang kedua 85, dalam 85 ialah sekali lagi menteri mengecualikan mana-mana seperti mana yang disebutkan oleh sahabat saya tadi. Maknanya menteri boleh mengecualikan mana-mana orang atau organisasi daripada pembayaran apa-apa kadar caj atau deposit berhubung Perkhidmatan Bekalan Air ataupun Perkhidmatan Pembetulan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut. Ini satu lagi kuasa yang diberikan kepada menteri. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah sepatutnya dicatat terus kerana saya bimbang berlaku beberapa kes di Kelantan khususnya ada berlaku sekolah di bawah kerajaan Persekutuan yang tidak mahu bayar bil air kerajaan negeri di waktu itu sehingga berpuluh-puluh ribu dan memalukan kita semua.

Jadi kalaulah boleh, kita catatkan bukan kuasa menteri sahaja tetapi kuasa ini diagihkan kepada mereka-mereka yang lain terutama sekali mereka-mereka yang berkaitan dengan pendidikan, berkaitan dengan agama.

Kalau berkaitan dengan agama maka ketua agama masing-masing boleh mencadangkan kepada pihak yang berkuasa supaya perkara ini dikecualikan. Umpamanya seperti ahli kuil, masjid-masjid seperti di Kelantan masjid-masjid dikecualikan walaupun ada hadnya berapa padu meter yang boleh dikecualikan. Lebih daripada itu terpaksa dibayar juga oleh Jawatankuasa Masjid. Perkara ini perlu dicatat supaya tidak akan berlaku penyelewengan atau tidak berlaku diskriminasi kerana kita tahu kalau menteri ini condong kepada satu pihak mungkin ia memberi pengecualian kepada pihak-pihak yang dia suka, kroni-kroninya sahaja. Ini memang amalan biasa terutama Menteri yang ada di depan saya ini di mana saya yakin dia menggunakan kroni-kroninya untuk diberi pengecualian ini. Dia tidur saja. Tidur tak apa, tak apa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak tidurlah. Tidak tidur.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tidak tidur? Pejam mata sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mata pun tidak tutup.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Baru sedar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan demikian.

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Kita sama PAS macam ada kroni, dia sendiri. Dia ingat saya tak dengar kah?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ini *floor* saya. Apa yang hendak saya sebut di sini ialah perkara pernah berlaku di beberapa premis yang dia tak sanggup bayar. Jadi kalau kita kecualikan baguslah. Cuma saya bimbang sepatutnya Kementerian Pendidikan kita bagi kuasa kepada pihak yang bertanggungjawab mengukur mana-mana premis yang perlu dikecualikan dan dari segi agama negeri-negeri kecualikanlah. Negeri-negeri itu kita beri kuasa untuk mengemukakannya. Jangan kuasa kepada menteri sahaja, kuasa veto kuasa yang mutlak, ini tidak patut berlaku dan saya harap apa yang saya sebutkan ini dicatatkan sebagai satu amaran dari saya takut-takut kalau perkara akan berlaku kalau tidak sekarang akan berlaku di masa hadapan ini rakyat akan menilai rakyat flash back terhadap apa yang sebut dan Parlimen ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri sila jawab.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih atas beberapa pandangan dan berkenaan dengan peraturan mengenakan kadar caj dan deposit. Kadar caj pembedaan yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Tanjong, sedia ada apa caj pembedaan yang sedia ada sekarang telah dipinda beberapa kali berdasarkan maklum balas dari pengguna. Kita sudah cuba buat beberapa kali membuat pindaan. Kadar ini akan diteruskan sehingga SPAN mengeluarkan kadar baru di bawah Rang Undang-undang ini dan Fasal 85 memberi kuasa kepada menteri untuk mengecualikan caj pembedaan. Oleh itu sebelum saya membuat apa-apa pengecualian Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dia takut ini takut itu sehingga dia takut saya buat *nepotisme* ingat saya serupa dengan PAS Kelantan kah? Oleh itu badan-badan atau organisasi boleh memohon kepada menteri untuk pengecualian tetapi cadangan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang supaya mengadakan satu klasifikasi yang mana siapa yang akan masuk di dalam itu, ini cadangan baik dan saya akan membawa kepada kementerian nanti bila *Bill* ini diluluskan.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah salah satu Pertubuhan Perkuburan disenaraikan dalam pengecualian kadar takrif air. Sebab ini Pertubuhan Perkuburan ialah salah satu pertubuhan untuk kepentingan orang ramai sebab orang mati tanah kubur tidak di caj takrif. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat saya tidak tahu apa ini Persatuan Perkuburan. Orang sudah mati, dia sudah ditanam apa dia mahu guna air lagi? Saya pun tidak tahulah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Maksudnya pertubuhan hendak menjaga.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sudah tanam mahu guna air?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, saya anggaplah persatuan ini yang menjaga.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Oh, persatuan! Saya ingat dia. Oh! Tempat kuburan. Cakaplah, saya tidak tahu tetapi kalau Yang Berhormat beritahu saya barangkali saya boleh mengambil perhatian yang serius dan mendalam untuk memenuhi kehendak Yang Berhormat. Bagi pengguna yang membayar caj...

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Nantilah saya belum habis.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** *You* sudah masuk Fasal 85. Saya bangkitkan atas Fasal 84 di mana sama ada wujudnya *double billing* yang saya sebutkan tadi. Jika benar bolehkah Yang Berhormat mengambil tindakan untuk menyiasat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Bagi pengguna yang membayar caj pembedaan kepada *Management Corporation* mereka boleh merujuk semula kepada IWK sekiranya menerima bil secara individual. Perkara akan diselaraskan oleh IWK yang mana harap dia tak payah caj dua kali. Okey. Tidak ada lagilah. Terima kasihlah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal-fasal 84 hingga 113** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### **Fasal 114 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Barat sekali lagi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, dalam rang undang-undang ini satu kuasa yang boleh dikatakan maha kuasa diberikan kepada menteri adalah untuk membuat keputusan apa-apa mengenai perjanjian atau mengenai perkara berkaitan dengan pemegang lesen dan atas nama kepentingan negara beliau dapat membuat keputusan betul atau salah tetapi perkara itu tidak boleh dirayu, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah. Itulah sebab saya membawa satu fasal iaitu berbunyi demikian 114(2) selepas perkataan, "...mengikat semua orang-orang iaitu dan tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah".

Saya berpendapat dan badan-badan NGO juga telah memberitahu bahawa mereka tidak senang hati dengan memberi kuasa yang luar biasa kepada menteri untuk membuat sesuatu keputusan dan keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dirayukan kepada Mahkamah. Semalam semasa menjawab perkara *queries* yang saya dan ramai Ahli Parlimen yang telah membangkitkan perkara itu, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa jika ada apa-apa *mala fide* perkara itu dapat dibawa ke Mahkamah Tinggi. Kita semua tahu bahawa perkara itu adalah sangat susah kalau atas dasar *mala fide*. Yang patut dibenarkan oleh Kementerian KeTAK ini adalah bahawa semua kes-kes di mana keputusan muktamad di buat oleh menteri atau kementerian patut diberi peluang kepada pihak-pihak yang dengan izin, *effected* dirayu ke Mahkamah Tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagai mana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang itu terbuka untuk dibahaskan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, Bukit Gelugor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Gelugor silakan.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan cadangan rakan saya dari Ipoh Barat. Tuan Pengerusi, saya ada dalam Dewan ini sejak 1978 hanya dalam pilihan raya 1999 saya kalah. Menteri ini pun ada di dalam Dewan ini dalam masa apabila saya ada dalam Dewan ini. Adalah penting untuk menteri jadi satu menteri serius, menteri yang bertanggungjawab tetapi Menteri ini Tuan Pengerusi adalah satu *clown*. Adakah dia sedar kita mahu jadikan dia pelakon baru bayar cukai hiburan. Adakah dia bayar cukai hiburan dan di Dewan ini tidak dikecualikan daripada bayaran itu. Saya mahu tahu daripada Menteri ini.

Tuan Pengerusi, bagi cadangan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, kenapa kuasa *jurisdiction* Mahkamah untuk menyoalkan keputusan menteri mengenai *national interest* ada dikecualikan daripada Mahkamah.

Tuan Pengerusi, mahkamah yang ada kini berlainan dengan mahkamah dalam zaman Tun Mahathir Mohamad. Boleh dikatakan, *single handedly* Tun Mahathir Mohamad *destroyed the judiciary*, dengan izin tetapi, badan kehakiman boleh. Adakah kerajaan takut,

menteri takut untuk dapat keputusan beliau meneliti oleh mahkamah. Dengan izin, *we must trust our judges*, kenapa? Adakah kerajaan tidak percaya dalam penghakiman. Penghakiman dan hakim-hakim dalam badan penghakiman adalah dilantik oleh kerajaan. Walaupun ada dikatakan oleh Tun Mahathir Mohamad, ini adalah satu *half-past-six government*. Dia berani, dia berani cakap itu. Adakah pihak kerajaan berdiri untuk cabar dia? Dia adalah seorang Tuan Pengerusi, *half-past-twelve* individu.

Berbalik kepada tajuk Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya lah, sila balik kepada tajuk... [Dewan riuh]

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya balik, saya balik kepada tajuk. Menteri ini, adakah dia mengetahui impak seksyen 114(2)? Dia bukan seorang *lawyer*. Adakah dia dapat nasihat daripada pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara? Apa ini *mala fide*. Jika ada *mala fide*, keputusan menteri mengenai *national interest* boleh disoalkan dalam mahkamah. Tuan Pengerusi, kami bukan dalam satu darurat sekarang. Walaupun darurat tiga kali saya ingat, tidak dihapuskan. *Dejure* barangkali dalam darurat tetapi *defector* bukan. Oleh itu, lebih baiklah peruntukan mengenai *jurisdiction* kuasa mahkamah yang diketepikan, *cause* itu harus dibatalkan. Jangan jadi satu *precedent* di mana apa yang dipertahankan oleh kerajaan sekarang melalui seksyen ini boleh diikuti. Apa yang dikatakan, apa yang dijawab oleh menteri berkenaan kelmarin tidak mencukupi. Kami mahu Tuan Pengerusi jawapan yang tepat. Jawapan yang boleh diterima, jawapan yang boleh dihormati. Saya harap menteri ini, dalam perkara ini, memberi kepada Dewan ini, jawapan yang boleh diterima. Saya hendak bagi nasihat kepada Menteri ini, jangan berlakon dalam Dewan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Ini bukan satu tempat hiburan. Tadi dia jalan daripada tempat dia kepada Setiausaha. Dia tidak boleh dibuat. Di mahkamah, seorang *lawyer*, seorang peguam tidak boleh dari tempat dia jalan kepada tempat di mana hakim ditempatkan. Tadi dia buat itu, kenapa? Ini satu teladan yang tidak boleh diterima. Barangkali dalam gerakan, teladan seperti itu boleh diterima. Ada dilaporkan, menteri di dalam satu sidang akhbar telah mengadakan *my foot*. Dia tidak serius. Apa ini *my foot*? Saya nasihatkan kepada dia, daripada saya adalah ini. Berapa lama lagi dia akan ada dalam Dewan ini? Dalam masa itu, barangkali dia boleh di *rehabilitated* menjadi satu menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jadi satu menteri yang serius.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, terus kepada fasal. Bukan pasal perilaku menteri, ya.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Nasihat, nasihat sahaja. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi, cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat memansuhkan fasal 114(2) supaya mengenai mengecualikan *judiciary review* dengan memansuhkan perkataan yang berbunyi "dan tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah". Satu pindaan yang maha penting untuk keluhuran undang-undang dan untuk integriti kerajaan. Semalam, hari sebelum itu ada Ahli-ahli Parlimen UMNO, saya tidak dengar Ahli-ahli Parlimen MCA atau gerakan yang buat apa-apa bunyi, diam-diam sahaja. Ada Ahli-ahli Parlimen UMNO yang berdiri, yang buat kritik, bantah, hentam peruntukan-peruntukan ini.

Saya mahu tanya, sama ada mereka berani berdiri untuk sokong pindaan ini atau mereka semua pengecut, boleh cakap sahaja tidak berani buat tindakan atau adakah ini satu contoh arahan bahawa mereka perlu tubuh parti lain, tidak boleh sokong apa-apa daripada pihak pembangkang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Betul pun tidak boleh sokong ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tidak payahlah persoalkan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Direct* ini mengenai pindaan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak payahlah persoalkan hak orang lain.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan hak. Ini bukan hak mereka sendiri. Ini hak sebagai keistimewaan Parlimen mengenai institusi integriti keutuhan Parlimen. Apa guna berdiri kata ini tidak baik tetapi tidak berani berdiri untuk undi bantah? Apa guna?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah ada *whip* supaya boleh ucap sahaja, tidak boleh cakap?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tumpukan kepada pindaan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita ada satu mata sahaja, *one eyed Napoleon*.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Berjalan masuk ke Dewan]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat bagi Jasin sudah masuk. Dia pun ada berdiri. Mana bolehlah. Mana boleh ada ini *non-judicial*...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak jalan dahulu, ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia, kalau ingat dia pandai. Dia sudah satu minggu bawa malu kepada Parlimen ini oleh kerana kelakuan beliau. Oleh kerana kelakuan beliau, Parlimen malu. Tengok hari ini, *New Straits Times*... *[Menunjukkan akhbar yang dimaksudkan]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini fasal berapa ini?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini... *concern*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, ini fasal berapa ini?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* *Bring your* usul.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini bukan debat fasal ini bil undang-undang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini cakap usul.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa ini? Ini kita berdiri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini cakap benar. Ya, *sole proprietor* syarikat ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Jawab, bukannya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** You tunjuklah. Dia sudah buat *police statement* dia. Apa *you* sibuk-sibuk?... [Dewan riuh]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia sudah langgar hak keistimewaan dia.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya sudah buat... [Menyampuk] [Dewan riuh]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang *you* sibuk-sibuk apa pasal?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia ada hak berdiri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia melanggar. *Mr. Parliament*, dia...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan pakai laporan akhbar. Laporan akhbar tidak boleh diguna dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *This privilege, conflict of interest.*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Alamak!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, apa ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya. Yang lain sila duduklah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dia tanya buat apa?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukankah... syarikat ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, Ipoh Timor.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bagi dia duduklah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...*So enterprise.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Faham sikit undang-undanglah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Duduklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, balik ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya tidak suruh dia duduk. Sendiri dia duduk, berdiri lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, Fasal 114 Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, betul. *You have violated project privilege, you are shamed to the Parliament, you are shamed to the Constituency.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah. Ya, sila. Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya. Sebab itu cuba tuan-tuan tengok, cakap lawan tetapi undi tidak berani. Bukan dia malu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Semacam Yang Berhormat bagi Jasin, *interacted* bagi pihak sendiri, *confilict of interest.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bagaimana mahu jawab?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Letak jawatanlah.

**Seorang Ahli:** Dia selesai dalam rumah kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ipoh Timor. Cukuplah Ipoh Timor. Tidak mahu rujuklah surat khabar. Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Not proper for them to have smugglers.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *What smugglers?*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini penjenayah. Penjenayah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Pengkhianat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Pengkhianat dan penjenayah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya... *[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, penjenayah *outside*. *You cannot admit. You admit or not?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Ipoh Timor, ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau tidak ada hendak cakap, cukuplah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita, apa itu? Ini tidak baca surat khabar? Mahu *sue* kah, mahu *sue* ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mahu bawa ke kementerian *privilege*kah?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, balik kepada...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia tipu rakyat. Dia tipu, memesongkan Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Apa-apa kesilapan, *suspend six months*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tanpa gaji.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat bagi Jasin, patutlah dihalau daripada Parlimen *expe!* daripada Parlimen... *[Tepuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ada satu pilihan raya kecil diadakan, *by election* diadakan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Malu. *A big shame to Parliament* dan semua boleh sokong. Semua Barisan Nasional MPs boleh sokong. Malulah semua Barisan Nasional.

**Seorang Ahli:** Tidak sokong, tidak sokong. *Support* di luar Parlimen.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Dia *declare* saya ...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You replace outside the Dewan.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *Support* luar Parlimen. *Support* luar Parlimen.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You buat outside the Dewan.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila duduk ,yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mereka mahu...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia boleh bincang pasal bil. Apa bincang pasal ini? [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini mengenai kemuliaan Dewan Yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk yang lain. Yang Berhormat Ipoh Timor. Ipoh Timor...

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Bangun*] [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, mengenai cadangan pindaan ini.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah. Yang lain sila duduk, yang lain sila duduk, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ada beranikah, ada berani? Saya boleh baca surat khabar di luar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya boleh baca, mahu? Boleh, saya boleh baca.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Ipoh Timor, ya. Ipoh Timor...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Jangan cabar orang luarlah. Berani, bawa ke *Committee of Privileges* sendiri...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penakut. Penakut, penakut... [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa pengecut?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pengecut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila diam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pengkhianat... [*Dewan riuh*]  
[*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biadab, penderhaka.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat, saya ingat penjahat-penjahat di sini ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila diamlah. Yang lain sila diam, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjahat-penjahat malu kepada negara.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa penjahat? You penjahat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kinabatangan *the biggest big head.. [Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** You biawak, binatang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan, sila duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kinabatangan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Apa ini? Kinabatangan *don't say that.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Haa, tiga binatang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kinabatangan, *don't say..., company* itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini binatang.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dua *through eyed Napoleon.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Binatang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya. Kinabatangan, ada *share* kah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini, *owner* ini, malu mereka.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kinabatangan binatang yang besar.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Binatang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Apa ini?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Binatang di sana.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah. Yang lain sila duduk. Yang lain sila duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Binatang.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Inilah, inilah...

**Beberapa Ahli:** Malu, malu... *[Dewan riuh]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Haa, tengok. Inilah, inilah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Binatang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Haa, tengoklah, tengoklah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Binatang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang lain sila duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Binatang, inilah binatang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia *Napoleon*...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dialah binatang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam, Ipoh Barat, Bukit Bintang, Tanjong, Seputeh sila duduk.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Apa itu?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ha itulah! Malu, malu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan. Saya cadangkan Jasin jawab soalan yang dibangkitkan oleh Ipoh Timor.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya ada peraturan. Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** Ini manusia atau tidak? Bercakap sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk yang lain.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kinabatangan ada *share* kah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk. Ipoh Timor...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila teruskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cakap di luar kalau mahu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kita debat di sini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan sila duduklah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan cakap. Cakap di luar.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *You* pergi angkatlah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *I sue you*. Cakap di luar.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [*Menyampuk*]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *You* keluarlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Menyampuk*]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *You* keluarlah. *You* keluar kalau *you* ...

**Seorang Ahli:** Takut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita ada Peraturan Mesyuarat 44(2). Saya boleh menegur. Yang Berhormat kena mendengar cakap saya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, kita bersetuju kepada pandangan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Akan tetapi bila satu perkara yang sangat mustahak melibatkan seorang Ahli Parlimen, integriti Parlimen...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Jasin he is only* membawa semua, menunjukkan semua Ahli Parlimen di sini...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya faham. Yang Berhormat, saya faham. Sila duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bolehkah Yang Berhormat Tuan Pengerusi mengarahkan dia...

**Seorang Ahli:** Hey, duduklah, duduklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Ipoh Barat.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dia pemilik dan Kinabatangan pun ada *share* atau tidak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya.

**Seorang Ahli:** Orang suruh duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, cakap dekat luar, jangan cakap dekat sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Kinabatangan, cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa cukup? Dia tuduh sembarangan. Dia gila ini. Haa, inilah binatang gila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli Yang Berhormat semua...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kena termakan belacankah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, kita ada Peraturan Mesyuarat. Kita ada saluran-saluran di bawah 44(2). Saya menegur, Yang Berhormat kena hormatlah saya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, teruskan. Kita perlu menjaga kemuliaan, ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, telah melibatkan semua Ahli Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ya, saya faham.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kita rakyat Malaysia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor sila teruskan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Image of Parliament itself* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Ipoh Barat. Ya, saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita perlu menjaga kemuliaan Dewan ini. Oleh kerana apa yang berlaku, Yang Berhormat bagi Jasin, sebab itu kita malu. Saya mahu di sini merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(1)(p), oleh kerana ini berlaku sekarang. Dia terlibat *public of interest*, bahawa dia dibawa ke *Committee of Privileges*. 26(1)(p) yang membenarkan satu perkara, keistimewaan yang berlaku, serta merta satu usul boleh dikemukakan tanpa notis. Bolehkah kita semua buat itu?

**Seorang Ahli:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi:..

**Seorang Ahli:** Saya sokong, saya sokong.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bawa, biarkan *Committee of Privileges* buat keputusan. ..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bodohlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang lain sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Namakan atau hukumkan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, bahawa usul ini telah dikemukakan pada hari Khamis yang lalu dan telah ditolak.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Serta-merta oleh kerana laporan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** ..Dan telah ditolak. Jadi, tidak payahlah dibawa lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia mahu sokong ini, dia sokong. Setujukah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah. Tidak payahlah Ipoh Timor, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak berani, pengecut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Okey.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa itu, mahu berhenti lagikah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah. Yang lain sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Duduk, duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukti apa..., lu siapa?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mengenai 1142 *non judiciary*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Inilah mustahak. Saya harap bahawa kita boleh dengar, kita boleh lihat. Bukan sahaja serangan peruntukan ini, tetapi pun pendirian untuk menolak dasar. Harap bahawa nanti Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bahawa memanggil satu divisyen mengenai pengundian pemindahan ini oleh kerana mustahak untuk menjaga keutuhan integriti mahkamah kita. *The rules of law...* [Dewan gamat seketika] Saya harap bahawa Yang Berhormat semua berdiri, sokong, kalau tidak cagak sahaja, tidak berani bertindak, memanggil satu divisyen supaya *on record*. Kenapa takut *on record*?

Apa pendirian kita atau tanpa pendirian kita, semua tidak ada. Dahulu, ini bukan kali yang pertama kita ada peruntukan-peruntukan dalam perundangan di mana kuasa Menteri nampaknya *unchallengeable*, tidak boleh dicabar, tidak boleh dipertikaikan, tidak boleh dirayukan pun di dalam mahkamah. Ini satu trend baru-baru ini, bukan dalam masa negara mencapai kemerdekaan. Masa negara mencapai kemerdekaan tahun 1997, kita ada Perdana Menteri-Perdana Menteri berlatarbelakangkan...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Keluar Dewan]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ooh larilah? Duduk, duduk. *[Dewan gamat seketika]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Berlatarbelakangkan tidak ada Perdana Menteri ...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Boleh cabar, jangan cabar....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak ada Perdana Menteri...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Jangan cabar mencabar.... *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Latar belakang undang-undang dan mereka faham dan menghargai betapa penting bahawa keluhuran undang-undang, *the rule of law* yang sebenarnya satu prinsip dalam Rukun Negara, *the rule of law* tetapi nampaknya Menteri-menteri sendiri tidak faham Rukun Negara. Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional nanti undi kita tengoklah sama ada mereka faham tidak faham prinsip Rukun Negara. Mungkin ahli Barisan Nasional...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia sendiri sahaja yang faham ini dalam negara. Orang lain tidak faham.... *[Dewan riuh]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tengok Kinabatangan. Tengok dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ada *first world Parliament*... *[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cukuplah... *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Lari, lari, lari. Lebih selamat dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah yang lain Batu Gajah sila duduk

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Oleh kerana itu dalam 50-an, 60-an, 70-an jarang ada peruntukan-peruntukan, ada peruntukan-peruntukan di mana kuasa mahkamah untuk *judicial review* diketepikan tetapi, bermula 80-an, sedikit demi sedikit 90-an dan sekarang nampaknya menjadi suatu *culture* budaya untuk ketepikan kuasa mahkamah untuk melakukan *judicial review* di mana *doctrine of separation of power* sudah nampaknya di thrown into the *rubbish bin* di sama Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menjadi *egg and a bat.. now* semua, semua mereka bersubahat dalam mensabotaj prinsip yang begitu penting perlembagaan kita, *doctrine of separation of power*, *the rule of law* dan integriti mahkamah dunia sebab itu kita saya sangat suka hati apabila dengar ada beberapa Ahli Parlimen UMNO tapi, tak ada Ahli Parlimen MCA, tak ada Ahli Parlimen Gerakan, Ahli Parlimen UMNO terdiri menyuarakan mana boleh kuasa Menteri begitu luas, begitu besar mana boleh.

Tetapi, adakah mereka menyuarakan oleh kerana mereka prihatin mengenai keluhuran undang-undang adakah mereka boleh mempertahankan prinsip mahkamah atau mereka suara spokesman syarikat-syarikat UMNO dalam sektor air sahaja. Itulah mereka menjadikan wakil kapitalis-kapitalis UMNO dalam sektor air bukan oleh kerana mereka khuatir mengenai *subversion* prinsip perlembagaan.

Dan sebab itu apabila, apabila ada pindaan kepada *International Security Act* dan lain-lain *Printing, Presses and Publication Act* di mana kuasa Menteri mutlak tidak boleh dicabar dan dipertikaikan dalam mahkamah mereka diam, mereka sokong 100 peratus. Saya harap mereka akan lebih prinsip, lebih prinsip dan tidak jadi alat syarikat UMNO sahaja. Jadi, jadi alat rakyat Malaysia, jadi alat kepentingan orang Malaysia, negara Malaysia...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Point of order.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Boleh *point of order.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, 36(6) ini sangkaan jahat provokasi Tuan Pengerusi... [*Dewan Riu*] Kita bercakap fasal soal mempertahankan keluhuran perlembagaan dia kata, kita mempertahankan sesuatu syarikat. Ini provokasi, hak kita selaku duduk dulu saya belum habis. Hak, hak kita selaku Ahli Parlimen bersuara untuk menyatakan sesuatu...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ada hak untuk ucap. Ha, itu tak tahu tak faham...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ha, ini provokasi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Cukup duduklah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Menuduh sembarangan..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tak ada, tak ada had untuk ucap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau dia bercakap dia fikir dia pandai, ini bodoh nama dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Kinabatangan cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Haa, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Terus kepada hak.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, Yang Berhormat tak faham peraturan mesyuarat mengenai peraturan mesyuarat ada hak untuk berdiri ambil notis mengenai apa itu peraturan mesyuarat tidak hak untuk terus ucap. *No hak, to make a speech on the point of order*, itu dalam Barisan Nasional mungkin, dalam UMNO mungkin, bukan dalam Parlimen Malaysia.

**Cik Fong Po Kuang [Batu Gajah]:** Tengok dia, tengok dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Apa dia buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Sila duduklah, sila duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Very excited for no reason.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Semua..

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tolong sama Jasin, tolong sama Jasin.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tolong siapa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Cukuplah, Kinabatangan sila duduklah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Protecting, protecting* Jasin, *protecting* Jasin.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bukan *protect the people*..

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Protect* sama Jasinlah.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tengok dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Yang lain sila duduk. Ipoh Barat, terus kepada ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, akan cuba kerana ada bangkit 36(6) seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain. Saya

tak buat apa-apa sangkaan jahat *I am making statement of facts, I am not imputing problem motive. I am making a statement of facts.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Menjadi suara syarikat-syarikat UMNO dan bertentangan dengan kepentingan orang-orang pengguna-pengguna sahaja. Itulah *statement of facts* bukan *imputing problem motive, a statement of facts.*

**Seorang Ahli:** Dia pun tarak faham ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mahu *computer privileges* untuk siasat benar tak benar..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Boleh, sila pergi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan semacam cacing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah perkara itu Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Computer privileges...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Ipoh Timor cuba balik kepada Fasal 114 Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia mahu kacau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, yang lain tak payahlah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia mahu saya selewengkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia harap boleh menjadi Pengerusi BBC baru oleh kerana kosong. Tak canlah, tak ada canlah... *[Disampuk] [Dewan riuh]* Langsung tak ada can...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Ipoh Timor..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Lompat seribu kali pun tak guna...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Ipoh Timor, Ipoh Timor Yang Berhormat ..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, mengenai ya, *okey.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Kalau tak ada isu berhentilah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mengenai ini, sebab itu, sebab itu kita tak mahu ini menjadi satu kelaziman, satu trend di mana semua undang-undang Menteri-menteri ada kuasa di mana semua tidak boleh dikajikan oleh mahkamah, *judicial review* buang tong sampah ini kita mahu berhentikan dan kita patut berhentikan *trend ini* dengan Rang Undang-undang hari ini.

Bukan *anything personal*, bukan *anything personal* terhadap Yang Berhormat Menteri, dia tak lama lagilah, lama lagi ,dia sendiri kata, dia mahu legacy rang undang-undang ini menjadi legacy beliau, kalau beliau mahu rang undang-undang menjadi legacy beliau, menjadikan rang undang-undang sebagai undang-undang yang pertama untuk memberhentikan *trend* kecuaihan mahkamah untuk mengadakan *judicial review, stop this*

*trend, authoritarian trend* yang memperkukuhkan runtuh *doctrine of suppression powers*. Sekian, terima kasih. Saya harap nanti kita boleh ada *division* dalam perkara ini .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Ya, Kepong. Kepong, pendek sudahlah Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]:** Sila, sila Kepong.

**Seorang Ahli:** Kepong baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi pindaan yang memansuhkan Fasal 114(2) ini adalah perlu bagi menjaga kedaulatan undang-undang yang seperti mana yang disebut oleh Ipoh Timor tadi yang merupakan salah satu prinsip rukun negara kita.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada kita semua mengapa pihak Menteri memerlukan kuasa yang begitu besar untuk menjalankan tugas, ini memang penting kerana di dalam itu satu pun 114(1) pun, di walau apa pun, apa-apa jua peruntukan lain dalam akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, Menteri boleh jika difikirkannya perlu demi kepentingan negara melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengarahkan supaya (a) bukan semualah, Suruhanjaya mengambil alih kawalan ke atas keseluruhan harta perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen dan menjalankan keseluruhan perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen dan sebagainya dan ini bermakna dengan itu fasal Menteri memang mempunyai kuasa yang begitu besar, yang begitu besar.

Mungkin Yang Berhormat mengatakan bahawa kalau itu dalam keadaan yang cemas, keadaan yang sangat bahaya bagi negara beliau terpaksa menggunakan itu kuasa ini tapi, kita mempunyai kuasa yang lain termasuklah itu yang kita tidak setuju itu Akta Keselamatan Dalam Negara itu dan undang-undang yang lain yang mempunyai kuasa yang begitu mutlak dan tambah itu fasal ini memang Yang Berhormat mempunyai kuasa seperti itu yang diberi oleh Akta Keselamatan Dalam Negeri, ini memang kita di sini tak setuju kalau kita Yang Berhormat, undang-undang yang sedia ada sekarang pun mempunyai itu kuasa yang begitu besar dan kita tambahkan lagi.

Ini memang tidak perlulah Yang Berhormat Menteri dan saya berharap ini dengan pindaan yang seterusnya pun begitu juga kerana kuasa yang terlalu besar. Saya berharap Yang Berhormat yang dapat mengkaji semula macam mana kita dapat memenuhi itu prinsip negara kita untuk menegakkan undang-undang, kedaulatan undang-undang ini satu perkara prinsip yang pentinglah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, sila.

### 12.30 tgh.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti apa yang kehendak oleh Yang Berhormat bagi kepong, saya telah menjelaskan semalam. Dalam Fasal 144 pula adalah berhubung dengan keadaan di mana menteri membuat perintah mengambil alih kawalan ke atas harta perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen jika difikirkannya perlu demi kepentingan negara. Kuasa ini telah dinyatakan dengan jelas dalam Fasal 114(3) bahawa ianya hanya boleh dijalankan dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu iaitu Jemaah Menteri dan hanya dua kali fasal ini dipakai.

Kalau Fasal 56(5) dan sekarang 114(2) dan hak untuk memohon bagi semakan kehakiman adalah satu prinsip undang-undang pentadbiran. Mana-mana yang dimudartkan *obviously effected* oleh keputusan oleh keputusan mana-mana pihak berkuasa awam berhak membuat suatu permohonan bagi semakan hakim mahkamah dalam mendengar permohonan tersebut boleh membuat suatu perintah pemansuhan *certiorari* sekiranya hak orang yang dimudartkan itu sama ada hak *certiorari* ataupun hak di bawah *common law* dimudartkan oleh keputusan atau tindakan-tindakan pihak berkuasa awam itu dan mahkamah telah memutuskan dalam beberapa kes bahawa semakan kehakiman masih boleh...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Dibuat sekiranya terdapat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat menteri...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Kecacatan prosedur di bawah akta walaupun ada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** .. Fasal seperti Fasal 114(2).

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mahu dapat tahu daripada menteri, adakah dia faham apa *certiorari* bermakna *certiorari*. Bolehkah saya dapat tahu sekarang daripada dia. Jangan baca nota-nota yang diberikan oleh pegawai kerajaan. Apa *certiorari* ini, jangan main-main. Saya mahu dapat tahu apa *certiorari* dalam ingatan Yang Berhormat menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Walau apa pun saya bagikan *statement of fact* di mana dia ada *applied* kepada kes-kes yang saya sebut sekali. Kalau ini tidak pernah tidak apa, tolong Yang Berhormat bagikan dia punya penjelasan atau rasional. Jangan sikap Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, dia mahu jadi pandai di dalam...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dia main-main...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dia, tetapi...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Apa makna "*certiorari*"?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tadi saya pun tidak cakap apa, dia datang sini. Dia panggil orang semua nama...

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada penjelasan belakang.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dia panggil saya *clown*, panggil saya *press conference* buat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Perkataan yang mana ini tidak pernah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tanjong Karang hendak bagi jalan.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Menteri. Tadi saya dengar pembangkang cakap soal prinsip perlembagaan, pembezaan kuasa di antara eksekutif, legislature dan juga eksekutif. Kita sudah maklum bahawa dalam Parlimen ini Yang Berhormat setuju tidak kalau saya kata, dalam Parlimen ini kita bukan nak menafsir undang-undang, kita hendak membuat undang-undang. Soal

apa maksud *certiorari* ini bukan kerja kita. Ini terpulang kepada mahkamah yang dibawa oleh peguam. Ini cara yang Yang Berhormat setuju tidak saya menyatakan bahawa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor dan Ketua Pembangkang, dia menganggap Dewan ini sebagai mahkamah. Sepatutnya kalau tidak faham *certiorari*, jangan jadi peguam Yang Berhormat dan boleh tanya di mahkamah.

Saya bersetuju dengan apa yang menteri cakap tadi, bahawa apa yang dikatakan ialah fakta. Kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah. Jadi Yang Berhormat bersetuju tidak, bahawa kita di Dewan ini buat undang-undang dan biar pihak penghakiman yang membuat tafsiran dan telah pun dinyatakan ada kes-kes tertentu...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Very shallow, very shallow....*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Memang boleh buat pun. Memang ada *judicial review*. Jadi Yang Berhormat setuju tidak bahawa pembangkang hanya ambil publisiti murah, mentang-mentang dia jadi peguam. Peguam, peguam apa, peguam jenayah sahaja, bukan mesyuarat kes jenayah pun.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Timbalan Menteri disingkir...

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Dia pun tak faham, sebenarnya tidak faham,.. sebenarnya Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya setuju...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Faham tidak faham?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini tidak penting tetapi perkataan ini adalah besar atau tidak besar, itu sahaja.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, dia datang sini dan dia panggil semua orang nama seperti dia sendiri ada monopoli atas ilmu.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, saya mahu dapat tahu makna *certiorari* daripada Yang Berhormat menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sikap dia. Sikap beliau. Saya panggil dia beliau, bukan dia tidak benar. Kalau beliau adalah 30 lebih tahun di Dewan yang mulia ini, saya pun ada 30 lebih tahun di Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]*

Bukan monopoli Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor sendiri. *You can bully the young boys, but you cannot bully me. We are all same, old man together....*

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Alright*, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Walaupun...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Peruntukan nyata...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Walaupun terdapat peruntukan..., sudah buang banyak masalah, jangan buang lagi.... *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sedikit Yang Berhormat untuk...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Walaupun terdapat peruntukan nyata dan tidak membenarkan apa-apa semakan kehakiman...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan, penjelasan. Yang terakhirlah bagi Yang Berhormat bagi...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Keputusan menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *[Menyampuk]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat menteri, Yang Berhormat menteri.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** .. Membenarkan semakan...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bagilah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan bagi Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Kecacatan prosedur...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bolehlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sila diam.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:**..dalam membuat keputusan berkenaan. Sekiranya keputusan menteri dirujuk untuk semakan hakim, pihak-pihak boleh mengemukakan permohonan kepada mahkamah di bawah kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bagi maksud Penggantungan Pelaksanaan Keputusan itu sehingga semakan hakim tersebut selesai dan terpulanglah kepada mahkamah sama ada membenarkan permohonan berkenaan. Oleh sebab itu cadangan pindaan ini tidak dipersetujui.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Pindaan yang dicadangkan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya mohon satu *Vote Division* diambil... *[Dewan gamat]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Untuk mengusulkan di bawah peraturan 46(4) kena ada cukup 15 orang untuk bangun.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kita ada, kita boleh bangun.

*[Semua ahli pembangkang bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kira tengok, siapa...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, tidak bolehkah berdiri di sana?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sana tidak ada berdirikah?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Yang Berhormat bagi Bera...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Setiausaha cuba bilang.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Yang Berhormat bagi Bera...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tidak cukuplah, duduklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang bangun Yang Berhormat, yang saya nampak 14 orang sahaja.

**Seorang Ahli:** Kalau dah tak cukup, tak cukuplah.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Minta tolong duduk *gentleman* lah *gentleman*, tak cukup kuorum. *Sorry*, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, bersetuju?

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bersetuju!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya melihat ada 15 orang yang bangun Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4). Ahli Yang Berhormat, sila duduk yang lain duduk.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Batu Kurau]:** *[Bangun]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Batu Kurau, tolong duduk. Batu Gajah, tolong duduk Batu Gajah. Sopanlah sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 15 orang yang bangun meminta diadakan Belahbahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4) saya memerintahkan supaya satu belahbahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sila bertenang. Ahli Yang Berhormat, yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat sila.

*[Pengundian dijalankan sekarang]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah diundi Belahbahagian, keputusan undi adalah seperti berikut. Bersetuju 15, tidak bersetuju 61. Oleh yang demikian pindaan tidak disetujui. Setiausaha...

*[Keputusan undi belahbahagian seperti Lampiran]*

**Seorang Ahli:** Kasihan!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi baru ada 15 orang *Honourable* dalam Dewan yang mulia ini.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Kasihan! Ini proses demokrasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila tenang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kesian!!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Ya, cukuplah.

**Fasal-fasal 114 hingga 190** diperintahkan jadi sebahagian dari rang undang-undang.

**Fasal-fasal 191 -**

**12.50 tgh.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi sebelum saya membahaskan mengenai 191(5), saya nak ambil satu *point of order* iaitu mengenai peraturan mesyuarat 2, iaitu kedudukan kerusi. Tuan Pengerusi, saya baca. Tuan Pengerusi, sebaik-baik difikirkan munasabah, sesudah dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua,

maka bolehlah ditetapkan kerusi bagi setiap orang ahli dan bolehlah diubah ketetapan itu dari satu masa ke satu masa sebagaimana yang baik pertimbangannya. Saya cadangkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya faham.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya belum habis. Saya baru nak mula. Saya cadangkan Sandakan ini, Sandakan... *[Disampuk]* Dia sudah kata banyak kali, dia punya hati di sebelah sana. Dia nak berada di sana. Orang sana tak cinta sama dia. Tak suka sama dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tak suka sama dia. *He is in no man run... [Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk].*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Close* pembangkang. Kita ada prinsip, kita ada prinsip. Itu fasal hari ini 15 orang mengambil undi. Saya harap saya cadangkan dia ..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya cadangkan dia disingkir dari tempat ini. Dia tak boleh duduk di sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat .

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bolehkah perkara ini diambil... *[Disampuk].*

**Seorang Ahli:** Jangan ajar Parlimenlah, jangan ajar Parlimen. Jangan ajar sinilah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tak boleh tahan. Tak boleh tahan, seorang yang berada..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat, ya, saya akan menerangkan Ipoh Barat. Sila duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya rasa ini satu *spy* yang ada di antara di blok kita... *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Bukan *spy* lah, bukan *spy*. Langsung bukan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang bekerjasama Barisan Nasional. Dia ..

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Sandakan yang paling pandai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila tenang. Cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya rasa ini perkara yang mustahak. Bolehkah ia diberitahu sebaik sahaja..

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat, Ipoh Barat. Sila duduk, sila duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada banyak lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kita, kita sangat..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sandakan, bangun balaslah, Sandakan!!

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *Personal, nothing personal.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat, ini kedudukan Kerusi sahaja.

**Seorang Ahli:** *Don't be childish* lah. Sudah kalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang lain sila diam, sila diam. Sila duduk, sila duduk. Ini kedudukan kerusi sahaja. Kebetulan blok sini ada 20. Pada masa yang lalu, pembangkang banyak. Ada juga pembangkang duduk di blok sebelah sana. Itu tidak menjadi isulah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Bukan, dia ambil giliran kita dalam perbahasan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Perkara ini telah dibangkitkan dahulu sahaja. Saya rasa .

**Seorang Ahli:** Itu hak Sandakanlah!! Apa *you question* dia?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Barisan Nasional suka sama dia orang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah! Yang Berhormat ya?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bagan, cukuplah!!

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Apabila dalam perbahasan, dia ambil giliran kita. Dia ambil tempat kita! Jadi, kita sudah korban satu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, cukuplah. Cukuplah.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Dia pergi sana, kita dapat lebih satu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan kepada Fasal 191. Ya, Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya cadangkan, saya bagi *free-free*, ambillah ini orang... [*Dewan riuh*] Ambillah ini kerusi, ambil ini kerusi, kita tak mahu.

**Seorang Ahli:** Ini mahal, ini mahal, bukan *free-free* punya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ipoh Barat, teruskan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Menghormati..

**Seorang Ahli:** Duduklah Batu Gajah! Cukuplah!!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila, sila. Balik kepada isu Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi. Kita pun mahu hormat kepada pihak-pihak yang bebas, Ahli Parlimen yang bebas... [*Disampuk*].

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dah cukuplah. Saya dah buat keputusan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini blok yang bebas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat... [*Disampuk*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi. Fasal 191(1), fasal ini. Iaitu mengenai perjanjian yang ditentukan dalam jadual. Ada beberapa perkara yang diperkaitkan dengan hal ini. Di dalam hal itu juga, itulah sebab saya membawa satu Fasal 191 yang sama sebelum ini juga, iaitu selepas perkataan mengikat semua orang iaitu tidak boleh dicabar, dirayu dan dikaji semula. Dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah. Saya terima pakai hujah-hujah yang saya kata sebelum ini tetapi yang mustahak sekali adalah saya rasa satu ketelusan perlu ada dalam rang undang-undang ini.

Kerajaan perlu mengambil satu *first world...*, menjadi *first world* Parlimen. Kita perlukan menteri-menteri juga menjadi *first world*.

Saya khuatir bahawa menteri ini yang akan bersara selepas pilihan raya yang akan datang, maka dia tidak ada di sini, ini akan menjadi masalah. Kenapa ini perlukan satu kuasa yang terlampau banyak, maha kuasa? Memberi kepada dia membuat keputusan kepada satu keputusan yang muktamad? Saya harap Yang Berhormat Menteri dan lain-lain Ahli Parlimen yang akan menyokong fasal yang saya cadangkan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Rantau Panjang.

12.55 tgh.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih saya menyokong ya. Dalam Fasal 191, peringkat 1 yang dicadangkan tadi, saya ingin sambung sikit perkara-perkara yang perlu dimasukkan. Dalam *clause* di bawah *schedule Section 192, agreement* di mana bil. 6, kalau dilihat di Kelantan ialah Kelantan Water (Malaysia) Sdn. Bhd. Selain daripada *concession agreement* bertarikh 26 Februari 1995, sebagaimana tersenarai, terdapat perjanjian-perjanjian lain di antara pemegang lesen dengan kerajaan negeri yang disenaraikan. Itu seperti perjanjian konsesi tambahan bertarikh 12 Disember 2000. Dua perjanjian pemindaan masing-masing bertarikh 8 Mei 2000. Jadi kalau kita lihat sini, satu *look whole* lagi sekali dalam 191 ini.

Kalau kita lihat perjanjian tersenarai perkara 191(4),(7) dan (8) ini, kegagalan untuk memulakan perundingan dengan pihak Kerajaan Persekutuan setelah memaklumkan kepada suruhanjaya terdapatnya kepentingan nasional dalam tempoh tiga bulan, untuk meminda perjanjian dan perjanjian tambahan tersebut membolehkannya menjadi asas bagi penolakan atau lesen tidak diberikan tanpa apa-apa pampasan dan ganti rugi diberikan. Ini sepatutnya satu mekanisme pampasan dan ganti rugi perlu diwujudkan untuk diberi kepada pemegang-pemegang lesen yang terlibat seperti mana apa saya sebutkan tadi iaitu seperti Syarikat Air Kelantan atau Kelantan Water (Malaysia) Sdn. Bhd. Generalnya, umumnya satu perkara yang saya lihat di sini ialah yang tidak termaktub dalam mana-mana fasal yang perlu saya sebut sekarang ini oleh sebab di peringkat jawatankuasa ini, peringkat umum, saya gagal untuk memberi ucapan.

Pihak Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk saya sebutkan di dalam masa mesyuarat peringkat jawatankuasa ini. Iaitu penggunaan telaga tiub persendirian. Tiada dalam mana-mana peruntukan mengenai gangguan penggunaan telaga tiub sama ada untuk tujuan persendirian atau perniagaan. Ini memang tidak ada langsung di dalam fasal-fasal tersebut. Saya minta pihak menteri memberi sedikit penjelasan kerana kalau dilihat di luar bandar, sebahagian besar rakyat di luar bandar, penduduk-penduduk luar bandar ini menggunakan atau menggali sendiri, membina telaga bagi tujuan kegunaan air ini. Jadi, saya minta supaya pihak menteri memberi penjelasan memberi jaminan supaya mana-mana yang tidak termaktub dalam ini, yang sedang digunakan oleh rakyat, oleh pengguna tidak dikenakan sebarang tindakan dan tidak dibawa ke mana-mana undang-undang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi, mengenai peruntukan yang sama, tadi saya ada tanya, saya belum dapat jawapan. Kenapa kita ada Ahli-ahli Parlimen yang berdiri untuk menegur, bantah peruntukan ini, tetapi masa pengundian mereka hilang. Yang Berhormat Kinabatangan tak ada di sini, Yang Berhormat Jasin pun lari. Saya harap dia tunggu saya di luar apabila saya akan ulang dan saya dah janji dalam perkara ini tetapi kenapa mereka rela ucap, tetapi tak rela untuk undi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, itu hak mereka. Ini kita kena faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini mereka tidak ada hak!... [*Dewan riu*] Kalau itu hak untuk menjadi hipokrit, mana ada hak untuk menjadi hipokrit? Tidak ada hak, kita menafikan bahawa ada hak untuk jadi hipokrit dalam Dewan yang mulia ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ikut suka dialah!!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tak boleh jadi hipokrit!! Ucapan satu perkara, perlu bertindak sebagai serupa. Tak boleh ucapan, tetapi undi, lari. Itu hipokrit!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu hipokrit! Tak ada hak untuk hipokrit dalam peraturan mesyuarat Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berbalik kepada Fasal 191.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, soalan dasar ini penting.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Menyampuk]*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa itu? Berdiri!!

**Seorang Ahli:** *Stand up! Stand up!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Berani berdiri, ya apa itu?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan. Mana peraturan?... *[Disampuk]*  
Sebab itu tidak ada dalam peraturan?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Dia bahas. Dia bahas nak beritahu. Mana ada peraturan cakap? Kalau cakap lain, tak boleh undi lain. Suka hati dialah mahu undi apa?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebab itu tak ada peraturan!!

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Kita ada peraturan, kita ada *ground rule* juga.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau, kalau ada hak. Adalah peraturan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Kita ada peraturan kita.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau tak ada peraturan, tak ada hak untuk menjadi hipokrit dalam Parlimen ini!!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah!! Sila duduk, ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Apa pula tak faham duduk? Suka hati dialah! Dia cakap, dia undi siapa?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tak ada hak, tak ada hak! Tak boleh, tak boleh jadi hipokrit dalam Parlimen ini!!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor. Sila habiskan ucapan, sila habiskan ucapan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Dasar hipokrit.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dan saya harap, fahamkah tak faham lagi?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ipoh Timor yang tak faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila habiskan ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Fahamkah, tak faham lagi, tak faham lagi?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ipoh Timor yang tak faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You* kata, ada hak untuk menjadi hipokrit. Ada? Mana ada...!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya kata, suka hati dialah!!

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah. Duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya tak faham lah itu, semua tak faham!

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Dia kepala tak faham! Dia yang paling tak faham. Janganlah marah!!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dan saya harap perkara ini, seperti kita dengar bahawa orang-orang yang boleh mengkritik perkara ini, boleh berdiri. Kenapa mereka begitu hipokritikal dalam pendirian ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Ya. Kepong, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi. Fasal 191(5) ini, itu konsepnya serupa dengan 114(2), di mana mengenai seorang itu yang disenaraikan di dalam jadual ini, dan apa-apa keputusan yang diambil oleh pihak menteri, kita tak mahu membela *concessionaire* di dalam jadual 15 itu, kita tak mahu, tetapi atas prinsip kedaulatan undang-undang, kita tak boleh setuju dengan Fasal 191(5) yang memberi menteri kuasa yang tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Walaupun Yang Berhormat tadi ada mengulangi pendapatnya mengenai begitu perlu di dalam masa yang cemas untuk beliau menggunakan kuasa yang mutlak bagi menyelesaikan masalah ini. Kita masih tak boleh setuju dengan hal ini. Beliau juga kata ada saluran yang lain bagi pihak yang tidak puas hati untuk pergi ke Mahkamah Tinggi untuk membela diri untuk mendapat satu keputusan daripada Mahkamah Tinggi. Itu lain hal.

Di dalam rang undang-undang ini, memang kuasa Yang Berhormat itu begitu mutlak. Jadi, masalahnya macam ini. Dengan ada di dalam hitam putih ini, kalau menteri tidak mempunyai nilai yang murni dan menteri tidak ada suara hati, *no conscious*, beliau boleh mereka sesuatu dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Kemudian ambil tindakan yang mutlak dan itu sahaja pihak yang dikenakan tindakan menteri ini, memanglah tak adil baginya untuk sebagai seorang warganegara Malaysia. Saya mengulangi, bukan kita nak membela *concessionaires* ini, bahkan juga kita tak puas hati dengan beberapa *concessionaire* yang terjadual ini. Sebab itulah, saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya mempertimbangkan dengan masak-masak mengenai hal mutlak ini kerana sebagai negara yang mendaulatkan undang-undang, kita tak bolehlah terima hal yang seperti ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *[Bangun].*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, boleh menjawab di sebelah petang. Yang Berhormat, boleh menjawab di sebelah petanglah, Yang Berhormat.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 tengah hari.**

**Mesyuarat bersambung semula pada jam 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada satu usul dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri, silakan.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 malam ini”

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah;

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 malam ini”

hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri sila menjawab.

**2.34 ptg.**

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Pengerusi, cadangan pindaan ini kepada Fasal 191(VI) tidak dipersetujui. Hak untuk memohon bagi semakan kehakiman adalah satu prinsip undang-undang pentadbiran. Mana-mana orang yang dimudaratkan *adversely affected* akan oleh keputusan mana-mana pihak berkuasa awam berhak membuat satu permohonan bagi semakan kehakiman mahkamah dalam mengenengahkan permohonan tersebut boleh membuat satu perintah pemansuhan atau *certiorari right*, bukan rari, *right*...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Certiorari right*.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sekiranya hak orang yang dimudaratkan itu sama ada hak *statutory* atau pun hak di bawah *common law* di mudaratkan oleh keputusan atau tindakan pihak berkuasa awam itu. Walaupun terdapat peruntukan yang tidak membenarkan apa-apa semakan kehakiman dibuat atas sesuatu keputusan menteri mahkamah boleh membenarkan semakan kehakiman sekiranya dapat kecacatan prosedur dalam membuat keputusan berkenaan sekiranya keputusan menteri dirujuk untuk semakan kehakiman.

Pihak-pihak boleh mengemukakan permohonan kepada mahkamah di bawah kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bagi maksud penggantungan pelaksanaan keputusan itu sehingga semakan kehakiman tersebut selesai dan terpulangnya kepada

mahkamah sama ada membenarkan permohonan berkenaan. Dengan penjelasan itu saya cadangkan pindaan ini tidak dipersetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Pindaan tidak disetujui.

**Fasal-fasal 191 hingga 163** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

## **Pendahuluan –**

### **2.38 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk membawa pindaan kepada *preamble* iaitu selepas perenggan dua dengan memasukkan perenggan yang baru yang tercatat dalam kertas pemberitahuan sebab terlalu panjang saya tidak perlu baca sekali lagi. Tujuan utama saya membawa pindaan ini adalah sebab betapa pentingnya matlamat dasar kebangsaan bagi industri perkhidmatan air dan pembedung dan menteri pun setuju bahawa matlamat dasar kebangsaan ini sepatutnya dimasukkan untuk menjadi sebahagian dalam Rang Undang-Undang ini tetapi nampaknya matlamat dasar kebangsaan ini cuma dimasukkan dalam bahagian huraian iaitu *explanatory notes*. Ini sekali lagi adalah satu muslihat menteri yang menjanjikan sesuatu kepada NGO tetapi apa yang dilakukan ialah membelakangkan apa yang dijanjikan.

Kita perlu jelas bahawa Tuan Pengerusi, bahawa huraian bukanlah sebahagian dalam rang undang-undang. Tujuan utama huraian diberikan adalah untuk membantu seseorang yang membaca rang undang-undang itu lebih memahami apa yang terkandung dalam fasal-fasal yang menjadikan rang undang-undang itu. Jadi huraian itu bukan sebahagian dalam rang undang-undang itu dan apa yang terkandung dalam huraian bukan sahaja bukan menjadi sebahagian rang undang-undang tetapi tidak juga perlu di *endorse* kan oleh parlimen.

Oleh sebab itu, jika huraian tidak menjadi sebahagian dalam rang undang-undang ini, maka matlamat dasar kebangsaan itu pun tidak menjadi sebahagian dalam rang undang-undang ini sebab apabila rang undang-undang ini diluluskan dan menjadi akta dan digazet dan dicetak dalam bentuk buku ataupun akta. Bahagian huraian tidak perlu dimasukkan dan sememangnya tidak menjadi sebahagian akta tersebut.

Jadi apa makna dan tujuan sebenarnya menteri cuma memasukkan matlamat dasar kebangsaan ini sebagai huraian dan bukan seperti apa yang dituntut menjadi satu bahagian dalam rang undang-undang ini. Sememangnya apabila kita baca dalam huraian ada banyak huraian dan rang undang-undang ini memperjelaskan sesuatu fasal dalam rang undang-undang tetapi mengenai perkara yang saya bangkitkan matlamat dasar kebangsaan tiba-tiba dia muncul tidak ada hubung kait langsung dengan apa fasal dalam rang undang-undang. Itu sekali lagi menunjukkan tujuan menteri cuma hendak meredakan ataupun *pacify* tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh NGO.

Jadi saya berharap dengan cadangan untuk meminda selepas perenggan itu, masuk perenggan yang amat penting ini dia akan menjadi satu bahagian di dalam rang undang-undang ini dan akta kelak yang akan saya rasa memberi panduan bukan sahaja kepada Kementerian tetapi suruhanjaya tetapi kepada *players* dalam sektor ini kepada pengguna untuk sama-sama merealisasikan matlamat dasar kebangsaan dalam industri air dan pembedung. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Ipoh Barat.

**2.43 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, sesuatu akta telah dibawa untuk kelulusan parlimen dan dasarnya ini ialah satu perkara yang sangat mustahak, kalau kita tengok beberapa kes-kes yang telah menjadi asas bagi akta-akta yang digunakan di mahkamah. Yang mustahak sekali ialah apa yang ternyata dalam rang undang-undang itu dan kalau kita baca dengan teliti, dasar-dasar yang dihuraikan di dalam huraian itu. Saya hairan macam mana ia boleh menjadi satu bahan yang boleh dirujuk, boleh diguna pakai dan aku janji dan apa yang dikatakan oleh kerajaan itu mereka terikat dan akan ikut kepada semua pihak dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan di sini. Dasar kebangsaan ini sangat mustahak Tuan Pengerusi. Kalau kita baca 'A' ke 'J' ini semua yang terkandung itu adalah satu perkara yang patut, yang sedia ada dan akan dijalankan, matlamat ini adakah ada apa-apa yang dicapai dan yang hasrat kerajaan yang dicapainya. Akan tetapi ini tidak menjadi satu diantara fasal-fasal dan rang undang-undang ini.

Disinilah menteri dan kementerian telah menyeleweng dan dengan izin, *has taken the rights of the peoples of this country*. Saya katakan ini kerana menteri sendiri telah memberi aku janji kepada beberapa orang-orang dan organisasi-organisasi yang telah berjumpa dengan beliau. Beliau mengatakan bahawa apa yang disenaraikan di huraian ini, dasar-dasar kebangsaan, menteri dengan sendiri berkata, "*No problem, saya akan masukkan dalam rang undang-undang ini*", tetapi saya nampak itu adalah satu muslihat. Saya katakan demikian kerana selepas rang undang-undang ini digubal, rang undang-undang ini telah diberi kepada pihak-pihak yang membawa perhatian kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat kata dengan izin, "*Look! I honour my words, is here, you cannot run away, it is here*", tetapi apabila organisasi datang balik dan berjumpa dengan saya, saya kata sebagai seorang peguam ini salah.

Yang Amat Berhormat Menteri telah mungkiri perjanjian dan belum ada undang-undang lagi sudah mungkiri. Macam mana hendak percaya aktiviti dan akujanjinya selepas ini? Itulah sebab bila saya melawat kawasan Beruas baru-baru ini ramai di antara orang di sana kata, hairan dengan rang undang-undang ini. Saya hairan di muka surat 148, 'A' ke 'J' adalah matlamat dasar kebangsaan, kenapa ia tidak disenaraikan rang undang-undang.

Tuan Pengerusi, *the statutory interpretation background* dalam statut beberapa kes dan macam mana satu kes-kes itu diinterpretasikan di mahkamah. Satu di antara faktor yang mustahak adalah yang dielakkan dari menggunakan interpretasi adalah huraian, huraian yang tidak menjadi satu di antara rang undang-undang. Fasal-fasal itu tidak diambil kira, macam mana seorang menteri dan kementerian telah lupa dan tidak memasukkan dasar ini dan hari ini pun sepatutnya pada permulaan majlis ini, ini yang patut didebatkan dahulu, kerana ini yang paling mustahak sekali berbanding dengan perkara-perkara yang lain.

Saya juga ingin katakan di sini di dasar kebangsaan antaranya macam 'F'-mengawal selia untuk faedah pengguna bagi jangka masa panjang. Macam mana hanya di seksyen huraian dan bukan di dalam akta, kenapakah menteri telah takut dan tidak simpan aku janji mereka? Ini adalah satu perkara yang mustahak dan saya harap jangan kita lari dari tanggungjawab kita dan *walk the talk, get out of the box*. Ini adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam *first world Parliament* kalau menteri setuju dengan saya, tidak setuju pun mesti setuju. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tumpat.

**2.47 ptg**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga berdiri untuk menyokong usul pindaan kepada rang undang-undang ini yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Tanjong sebentar tadi. Sebagaimana yang disebutkan oleh Tanjong dan Ipoh Barat, kesnya adalah paling mudah dan munasabah iaitu suatu bahagian yang terpenting dalam rang undang-undang ini yang menjelaskan apa matlamat dasar kebangsaan berkaitan industri perkhidmatan bekalan air dan pembedung, tiba-tiba tidak dimuatkan dalam rang undang-undang tetapi hanya diletakkan di peringkat bahagian huraian yang mengikut maklumat daripada pakar-pakar undang-undang kita, apabila

diluluskan selepas ini, tidak lagi merupakan sebenarnya sebahagian daripada undang-undang negara. Jadi saya fikir logik sekali apa yang dipohon oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi. Saya tidak nampak kenapa pihak Yang Berhormat Menteri meletakkannya di sini dan di bahagian awal muqadimah kepada rang undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, sekarang ini, *trend* sekarang ini hendakkan kepada perkara-perkara disebut dengan jelas. Pengalaman kita akhir-akhir ini pun membawa ke arah itu, ahli-ahli parlimen katanya perlu ada etika yang jelas dan bertulis supaya tindakan kita diketahui salah betulnya. Barisan Nasional BBC pun hendakkan rang undang-undang dan peraturan yang jelas supaya pengerusi mereka dipilih atau dilantik. Jadi semua ini adalah *trend* hari ini yang saya fikir diterima oleh semua pihak tiba-tiba dalam rang undang-undang ini nampaknya diketepikan sahaja. Jadi saya menyokong apa yang kita dengar di bawa oleh Tanjong dan disokong oleh rakan-rakan yang lain. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kepong.

**2.49 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat sudah memuatkan huraian dengan itu beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, ini tidak memadai. Saya tidak nampak mengapa ini tidak boleh dimasukkan di dalam mukadimah itu. Walau bagaimanapun, di sini misalnya mengawal selia kualiti air dan sebagainya, memastikan bekalan air yang sedia ada dan berkekalan untuk masa panjang termasuk pemuliharaan air.

Yang pertama Tuan Pengerusi, macam mana kita dapat menguruskan masalah jika sesebuah negeri hendak dikenakan royalti atau levi? Mereka tidak masuk kerana rang undang-undang ini tidak bersepadu walaupun di dalam mukadimah dia hendak satu rang undang-undang bersepadu tetapi tidak bersepadu. Ini bukan kerana Yang Berhormat Menteri tidak berusaha, tidak berikhtiar tetapi kerana kekangan, kerana kecerutan dan kejelutan dia tergendala dan tidak dapat berbuat demikian.

Akan tetapi walau bagaimanapun, kita hendak tolong dialah tu. Kita suarakan di sini supaya orang-orang yang berkenaan di negeri-negeri dapat dengar kita hendak satu sistem bersepadu. Macam mana kita buat kalau negeri Perak dia hendak royalti atau pun levi bagi air mentah yang di ceduk oleh pihak syarikat, kita hendak dikenakan royalti lima peratus ataupun levi. Ini memang masalah, memang masalah. Yang keduanya itu masalah tidak di dalam rang undang-undang ini, macam mana kita perlu satu badan kawal selia di setiap negeri? Mesti perlu, kalau tidak ada tidak dapat mengawal, menolong pihak SPAN. Kita akan meneliti macam mana itu pihak negeri boleh memainkan peranan. Dan setakat ini tidak ada, walaupun di dalam perkongsian kuasanya, tidak boleh paksa negeri untuk berbuat demikian.

Tidak ada kuasa, tidak ada kuasa cuma dengan ehsan sahajalah, kerelaan bagi pihak negeri untuk menubuhkan badan kawal selia, mungkin SPAN negeri. Mungkin satu SPAN negeri, cawangan SPAN di setiap negeri. Kita mesti ada di dalam rang undang-undang ini kerana tidak ada kuasa Tuan Pengerusi, macam mana kita hendak buat kalau negeri Perak kata 'kita tidak mahu'. Macam mana kita buat? Ada undang-undang yang memaksa mereka? Ini masalah tidak, ada itu sistem bersepadu. Secara tidak langsung, saya pun, kita hendak tolong Yang Berhormat, macam mana kita dapat melaksanakan?

Saya berharaplah kalau kita masukkan di dalam mukadimah, itu pun ada di tulis di sini. Masuk dalam mukadimah...

**Tuan Pengerusi:** Panjang sangatlah..

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Masukkan dalam mukadimah, kita terus terang bagi pihak negeri-negeri tahu inilah kita hendak buat.

**Tuan Pengerusi:** Mukadimah akan panjang sangatlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Panjang sangat kah?

**Tuan Pengerusi:** Mukadimah selalunya tidak panjang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak panjang kah, tetapi ini satu perkara istimewa. Ini air, hak asasi. Dengan hak asasi ini kita perlukan mukadimah yang lebih panjang sikit. Akan ada seseorang termasuk Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dia tidak faham mukadimah. Di dalam kitab suci pun tengok mukadimah kadangkala panjang juga.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat bagi Kepong faham “mukadimah”, apa?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya saya ada baca. Itu buku Ibnu Khaldun itu, Mukadimah itu, saya ada buku...

**Tuan Pengerusi:** Itu tajuk buku.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan tajuk buku Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Itu Yang Berhormat bagi Tumpat bagi tahu.

**Tuan Pengerusi:** Itu tajuk dan isi buku, mukadimah. Mukadimah dipanggilnya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ha, mukadimah?

**Tuan Pengerusi:** Tajuk dan isi buku.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh! Ya ya.

**Tuan Pengerusi:** Selalunya mukadimah ini pendahuluan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang tahu, dia memang, mukadimah itu boleh panjang, boleh pendek. Kalau diperlukan seperti di Rang Undang-undang Air ini, kita perlulah itu kerana sistem sekarang tidak bersepadu. Kita hendak menyepadukan. Kita hendak menyepadukan. Itu sahajalah, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

#### 2.54 ptg.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong cadangan pinda yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjung dan saya berpendapat ini adalah sangat penting untuk mengikat, untuk memastikan matlamat Dasar Kebangsaan ini dapat diikat ke atas semua yang menguatkuasakan perundangan ini. Dan matlamat Dasar Kebangsaan bagi industri perkhidmatan ini haruslah diletakkan, dimasukkan ke dalam penyambung dan tidak dijadikan sebagai huraian di mana ia tidak langsung tidak mengikat. Kalau kita pergi mahkamah, saya percaya mahkamah tidak akan mengatakan ia tidak mengikat.

Jadi kalau Yang Berhormat Menteri mempunyai niat yang baik dan jujur, benar-benar hendak melaksanakan matlamat dasar ini, biarkannya diikat menjadi sebahagian undang-undang dan menjadi legasi, masukkan dalam *preamble* seperti yang dicadangkan Yang Berhormat bagi Tanjong. Jangan lihat cadangan ini daripada pembangkang, jadi ditolak sebegitu. Kalau sedemikian, saya rasa dewan ini akan jadi *rubber stamp* dengan sokongan majoriti oleh Ahli-ahli Barisan Nasional yang tidak boleh mengundi mereka, *concern* mereka.

Dan untuk memberi satu keyakinan kepada orang ramai, tidak timbul syak wasangka terhadap menteri yang mempunyai, yang memandang akta ini penting, mempunyai matlamat Dasar Kebangsaan yang baik untuk hari ini, saya harap Yang Berhormat Menteri bolehlah buat satu perubahan, menyokong dan membenarkan pindaan yang dicadang oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dimasukkan menjadi sebahagian daripada undang-undang *preamble* ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila jawab.

#### 2.57 ptg.

**Menteri Tenaga Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, matlamat Dasar Kebangsaan bukanlah suatu peruntukan undang-

undang yang perlu dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini. Memadai matlamat Dasar Kebangsaan dimasukkan di dalam huraian dan ucapan menteri. Yang pentingnya ialah fasal-fasal yang ada di dalam rang undang-undang ini telah pun memperuntukkan secara khusus, perkara-perkara yang terkandung dalam matlamat Dasar Kebangsaan. Pelaksanaan matlamat Dasar Kebangsaan itu dikuatkuasakan melalui fasal-fasal yang ada dan Yang Berhormat bagi Kepong khuatir dan bimbang barangkali tidak ada cawangan.

Untuk ini, di sini saya jelaskan bila rang undang-undang ini diluluskan, dia akan diterima pakai di seluruh negeri yang ada di Semenanjung Malaysia dan apa-apa undang-undang di dalam negeri yang bercanggah dengan undang-undang itu, undang-undang ini dijalankan *take precedence overstate water enactment that* bercanggah, *againsts this* rang undang-undang...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, penjelasan, tetapi tidak ada di dalam rang undang-undang ini yang mengatakan setiap negeri, 11 negeri di sini mesti adakan cawangan SPAN. Tidak ada, macam mana? Saya setuju Rang Undang-undang Persekutuan mengatasi rang undang-undang ataupun Enakmen di negeri, tetapi di dalam rang undang-undang tidak ada, tidak ada satu peruntukkan yang mengatakan negeri-negeri mesti menubuhkan satu cawangan SPAN. Tidak ada. Macam mana kita paksa mereka hendak berbuat demikian?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Pengerusi, belum kita jalankan dia sudah khuatir, bimbang, tidak boleh, ingat bodoh kah?

**Tuan Pengerusi:** Agaknya itu dia...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau SPAN mahu menjadikan sesuatu badan yang boleh jalankan fungsinya dengan teratur dan dengan baik, dia mesti menubuhkan cawangan-cawangan di dalam negeri-negeri. Barangkali, barangkali ya, saya cakap barangkali, tidak ada janji, dengar baik-baik. Barangkali diperlukan di daerah-daerah pun, mana tahu. Tengok lepas itu secara pentadbiranlah, SPAN akan buat. Cadangan Yang Berhormat bagi Kepong adalah baik. Jangan takut. Kita akan buat, tidak payah masuk di dalam undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang kedua. Sikap Yang Berhormat Ipoh Barat, dia selalu cakap janji, janji, mana dia dengar itu? Dia tidak berada di dalam perbincangan-perbincangan saya dengan orang. Dia cakap, orang cakap. Kalau saya cakap saya tidak cakap, macam mana? Saya tidak cakap. Saya sudah berbahas dengan mereka di mana tidak boleh, tidak payah masuk dalam undang-undang, huraian, ucapan menteri atas penswastaaan, atas perlindungan pengguna. Sudah cukup fasal-fasal yang ada di dalam rang undang-undang. Sudah cukup! Itu saya punya cakap.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Apa *you* cakap janji? Baik. Saya dengar itu, hati saya tidak berapa seronoklah...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Sebab itu orang dari Ipoh Barat, dia tahu pusing memusing saya. Sekali lagi dia cakap dia sudah pergi Beruas. Beliau beritahu kepada Dewan yang mulia ini banyak orang hairan saya, tidak suka saya, tidak sokong saya di Beruas, cabarkan dia, bila? Mari Beruas pada pilihan raya akan datang. Mari, *commit* sekarang...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau dia pandai pergi Beruas dan cakap ini. *You* bertanding, saya akan bertanding.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *You* bertanding, saya akan bertanding.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Di Beruaskah? *You call* saya, saya akan bertanding.

**Tuan Pengerusi:** Duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ....Tetapi janganlah takut, jangan cakap banyaklah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Betulkah Yang Berhormat bagi Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Betul, betul.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Dengan sikap itu...

**Tuan Pengerusi:** Teruskan jawapan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Dan dengan apa yang saya jelaskan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Cadangan pindaan ini tidak dipersetujui. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Pindaan tidak disetujukan.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA 2006

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**3.06 ptg.**

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan kuasa untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedahan dan untuk menguatkuasakan Undang-undang Perkhidmatan Bekalan Air dan Perkhidmatan Pembedahan dan perkara-perkara berkaitan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa sekarang sektor perkhidmatan bekalan air dan pembedahan

menghadapi pelbagai cabaran. Oleh itu kerajaan telah menggubal Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara.

Bagi menguatkuasakan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air serta menyelia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan adalah perlu diwujudkan sebuah badan kawal selia yang efektif. Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa kewujudan sebuah badan kawal selia yang kukuh dan berkesan adalah kunci kepada kejayaan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air yang berdaya maju dalam jangka panjang. Ini juga dapat memastikan pengguna dibekalkan dengan air yang bersih, berkualiti dengan tarif yang berpatutan serta selamat digunakan di samping perkhidmatan pembedungan yang efisien kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tujuan rang undang-undang ini digubal adalah untuk menubuhkan sebuah badan kawal selia yang dikenali sebagai Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan serta menguatkuasakan undang-undang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Apabila diluluskan kelak, Rang Undang-undang SPAN akan terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Kandungan Rang Undang-undang SPAN. Rang Undang-undang SPAN mengandungi 6 bahagian dan 44 fasal. Bahagian-bahagian berkenaan adalah seperti berikut:

Bahagian I – bahagian ini terdiri daripada Fasal 1 dan 2 yang memberi kuasa kepada menteri untuk menentukan tarikh berkuatkuasanya akta ini yang terpakai hanya kepada Semenanjung Malaysia, Wilayah-Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Bahagian II – bahagian ini terdiri daripada Fasal 3 hingga 14 yang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya termasuk kuasa menteri untuk melantik anggota Suruhanjaya yang terdiri daripada seorang pengerusi, seorang ketua pegawai eksekutif dan tidak kurang daripada 8 tetapi tidak melebihi daripada 10 orang anggota SPAN.

Bahagian III – bahagian ini terdiri daripada Fasal 15 hingga 19 yang menyentuh mengenai fungsi dan kuasa SPAN termasuk kuasa menteri untuk memberi arahan bersifat am kepada Suruhanjaya.

Bahagian IV – bahagian ini terdiri daripada Fasal 20 sehingga 26 yang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai pekerja-pekerja Suruhanjaya termasuk tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya dan pelantikan pekerja-pekerja serta syarat perkhidmatan.

Bahagian V - bahagian ini terdiri daripada Fasal 27 sehingga 37 berkaitan dengan pertubuhan Kumpulan Wang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang tersebut. Bahagian ini juga, mengehendaki Suruhanjaya menyimpan akaun dan laporan aktiviti-aktivitinya yang perlu dihantar kepada menteri. Menteri hendaklah membentangkan kedua-dua akaun dan laporan berkenaan di hadapan kedua-dua majlis parlimen.

Bahagian VI - bahagian ini terdiri daripada Fasal 38 sehingga 44, menyentuh peruntukan-peruntukan am yang meliputi antaranya pendakwaan kesalahan di bawah akta ini termasuk obligasi kerahsiaan anggota Suruhanjaya. Ia juga memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengambil khidmat penasihat teknikal dan pakar runding untuk membantu dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, fungsi SPAN adalah menjadi harapan kerajaan agar SPAN dapat berfungsi sebagai sebuah badan kawal selia yang profesional dan berkesan di dalam menangani pelbagai masalah yang membelenggu Industri Perkhidmatan Air Negara pada masa sekarang. Saya percaya ahli-ahli Yang Berhormat ingin melihat SPAN dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memastikan rakyat mendapat bekalan air yang bukan sahaja selamat untuk digunakan malah bekalannya berterusan serta perkhidmatan pembedungan yang cekap selari dengan

matlamat dasar kebangsaan seperti dalam huraian Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air. Di antara fungsi-fungsi utama SPAN ialah:-

- (i) Menasihati menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi Undang-undang Perkhidmatan Bekalan Air dan Pembedanaan bagi mencapai objektif dasar kebangsaan;
- (ii) Melaksana dan menguatkuasakan Undang-undang Perkhidmatan Bekalan Air dan Pembedanaan serta menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada Undang-undang Perkhidmatan Bekalan Air dan Pembedanaan;
- (iii) Memastikan daya pengeluaran Industri Perkhidmatan Bekalan Air dan Perkhidmatan Pembedanaan serta mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
- (iv) Menambah usaha, bersatu padu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan air tidak berhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;
- (v) Menasihati menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap untuk penentuan tarif serta pelaksanaannya; dan
- (vi) Memastikan pemanggilan kualiti air dan perkhidmatan pembedanaan secara jangka panjang melalui pembangunan model kerja yang berterusan.

Kuasa Suruhanjaya. Bagi memastikan suruhanjaya dapat menjalankan fungsi sebagai badan kawal selia ke atas sektor Perkhidmatan Bekalan air dan Pembedanaan dengan berkesan, Rang Undang-undang ini turut menggariskan kuasa-kuasa penting suruhanjaya termasuk:-

- (i) Menggunakan harta alih suruhanjaya mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai dan wajar;
- (ii) Mengenakan fi atau cas bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya;
- (iii) Melantik mana-mana agen, pakar atau perunding yang didapatinya patut untuk membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya;
- (iv) Merumus dan melaksanakan pembangunan sumber manusia dan program pembiayaan dan kerjasama bagi melaksanakan fungsi-fungsi Suruhanjaya dengan patut dan berkesan; dan
- (v) Bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan, perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsi Suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, fasal-fasal penting RUU Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, sebelum RUU ini dibahaskan oleh ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini, izinkan saya untuk menjelaskan mengenai fasal-fasal penting seperti berikut:-

Fasal V - Keanggotaan Suruhanjaya. Bagi memastikan suruhanjaya dapat berfungsi secara berkesan, ahli-ahli Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada kalangan profesional dalam bidang kewangan, kejuruteraan, perniagaan, pentadbiran dan sebagainya. Kesemua mereka akan dilantik oleh menteri, walaupun dinyatakan di dalam RUU SPAN, kementerian bersetuju untuk melantik dua wakil kerajaan negeri sebagai ahli suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal V (i)(c).

Fasal IX - Tempoh jawatan Ahli Suruhanjaya. Ahli-ahli suruhanjaya akan memegang jawatan untuk tempoh 2 tahun. Walau bagaimanapun, fasal ini tidak menghalang ahli-ahli suruhanjaya yang menunjukkan komitmen yang tinggi serta mempunyai prestasi cemerlang dilantik berkhidmat bagi suatu tempoh yang lebih panjang. Ini kerana di bawah fasal ini, mereka boleh dilantik semula untuk tempoh tidak melebihi lima penggal atau maksimum 10 tahun.

Fasal XI - Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan ahli Suruhanjaya. Semasa pembahasan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air, ramai ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan isu berkaitan dengan kuasa menteri untuk membatalkan pelantikan mana-mana anggota suruhanjaya tanpa memberi apa-apa alasan yang munasabah bagi pembatalan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi undang-undang seorang yang mempunyai kuasa untuk melantik juga mempunyai kuasa untuk membatalkan pelantikan itu. Fasal ini bukan sahaja perlu malah selaras dengan undang-undang lain seperti Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Suruhanjaya Tenaga, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, dalam melaksanakan kuasa tersebut menteri adalah bertanggungjawab kepada jemaah menteri dan seterusnya parlimen. Oleh yang demikian, kuasa pelantikan dan pembatalan mana-mana anggota SPAN yang dibuat oleh menteri menjadi bertanggungjawab bersama kerajaan dan boleh dipersoalkan dalam mahkamah dan juga parlimen.

Fasal XIII – Jawatankuasa-jawatankuasa SPAN. Fasal XIII memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu untuk membantunya melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan menyeluruh. Suruhanjaya juga boleh melantik mana-mana orang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa serta boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Suruhanjaya mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan. Wakil-wakil negeri boleh juga dilantik untuk menganggotai mana-mana jawatankuasa yang sesuai.

Fasal XX – Ketua Pegawai Eksekutif. Fasal ini memperuntukkan kuasa untuk menteri melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya yang juga menjadi ahli suruhanjaya ini adalah berdasarkan kepada konsep pengasingan kuasa antara pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Amalan ini selari dengan tadbir urus yang baik, *good governance* serta untuk mengelak kemungkinan berlakunya dengan izin, *conflict of interest* sekiranya kedua-dua jawatan ini dipegang oleh orang yang sama.

Fasal XXVII – Kumpulan Wang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Fasal ini memperuntukkan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi tujuan pembiayaan, pentadbiran dan operasi suruhanjaya.

Di antara sumber kewangan Kumpulan Wang ini termasuklah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen, pendapatan daripada *fee license* atau fi lain, caj pentadbiran, levi atau caj lain yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

Sementara itu, Fasal 28, memperincikan tujuan perbelanjaan Kumpulan Wang ini atas faktor ketelusan, pernyataan dan laporan Kumpulan Wang yang diaudit akan dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini, Suruhanjaya sebagai sebuah perbadanan akan dapat memikul tanggungjawab kawal selia yang diamanahkan dengan jayanya demi kebaikan semua pihak.

Atas sokongan semua pihak, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara mampu berfungsi secara berkesan ke arah membangunkan industri perkhidmatan air negara yang mapan dan berdaya maju dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingham]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan kuasa untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedung dan untuk menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedung dan perkara-perkara yang berkaitan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Kepong.

**3.22 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, ini merupakan satu rang undang-undang yang terpenting sekali untuk air dan apa sahaja yang kita bahaskan selama dua hari setengah yang lepas untuk industri perkhidmatan air itu akan sia-sia sahaja kalau tidak ada pengawal selia atau *regulator* yang cekap, bersih dan beramanah. Ini memang saya akan mengambil masa sedikit untuk membincangkan masalah yang timbul kerana rang undang-undang untuk SPAN ini.

Tuan Yang di-Pertua,

*Yang merah itu saga,  
Yang kurik itu kundi,  
Yang indah itu bahasa,  
Yang baik itu budi.*

*Yang dimakan rasa,  
Yang dilihat rupa,  
Yang didengar bunyi.*

Rang undang-undang ini hendaklah dengan sempurna, baik, ada rupa, pendengaran dan perasaan. Yang penting sekali dalam penguatkuasaan ataupun pengawalseliaan ini bagaimana ia dapat menguatkuasakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam rang undang-undang industri ini.

Keduanya, apakah yang SPAN boleh buat untuk harga dan sebagainya.

Ketiga, bagaimana ia dapat mewujudkan atau menggalakkan daya saing di kalangan syarikat. Setakat ini di dalam jadual ada 15 syarikat konsesi atau *concessionaire*. Bagaimana pihak SPAN dapat mewujudkan suasana saingan di kalangan syarikat ini? Bagaimana pihak SPAN ini dapat memelihara kepentingan para pengguna dan menjamin standard perkhidmatan yang telah ditetapkan dan bagaimana ia juga dapat membantu para pengguna di dalam Forum Air ataupun pertubuhan-pertubuhan yang lain yang mewakili para pelanggannya?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peraturan-peraturan yang ditetapkan tadi, yang penting sekali kita tidak ada sistem yang *integrated*. Tidak bersepadu, bagaimana dapat kita melaksanakan? SPAN hanya ada skop kuasanya, bidang kuasanya, *purview* nya, daripada tempat diambil air, divedok air di situ dan air ini ditapis, dirawat dan diagihkan. Kemudian air kumbahan yang kotor itu selepas dirawat dikembalikan ke sungai. Itu sahaja skopnya, *purview* nya untuk SPAN. Bagaimana SPAN dapat memastikan air mentah itu bersih? Dia tidak ada kuasa. Ini masalahnya. Walhal menteri ada kuasa yang mutlak ke atas pesalah yang melanggar undang-undang ini dan hukumannya termasuk hukuman mati tetapi SPAN tidak ada kuasa untuk memastikan, misalnya di Perak, kalau ia ada kekotoran di dalam sungai, ada membuat apa sahaja dalam sungai itu, ia tidak ada kuasa.

Ini adalah masalahnya. Saya pun hairan bagaimana SPAN dapat menguatkuasakan - untuk sama-sama menjayakan rang undang-undang yang akan diluluskan kelak dan kemudian diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan dijadikan akta. Apabila dijadikan akta kelak bagaimana kita akan melaksanakan.

Saya bagi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai pencemaran Sungai Selangor. Saya pun hairan, bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah seumpama ini di

Sungai Selangor. Mula-mula kita dapat tahu di dalam akhbar, pada 28 Februari mengenai air yang tercemar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan, masalahnya Tuan Yang di-Pertua di sini.

Mula-mula kita dapat tahu di dalam akhbar pada 28 Februari. Hanya pada 3 Mac pihak EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor mengeluarkan satu kenyataan, punca yang mungkin adalah dari pusat ternakan babi dan tenusu, kilang sawit dan kolam oksidasi. Pada 28 hari bulan kita dengar daripada akhbar, 3 Mac kenyataan daripada pihak kerajaan negeri yang tidak tahulah apa yang disebutkan di situ. Kemudian, kenyataan SYABAS - yang kurang syabas pada hari ini, mempertahankan kenyataan awal iaitu punca bau busuk adalah hasil tindak balas ammonia dan klorin.

Ini bercanggah dengan kenyataan yang diberi. Dan pada 4hb Mac, kenyataan Jabatan Alam Sekitar Selangor... *[Membaca petikan akhbar]* "...pencemaran bukan berpunca dari ladang ternakan haiwan", dan diikuti dengan Exco Alam Sekitar Selangor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba kaitkan dengan tugas.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang tugas SPAN itu untuk mencedok air yang bersih. Air yang kotor macam mana dia cedok tidak apa, tidak guna jugalah. Air kotor, saya hendak bantu sahaja. Macam mana? Pening kepala saya sekarang ni.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak tumpukan kepada punca bekalan air kotor?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Air kotor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Puncalah ni.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi macam mana hendak kaitkan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** 5 Mac ni, Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar buat kenyataan pula... *[Membacakan petikan akbar]* "...kajian JAS telah membuktikan bahawa bau busuk datang daripada ammonia berlebihan yang berpunca dari limpahan leachate dari pusat pelupusan sampah Bukit Tagar". Saya pun hairan di Bukit Tagar ini memang *sanitary landfill* yang mengikut kriteria standard antarabangsa. Macam mana dapat? Pihak SPAN tidak dapat kawal punca air mentah ini dan kemudian Tuan Yang di-Pertua, panjang sangatlah maka saya pendekkan. Tengok banyak detik-detik mengenai pencemaran sumber air kita. Akhir sekali, terlalu panjang, akhirnya misalnya 4hb April 2006 ini kenyataan dari JAS pula mencadangkan agar pengurusan sampah di Bukit Tagar yang mungkin tidak *sanitary*, mungkin tidak ada *landfill*, didakwa di mahkamah. Hendak dakwa pula kerana melanggar syarat-syarat EIA.

Macam mana SPAN sudah tidak dapat menguruskan hal ini, tidak dapat kerana sebelum skop kuasa SPAN yang berlaku dan diikuti dengan kenyataan Jabatan Kerajaan Tempatan. Kebenaran operasi diberikan walaupun loji rawatan *leachate* masih belum dibina kerana suatu tempat baru diperlukan segera untuk pelupusan sampah. Saya hairan binti pelik pula sekarang. Dia ada satu tapak pelupusan sampah sarap tetapi sekarang dia kata perlukan satu tapak baru pula. Akhir sekali, ini memang akhir dah, kenyataan pengurusan KUB-BERJAYA Enviro Sdn. Bhd. yang menguruskan Bukit Tagar, mempersoalkan langkah JAS untuk hanya mendakwanya sedangkan menurut mereka ada banyak lagi pusat pelupusan sampah yang melepaskan *leachate*. Menurut mereka suatu contoh ialah pusat pelupusan sampah di Kundang dan dikatakan melepaskan *leachate* secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah ini terlalu panjang lebih daripada mukadimah tadi itu. Dan kalau kita hendak meneliti itu susahlah. Bukan sahaja kepala pusing, rasa bengkok pula dan inilah masalah. Macam mana kita dapat membantu SPAN? Sebelum SPAN berkuat kuasa ini berlaku dan bila ada ammonia di dalam sungai air yang divedok oleh pihak syarikat *concessionaire* itu, masalah timbul kerana berbau busuk. Ini masalah yang saya tidak tahulah sama ada Tuan Yang di-Pertua yang mempunyai pengalaman

sebagai Menteri Besar di Perak tu macam mana Tuan Yang di-Pertua menasihatkan SPAN mengatasi hal ini. Dan kita perlulah macam mana kita mesti menyepadukan hal ini, macam mana *integrate* dengan negeri. Kalau tidak akan selesai. Saya percaya bila ada kuat kuasa SPAN masalah ini timbul lagi termasuk di Sungai Langat. Sungai Langat itu Tuan Yang di-Pertua merupakan satu sungai yang paling tercemar juga. Dan kilang-kilang di tebing sungai tu banyak yang melepaskan banyak benda-benda toksik, kumbahan dan apa sahaja benda dilepaskan ke dalam sungai itu kerana pihak JAS kurang berkesan juga. Dan di empangan Kuala Langat dia cedok air daripada Sungai Langat dan ini memang di sini saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah ...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tak cukup lagi. Tengok macam mana banyaknya mengenai ini. Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menyaksikan SPAN itu benar-benar berkesan, *effective and efficient*. Untuk punca-punca yang mencemarkan sungai kita kerana kita di Malaysia muncul juga lebih 96% atau 97% daripada air yang kita guna dari sungai. Dan sama ada di kawasan tadahan, alur air ataupun di tempat-tempat yang berkenaan yang kena mengena dengan air, hanya pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang mengawal semua ini tetapi inilah masalah di mana pihak kementeriannya kurang berkesan juga sehingga masalahnya yang pertama, kekurangan kepakaran forensik *investigation* untuk sumber air ini dan juga memanglah ada sikap tidak bertanggungjawab dengan *deliberate violation* termasuk di Johor yang paling jelas.

Hukuman yang kurang *deterrent*. SPAN mempunyai Akta Industri yang mana hukumannya berat sampai hukuman mati tetapi di sini yang mencemarkan punca air itu hukuman yang kurang *deterrent*. Jadi macam mana kita dapat menyeimbangkannya? Dan kekurangan sumber tenaga, kerja, peralatan dan kewangan untuk JAS dan kesukaran membuktikan kesalahan pihak yang dituduh dan juga peningkatan punca pencemaran, memang dekat kerana bilangan industri bertambah, bilangan penduduk bertambah dan sebagainya. Kekurangan kesedaran sosial, itu memang nilai-nilai tidak begitu murni dan sebagainya, yang sengaja melanggar undang-undang dan sebagainya.

Mengenai punca air pula, langkah-langkah untuk menambahbaikkan penguatkuasaan, itu pun juga menimbulkan masalah. Macam mana Jabatan Alam Sekitar dapat menjaga punca air kita? Mungkin kita dapat memindahkan pula undang-undang di dalam Dewan ini bagi membantu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menguatkuasakan dan memindahkan undang-undang termasuk Undang-undang Kualiti Alam Sekitar 1974 dan mengadakan latihan yang intensif, teknikal dan memperkasakan ICE iaitu *Investigators for crime on environment*. Saya tujukan kepada pencemaran sumber air.

Memohon JPA mendapatkan kakitangan. Di sini SPAN ya, mesti mempunyai kakitangan yang cukup sebab di dalam Jabatan Alam Sekitar itu mereka tidak mempunyai bilangan kakitangan yang cukup walaupun pada akhir-akhir ini ditambahkan berapa ratus orang. Memang satu gejala yang baiklah. Kita mesti meningkatkan...

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Gombak.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Baik, baik. Gombak, dia Ph.D itu.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kepong kerana memberi laluan kepada saya untuk memohon penjelasan. Kalau kita lihat, kalau SPAN mempunyai misal kata, kakitangan yang cukup dan proses pemantauan dan kawal selia, bagaimana pandangan Yang Berhormat? Adakah berlaku pertindihan dengan kawalan dan pengawalseliaan yang dilakukan oleh Jabatan Bekalan Air atau JBA di negeri-negeri? Bagaimana proses pertindihan ini boleh dielakkan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu soalan baik, pertindihan. Kita perlukan satu sistem yang bersepadu supaya tidak ada pertindihan. Sekarang memang tindih, ada pertindihan kerana tidak bersepadu. Itu skop SPAN itu, sampai kita cedok air. Sebelum ini, AAS dan kerajaan tempatan. Itu pun kerana kekangan

dan kecerutan yang tertentu, tidak dapat menguatkuasakan dengan berkesan dan memang saya nampak keprihatinan Yang Berhormat bagi Gombak itu betul. Betul dia bertindih. Macam mana kita dapat selesai? Pening kepala juga kerana tidak ada sistem bersepadu.

Kita mesti meningkatkan kerjasamalah, satu cara untuk menyelesaikan masalah yang disoalkan oleh Yang Berhormat bagi Gombak itu, kita meningkatkan kerjasama dan kefahaman bidang kuasa agensi-agensi terlibat dalam kawasan pencemaran air. Boleh kita adakan kerjasamalah dan yang satu lagi kita boleh menggunakan dengan sepenuhnya rancangan fiskal negara, pelan-pelan struktur dan pelan tempatan. Ini bermakna SPAN mesti kerja dengan kuat. Kita ada 144 kerajaan tempatan. Kerjasama dengan SPAN ini perlu dan di dalam pelan-pelan struktur untuk 144 kerajaan tempatan ini, mesti kita masukkan hasrat dan cita-cita SPAN di dalam. Ini bermakna Akta Industri Perkhidmatan Air dan juga Akta SPAN ini semua peruntukan ini yang perlu dimasukkan dalam pelan strukturnya dimasukkan di dalam pelan struktur dan pelan tempatan.

Kita mesti, SPAN ada bertanggungjawab untuk memastikan semua cadangan SPAN ini dimasukkan di dalam pelan struktur dan pelan tempatan dan tambah pula, semua ini mesti digazetkan, diwartakan. Kadangkala kita ada pelan tempatan ataupun pelan struktur tetapi tidak digazetkan. Ini memang satu perkara yang tidak baik. Yang Berhormat bagi Gombak boleh bantulah kita pastikan 144 kerajaan tempatan itu mempunyai pelan struktur dan pelan tempatan termasuk cita-cita daripada SPAN dan kemudian semua ini dapat diwartakan...

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong kerana memberi laluan kepada saya. bagaimana pandangan Yang Berhormat sekiranya SPAN hanya memantau soal-soal yang berkaitan dengan polisi tetapi soal-soal berkenaan dengan pengawalseliaan, contohnya syarikat-syarikat yang membekalkan air ini dibiarkan di peringkat negeri kerana soal-soal yang berkaitan dengan kerajaan tempatan, soal-soal yang berkaitan dengan tanah masih lagi di bidang negeri. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Kepong? Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Betullah, betullah. Ya, memang hari ini Yang Berhormat bagi Gombak itu bangkitkan soalan yang pokok. Itulah kita bincangkan dua hari setengah dah. Mungkin Yang Berhormat bagi Gombak tidak ada di sini. Dia ada sibuk dengan urusan yang lain itu... *[Ketawa]* Itulah kita bincangkan dua hari setengah mengenai...

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Parit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Parit dia singgah kepada musnah daripada punah itu... *[Ketawa]*

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Itu prasangka itu... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ya, saya memang tertariklah apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat bagi Kepong kerana tindakan bersepadu ini amat penting. Kita ada Majlis Sumber Air Negara. Ada Majlis Tanah Negara. Tidakkah kedua-dua majlis ini boleh membantu dalam memberi garis panduan tentang penjagaan sumber air termasuk di kawasan tadahan, *catchments area* ini bagi memastikan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita itu dapat dirangka untuk kebaikan sumber air.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bersama untuk mengkaji bagaimana pihak agensi-agensi yang saya sebutkan tadi kerjasama dapat dipertingkatkan tetapi setakat ini kita tidak nampak. Saya tidak tahulah sebab apa kita tidak dapat menguatkuasaan yang lebih berkesan, efektif dan efisien. Tidak, tidak. Kalau yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi boleh berkesan, pencemaran di Sungai Selangor, Sungai Langat, dengan *ammonia* itu tidak

akan berlaku, tidak berlaku. Ia berlaku kerana mungkin kerjasama tidak cukup, mungkin penyelarasan itu tidak baik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memang tahu apakah sebabnya tidak begitu berkesan kerana Tuan Yang di-Pertua lama di dalam negeri dan menyaksikan dengan sendiri macam mana semua pihak berfungsi. Memang semua pihak tetapi Yang Berhormat bagi Parit itu kita mahu bincang dengan Tuan Yang di-Pertua untuk pengetahuan yang lebih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bincang dengan menteri.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan menteri, bincang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Menteri, menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan dengan saya... *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia kata mengapa kita tidak boleh meningkatkan kerjasama dan penyelarasan agensi-agensi di negeri itu untuk memastikan sumber air itu bersih. Bukankah Yang Berhormat bagi Parit tadi...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Jadi SPAN ya, Yang Berhormat bagi Beruas.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya? Jangan kita hantar SPAN kepada Kinabatangan. Dia tidak berminat... *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak ada.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah. Kemudian jawab.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat bagi Kepong, minta penjelasan sikit.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya terpanggil kerana Yang Berhormat bagi Kepong menyebutkan tentang kebersihan air ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pegawai kesihatan juga yang ada kepakaran dari segi kesihatan dilantik oleh Menteri di dalam Suruhanjaya Air Negara ini. Saya tahu Yang Berhormat sebagai *specialist* kulit ini, *ferous oxide* dalam air ini, kadang-kadang dia lekat dengan badan kita. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Putatankah itu, siapakah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sebenarnya Sabah tadi tidak terlibat dengan undang-undang ini, sebenarnya.... *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Dia jadi menteri, datang lagi.... *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak terlibat dengan undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini kerana dia tidak mahu rang undang-undang seperti ini. Dia mahu air di Sabah kotor, itulah masalah.... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah membangkitkan, membincangkan masalah penyelarasan dengan panjang lebar. Sila ubah subjek lain kalau ada.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Subjek luar memang keluar tetapi Putatan itu memang tidak kena mengenalah dengan rang undang-undang ini kerana tidak mahu satu sistem perkhidmatan bekalan air bersepadu di Sabah. Ini memang Putatan mesti tukarkan sikap untuk mengadakan satu sistem bekalan air yang lebih sempurna di Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tidak nampak mengapa tidak boleh masuk di dalam rang undang-undang ini. Itu masalah Yang Berhormat bagi Putatan itu...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasihlah Yang Berhormat kerana menyebut soal Sabah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tetapi tidak kena mengena dengan dia di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya minta pandangan, minta pandangan. Jika Yang Berhormat ini *specialist*, yang berkeperan dengan kulit ini, itu sahaja saya minta penjelasan. Jadi bukan soal kekotoran air di negeri Sabah. Kita bincang di sini rang undang-undang untuk SPAN yang melantik jawatankuasa ahli SPAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Oh ya, ya, tetapi saya nampak tidak masuk di dalam rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak apalah. Terus, beredar kepada perkara yang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, memang, memang. Perkara banyak. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah... [Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada meneliti kepada Rang Undang-undang SPAN ini. Saya nampak ada kebanyakannya itu serupa dengan *portal services regulation authority of what the England and Wales*. Memang ada serupa, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Di sini, setakat itulah yang ada serupa. Di England dan Wales itu dia tidak ada kekangan atau kecerutan mengenai tanah dan hutan. Dia boleh buat apa sahaja ke atas tanah dia dan dia ada sistem yang bersepadu. Sebenarnya, inilah. Kita ada 15 '*consensional*' di sini. Entahlah syarikat-syarikat yang tidak masuk. Adakah syarikat-syarikat yang kena mengena dengan air yang tidak dimasukkan di dalam rang undang-undang ini? Lebih daripada 15, ya. Saya ingat lebih itu. Ada yang tidak di dalam jadual. Tidak ada ya? Tidak ada di dalam jadual dan walaupun kita ada kebanyakan yang serupa dengan itu OFWAT, itu *Water Services Regulation Authority* di England dan Wales dan di sini, saya hendak menekankan bahawa dia ada sistem yang bersepadu.

Ekoran daripada itu, peraturan dia ketat. Penguatkuasaan, pengawal seliaan yang berkesan, cekap, efisien dan efektif sehingga. Ini tidak kena mengena dengan penyelarasanlah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Misalnya, dengan itu *Thames Water*. *Thames Water* itu dikuasai, diuruskan oleh syarikat Jerman yang besar, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Thames Water* diuruskan oleh *International Multi Utility, the RWE Group*. Ini bukan main dia, yang mempunyai itu misalnya di China. *Thames Water purchase a 48% stakes in the China Water Company*. Di China pun dia benarkan. Di sini, kita masih, kerana mungkin kita tidak ada penguatkuasaan dan pengawal seliaan yang efektif, yang efisien, kita tidak dapat menswastakan dan juga Tuan Yang di-Pertua, *Thames Water, now provides water and waste water services to some 70 million customers in 46 countries across the world*. Jadi syarikat Jerman ini, dia antarabangsa adalah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kalau kita buka, *liberalize* kita punya perkhidmatan air, dia memang hendak masuk, kita tahu dah tetapi setakat ini, kita tidak mampu lagi lah walaupun Yang Berhormat bagi Puchong dia suka juga itu, nampaknya... [Ketawa].

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Penjelasan... [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri hendak minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan sahaja *Thames Water*, ada water lain lagi.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Bercakap tanpa pembesar suara] *Thames Water* masuk Malaysia... [Ketawa] Saya pun tidak tahu kenapa, *Thames Water* ...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak, tidak. Yang saya hendak sebutkan di sini, ia benar-benar.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Beberapa Ahli:** *Mic.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Seorang Ahli:** *Mic.*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Bercakap tanpa pembesar suara] Kepong, mahu *Thames* masuk Malaysia, atau *you* cadangkan *Thames* masuk Malaysia atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak apa, tidak apa. Saya akan...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kalau ada, dia langkah dengan dasar DAP... [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Ketawa]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang ada DAP tolong dia baca baik-baik. Ingat baik-baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat pun rasa dengan prasyarat, SPAN mesti mempunyai penguatkuasaan yang berkesan, cekap dan juga mesti ada peraturan yang ketat sehingga kita tidak mampu untuk menghadapi cabaran ini. Sekarang kita bukan sahaja tidak mampu, kita mempunyai masalah. SPAN tidak boleh mengendalikan masalah air mentah, bukan tubuh. Kalau tubuh pun, skop dia itu bermula dengan air divedokkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itu sahaja dia bermula itu. Saya hendak beritahu yang kita hendak tiru itu keberkesanan, *efficiency*, yang mana *Thames Water*, *Yorkshire Water*, *Wessex Water* kita punya syarikat Malaysia dan juga *Yorkshire Water* dikendalikan oleh *Keldall Water Services* yang juga kena mengena dengan syarikat Amerika, *Aquarian* yang besar juga. Ia memang ada *efficiency* dan ia 100% diswastakan. Yang kita punya, kita di Malaysia ini, '*consensual*' kita tidak tahu sama ada dikorporatkan, diswastakan atau separuh korporat, separuh swasta, saya pun tidak tahu. Memang ada kekeliruan di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang ada kekeliruan dan mereka ini sama ada *Yorkshire Water*, *Thames Water* atau *Wessex Water*. *Wessex Water* memang Malaysia punya.

Malaysia punya dapat menjalankan dengan baik saya nampak untuk membekalkan air kepada 1.2 juta orang, mungkin dia boleh membekalkan air di sini saya tidak tahu, itu syarikat Malaysia. Maksud saya kita hendak *efficiency* di dalam semua syarikat Malaysia, tetapi *efficiency* dan satu hari kelak mungkin 14 tahun hadapan kita

dapat membuka kerana kita memang SPAN itu baik, bersepadu dan baik dan setakat ini di separuh jalan sahaja.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya dengar ini setengah jam dan tadi dalam perbahasan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air, tetapi kalau salah bagi tahu saya salah, tetapi apa yang saya tahu lepas dengar, Yang Berhormat setuju dengan penswastaan air, jika syarikat adalah *efficient* dan baik dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Betulkah, dia sokong penswastaan? Kalau tidak, apa you mahu sebut *claims water*, ... *water*, apa *water* ini England punya. Mahu dia mari sinikah? Saya tidak berapa faham, tolong *you* jelas baik-baik.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak apa. Saya akan jelaskan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *You* lebih cakap, nanti saya ingat pandangan saya selalu dengar, pandangan baik saya ikut, *you* jangan bagi saya salah faham sehingga saya tidak tahu *you* mahu dia masuk atau tidak mahu masuk saya pun tidak tahu... [Ketawa]

Mahu atau tidak mahu, *you* bagi saya tahu terus, tidak mahu! Atau mahu! Saya dengar-dengar sehingga saya tidak tahu *you* mahukah tidak mahu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kalau macam itu dia mahu tidak mahu, di dalam rang undang-undang kedua-dua rang undang-undang Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya pun tidak tahu, saya pun baru masuk... [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak apa, tidak apa. Di dalam kedua-dua rang undang-undang ini memang mengenai penswastaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah cakap...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ...Dia senyap dan itu sunyi. Bersenyap-senyap di dalam rang undang-undang ini mengenai penswastaan itu lebih dahsyat lagi, tidak sebut satu perkataan pun di dalam rang undang-undang ini, macam mana soal tidak berhak lagi, ini masalah. Di dalam undang-undang tidak ada satu perkataan mengenai penswastaan, senyap sunyi, itulah masalah. Di dalam Dewan dia hendak sebut, di dalam rang undang-undang senyap sunyi. Bagi Yang Berhormat bagi Padang Rengas, kita bagi nasihat, kalau di dalam undang-undang ini tidak sebut, di dalam Dewan hendak sebut tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Habis?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak habis lagi.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Adakah Yang Berhormat bagi kepong bahawa perkhidmatan haruslah di nasionalis, bukan diswastakan atau dikorporatkan. Ini satu kepentingan orang ramai dan juga semua rakyat boleh menikmati air, haruslah diberi satu nasionalis memastikan air dinikmati oleh semua rakyat, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Bukit bintang, setakat ini kita pun tidak tahu apakah dasar kerajaan mengenai penswastaan ataupun pengkorporatan ataupun separuh pengkorporatan atau separuh penswastaan. Kita pun bingung juga, tetapi yang penting sekali, kita mesti memastikan pihak SPAN itu benar-benar berkesan. Misalnya kalau kita hendak setakat ini kita ada 14 tahun lagi mencapai satu standard antarabangsa dan pihak kerajaan mestilah menentukan semua langkah yang diambil di dalam pengurusan air adalah mencapai satu tahap antarabangsa dan menjamin hak asasi rakyat Malaysia dan maksud saya kita hendak satu *efficiency* sama ada kita hendak buka kepada orang lain, kita mesti memastikan penguatkuasaan kita itu benar-benar berkesan. Kalau tidak macam mana kita buka, susah.

Masuk keluar pun tidak boleh. Sekarang misalnya saya bagi satu contoh di banyak kawasan daripada 170 lembangan sungai kita, kebanyakan ada ceroboh, orang ada melakukan pembalakan haram dan sebagainya dan setakat ini Yang Berhormat bagi

Beruas pun tidak tahu lagi setakat mana kawasan tadahan kita lembangan sungai utama kita 150 jumlahnya, setakat mana kita hilang semua hutan, setakat mana kehilangan hutan kita dan Yang Berhormat bagi Beruas pun tidak ada di dalam SPAN atau rang undang-undang ini yang mengatakan kita mesti tanam semula penghutan semula, tidak ada. Bagi saya sebelum kita buat apa-apa, itu satu langkah yang penting. Kita tahu berapa ekar hutan di dalam kawasan tadahan itu sudah diceroboh, hektar, ekar tidak apa. Berapa hektar sudah hilang dan macam mana kita dapat menghutan semula?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu sangat berminat dengan kehilangan hutan di kawasan tadahan. Kita mesti tahu dan SPAN hendak ada memainkan peranan yang penting, mesti buat kajian semua kawasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dari tadi itu sahaja Yang Berhormat cakap pusing-paring.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...*[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Seperti Padang Rengas, pembalakan haram situ banyak... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi saya hendak sentuh mengenai hal SPAN ini dan satu...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Berhentilah, sudahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Fungsi Suruhanjaya kita... cakap di sini misalnya 18(1), Suruhanjaya adalah bertanggungjawab kepada menteri memang salah, Yang Berhormat baca, tengok muka 16 Suruhanjaya adalah bertanggungjawab kepada menteri. Kita hendak SPAN berkesan, kita hendak SPAN efektif. Kalau hendak efektif SPAN mestilah bertanggungjawab kepada Dewan ini sahaja, Parlimen. Saya faham, di dalam rang undang-undang ini semuanya dia tumpu kepada kuasa menteri sahaja, di dalam undang-undang semua fasal yang berkenaan dengan pelantikan, pembatalan dan sebagainya. Bukan satu *point* Yang Berhormat bagi Puchong. Yang Berhormat bagi Puchong pun tidak baca...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kalau kita hendak SPAN benar-benar berkesan,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, nanti bukan Yang Berhormat bagi Puchong yang akan menjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tahu, tetapi dia kacau di situ.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Puchong, jangan kacau Yang Berhormat .

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia kacau di situ, dia bukan hendak jawab, dia hendak kacau, itu masalah... *[Ketawa]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *You* pusing, pusing, kita kacaulah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kinabatangan memanglah dia daripada Sabah, tidak kena mengena dengan rang undang-undang ini langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti saya akan bagi peluang kepada Kinabatangan berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bagi dia berucap pun apa guna, dia tidak mahu rang undang-undang ini di Sabah, sia-sia sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini tidak cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak cukup?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Suruhanjaya ini SPAN ini mestilah Yang Berhormat...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [*Bangun*]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang dia baca sudah ini.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Puchong hendak bantu menterilah.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Bagi saya, *you* kelirukan Dewan ini. *You* saja baca Yang Berhormat Kepong ini hanya baca arahan Seksyen 18(1) sahaja, baca yang kedua ini Seksyen 18(2), memberi arahan am. Kalau untuk menjaminkan sesuatu keberkesanan sesuatu organisasi, bergantung juga kepada operasi-operasi yang tertentu atau pelaksanaan peraturan-peraturan maka dengan itu baru efisien, berkesan. Jangan Yang Berhormat Kepong ini berpusing-pusing satu *point* sahaja. Saya minta penjelasan sedikit mengenai 18(2) ini apakah pandangan Yang Berhormat ini iaitu arahan am, arahan am mengenai daripada Menteri ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua sama ada arahan am, arahan khusus, arahan spesifik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Inilah semua arahanlah?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [*Ketawa*] Am, khusus, spesifik ini bermakna Yang Berhormat Puchong mesti berfikir dengan mendalam. Kita hendak SPAN berefektif kita mesti bagi satu status yang bebas kerana menteri ini bukan bebas dia tertakluk kepada jemaah menteri, dia tertakluk kepada parti, dia bukan bebas, dia bukan *neutral*. *He's not none and lie he's not neutral*. Macam mana SPAN dapat berfungsi dengan bebas dengan berkesan. *No, actually the* SPAN mesti bertanggungjawab kepada Dewan ini. Ini bermakna tidak ada parti politik yang mempengaruhinya. Ini memang penting kalau kita hendak SPAN benar-benar bertaraf antarabangsa kita mesti memberi kebebasan dan kebebasan itu bermakna dia bertanggungjawab hanya kepada Dewan ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tunggu DAP memerintahlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak kena dengan Sabah, Sabah tidak mahu rang undang-undang ini apa hendak cakap lagi diamlah itu, kalau tidak mahu rang undang-undang seperti ini apa pasal hendak kacau? Menjadi pengacau pun susah juga, tidak payahlah. Tuan Yang di-Pertua saya berharaplah Yang Berhormat Menteri dapat berfikir dengan baik-baik macam mana kita dapat menjadikan SPAN itu efektif. Kalau dia hendak jadi efektif ini mesti bebas, mesti bebas. Lain kali itu berapa hari tahun akan datang kita hendak bukakan mungkin bidang ini kalau itu dinamakan SPAN mestilah lebih berkesan untuk menguruskan, untuk memantau semua ini, ada mungkin ada Yang Berhormat Tumpat hendak ucap juga dan saya berharaplah apa yang saya cadangkan tadi dapat diambil kira oleh Yang Berhormat Menteri supaya kita sama-samalah menyempurnakan SPAN ini dan,

*Daun ketupat diikat,  
Seekor lampang di lukah,  
Ikan biar dapat,  
Serampang jangan pukah.*

Ikan biar dapat, serampang jangan pukah. Maksud sayanya jangan kita melaksanakan itu terima pakai undang-undang ini, kemudian kerugian wujud di dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabah hendak cakap Kinabatangan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia tidak mahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah silalah.

**4.15 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya Ahli Parlimen Malaysia Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut berbicara soal Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006. Rang Undang-undang ini dilihat bunyi yang disebut oleh menteri begitu indah dan kita memang tahu bahawa hasrat dan aspirasi kerajaan untuk melihat bagaimana pengurusan air di seluruh negara walaupun Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang tidak mengambil pilihan dalam Suruhanjaya SPAN ini tetapi saya percaya di satu ketika nanti penyelarasan pengurusan air seluruh negara ini akan dapat dilaksanakan lebih menyeluruh.

Saya terpanggil di mana kita melihat rakyat dan juga pengguna begitu menanti-nanti akan pewujudan suruhanjaya ini sebab harapan mereka bahawa agar suruhanjaya ini dapat membentuk satu pengurusan air yang boleh memberi perkhidmatan air kepada masyarakat secara lebih saksama dan negara kita menghadapi sedikit masalah dengan pengurusan air, sedangkan air ini merupakan satu kepentingan walaupun beberapa perkara juga penting. Dalam suruhanjaya ini juga ada diwujudkan terlebih dahulu iaitu Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia dan juga Suruhanjaya Tenaga. Jadi saya ingin bertanya dengan kementerian, sebab rakyat tidak mahu melihat Suruhanjaya Air ini menjadi seperti suruhanjaya-suruhanjaya yang terdahulu.

Suruhanjaya Tenaga misalnya telah dipersoalkan oleh masyarakat di mana terdapat langkah-langkah yang tidak bijak diambil oleh suruhanjaya ini telah mengakibatkan masyarakat pengguna bangkit dan menentang sehingga membawa tenaga ataupun agensi-agensi suruhanjaya ini ke pengadilan. Contoh dia suruhanjaya ini kena efisien saya setuju dengan Kepong cuma dia terkepong-kepong dalam satu situasi sahaja tidak sampai ke mana-mana. Tidak ada cadangan dan sebagainya. Jadi kita melihat...

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Gombak.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi semasa Yang Berhormat masih lagi sedang bersemangat itu saya ingin mohon penjelasan iaitu kalau kita lihat bahawa yang menjadi kekhuatiran saya dan juga masyarakat, yang kita takutkan ialah bahawa SPAN ini akan menambahkan lagi birokrasi kepada terutama operator-operator air, perkhidmatan air. Contohnya misal kata kita beritahu bahawa SPAN ini tidak mempunyai kuasa eksekutif dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri contohnya seperti mana yang dibangkitkan tadi. Jadi yang kita khawatirkan nanti syarat-syarat yang dipohon oleh Kerajaan Tempatan, syarat-syarat yang dipohon oleh Kerajaan Negeri masih sama sedangkan SPAN tidak mempunyai konsep eksekutif terhadap badan-badan tersebut.

Apa yang kita khawatirkan nanti bahawa dengan wujudnya SPAN ini menambahkan lagi birokrasi dan proses sesuatu itu makin bertambah sukar. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya memang kalau kita lihat daripada akta ini bahawa iaitu air masih tanah masih dimiliki oleh kerajaan-kerajaan tempatan ataupun kerajaan-kerajaan negeri. Manakala pengurusan air pemprosesan dia akan dikawal selia oleh suruhanjaya. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa pengurusan negara kita masih berada dalam satu forum yang sama iaitu selagi Barisan Nasional diberi mandat oleh rakyat selagi itu budi bicara masih boleh dilaksanakan. Persoalan yang kita hadapi sekarang ini iaitu mampukah Suruhanjaya Air ini berfungsi secara berkesan iaitu inilah yang kita harap-harapkan sebab kita lihat Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi langsung tidak berfungsi pada hari ini.

Sebab kita saya ingin tahu kalau dia berfungsi berapa banyak *enforcement* yang telah dilantik di bawah suruhanjaya ini? Kalau ada *enforcement*, kenapa berlaku iaitu pemasangan parabola-parabola yang haram di sana-sini dan parabola ini kita maklum hanya mereka yang berkemampuan boleh membeli bukan semua orang boleh. Jadi kalau tidak ada *enforcement*, bagaimana suruhanjaya ini boleh dilaksanakan secara berkesan

kalau kerajaan tidak bersedia dalam semua aspek. Jadi kita meminta Suruhanjaya Air ini agar tidak menjadi seperti Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi ataupun Suruhanjaya Tenaga. Sebab orang kampung tidak ada api elektrik dia boleh pasang pelita ataupun lampu tetapi kalau air tidak ada, ini tidak ada pilihan lain. Rakyat akan bangun memberontak dan akan menidakkan kerajaan kita pada satu ketika nanti.

Jadi saya meminta, selaku wakil rakyat Barisan, kita mengalu-alukan suruhanjaya ini sebab ia memang baik untuk dilaksanakan oleh kerajaan tetapi pepatah Melayu ada menyatakan, niat yang baik, hasrat yang baik, tetapi pelaksanaan dia tidak baik, maka ianya akan menjadi satu perkara yang tidak baik.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan sekali-kali menjadi senjata makan tuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan menyebut tentang kalau ketiadaan bekalan elektrik, rakyat akan pasang pelita dan pasang api gasoline. Macam mana kalau tak ada air? Rakyat akan bangun memberontak kerana air ini adalah keperluan asas. Apa pendapat Yang Berhormat kalau kata tak ada air pula, rakyat gali perigi? Adakah suruhanjaya juga mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam usaha rakyat menggali perigi ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab itu, suruhanjaya ini apabila benar-benar diwujudkan dan akan kita luluskan pada persidangan pada hari ini. Hendaklah memfokuskan bagaimana suruhanjaya ini melihat bekalan air itu boleh diberi dengan apa jalan sekalipun kepada masyarakat Malaysia? Kepada rakyat Malaysia di Kinabatangan, masyarakat Malaysia di Tangga Batu, itu harus dilihat. Jadi, apakah kemampuan suruhanjaya ini benar-benar ada kebolehan dia, ada kemampuan dia? Sudahkah Yang Berhormat Menteri meneliti siapa agaknya suruhanjaya dia? Jangan terlalu bergantung pada mereka yang sudah bersara, tetapi kita berkeyakinan mereka ada kebolehan, sedangkan sewaktu mereka memegang jawatan, mereka juga tidak mempertonjolkan kebolehan mereka, apa lagi mengurus urusan sebegini besar?

Jadi kita meminta Yang Berhormat Menteri meneliti, bukan hanya, jangan hanya mereka ini pakar dalam berbagai-bagai bidang, tetapi kesungguhan itu harus ada. Komitmen itu harus ada dan mereka harus bekerja untuk negara kita. Sebab mereka ini menjadi suruhanjaya seluruh negara. Jangan fikir diri mereka. Ini kebimbangan yang disuarakan oleh rakyat kita, oleh masyarakat kita. Oleh masyarakat pengguna dan sebagainya.

Jadi oleh Tuan Yang di-Pertua, sebagai mewakili pengguna, sebagai mewakili rakyat Malaysia khususnya yang ingin melihat Suruhanjaya Air ini boleh berfungsi sebaik mungkin, kementerian ini harus mengkaji bagaimana pendekatan-pendekatan yang sebaik mungkin yang boleh diterapkan bagi memastikan bahawa pengurusan air yang ada pada hari ini tidak begitu baik. Apabila ada suruhanjaya ini, ia akan bertambah baik. Ini selaras dengan tuntutan Islam Hadhari, iaitu kita harus membawa sesuatu perkara yang tidak baik itu kepada sesuatu yang baik. Kita hijrahkan pengagihan air ini supaya rakyat tidak kira di bandar, di kota, di desa, kampung dan sebagainya mendapat pembekalan air secara saksama dengan apa jalan sekalipun. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

16.25 ptg.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut terlibat dalam perbincangan berkaitan dengan isu air khususnya Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006. Saya fikir Yang di-Pertua, ini satu lagi isu dan rang undang-undang yang mana jelas semua ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang dan *backbenchers* mempunyai pandangan yang sama. Ini saya fikir, tak

perlu kita sorok-sorok atau bimbang untuk menyatakannya, iaitu umumnya kami merasa bimbang dan kluatir dan ragu-ragu adakah ini satu penyelesaian yang terbaik kepada masalah air yang ada dalam negara kita ini? Adakah yang terbaik sebagaimana pihak pentadbiran negara, pemimpin politik kerajaan negara cadangkan iaitu melalui asalnya pindaan Perlembagaan dan beberapa hari termasuk hari ini ialah dengan mencadangkan ke Dewan ini rang undang-undang berkaitan dengan air dalam dua bentuk rang undang-undang ini.

Jelas sekali, daripada apa yang kita dengar termasuk sebentar tadi, daripada sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan, dan celahan-celahan daripada tokoh-tokoh kita seperti Gombak, semuanya mempamerkan perasaan amat bimbang akan kesan dan keberkesanan apa yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini. Asas yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam membentangkan Rang Undang-undang Industri Air misalnya, ialah merujuk kepada betapa tidak berjayanya kerajaan-kerajaan negeri dalam menguruskan air dan oleh sebab itu, masalah hutang negeri kepada pusat dibangkitkan.

Akan tetapi jawapan kami, kedua-dua pihak ini ialah kerajaan pusat telah banyak diberikan amanah untuk mengendalikan hal-hal negara seperti MAS, seperti TNB yang kita dengar tadi, dan ia juga membuktikan lebih gagal daripada contoh yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam kes air ini. Kalau kerajaan negeri berhutang dalam kes air, kerajaan pusat lagi banyak berhutang. Ini isu besar negara. Tanggungjawab besar Kementerian Kewangan ialah bagaimana nak mengendalikan hutang negara yang begitu besar?

Jadi, dengan sebab itu hujah bahawa kerajaan negeri berhutang, bahawa pengendalian air ini tidak efisien, saya fikir adalah hujah-hujah yang amat lemah, yang oleh sebab itu tidak harus dijadikan alasan yang utama untuk membawa rang undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin merujuk kepada khusus rang undang-undang ini iaitu pertamanya, saya mengharapkan sebagaimana yang dibayangkan Yang Berhormat Menteri dalam pembentangan tadi, bahawa semangat yang asalnya kuasa ke atas air ini ialah terletak kepada negeri, maka dengan sebab itu, saya berharap, walaupun rang undang-undang ini akhirnya, akan menjadi undang-undang bahawa kuasa asal dan peranan asal negeri dalam hal-hal air ini dihormati oleh kerajaan pusat khususnya melalui rang undang-undang dan pembentukan suruhanjaya ini. Kuasa Menteri yang amat besar, telah disebutkan tadi sebagai membimbangkan.

Dalam kes keanggotaan suruhanjaya, kini kuasa Menteri adalah amat besar. Dalam pembentangan tadi, kalau saya tidak silap dengar, Yang Berhormat Menteri menyatakan daripada kategori tidak kurang daripada lapan, tidak lebih daripada sepuluh itu, dua adalah wakil negeri. Saya ingin mencadangkan tiap-tiap negeri yang ada wakil dalam suruhanjaya ini. Sebab ini adalah hak asal negeri dan masing-masing. Negeri ini Yang Berhormat, adalah terbentuk salah satu daripada asal-usulnya ialah ianya berpaksikan kepada kependudukan masyarakat kita di tempat yang ada sungai-sungai. Negeri Kelantan kerana ada Sungai Kelantan. Negeri Terengganu kerana ada Sungai Terengganu, negeri Pahang, Sungai Pahang dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, kaitan negeri dan sungai dan air adalah cukup akrab, rapat sekali.

Jadi oleh sebab itu untuk hanya negeri-negeri digabungkan dan diletakkan tempat mereka kepada hanya dua tempat dalam suruhanjaya ini, adalah saya fikir tidak menghormati sejarah sebenar. Yang mana Yang Berhormat Menteri, beberapa kali menghormatinya, bahawa dalam negara kita yang berbentuk persekutuan ini, negeri-negeri adalah penting dan kuasa-kuasa mereka mesti dihormati dan tidak mudah Yang Berhormat Menteri mengakui untuk menarik dan mengalihkan kuasa negeri ini kepada kerajaan pusat. Kemudiannya dalam kes berkaitan dengan fungsi suruhanjaya.

Dalam 15(a), tentang peranan suruhanjaya menasihati Menteri berhubung dengan objektif Dasar Kebangsaan, bagi Undang-undang Perkhidmatan Bekalan Air, tetapi sebagaimana yang kita bahas dalam Rang Undang-undang sebelum ini, oleh sebab dasar kebangsaan undang-undang perkhidmatan bekalan air yang hendak dipinda dan dijadikan sebahagian daripada undang-undang ditolak oleh Yang Berhormat Menteri dan kerajaan, maka pada tahun-tahun yang terkemudian, agak susah untuk sesiapa pun mengatakan sebenarnya apakah dasar kebangsaan bagi perkhidmatan dan pembentukan negara kita

ini? Seterusnya (e), adalah menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil. Ini disebutkan Kinabatangan, dan memang benar, bahawa masalah tarif ini adalah masalah yang besar dan penting. Bagaimana Kinabatangan sebutkan juga, rekod Yang Berhormat Menteri dalam hal tarif ini adalah tidak menggalakkan dan tidak menguntungkan rakyat dan pengguna.

Dalam kes tarif elektrik misalnya, nampaknya Yang Berhormat Menteri lebih banyak nak berkempen supaya dibenarkan kenaikan tarif elektrik secara yang secepat mungkin. Dan daripada luar ini, kami nampak seolah-olah Kabinet yang lebih menjaga, lebih prihatin terhadap keadaan pengguna dan menghalang Yang Berhormat Menteri daripada hasrat untuk menaikkan seberapa segera dan seberapa banyak kadar elektrik ini. Jadi rekod ini membimbangkan.

Oleh sebab itu, saya ingin supaya Yang Berhormat Menteri bersetuju mengumumkan apabila tertubuh kelak SPAN ini, maka kadar tarif air yang akan ditentukan oleh SPAN ialah mengikut kadar tarif air yang termurah, yang terendah yang berkuat kuasa hari ini dalam negara kita. Pilihlah negeri mana, kuasa air mana dalam negara kita hari ini yang terendah tarifnya, dan anggaplah itu sebagai *benchmark* kepada tarif air yang akan dimulakan oleh SPAN untuk seluruh negara.

Keduanya, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri, supaya mengarahkan SPAN nanti, supaya mengisytiharkan bahawa tidak akan ada kenaikan tarif air selama lima tahun sekurang-kurangnya daripada sekarang. Kalau ini dilaksanakan, baru rakyat dengan segera dapat melihat bahawa kesan daripada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan duduk di sini dua hingga tiga hari, mendengar kami berucap, dan memberikan janji-janji yang begitu banyak itu. Maka kesan positif terhadap rakyat dari segi memperoleh air bersih dengan kadar tarif yang rendah, yang terjamin sekurang-kurangnya dalam lima tahun ini akan kita dapat lihat benar-benar berlaku, sebab air Yang Berhormat Menteri bukan seperti minyak yang terpaksa mengikut kadar harga antarabangsanya dan sebagainya. Ianya adalah sumber dalam negara dan tidak ada kos-kos yang terlalu boleh menyumbang kepada hujah-hujah untuk dibenarkan kadar tarif air ini dinaikkan.

Seterusnya berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya ini, saya nampak tidak disebutkan tentang hubungannya dengan Forum Air, di mana peranannya untuk mengambil kira pandangan atau perhubungan dengan Forum Air. Walhal dalam rang undang-undang sebelum ini, ada disebutkan tentang Forum Air. Jadi saya ingin mencadangkan supaya Forum Air ini dimasukkan sebagai salah satu daripada fungsi yang perlu dimainkan oleh Suruhanjaya ini, iaitu mempunyai hubungan dan mengambil pandangan daripada kumpulan atau institusi yang dinamakan Forum Air.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan oleh kerana hari ini keadaan yang ada ialah sudah ada pemegang-pemegang konsesi air. Maka saya ingin mencadangkan di dalam SPAN membuat apa-apa keputusan dan pendirian berkaitan dengan pelantikan atau pemberhentian kontrak dengan konsesi air, maka ia melibatkan sudah tentunya negeri-negeri, negeri-negeri yang berkenaan itu mesti bersetuju dengan keputusan tersebut. Misalnya jika ianya berkaitan dengan membuat keputusan konsesi air di Pulau Pinang, maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang mestilah dipinda undang-undang di mana-mana, berkuasa untuk bersetuju atau tidak dan persetujuan atau tidaknya itu adalah berkuat kuasa dalam membuat keputusan.

Ini adalah untuk sekali lagi mempertahankan hak-hak negeri dan kerajaan negeri dan menghormati bahawa kerajaan negeri lebih maklum tentang bagaimana nak menguruskan secara terbaiknya hal-hal yang berkaitan dengan air di negeri yang berkenaan. Jadi amat-amat malang dan membimbangkan jika tiba-tiba SPAN diwujudkan, dan tiba-tiba SPAN misalnya mengambil keputusan membatalkan kontrak air Kelantan untuk membekalkan air di Kelantan. Kemudian, dilantik suatu syarikat air baru yang dipengerusikan oleh Datuk Anuar Musa misalnya, sebagai pemegang konsesi air baru.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebab Yang Berhormat bagi Ketereh dengan Yang Berhormat Ketua Bahagiannya tidak berapa sealiran mengikut maklumat yang kita ada. Jadi ini kita fikir perlu ...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Itu fitnah, itu fitnah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Iaitu keadaan di tiap-tiap negeri dalam membuat keputusan berkaitan dengan air dan konsesi air ini, hak kerajaan negeri untuk bersetuju atau tidak bersetuju mestilah dianggap sebagai berkuat kuasa dalam membuat penentuan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan.

**4.35 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi ada berkata kerajaan boleh melantik dua orang wakil kerajaan dalam Suruhanjaya. Dan juga wakil-wakil dari negeri boleh dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa. Memandangkan wakil Kerajaan Pusat sama ada wakil kerajaan negeri, mereka masing-masing ada jawatan awam dan sekiranya mereka mewakili Kerajaan Pusat atau negeri, saraan-saraan atau imbuhan-imbuhan atau ganjaran-ganjaran yang diterima dari Suruhanjaya atau Jawatankuasa ini perlu diberi kepada siapa? Perlu diberi balik kepada Kerajaan Pusat, negeri atau memberi kepada individu tertentu?

Misalannya saya kata, di Pulau Pinang pihak Perbadanan Bekalan Air di Pulau Pinang, Ketua Menteri Pulau Pinang adalah pengerusi badan air ini, bukan Suruhanjayalah tapi PBA di Pulau Pinang. Timbalan Ketua Menteri menjadi seorang *director*, Setiausaha Negeri menjadi seorang *director*, Bendahari Negeri menjadi seorang *director*, Penasihat Undang-undang juga menjadi seorang anggota. Mereka masing-masing menerima imbuhan, ganjaran dan lain-lain daripada syarikat pembekalan air ini. Ke manakah perginya semua ini? Adakah semua ini diberi kepada mereka atau mereka menerima ganjaran, imbuhan atau saraan atau lain-lain dan diberi balik kepada kerajaan.

Pada fikiran saya, mereka boleh mendapat *allowance* untuk menghadiri mesyuarat. Mereka boleh mendapat imbuhan untuk penginapan dan juga makanan, tetapi gaji atau *allowance-allowance* perlu diberi balik kepada kerajaan kerana mereka memegang jawatan awam. PBA Pulau Pinang ada memberi 10% dividen pada tahun yang lepas. 3% *tax relief* dengan izin kepada *director-director* dan lain-lain ganjaran. Saya ingin bertanya menteri, sama ada 10% dividen atau 3% *tax relief* dan lain-lain keistimewaan mereka dimiliki oleh siapa? Balik kepada kerajaan negeri atau kepada orang individu? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

**4.38 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang SPAN ini bagi tujuan supaya kita dapat membahaskan secara objektif untuk kepentingan rakyat.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita menyaksikan bahawa apabila berlakunya apa yang dikatakan kuasa menteri yang amat digeruni, yang kita bincangkan secara *detail* dalam perbahasan sebelum ini. Ketakutan yang sangat ini lahir daripada bagaimana yang terdapat daripada sejarah-sejarah masa silam, bagaimana kuasa menteri ini apabila diberikan dengan izin, *blank cheque*, maka dia akan mengundang kepada berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa dan pada saya Parlimen adalah merupakan forum yang terbaik untuk kita menganalisis dan memperincikan tentang kuasa-kuasa menteri ini.

Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku tengah hari tadi sebagai contoh, saya rasa dari segi isi hati rakan-rakan kita di sebelah sana juga bersetuju kalau kita berfikir secara objektif tentang bagaimana kuasa menteri ini mesti dihadkan dan tidak boleh diberikan ruang yang sebegitu luas, tetapi malangnya oleh kerana ada peraturan di sebelah mereka yang tidak boleh menyokong apa juga usul dari pihak pembangkang, maka kita melihat apa yang berlaku pada tengah hari tadi.

Sebagai contoh dalam subseksyen 1, seksyen 11 dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini merupakan satu klausa yang sekali lagi merupakan yang sangat luar biasa. Berbanding dengan akta-akta di negara lain kerana sekali lagi menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota suruhanjaya tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan tersebut. Saya merasa cukup kesal apabila membaca fasal ini yang membuktikan sekali lagi menteri diberikan kuasa yang begitu besar di dalam membuat keputusan dengan perkataan yang tegas tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan tersebut.

Ini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat kepada akta-akta yang terdapat dalam parlimen-parlimen negara lain khususnya apabila saya menyemak parlimen-parlimen dalam negara-negara Komanwel di Australia, di New Zealand dan apatah lagi kalau kita melihat akta-akta yang diluluskan di *House of Commons* yang jarang-jarang, *is very rare* memberikan kuasa yang begitu besar kepada menteri untuk bertindak dalam apa jua kementerian yang mereka dipertanggungjawabkan. Seinggakan kita melihat di dalam sebagai contoh kes yang boleh kita banggakan apabila Perdana Menteri sendiri, Perdana Menteri Britain yang Tony Blair yang pernah membawa suatu Rang Undang-undang *pre-emptive* yang mirip kepada ISA yang dibincangkan dan beliau bantangkan sendiri di dalam *House of Commons*. Tiba-tiba keputusannya, anggota-anggota daripada parti *labour* sendiri yang menolak undang-undang tersebut.

Ini adalah membuktikan betapa Ahli-ahli Parlimen di dalam negara-negara ini telah memainkan peranan dan tanggungjawab demi masa depan negara mereka yang tidak hanya memikirkan tentang periuk nasi mereka tetapi apa yang penting adalah setiap rang undang-undang itu dan implikasinya, pembacaan mereka dan mereka *anticipate* kepada perkara-perkara yang mungkin berlaku dan yang berjaya mengajar walaupun seorang Perdana Menteri yang kalah dalam pidatonya yang rang undang-undang itu ditolak oleh Ahli-ahli Parlimen daripada partinya sendiri. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini...

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Penjelasan.

**Datuk Salleh bin Tuan Said [Kota Belud]:** Sila.

**Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]:** Penjelasan. Terima kasih, Kubang Kerian dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri ada menyebut tentang keanggotaan Suruhanjaya sepuluh orang, dua orang daripadanya adalah terdiri dari wakil-wakil negeri. Bersetujukah Yang Berhormat sekiranya mereka yang mewakili negeri-negeri ini tidak mendapat kuasa mutlak daripada menteri untuk dipecat daripada anggota Suruhanjaya tetapi mestilah mendapat persetujuan daripada negeri-negeri tersebut. Maknanya apabila menteri kata pecat keluar daripada Suruhanjaya tetapi tidak mendapat restu daripada negeri maknanya mereka ini tidak boleh dipecat walaupun oleh menteri berkenaan. Setujukah begitu?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Ya, sebagaimana yang disebut juga tadi disentuh secara panjang lebar oleh sahabat saya daripada Tumpat tentang bagaimana anggota Suruhanjaya ini mestilah mengambil kira tentang pandangan-pandangan daripada negeri sebagaimana yang telah disebut tadi supaya berlakunya suatu timbang tara yang terbaik bagaimana perjalanan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini akan dapat memenuhi tanggungjawab serta peranannya untuk memberikan keadilan yang sebaik-baiknya kepada pengguna dan juga kepada negeri-negeri yang mengurus air ini akan diambil alih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup gembira apabila mendengar jaminan daripada Yang Berhormat Menteri tentang beliau berkali-kali menegaskan tentang tidak akan wujud konsep penswastaan kepada urusan air negara ini tetapi saya juga berasa cukup kecewa apabila melihat dan demikian juga pandangan-pandangan rakan-rakan yang lain tentang sikap menteri yang seolah-olahnya menyebelahi pihak yang akan menaikkan tarif elektrik ini. Ini sangat menggerunkan kita semua. Rakyat menjadi terlalu kecut perut mereka hari ini merasakan *butterfly in the stomach* dengan izin, tentang sikap yang ditunjukkan oleh menteri yang menjaga kementerian ini. Kalau itulah konsep yang dikemukakan, jaminan tidak akan ada konsep penswastaan tetapi saya ingin juga mempersoalkan di dalam Dewan yang mulia ini apakah konsep yang terbaik yang akan dipakai oleh kementerian ini untuk

memberikan perkhidmatan air yang paling adil kepada rakyat kalaulah konsep penswastaan ini jaminan daripada menteri yang tidak mengamalkan konsep ini. Jadi kita perlu juga melihat, Tuan Yang di-Pertua, tentang saya bersetuju juga dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi. Memang Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini memang bersuara lantang tetapi adalah halangan-halangan yang menyebabkan beliau menengguhkan kelantangan itu.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh bagaimana Suruhanjaya Tenaga yang hari ini kalau kita melihat forum, saya baca dalam *Journal Business Today* sebagai contoh. Pakar-pakar ekonomi yang mengatakan memang satu kesilapan bagaimana perjanjian antara TEN dan IPP yang akhirnya terpaksa TEN atau Tenaga Nasional menanggung kerugian dan terpaksa mahu tidak mahu, terpaksa menaikkan tarif elektrik untuk mengatasi kelemahan tersebut. Di mana peranan Suruhanjaya Tenaga? Ini yang dipersoalkan oleh rakyat yang selama ini berlaku di dalam negara kita. Kenapa ini boleh terjadi, sedangkan telah ada Suruhanjaya Tenaga yang pada dasarnya pada saya, waktu itu mungkin saya tidak ada Parlimen ini yang pada dasarnya dahulu apabila dia bahaskan dalam Parlimen ini yang sudah tentu jaminan menteri juga akan mengatakan Suruhanjaya ini akan memberikan keadilan kepada rakyat tetapi akhirnya kita melihat sudah berlakunya perjanjian Tenaga Nasional dan IPP ini yang menderita dan yang menjadi kesan menanggung akibat dan kesan buruknya adalah daripada rakyat dan menteri yang ada pada hari ini sekali lagi pula memberikan jaminan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini tidak akan memberikan kesan yang sama kepada rakyat. Apa jaminannya sekarang ini?

Ini yang mahu kita persoalkan dan mahu satu pertanggungjawaban yang jelas dalam Dewan yang mulia ini supaya rakyat sekali lagi tidak akan terjebak di dalam janji-janji dan mimpi ngeri yang rakyat sedang menunggu pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh ...

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [Bangun]

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Hendak bangun?

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak, tidak. Tidak apa.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Dia hendak keluar Yang Berhormat, dia hendak keluar bukan hendak minta penjelasan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Jiran saya, saya kena hormat. Tidak apa, saya okey. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin pergi kepada apa yang menjadi perkara yang paling pokok tentang pelantikan anggota Suruhanjaya ini. Apabila kita melihat Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian 2, Fasal 5(1), Suruhanjaya seksyen 5 ini terlalu umum, *very general*. Sedangkan kalau kita melihat sedikit perbandingan tentang bagaimana pelantikan di buat ke atas seksyen 42 Akta Kualiti Alam Sekitar, begitu jelas, Akta Suruhanjaya Tenaga begitu jelas dan juga apabila kita membuat satu perbandingan dengan *Australian National Water Commission Act 2004* yang juga memperincikan dengan jelas dan dengan *detail* tentang bagaimana cara dia lantik, siapa yang melantik, tempoh masa jawatan, berapa tahun dan kemudian rujukan-rujukan dan terma-terma yang begitu *detail* yang pada saya sudah tentu ianya dikemukakan bagi mereka memperjelaskan tentang fasal-fasal atau pun klausa-klausa yang membantu akta ini apabila dilaksanakan supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat tentang bagaimana juga apa yang terdapat dalam *Australia National Water Commission 2004* bagaimana Pengerusi kepada Suruhanjaya adakah mereka ini bertaraf pekerja sepenuh masa atau separuh masa? Ataupun mereka ini, *qualification* mereka, kelayakan mereka, siapakah mereka yang sebenarnya. Maka di sinilah pada saya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu belajar daripada pengalaman masa lalu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya biarlah mengambil masa yang lestari itu, masa yang bukan panjang dan bukan pendek tetapi masa yang sesuai dan kriteria-kriteria yang munasabah dan lestari, siapakah yang bakal menduduki dalam Suruhanjaya ini.

Supaya mereka ini benar-benar menjadi anggota yang bertanggungjawab, yang boleh mencerminkan modal insan yang sangat-sangat diharapkan pada hari ini, yang

mencerminkan individu-individu yang bertanggungjawab yang bukan hanya memikirkan walaupun dengan jawatan mereka, dengan latar belakang mereka, mereka seorang yang profesional, yang miliki ijazah akademik yang tidak boleh dipertikaikan tetapi otak mereka dan minda mereka juga bertanggungjawab untuk melihat secara keseluruhannya dan mampu untuk merealisasikan pendekatan secara holistik supaya apa jua keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya ini akan memberikan keadilan kepada semua, bukannya satu keputusan yang memberikan suatu kebaikan atau pun keuntungan di sebelah pihak, maka rakyat jugalah akhirnya nanti yang terpaksa menerima segala kesan buruknya.

Ini sangat penting pada saya, inilah masanya pada saya, inilah masanya bahawa kalau inilah yang kita mahukan, kalau inilah kerajaan yang ada pada hari ini, Yang Amat Berhormat berkali-kali, Perdana Menteri berkali-kali memberikan ucapan dalam Parlimen, di luar Parlimen, dia mahukan negara kita memiliki modal insan, dan pegawai korporatnya, menterinya, pegawai kerajaannya dan siapa-siapa yang dilantik oleh kerajaan memiliki modal insan yang boleh dijadikan contoh yang baik, pada saya inilah masanya untuk mereka-mereka ini diberikan tanggungjawab dan perlu berhati-hati dalam memilih siapakah yang bakal menjadi anggotanya.

Saya tidak mahu jadi mengungkit-ungkit perkara yang lama. Cukup kita jadikan satu beban sejarah. Apa yang berlaku dalam MAS, apa yang berlaku dalam GLC-GLC yang lain sehingga ada yang tergadai kepada syarikat asing walaupun telah ada suatu peruntukan FIC, bagaimana ianya boleh dilanghari. Ini semua mesti menjadi contoh yang terbaik, bagaimana kita mahukan supaya SPAN ini tidak akan terpesong daripada matlamat yang asal untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Jadi cukup untuk itu Tuan Yang di-Pertua, sebagai mukadimah di peringkat dasar ini dalam pandangan-pandangan yang saya berikan terhadap Rang Undang-undang SPAN ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, selepas itu menteri jawab.

**4.58 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut mengambil bahagian untuk berbahas Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006. Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 telah melalui satu proses 43 sesi perbincangan awam, taklimat dan penjelasan sebelum ianya dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada 10 April lalu. Namun saya dapati rang undang-undang tidak cukup kuat untuk meyakinkan orang ramai dan para pengguna bahawa rang undang-undang ini akan mendatangkan manfaat yang banyak kepada mereka sebagai pengguna meskipun adalah diperuntukkan untuk mengadakan Forum Air seperti yang diperuntukkan dalam fasal rang undang-undang kerana bukan satu mandatori bagi SPAN mematuhi syor yang dicadangkan Forum Air.

Jika berbangkit sesuatu masalah, apa yang dibimbangi ialah Forum Air akan lebih merupakan forum untuk membincangkan kepentingan pemegang lesen. Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya menyambut baik langkah kerajaan persekutuan meletakkan item air dalam senarai bersama perlembagaan persekutuan yang mana sebelum ini merupakan senarai negeri. Ia memberi ruang kepada kerajaan persekutuan boleh mencampuri urusan air di negeri-negeri yang sebelum ini tersekat untuk berbuat demikian.

Walaupun, ada kebaikan dalam rang undang-undang ini kepada kerajaan persekutuan, tetapi hak negeri menjadi pemilik sumber air tidak disentuh manakala SPAN menjadi pengawal operator perkhidmatan bekalan air. Yang termasuk dalam menyewa infrastruktur dan yang bina kepada operator. Biarpun demikian, Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air lebih banyak menumpukan perhatian kepada hal-hal syarikat, mengendali perkhidmatan air sahaja. Dengan lain perkataan, pengurusan perkhidmatan air akan perbadankan, akan diswastakan. Saya tidak fikir bahawa kerajaan akan menguruskan sendiri perkhidmatan bekalan air negara kerana senarai 15 syarikat air yang tertera dalam jadual rang undang-undang ini yang telah ada perjanjian dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Membuktikan pengurusan air negara akan diswastakan turun menurun. Ini berlawanan dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi dalam wawancara akhbar *Berita Minggu*, terbitan Ahad, 7 Mei lalu. Dan ditanyakan adakah rang undang-undang ini akan membuka jalan kepada banyak penswastaan dalam industri perkhidmatan air. Yang mana beliau menjawab bahawa rang undang-undang tidak memberi kesempatan kepada penswastaan. Rakyat bimbang bila penswastaan air berlaku, kadar takrif air akan tertakluk kepada perubahan harga yang lebih tinggi selaras dengan pinjaman yang diberikan kepada syarikat swasta untuk memberikan perkhidmatan pengurusan air. Kedudukan takrif air akan berbeza antara negeri.

Sekarang menunjukkan kebenaran kebimbangan rakyat Johor, kadar ialah 30 sen setiap kiub meter. Manakala Pulau Pinang ialah 90 sen. Tuan Yang di-Pertua, air adalah satu hak asasi manusia seperti termaktub dalam komen umum 15 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah hak asasi manusia untuk menggunakan air amat diperlukan untuk menjalani satu kehidupan dengan kemuliaan manusia dan kerajaan bertanggungjawab untuk menghormati, memenuhi dan melindungi hak ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu aspek yang saya yang terabai dan sering diabaikan ialah aspek kebersihan alam sekitar, kawasan tadahan atau sumber air. Yang mana sejak akhirnya mutu air semakin merosot berikutan pencemaran alam sekitar berpunca pembuangan sisa tercemar, sistem pelupusan sampah berdekatan sungai yang mana 16 buah pusat pelupusan sampah dekat sungai seluruh negara diarah supaya ditutup.

Akan tetapi, ia bukan sekadar ditutup begitu sahaja, ia perlu diurus dengan baik supaya tidak memudaratkan sumber air kemudian hari. Di samping itu, masalah paip berkarat, air berkeladak, tekanan air rendah dan kelewatan melayani aduan pengguna. Masalah paip pecah, dan bagi saluran pembedungan pula, aduan tentang kumbahan pembedungan yang melimpah akibat saluran tersumbat yang sering diadakan pengguna setiap hari perlulah ditangani secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perkhidmatan bekalan air dan pembedungan disatukan dalam rang undang-undang ini yang memaksa Akta Perkhidmatan Pembedungan tahun 1993 dimansuhkan tetapi jangan disatukan bil air dan bil pembedungan

Syarikat bekalan air boleh memotong bekalan air jika tunggakan bil air tidak dibayar tetapi Indah Water Konsortium atau IWK, tidak boleh memotong saluran pembedungan untuk sesuatu premis pengguna dan ini menjadikan tunggakan caj pembedungan tidak dibayar sehingga 28 Februari 2006 ialah RM560 juta daripada 2.29 juta pelanggan. Para pengguna bimbang pihak syarikat swasta air dan pembedungan menggabungkan dua bil dalam satu, ataupun mengambil tindakan memotong bekalan air jika bil pembedungan tidak dibayar sedangkan bila air dibayar. Mereka mahu supaya sistem pengebilan ini diasingkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak berucapkah? Baiklah, lima minit ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okeylah, sebab itu saya buat keputusan minta menteri jawab. Okeylah, 10 minit. Okey, terus masuk. Jangan buang masa. Peraturan Mesyuarat tidak adalah.

#### 5.02 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan Mesyuarat tidak ada. Peruntukan Fasal 14 yang menghendaki bahawa seorang anggota suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan perlulah ada integriti untuk menzahirkan kepentingan dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh suruhanjaya dan jawatankuasa ini dan kegagalan untuk menzahirkan adalah satu kesalahan dan tertakluk kepada penalti.

Adakah kita ada hak untuk bincang perkara ini? Apabila integriti Ahli-ahli Parlimen disoalkan rakyat Malaysia, adakah kita ada hak untuk menentukan perkara ini? Perkara Yang Berhormat bagi Jasin, dia ada setebal 9 muka surat untuk menerangkan mengenai

skandal beliau tetapi langsung tidak ada sebut mengenai syarikat yang dinamakan dalam *New Straits Times* ialah mengenai syarikat yang dinamakan Binyu Sof Enterprise. Dia tidak sebut dan langsung disembunyikan.

Di sini saya ada rekod-rekod dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Binyu Sof Enterprise, nama Mohd. Said bin Yusof...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini rang undang-undang yang mana satu?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, 14. Kita mahu integriti semua ahli-ahli suruhanjaya. Kalau kita tidak ada integriti, apa kita bincang? Sebab itu menimbulkan sama ada dia ada hak untuk buat peruntukan ini. Kalau kita tidak rela untuk selesai masalah ini apabila Yang Berhormat bagi Jasin terlibat, kita tidak rela untuk perkara ini dijelaskan, dibersihkan dan dibawa ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kalau begitu, *what moral right do we have to pass this law* mengenai integriti, adakah *moral right*? Tidak ada!

Sebab itu perkara ini tidak boleh lagi dilengah-lengahkan. Yang Berhormat bagi Jasin sudah hilang, sudah lari, itu hal yang lain. Dia boleh lari. *He can run to the end of the world* tetapi *cannot run* selagi isu tidak diselesaikan. Bagaimana? Apa pendirian? Itu sebab kita mahu serius. Kalau kita mahu serius, itu betul. Kita mahu peruntukan berintegriti diadakan. Kalau kita mahu peruntukan yang integriti, kita perlu tunjuk kita serius dalam perkara ini.

Saya harap bahawa Yang Berhormat bagi Jasin jangan lari, datang untuk selesaikan perkara ini dan bahawa perkara ini Parlimen tidak boleh lari daripada tanggungjawab untuk menangani isu ini sama ada Badan Pencegah Rasuah, sama ada polis ambil siasatan, itu hal mereka tetapi sama ada seorang anggota Parlimen sudah melanggar *privilege* ini barulah Parlimen atau Jawatankuasa Hak dan Kebebasan boleh buat. Sebab itu kalau kita tidak buat, sehari kita tidak buat begitu, sehari kita cuai, sehari Parlimen tidak ada *moral authority* untuk meluluskan peruntukan-peruntukan integriti yang mahu orang lain tunjuk integriti. Kalau kita tidak boleh tunjuk kita ada integriti, *what moral authority having others to show integrity...*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** [Berjalan keluar Dewan]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kedua ialah mengenai peruntukan 15, Fasal 15. Nampaknya menteri sudah hilang. Bukan sahaja Yang Berhormat bagi Jasin hilang, Yang Berhormat Menteri pun sudah hilang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, menteri keluar pergi bilik air, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Datang tiga hari, susah tetapi ini *point* yang mustahak.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Timbalan menteri ada.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mana boleh lari dari *point* integriti apabila bahas integriti...

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat Menteri pun manusia, dia hendak minum, pergi tandas, dia dengar....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau begitu, kita tangguhkan 10 minit.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tidak perlu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak payah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita hormat dia.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Hormat kesihatannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itulah apa ertinya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, semasa saya buat keputusan selepas Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, menteri menjawab, Yang Berhormat pun keluar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Keluar ke mana saya tidak tahu, terpulang kepada dia.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan, bukan, perkara ini boleh kita...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** *[Berjalan masuk ke dalam Dewan]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ha, *welcome back, welcome back, come, come!... [Ketawa]* Oleh kerana kita mahu dia boleh komen. Dia boleh kata tidak tahu, tidak dengar, tidak tahu apa-apa. *Welcome, welcome, don't sit on the wrong seat... [Ketawa]* Seperti yang berlaku pagi tadi. Ha, tengok *time*, tengok *time*, okey.

Mengenai peruntukan Fasal 15 mengenai fungsi suruhanjaya antara lain ialah menasihati menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi Undang-undang Perkhidmatan Bekalan Air dan Pembedanaan dan melaksanakan dan memajukan objektif kebangsaan ini.

Yang pertama mengenai pembedanaan. Apa dasar kerajaan mengenai pembedanaan atau *sewerage*? Khasnya mengenai kemungkinan penswastaan pembedanaan. Kita tahu bahawa penswastaan pembedanaan, *sewerage* Indah Water Konsortium adalah *the biggest privatization failure* dalam negara kita. *The biggest privatization failure* dan semua kerugian akhirnya perlu ditanggung oleh kerajaan dan pembayar-pembayar cukai. Sampai hari ini, *how much have we paid?* Sampai hari ini berapa bil itu di mana rakyat perlulah memikul mengenai kegagalan penswastaan pembedanaan dalam perbincangan mengenai *sewerage bill* ini pada tahun, kalau tidak silap pada 1993, saya ada buat amaran bahawa ini boleh gagal, bahawa ini tidak selaras dengan kepentingan negara.

Akhirnya ia menunjukkan bahawa amaran kita benar tetapi beberapa orang sudah ambil balik *concession* itu, akhirnya diambil alih oleh kerajaan tetapi bolehkah berikan kita satu bil yang terakhir. *How much have we paid?* Berapa bilion ringgit sudah dibayar oleh Kerajaan Malaysia untuk selamatkan dan ambil alih penswastaan pembedanaan atau Yang Berhormat Menteri pun tidak ada angka-angka ini. Tidak ada? Oh, kalau Yang Berhormat Menteri pun tidak ada angka ini, bukankah ini satu *bottomless pit* di mana tidak tahu akhirnya berapa duit akan hilang.

Kita mahu tahu adakah cara untuk menswastakan, cari satu bentuk yang baru sama ada *private finance* supaya menswastakan pembedanaan kalau satu cara untuk menswastakan pembedanaan, adakah ini satu *prelude* kepada penswastaan air.

Kedua, kita tahu bahawa lebih daripada RM500 juta bil tertunggak tidak boleh dikutip. Kita mahu tahu sebenarnya apa angka yang sebenar pada saat ini. Berapa daripada isi rumah atau *households* dan berapa daripada sektor *business* dan industri? Bukankah ini menunjukkan kegagalan dan bolehkah kita tahu sama ada satu kajian mendalam diadakan kenapa boleh berlaku kegagalan penswastaan. Bukankah ini kerana kegagalan rancangan kerajaan. Adakah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ha, gulung perkara ini. Adakah kita perlu menswastakan, kenapa penswastakan gagal? Kenapa ini menjadikan kegagalan yang terbesar sekali dalam sektor penswastakan?

Akhirnya, satu perkara yang mustahak, dalam dua hari ini kita berbincang mengenai masalah kekhuatiran rakyat Malaysia mengenai *national sovereignty, sovereign rights* atau kedaulatan negara mengenai kontrol sektor air, oleh sebab WTO, *bilateral, multilateral, plurilateral, negotiation are going on*, saya baru diberikan maklumat ini, *just received* - terkini dan inilah maklumat yang dipaparkan di *United State Government Website*

- *Commercial Services Malaysia*, di mana sangat jelas ditunjukkan dalam usaha untuk menggalakkan semua pelabur-pelabur Amerika untuk datang ke Malaysia.

Antara salah satu sektor yang ditunjukkan bahawa adalah keperluan yang baik ialah sektor air. Itu mengenai sektor air, dengan izin:

*"Environment - Malaysian import of water and waste water equipment in 2004 would around USD820 million and the US had the largest market share 29 percent. As demand for water is expected to double from 10.7 to 20 million liters per day, by year 2010 one of the focal points is to upgrade and rehabilitate the existing water supply system to improve efficiency. Additionally a rapid increase in urban population inadequate infrastructure and shortages of land for landfills are making the management of municipal solid waste one of Malaysia's most critical environmental issues. Environmental firm are encourage to participate in the commercial services environmental trade nation to South East Asia"*

*Environmental* - oleh kerana air adalah di bawah *environmental*. Inilah memperkukuhkan hujah-hujah kekhawatiran dalam dua hari ini bahawa kalau kita tidak berjaga-jaga, sektor air boleh jatuh ke tangan antarabangsa dan kita akan hilang hak kedaulatan untuk *determine* apa yang terbaik sekali untuk negara kita, bahawa hak Parlimen pun akan hilang oleh sebab *national sovereign rights* sudah diketepikan oleh sebab bilateral, multilateral dan plural lateral agreement. Terima kasih.

#### 5.17 ptg.

**Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan cadangan dan maklum balas semasa sesi perundingan awam RUU ini adakan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara-perkara yang sama dengan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain semasa perbahasan Rang Undang-undang IPA. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menjawab perkara-perkara berkenaan sekali lagi.

Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya – Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ingin tahu bagaimana SPAN boleh menguatkuasakan peraturan di bawah rang undang-undang ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang SPAN adalah bagi menubuhkan badan kawal selia industri perkhidmatan air iaitu SPAN dan memperuntukkan kuasa dan fungsinya bagi mana-mana kesalahan di bawah Rang Undang-undang IPA. SPAN melalui pegawai yang diberi kuasanya boleh menyiasat aktiviti pemegang lesen atau orang lain di bawah peruntukan Rang Undang-undang IPA. Pegawai yang diberi kuasa boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa yang berhubung dengan penyiasatan polis kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran.

Yang Berhormat bagi Gombak ingin tahu adakah berlaku pertindihan tanggungjawab antara SPAN dan Jabatan Bekalan Air negeri dalam aspek pemantauan dan pengawalan seliaan air.

Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa di antara SPAN dan Jabatan Bekalan Air negeri adalah jelas dan tidak bertindih. Kawal selia di bawah SPAN bermula daripada aktiviti pengambilan air mentah, rawatan, pengagihan dan pengebilan. Sementara negeri-negeri bertanggungjawab ke atas pengawalan selia sumber air mentah empangan sungai-sungai dan lain-lain kawasan tadahan. Dengan wujudnya SPAN, pihak kerajaan negeri telah dinasihatkan untuk membuat pindaan-pindaan ke atas enakmen bekalan air negeri dan menubuhkan badan kawal selia untuk mengawal selia aspek sumber air.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong juga membangkitkan isu mengenai kuasa SPAN yang tidak mencakupi aspek penjagaan dan pemuliharaan kawasan tadahan...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam rang undang-undang tidak disebutkan kuasa yang diberi kepada SPAN untuk menasihatkan kerajaan negeri supaya menggubal enakmen bagi mewujudkan badan kawal selia. Tidak ada! Ini bermakna hanya nasihat, kalau pihak kerajaan negeri tidak mematuhi kepada nasihat ini, tidak mahu dengar nasihat ini, macam mana kita buat? Ini masalah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang tanggungjawab mengenai pencemaran sumber air berada di bawah kawalan kerajaan negeri dan Jabatan Alam Sekitar. Di bawah Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air, sekiranya berlaku pencemaran kepada kawasan pengambilan air, SPAN boleh mengambil tindakan sewajarnya seperti mana peruntukan Fasal 121. Oleh itu, SPAN melalui pegawai yang diberi kuasa boleh menyiasat dan mendakwa mana-mana orang yang didapati telah melakukan pencemaran.

Seperti apa yang telah saya katakan pada pagi ini dalam Rang Undang-undang IPA di mana untuk menjaga berkenaan sumber air ini akan diselaraskan dengan Majlis Sumber Air Negara atau MSAN yang mana sebagai satu pihak dalam Majlis itu saya boleh membangkitkan apa-apa masalah berkenaan sumber air dalam Majlis itu dan melalui penyelarasan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar diharap sumber air dijaga dengan baik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada sebut Fasal 121. Fasal 121 kalau di IPA, itu berlainan. Di dalam SPAN itu tidak ada Fasal 121. Ini mengenai kesalahan pencemaran air itu... *[Menyemak dokumen di atas meja] 121 - that's in IPA, the last bill, tetapi yang penting sekali itu, skop bagi SPAN itu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, setakat air di ceduk, tempat itulah ada skop kekuasaannya - purview of the power of a SPAN and before that, nothing. Its nothing you can do. That's the trouble!*

Oleh sebab itulah saya..., ini bukan kesalahan Yang Berhormat. Dia berikhtiar. Cuma bagaimana kita hendak tolong dia dapatkan satu sistem yang bersepadu.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya pun sudah jelas, Tuan Yang di-Pertua, di mana ini adalah industri perkhidmatan air. Dari peringkat rawatan air, pengagihan air dan menentukan mutu air ini adalah dalam skop IPA dan SPAN yang akan menguatkuasakan pengawalan selia atas perkara ini.

Apa yang sebelum itu ialah sumber air dijaga oleh pihak kerajaan Negeri dan Jabatan Alam Sekitar. Saya sudah jelas bukan senang untuk dapatkan kuasa ini atas sumber air yang mana ini termasuk dalam sungai dan kawasan tadahan air yang masih dalam *jurisdiction* dalam kuasa dan dalam tanggungjawab kerajaan-kerajaan Negeri. Sebab itu saya minta Yang Berhormat Kepong punya kawan di sebelah sana itu Kubang Kerian di mana kerajaan Kelantan hendaklah menyerahkan semua kuasa itu, *you are asking for the impossible at the present moment* di dalam masa sekarang kerajaan Negeri tidak hendak melepaskan kuasa atau *jurisdiction* atas sumber air tetapi walau bagaimanapun, dalam keadaan bersekutu antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri, kita cuba dengan penyelarasan melalui Majlis Sumber Air Negara untuk mengadakan keadaan yang baik yang harap dengan itu sumber air dijaga dengan tidak ada sesiapa pun akan mencemarkan sungai itu selain dari ada orang yang kita tahu taruh racun di dalam sungai. Kalau tangkap dia kita gantung dia sampai matilah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah melalui MSAN dan sebagainya kita timbangkan iaitu daripada kawasan tadahan, kawasan sebelah hilir daripada tempat yang kita cedok air itu satu sistem mengenai tanah bukan mengambil kuasa daripada pihak Negeri mungkin dari segi sebelum ini di tanah-tanah yang masih tidak digunakan oleh pihak berkuasa kita ada TOL dan sebagainya mungkin satu sistem macam itulah kita tidak mengambil mungkin beberapa tahun diberi kepada SPAN kawasan-kawasan tadahan ini. Bukan ambil kuasa ke atas tanah itu untuk selama-lamanya

tetapi mungkin satu tempoh tiap-tiap 5 tahun ataupun 10 tahun ataupun 15 tahun ataupun 20 tahun pajakan ataupun macam mana tanah itu kita wujudkan satu sistem yang membolehkan SPAN untuk mengambil alih tanah yang berkenaan buat satu tempoh. Kemudian tempoh ini dapat dikaji semula, ditimbang semula oleh kerajaan Negeri dan dari segi istilah ertinya kita tidak ambil alih. Cuma kita pajak atau ala TOL atau *special* TOL. Cara untuk mengatasi masalah. Mungkin ini kita dapat pertimbangkan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Akan tetapi saya jelaskan di mana ini adalah Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan saya pun sudah cakap bahawa lebih baik mengadakan satu rejim pengurusan sumber air. *It is better to have a water resource regime – management of water resource.* Saya tahu apa Yang Berhormat jelas dan cadangkan tetapi masa dalam bersekutu antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri-negeri belum ada kematangan atau semangat untuk ada ini tetapi dalam konteks Malaysia sekarang kita cuba dengan seberapa terhadap negara kita tetapi kita ada MSAN, kita ada Jabatan Alam Sekitar dan ada SPAN dan saya harap ketiga-tiga ini kerja untuk mendapatkan satu perkhidmatan air yang lebih berkesan, lebih efisien dan lebih baik untuk pengguna yang memerlukan air yang bermutu baik.

Bagi operator pula perlu memberhentikan serta-merta ekuiti pengambilan air buat sementara waktu sehingga air tersebut mencapai standard kualiti air mentah yang dibenarkan pengambilannya. Operator boleh memanjangkan permasalahan tersebut kepada SPAN yang akan bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dan kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini. Sebagai mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sumber air mentah apa yang saya jelaskan, berada di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri maka wajarlah sebarang aktiviti pembangunan di dalam kawasan tersebut dikawal oleh kerajaan Negeri. Dalam pada itu kerjasama yang rapat di antara kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah penting bagi memantau dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan.

Bagi meringankan beban kewangan kerajaan Negeri, Fasal 17(3) Rang Undang-undang IPA memperuntukkan sumbangan kumpulan Wang Industri Air boleh dibelanjakan bagi maksud perlindungan dan pemeliharaan sumber air. Berkenaan dengan kadar itu saya pun tahu di mana kumpulan wang itu adalah terhadap dan kita tidak boleh kutip banyak duit melalui caj kepada operator-operator, tetapi walau bagaimanapun kita cuba dengan sedaya upaya untuk bagikan sedikit duit kepada kerajaan Negeri untuk menjaga sumber air dan saya ingat juga Jabatan Alam Sekitar pun ada keluarkan peruntukan untuk jaga mereka dan akhirnya MSAN yang ada badan koordinasi untuk menjaga sumber air di negara.

Selain daripada itu isu pencemaran sumber air juga boleh ditangani oleh Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau MSAN dan dianggotai oleh semua Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong membangkitkan isu hukuman bagi kesalahan pencemaran air adalah berat. Beliau ingin tahu bagaimana kedudukan hukuman bagi tujuan yang sama di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya sesuatu kesalahan yang melibatkan pencemaran air berlaku yang adalah menjadi satu kesalahan di bawah Rang Undang-undang IPA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 maka pendakwa raya akan menentukan sama ada untuk mengambil tindakan di bawah Rang Undang-undang IPA atau Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Ini bergantung kepada kesalahan dan fakta-fakta kes. Bagi punca-punca yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan sentiasa memantau pematuhan punca-punca pencemaran. Sebarang pelanggaran Akta ini akan dikenakan tindakan undang-undang dan hukuman yang setimpal. Bagi punca-punca yang lain kerjasama agensi kerajaan yang berkenaan akan dirujuk untuk tindakan lanjut diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit mencadangkan supaya Majlis Sumber Air Negara atau MSAN, memberi garis panduan dalam aspek penjagaan sumber air. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah wujud hierarki tadbir urus yang baik untuk memantau pengurusan perkhidmatan air di setiap peringkat iaitu Kerajaan Persekutuan

bertanggungjawab ke atas perkara-perkara dasar. MSAN pula bertanggungjawab dalam hal berkaitan dengan hubungan antara negeri, kerajaan-kerajaan negeri bertanggungjawab atas kawal selia kawasan tadahan dan SPAN sebagai badan kawal selia industri perkhidmatan air.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong turut menyoal mengapa SPAN perlu bertanggungjawab kepada menteri seperti di bawah Fasal 18(1). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SPAN adalah sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan oleh Parlimen melalui Rang Undang-undang SPAN. Fungsi dan kuasanya juga diperincikan di bawah rang undang-undang ini. SPAN bertanggungjawab kepada menteri di bawah 18(1) dari segi pentadbiran. Ini adalah kerajaan SPAN termasuk dalam ruang lingkup fungsi Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi. Menteri bertanggungjawab kepada jemaah menteri dan Parlimen untuk perkara-perkara yang termasuk dalam ruang lingkup fungsinya mewujudkan industri perkhidmatan air yang berdaya maju...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Yang Berhormat bagi Kepong menimbulkan pertanyaan bagaimana SPAN boleh mewujudkan daya saing...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Antara syarikat-syarikat perkhidmatan air.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya faham apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai SPAN bertanggungjawab kepada menteri untuk hal pentadbiran dan sebagainya. Yang Berhormat mengatakan bahawa SPAN itu hendaklah menjadi satu badan kawal selia yang sungguh berkesan.

Kalau hendak berkesan, ini memang kita tidak boleh buat macam ini. Kalau berkesan memang bebas. Badan yang berkesan badan bebas, tidak dipengaruhi oleh sesiapa dan dengan itu seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, pihak menteri, kuasa melantik samalah dengan kuasa membatalkan atau memecat. Ini memang setimpal. Kuasa melantik, kuasa memecat. Membatalkan semua. Dan kalau itulah yang dibuat bagaimana kita dapat SPAN yang benar-benar bebas dan benar-benar berkesan. Memang tidak boleh. Dari segi psikologi pun dia takut. Takut, dia tengok menteri pun dia takut. Takut menyinggung menteri. Walhal dia buat satu yang baik dan betul pun hendak nasihat pun dia tengok muka. Kalau muka Yang Berhormat menteri atau orang yang kemudian muka masam sahaja dia memang tidak berani. Tengok muka masam sahaja kerana ada kuasa untuk memecat sama sekali. Ini memang masalah.

Kalau kita mewujudkan satu sistem yang membolehkan pihak SPAN bertanggungjawab hanya kepada Dewan Rakyat ini memang dia tidak takut. Yang dia takut itu Dewan Rakyat sahaja. Ini caranya. Saya berharap Yang Berhormat boleh wujudkan satu suasana mungkin beberapa tahun akan datang kita dapat berbuat demikian.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ada cadangan di mana SPAN patut diletakkan di bawah Parlimen seperti mana mengikut cadangan seperti Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat pun ingat barangkali pada masa akan datang tetapi pada masa sekarang Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi mengatakan pada masa sekarang lebih baik diletak di bawah menteri yang menjaga air.

Mewujudkan industri perkhidmatan air yang berdaya maju. Yang Berhormat bagi Kepong menimbulkan pertanyaan bagaimana SPAN boleh mewujudkan daya saing antara syarikat-syarikat perkhidmatan air. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan supaya syarikat-syarikat perkhidmatan air mempunyai daya saing yang tinggi di dalam memberikan perkhidmatan kepada pengguna. Oleh yang demikian mereka akan disyaratkan untuk mematuhi dan mencapai *key performance indicator* atau KPI yang menyeluruh dalam semua aspek perkhidmatan yang diberikan.

Melalui kaedah perbandingan persaingan *comparative regulators*, prestasi syarikat-syarikat dapat diteliti dan dibuat perbandingan. Ini secara langsung dapat

mewujudkan persaingan yang sihat di dalam industri yang berkenaan dan Yang Berhormat bagi kubang kerian minta bolehkah kita ikut tarif yang terendah sekali.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tumpat!

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tumpat, oh *sorry* Tumpat. Saya tidak ada ini susah. Tumpat dan Kubang Kerian dua semua serupa sahajalah. You cakap pun sama dia, dia cakap pun sama *you*. Tumpat, Tumpat tetapi saya sudah jelas bila saya jawab di rang undang-undang itu sukar untuk ditukar sebab faktor-faktor untuk menjalankan perkhidmatan air adalah berlainan antara negeri dengan negeri dan dengan kos yang berlainan susah untuk menentukan kepada satu harga yang boleh diikuti oleh semua apatah lagi harga yang terendah sekali.

So, perlindungan pengguna. Yang Berhormat bagi Kepong ingin tahu bagaimana SPAN memelihara kepentingan pengguna dan menjamin standard perkhidmatan yang ditetapkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya telah jelaskan dalam ucapan pembentangan, SPAN antara lain berfungsi untuk menetapkan dasar-dasar berhubung dengan perkhidmatan industri air. Dalam menguatkuasakan Rang Undang-undang IPA dasar ini akan diterapkan sama ada melalui dalam bentuk peraturan-peraturan atau dibentuk kaedah-kaedah.

Dalam pada itu, SPAN juga akan menyediakan standard pengguna yang merangkumi perkara berhubung dengan tatacara untuk memenuhi kehendak pengguna, menangani aduan dan pertikaian pengguna, tahap kualiti perkhidmatan termasuk berkenaan caj, pengambilan, pengutipan dan kredit pengguna. Tatacara ini akan disyaratkan kepada pemegang lesen. Selain itu, pandangan Forum Air juga hendaklah diambil kira.

Pengangkutan suruhanjaya. Yang Berhormat bagi Tumpat dan Yang Berhormat bagi Pendang membangkitkan mengenai peranan asal kerajaan negeri dalam pengurusan air hendaklah dihormati oleh Kerajaan Persekutuan. Disarankan keanggotaan dari semua kerajaan negeri dan bukan dihadkan kepada dua orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berpendapat wakil kerajaan negeri seramai dua adalah memadai. Walau bagaimanapun, mereka perlu mematuhi kriteria yang ditetapkan dalam Fasal 5 (1) Rang Undang-undang SPAN iaitu mereka yang mempunyai pengalaman, keupayaan dan profesionalisme dalam perkara berhubung dengan kewangan, kejuruteraan, perniagaan atau pentadbiran dan selain daripadanya yang sesuai. Kita tidak mahu wakil dari kerajaan negeri duduk sana, tidur dan langsung tidak berikan sumbangan kepada perjalanan fungsi SPAN melalui...

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Suruhanjaya yang ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Penjelasan. Walaupun wakil kerajaan negeri hanya dua orang Yang Berhormat Menteri, tapi apakah boleh mereka ini di *rotate* antara satu negeri dengan negeri yang lain misalnya kalau *group* yang pertama satu negeri ataupun dua negeri yang mewakili negeri tersebut. Kemudian *rotation* yang kedua negeri-negeri yang lain pula mewakili di dalam suruhanjaya tersebut. Maknanya boleh adil kepada semua negeri di dalam semenanjung.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Bila ditubuhkan SPAN dan bila menteri mula untuk melantik kita cubalah tengok keadaan. Kalau PAS masuk dalam Barisan Nasional *anytime* itu boleh dirunding... [Ketawa]

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tahu Yang Berhormat bagi Tumpat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pendang.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tumpat... [*Menghalakan tangan ke arah Yang Berhormat bagi Tumpat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, ini Tumpat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tumpat. Kalau saya tidak sebut Tumpat dia marah saya. Yang Berhormat bagi Tumpat dia selalu takut kita tidak kira. Melalui banyak rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri sebab ada peraturan yang mana penjagaan sungai kawasan tadahan di dalam kuasa negeri, dan hanya kita ambil kuasa untuk mengawal selia perkhidmatan air, dan juga Jabatan Bekalan Air dan syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan air di negeri masing-masing dipunyai 100% oleh kerajaan negeri masing-masing, dan tidak diambil alih oleh operator atau syarikat yang menjalankan itu dan kerajaan negeri mengharapkan yang mana belum mengkorporatkan minta mereka mengkorporatkan. Hendak mengkorporatkan dijadikan syarikat. Ini bukan penswastaan.

Pengkorporatan, di mana syarikat itu dipunyai 100% oleh kerajaan. Ini semua kepentingan negeri dijaga sebab itu Menteri Besar Kelantan Ketua PAS, bila dijelaskan dia pun cakap bagus sekali.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Semua negeri sokong sebab ada peraturan-peraturan ini. Kita ikut Yang Berhormat bagi Kepong, tentulah Yang Berhormat bagi Tumpat tidak setuju. Dia mahu kita ambil alih semua. Mula-mula dia mahu ambil dan lepas itu saya ingat Yang Berhormat bagi Tumpat sudah cakap dengan dia. Sekarang dia cakap pada satu masa akan datang. Dia sekarang faham. Ini bukan senang. *You* ambil orang punya kuasa bukan senang Yang Berhormat bagi Kepong.

So, bagi kredit sedikitlah. Saya pergi semua negeri cakap sehingga negeri tahu kepentingan dan faedah mereka tidak terjejas. Apa yang kita mahu hanya menubuhkan satu badan kawal selia yang akan kawal selia atas perkhidmatan air, dan mereka yang ada syarikat tentu mengikut standard-standard atau kaedah-kaedah atau KPI-KPI yang telah ditentukan oleh SPAN...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Inilah ada baik untuk seluruh negara yang mana sekarang ada satu badan kawal selia untuk mengawal selia seluruh industri perkhidmatan air.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Boleh minta penjelasan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini, selepas ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang sana. Yang sana selepas ini. Yang Berhormat bagi Kepong dahulu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dua perkara mengenai Yang Berhormat hendak menjaga kepentingan negeri dan juga hendak memupuk daya saing di antara syarikat. Di Pulau Pinang memang ada Perbadanan Bekalan Air atau PBA itu. Nampaknya setakat ini KPI itu baik. Setakat KPI untuk PBA itu baik dan PBA memang setakat ini menunjukkan prestasi yang baik, tapi kalau kita kira belanja Ranhill Utilities, Syarikat SAJ Holdings di Johor, memang *press* KPI itu sangat tidak baik. Macam mana Yang Berhormat dapat mengatasi hal ini dan termasuk pula dia dibelenggu dengan perjanjian-perjanjian seperti perjanjian 5 Disember 1927 dan menggunakan air daripada Gunung Pulai dan sebagainya.

Kemudian perjanjian 1 September 1961 dan ini semua pun tahu menggunakan Sungai Skudai dan Sungai Tebrau dengan 3 sen 1000 gelen dan seterusnya ada satu perjanjian 1961, 1962 dan sebagainya dengan 50 sen 1000 gelen dan sebagainya. Macam mana kita dapat mengatasi belenggu ini. Ada *constraint*, ada kekangan, dan ada pencerutan. Macam mana kita hendak galakkan daya saing, macam mana? Bagi Pulau Pinang tidak jadi masalah. Bagi Ranhill di Johor memang banyak masalah.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya minta apa yang disebutkan kalau ada perbezaan antara satu tempat yang lain atau satu negeri dengan yang lain ini boleh diseragamkan atau dibincangkan di dalam MSAN iaitu Majlis Sumber Air Negara...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Singapura macam mana kita hendak...

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Itu Singapura, bukan perkhidmatan air negara.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini Singapura. Saya kata sekarang industri perkhidmatan air negara. Negara ialah Malaysia, bukan Singapura.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Masalah sistem pembesar suara]* ...Dibelenggu oleh perjanjian-perjanjian seperti ini.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Kita tidak berdaya saing dengan syarikat Singapura. Hanya antara syarikat-syarikat yang ada di Malaysia.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Syarikat di Johor!

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ya, kita tidak bersaing dengan syarikat yang ada di Singapura. So, Yang Berhormat fungsi SPAN adalah sebagai badan kawal selia bagi industri perkhidmatan air dan pembedaan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ia tidak menambahkan apa-apa birokrasi kerana tidak melibatkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** ...Perkara-perkara dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi menanti.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Mana, mana?...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ayer Hitam. Sana.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Oh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. *Sorry.*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa semua negeri diwajibkan untuk memperbadankan Jabatan Bekalan Air dan yang belum diperbadankan perlu diperbadankan.

Saya juga mendengar apa Yang Berhormat kata tadi, mana yang telah diswastakan akan diberi pilihan untuk diambil alih oleh pihak pusat dan saya hendak tahu sama ada benarkah, kalau kita mengikut perjanjian konsesi misal untuk SYABAS 30 dan juga SAJ 30 tahun. Bila akhir konsesi ini apa yang telah dilaburkan oleh syarikat konsesi ini mereka tidak kira sama ada kerajaan yang bagi duit atau mereka sendiri yang melabur, semua aset itu akan dijual dengan RM1 kepada pihak kerajaan negeri dan pada masa itu juga kerajaan negeri tetap memiliki segala aset prasarana perkhidmatan air. Adakah itu benar?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Saya tidak tahu sama ada benar atau tidak benar, tapi atas konsesi dan penjelasan yang telah disenaraikan di dalam Rang Undang-undang IPA, Fasal 191 hingga 193 adalah untuk macam mana kita boleh mengatasi masalah atau berhadapan konsesi-konsesi yang ada. Yang Berhormat bagi Kepong ada bertanya, adakah lain-lain syarikat di dalam *schedule* itu ada lain. Apa yang tahu sekarang ialah 15 sahaja. Kalau Yang Berhormat, ada lain yang tinggal yang mana saya tidak tahu bagi saya tahulah. Apa yang kita tahu hanya 15 sahaja. Kalau ada kita boleh tukar dan taruh dalam itu.

Kalau Yang Berhormat ingat PAB iaitu syarikat Pulau Pinang dia bukan konsesi. Dia bukan perjanjian. Dia berlesen melalui Kerajaan Pulau Pinang, *right?* Sebab itu dia tidak ada di dalam mana-mana syarikat. Itu sudah jawab.

Yang Berhormat bagi Kepong juga mencadangkan supaya SPAN bekerjasama rapat dengan 144 Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan pelan tempatan dan pelan struktur PBT dan berpendapat perlu ditawarkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut amalan sekarang sememangnya pelan tempatan dan pelan struktur bagi PBT diwartakan mengikut akta perancangan bandar dan desa.

Mengenai isu imbuhan dan ganjaran kepada ahli SPAN yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, ingin saya memaklumkan bahawa mereka Ahli-ahli Suruhanjaya hanya akan diberi elaun bulanan dan bukan gaji. Hanya jawatan Ketua Pegawai Eksekutif akan diberi gaji sepenuh masa. Untuk menjawab Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Kerajaan Persekutuan telah membayar sejumlah RM190 juta untuk mengambil alih ekuiti saham IWK untuk menjadikan syarikat yang nanti mempunyai oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini dan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air yang baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Suruhanjaya sebagai sebuah perbadanan akan dapat memikul tanggungjawab kawal selia yang diamanahkan dengan jayanya demi kebaikan semua pihak khas berkenaan kebaikan pengguna atas sokongan semua pihak termasuk ahli-ahli Yang Berhormat. Saya percaya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara mampu berfungsi secara berkesan ke arah membangunkan Industri Perkhidmatan Air Negara yang mapan dan berdaya maju dalam jangka masa panjang. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Habis, jangan tanya lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah Yang Berhormat cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal 1 hingga 44 -**

**5.53 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Fasal 5, keanggotaan Suruhanjaya iaitu 5(1)(c) yang menyebut bahawa tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada sepuluh yang lain. Kita dengar Yang Berhormat Menteri tadi memperjelaskan setelah bahawa tidak perlu semua negeri diwakili satu setiap negeri sebagaimana kita cadangkan di peringkat perbahasan dasar tadi dan Yang Berhormat Menteri kekal dengan cadangan walaupun tidak ditulis di sini dalam bentuk rang undang-undang dua untuk mewakili negeri. Saya tidak tahu bagaimana nanti yang wakil-wakil negeri itu akan ditentukan.

Adakah negeri-negeri 11 ini akan dijemput untuk mengadakan mesyuarat di kalangan mereka dan mereka memilih yang dua ataupun yang dua itu ditentukan oleh menteri. Jadi kalau menteri yang menentukan, makna jelaslah kuasa menteri amat besar dan mutlak hinggalah untuk mewakili negeri pun menteri yang menentukan. Kalau katakanlah senario kedua menteri yang menentukan, maka bagaimanakah menteri akan memilih dua untuk mewakili negeri. Yang Berhormat Menteri sebut tadi sebab banyak yang

hadir mungkin tidur sahaja dan oleh itu yang hendak dipilih ialah mewakili orang-orang yang profesional, yang ada pengetahuan dan pengalaman.

Untuk mewakili negeri, maka yang ada pengalaman dan berjaya, kita dengar Yang Berhormat bagi Kepong kata tadi, Pulau Pinang dan Yang Berhormat Menteri pun mengaku berjaya pengendalian air peringkat negeri dan saya dengar selain Pulau Pinang negeri yang kedua yang berjaya negeri Kelantan. Jadi adakah ini bermakna dua Yang Berhormat sudah tentu Johor tidak akan dipilih kerana masalah banyak gagal, Selangor banyak gagal dan sebagainya. Jadi adakah ini bermakna mengikut kriteria menteri dan berlandaskan kepada kuasa mutlak menteri yang tidak mahu dipinda mengikut yang kita cadangkan tadi adakah ini bermakna menteri akan mengumumkan selepas ini bahawa wakil dua orang Kerajaan Negeri itu adalah wakil Pulau Pinang dan wakil Kelantan, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Mana kerajaan negeri akan ditentukan oleh saya sebagai menteri. Apabila saya tentukan mana menteri saya akan tulis kepada menteri-menteri besar atau ketua-ketua menteri negeri-negeri itu untuk menghantar wakil dan dalam menghantar wakil, saya akan tulis, bukan syarat, pandangan di mana tolong bagi orang yang tahu ini dan harap wakil negeri itu, kalau dikatakan wakil negeri, bukan dia wakil negeri dia masing-masing. Wakil masalah atau isu yang di fikir sebagai satu contoh negeri yang masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Dengan semangat ini, kalau tidak ada Yang Berhormat susah hendak saya bahagikan setiap negeri ada di dalam satu Suruhanjaya dan kalau tidak didominisasikan oleh wakil negeri kalau 11 masuk. Saya kena tambah 15 lagi lain-lain kepentingan sehingga Suruhanjaya-suruhanjaya dijadikan satu Dewan, bukan suruhanjaya lagi. Tentu Yang Berhormat tahu, so dengan itu saya sudah buat jaminan dan mana dalam lapan atau sepuluh ahli suruhanjaya ini, dua akan datang dari wakil yang dihantar oleh negeri.

**5.57 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima kasih, kuasa Suruhanjaya untuk memberi pinjaman 16(2)(d) kuasa untuk memberikan pinjaman biasiswa kepada pekerja Suruhanjaya bagi apa-apa maksud yang diluluskan oleh menteri. Ini memang penting kita adakan sumber manusia, latihan sumber manusia dan sebagainya. Adakah ini bermakna pihak SPAN ada menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk sumber manusia dan adakah ini akan dirujuk kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan saya tidak pernah tengok fasal seumpama ini di dalam badan-badan yang lain yang kecuali JPA dan seterusnya mengenai Kumpulan Wang Suruhanjaya. Ini memang penting kerana kita hendak menguruskan SPAN dengan baik dan 27(2).

Apakah anggaran Yang Berhormat mengenai peruntukan untuk kumpulan wang ini sama ada RM22 juta atau RM30 juta dan sebagainya dan mengenai (2)(b) itu semua atau mana-mana bahagian fi lesen atau fi lain, caj pentadbiran levi atau caj lain yang dikenakan oleh atau kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetulan. Apakah anggaran fi seperti ini untuk maksud Kumpulan Wang ini?

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Itulah satu tujuan yang termasuk di dalam Rang Undang-undang, macam menjalankan objektif itu akan dijalankan oleh pentadbiran SPAN dan pentadbiran SPAN akan mencadangkan kepada Suruhanjaya dan lepas Suruhanjaya membuat keputusan atas berapa duit akan dikeluarkan, berapa peruntukan akan dikeluarkan, berapa orang akan diberikan pinjaman dan biasiswa dan lepas itu sampai ke menteri dan menteri ingat baiklah, dia tidak caj lebih, tidak gunakan lebih.

Kalau Yang Berhormat ingat dia caj RM30 juta dan saya ingat ini RM30 juta setengah dari seluruh pendapatan SPAN you mahu matikah ini tidak boleh barangkali RM2 juta hanya cakap ini sebagai pentadbiran dan pentadbiran untuk mendapatkan tujuan itu biarkanlah pendapatan SPAN dijalankan dan harap tidak lama lagi boleh dapatkan melaksanakan tujuan yang telah disebutkan di dalam rang undang-undang ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, ini mengenai Fasal 41(1)(a), dan (b), obligasi kerahsiaan. Di sini dia kata "kecuali bagi mana-mana maksud akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau penjenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh suruhanjaya tiada anggota suruhanjaya atau

mana-mana jawatankuasa dan sebagainya yang menghadiri mana-mana mesyuarat suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya sama ada dalam atau selepas tempoh perjawatan atau pekerjaannya boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapati semua melaksanakan tugasnya dan sebagainya”.

Tuan Pengerusi, yang penting sekalinya memang ada peraturan, moratorium misalnya 10 tahun tidak boleh ataupun 20 tahun tidak oleh ataupun lima tahun tidak boleh. Menzahirkan maklumat ini memang ada peraturan moratorium. Kalau macam ini untuk selama-lamanya? Saya berharap Yang Berhormat dapat menjelaskan macam mana semua ada moratorium.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Ini peraturan-peraturan *detail* akan ditentukan oleh SPAN tidak payah saya sebutkan di sini atau di masuk di dalam rang undang-undang. Kalau Yang Berhormat ingat lebih baik selepas SPAN ditubuhkan tulis kepada cadang kepada mereka dan kalau mereka menentukan satu dasar atau satu keputusan bersama-sama dengan Yang Berhormat ini yang baik dan bersama-sama melalui tanya-tanya ini kita bersetuju atas apa dasar mereka menentukannya.

**Fasal 1 hingga 44** diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2006

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.06 ptg.

**Dato' S. Veerasingam [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan satu Rang Undang-undang Bernama satu akta meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokongan tidak ada? Sila hurai, ya hurai.

**Dato' S. Veerasingam [Tapah]:** Cadangan supaya Malaysia menjadi ahli kepada *Patent Cooperation Treaty* atau PCT, telah pun dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Oktober 1999 melalui memorandum nombor 1612-2192-99 di mana jemaah menteri telah bersetuju supaya Malaysia menyertai PCT. PCT adalah merupakan satu perjanjian kerjasama antarabangsa mengenai sistem permohonan paten untuk diterima pakai di kalangan negara-negara ahli PCT. Ia meliputi aspek-aspek pemfailan, permohonan carian dokumen paten, pemeriksaan permohonan paten dan penyebaran maklumat teknikal yang terkandung dalam dokumen permohonan paten. Bagi tujuan memenuhi obligasi Malaysia di bawah PCT, pindaan-pindaan harus dibuat kepada Akta Paten 1983.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini secara amnya adalah untuk membuat pindaan berbangkit bagi penyelarasan beberapa peruntukan akta ini dengan peruntukan PCT. Pindaan-pindaan utama yang dicadangkan untuk diselaraskan dengan Akta Paten 1983 adalah seperti berikut. Memasukkan seksyen baru 35(B) untuk membenarkan pemohon yang memfailkan permohonan paten, domestik atau pejabat pendaftaran paten memohon satu carian antarabangsa yang dibuat oleh pihak berkuasa pencarian antarabangsa.

Dengan kemasukan seksyen ini yang merupakan salah satu prosedur di dalam PCT, pemohon domestik atau Pejabat Pendaftaran Paten boleh meminta supaya suatu carian antarabangsa dibuat oleh pihak berkuasa pencarian antarabangsa ke atas permohonan paten domestik. Ini akan membolehkan Pejabat Pendaftaran Paten

memproses sesuatu permohonan paten dengan lebih pantas dan efisien memandangkan laporan pencarian paten telah pun disiapkan. Pindaan Seksyen 78(F) adalah bagi menghendaki mana-mana pemohon yang merupakan pemastautin di Malaysia yang memfailkan permohonan antarabangsa mematuhi peruntukan di bawah Seksyen 23(A) iaitu memohon kebenaran bertulis daripada pendaftar paten untuk memfailkan permohonan antarabangnya.

Perkataan tertakluk kepada Seksyen 23(A) dimasukkan bagi tujuan menjelaskan bahawa bagi pemfailan antarabangsa pemohon yang merupakan pemastautin di Malaysia masih perlu memohon kebenaran daripada pendaftar paten sebelum membuat pemfailan antarabangsa. Seksyen 78(G) dipinda untuk menyatakan dengan lanjut kehendak-kehendak yang mesti dipenuhi jika sesuatu permohonan antarabangsa bagi paten dibuat hendaklah mengikut yang telah dinyatakan dalam *treaty*. Memandangkan perkataan *treaty* telah pun didefinisikan di dalam seksyen 78(A) adalah lebih wajar sekiranya apa-apa borang yang diguna pakai adalah sejajar dengan borang yang dinyatakan dalam *treaty*.

Sekiranya terdapat apa-apa pindaan yang dilakukan kelak di dalam borang antarabangsa, Malaysia tidak perlu melakukan pindaan tersebut, memandangkan borang antarabangsa yang diguna pakai oleh Malaysia adalah borang antarabangsa seperti yang diperuntukkan oleh *treaty* itu. Subseksyen baru (1A), dimasukkan ke dalam seksyen 78G untuk menyatakan bahawa permohonan antarabangsa hendaklah difailkan dalam bahasa Inggeris, manakala subseksyen baru (2A) dimasukkan untuk menyatakan akan kesan tarikh pemfailan ke atas permohonan antarabangsa tersebut jika Malaysia di *designate* bagi tujuan untuk mendapatkan perlindungan paten di bawah Akta Paten 1983. Memandangkan borang permohonan adalah seperti yang diperuntukkan oleh *treaty*, maka pindaan ini dilakukan untuk menjelaskan agar permohonan antarabangsa hendaklah di dalam bahasa Inggeris.

Pindaan perlu dilakukan bagi menjelaskan bahawa sekiranya Malaysia didesignate sebagai *the designate office*, tarikh pemfailan antarabangsa adalah juga merupakan tarikh pemfailan di Malaysia. Dengan memasukkan subseksyen ini, seksyen 78(h) yang asalnya dipotong. Seksyen-seksyen 78H, 78I, 78J, dan 78P, Akta Paten 1983 dipotong adalah semua perkara-perkara ini adalah diperkatakan dalam pelbagai seksyen dalam Akta 291. Bagi tujuan memperkemas peruntukan-peruntukan di bahagian 14(a), Akta Paten 1983, pindaan dibuat kepada perkara-perkara seperti prosedur-prosedur, memfailkan permohonan antarabangsa, *fee* permohonan dan borang permohonan seperti yang terdapat di dalam seksyen 78H, 78I dan 78J dengan memotong peruntukan-peruntukan tersebut. Ini juga akan mengelakkan pindaan seterusnya yang perlu dibuat kelak setiap kali pindaan mengenai perkara-perkara tersebut dibuat kepada *treaty*.

Seksyen 78K dipinda untuk memotong perkataan '*and its rules*' kerana definisi *treaty* adalah termasuk peraturan-peraturannya. Seksyen 78K, sedia ada telah menyatakan bahawa proses permohonan antarabangsa ketika fasa antarabangsa, *international phase*, hendaklah mengikut peruntukan di dalam *treaty*. Memandangkan perkataan *treaty* turut merangkumi peraturan di bawah *treaty*, perkataan '*and its rule*' dicadang dipotong'. Seksyen 78KA yang baru dimasukkan untuk menyatakan bahawa *fee* bagi permohonan antarabangsa adalah seperti yang dinyatakan di dalam *treaty* dan lain-lain *fee* yang ditetapkan. Pindaan kepada Akta Paten 1983, melalui pindaan 2006 ini, memperuntukkan agar *fee* yang perlu dibayar adalah seperti mana yang diperuntukkan di dalam *treaty*.

Sekiranya terdapat apa-apa pindaan berkenaan *fee* kelak, Malaysia tidak perlu melakukan apa-apa pindaan memandangkan *fee* adalah berdasarkan *treaty* itu. Seksyen baru 78, 780A dimasukkan bertujuan untuk memasukkan peruntukan menghidupkan semula paten antarabangsa yang dianggap telah ditarik balik di bawah seksyen 780. Pindaan ini dilakukan untuk membolehkan pemohon menghidupkan semula permohonan antarabangsa yang dianggap telah ditarik balik di bawah seksyen 780. Peruntukan ini memberi peluang kepada pemohon untuk meneruskan permohonan jika kegagalannya untuk mematuhi seksyen 780 adalah sesuatu yang tidak disengajakan.

Namun begitu, permohonan hanya dapat dihidupkan semula sekiranya permohonan itu menghidupkan semula permohonan antarabangsa yang dilakukan dalam tempoh masa seperti yang ditetapkan serta mempunyai alasan-alasan yang kukuh di atas

mematuhi seksyen itu. Seksyen 78P dipotong kerana peruntukan ini telah pun dimasukkan di dalam seksyen 35B yang baru. Seksyen 78P dipotong memandangkan seksyen 35B yang baru menjelaskan dengan lebih terperinci lagi berkenaan dengan peruntukan ini. Seksyen 35B yang baru membolehkan pemohon domestik atau pejabat pendaftaran paten meminta supaya satu cara antarabangsa dibuat oleh pihak berkuasa pencarian antarabangsa ke atas permohonan paten domestik.

Pencarian yang sedemikian, akan membolehkan Pejabat Pendaftaran Paten memproses sesuatu permohonan paten dengan lebih pantas dan efisien. Memandangkan laporan carian paten telah pun disiapkan. Seksyen 78Q(1) dipinda untuk menjelaskan dengan lanjut mengenai perkara penukaran suatu permohonan antarabangsa kepada permohonan nasional. Pindaan kepada seksyen ini, menjelaskan dengan lebih terperinci lagi berkenaan perkara penukaran satu permohonan antarabangsa kepada permohonan nasional. Pindaan-pindaan kecil yang lain berbangkit. Lain-lain pindaan yang tidak diperkatakan dengan khususnya di sini merupakan pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit yang dilakukan bagi tujuan memperkemaskan Akta Paten 1983.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah bersetuju untuk menjadi anggota PCT, selaras dengan objektif utama PCT iaitu untuk mewujudkan satu sistem permohonan paten, yang mudah, menjimatkan, dan lebih efektif kerana dengan memfailkan satu sahaja permohonan antarabangsa seseorang itu boleh dalam masa yang sama memohon untuk mendapatkan perlindungan bagi reka ciptanya negara-negara ahli PCT yang melebihi 100 negara termasuklah negara-negara membangun dan sedang membangun. Pada amnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bagi tujuan memenuhi obligasi Malaysia di bawah PCT selepas Malaysia menjadi anggota PCT kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokongan?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ipoh Timor.

#### 6.17 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk dalam perbahasan rang undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini, utamakan satu perkara yang pokok, yang penting. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut bahawa rang undang-undang ini ialah untuk memperkemaskan Akta Paten oleh sebab Kabinet sudah buat satu keputusan bersetuju untuk menjadi anggota *Patent Cooperation Treaty, PCT*.

Yang pertama, PCT langsung tak disebut dalam rang undang-undang ini sama ada dalam isi kandungan rang undang-undang ini atau dalam penjelasan penerangan atau huraian, dalam huraian. Langsung tidak ada apa-apa sebutan dan bahawa ini adalah *misleading*, tidak ada dengan sepenuhnya untuk menerangkan latar belakang, tujuan rang undang-undang ini dan saya harap bahawa untuk masa hadapan, huraian lebih jelas. Bukannya nampaknya memberi satu *half truth*. Kedua, keputusan dibuat oleh Kabinet untuk bersetuju menjadi untuk *exceed* kepada PCT, *Patent Cooperation Treaty*. Kenapa keputusan ini tidak bawa ke Parlimen?

Bukankah kita perlu satu garisan oleh sebab kita dalam globalise world? Di mana kita ada perbincangan bilateral, multilateral, plurilateral, khasnya dalam *liability of FDA*, sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju dengan impak yang begitu luas dan masa hadapan generasi-generasi akan datang akan terlibat. Bukankah ini bukan sahaja satu keputusan yang dibuat oleh Kabinet, tetapi patutlah dibuat bersama-sama oleh Parlimen. Kalau bukan perlu untuk didapati satu ratifikasi oleh Parlimen, tetapi sekurang-kurangnya Parlimen dimaklumkan mengenai keputusan, mengenai *treaty*, mengenai *treaty*

antarabangsa yang akan kita persetujui. Semacam US, Malaysia-Japan FTA, Free Trade Agreement, kita langsung tak tahu apa yang terkandung dalam itu sungguhpun ia ada *consequent* yang sangat jauh. Kita dalam perbincangan Malaysia dengan US mengenai FTA. Kita ada perbincangan dengan Australia FTA. Kita ada perbincangan dengan New Zealand FTA, tetapi ahli Parlimen langsung tidak tahu tentang status kemajuan perbincangan-perbincangan ini.

Saya harap ini satu isu polisi dan saya harap Kabinet, dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan ambil perhatian dalam perkara ini oleh kerana kita anggota dalam *globalize world*, kita akan terlibat dalam banyak perkembangan antarabangsa sama ada *economic* ataupun *political United Nations* dan lain-lain. Dan konvensyen-konvensyen, hak-hak asasi dan lain-lain bahawa Parlimen perlulah terlibat dalam semua keputusan untuk ratifikasi persetujuan Malaysia menjadi satu anggota. Kalau bukan dalam perbahasan *full house* tetapi sekurang-kurangnya ada satu *Select Committee*, ada satu jawatankuasa pilihan mengenai antarabangsa. Kalau tidak nampaknya Parlimen tidak tahu dan Yang Berhormat Timbalan Menteri datang dengan pindaan ini supaya untuk kemaskan Akta yang ada.

Akan tetapi kita tak tahu kenapa berlaku, kenapa perlu berlaku? Ini menunjukkan bahawa kita bukan *first world* Parlimen tetapi dilayani sebagai *third class, fourth class* Parlimen. Dan ini *sub division* yang sangat fundamental, Tuan Yang di-Pertua sangat mustahak yang melibatkan kemuliaan tempat Parlimen dalam sistem *governance* kita, *where we stands? Where are we, or we just total irrelevant?*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan terhadap Akta Paten 1983, yang dibawa di dalam Dewan ini adalah untuk melaksanakan Perjanjian Kerjasama Paten atau *Patent Cooperation Treaty* atau PCT, yang mana Yang Berhormat Perdana Menteri ada kata bahawa Kabinet sudah buat satu persetujuan untuk menjadi anggota.

Terdapat juga pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahawa Malaysia akan bersetuju kepada tiga perjanjian tambahan Pertubuhan Hak Milik Intelektual Sedunia atau *World Intellectual Property Organization* (WIPO). Selain daripada PCT iaitu dengan izin, *WIPO Copy Right Treaty* (WCT), *WIPO Performances and Phonograms Treaty* (WPPT) and *The Budapest Treaty of the International Recognition of the Deposit of Microorganism for the Purposes of Patent Procedure*.

Keempat-empat perjanjian ini merupakan perjanjian yang mana Amerika Syarikat berkeras untuk dimasukkan ke dalam perjanjian-perjanjian perdagangan bebas. Tambahan juga Amerika Syarikat menginginkan apa yang lebih daripada itu, perihal hak cipta seperti mana memanjangkan jangka masa perlindungan daripada 50 tahun kepada 75 tahun yang ada dalam kes FTA di antara Oman dan Amerika Syarikat. Ianya adalah 90 tahun tempoh dalam Oman-US FTA.

Walaupun terdapat beberapa perbincangan di dalam Kabinet kerajaan berkenaan dengan penyertaan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian ini. Ianya belum lagi jelas bagaimana keputusan-keputusan ini telah dibuat. Mungkin terdapat lobi-lobi daripada organisasi-organisasi industri, tuntutan beberapa kerajaan negara maju, begitu juga dengan *capacity building exercises* oleh *Secretariat WIPO* yang menggalakkan negara-negara seperti Malaysia untuk memikul lebih banyak tanggungan perundangan.

Dalam mana-mana perkembangan perundangan Rundingan FTA, mana pada peringkat tidak rasmi dalam 12 bulan yang lepas juga telah fokus terhadap perjanjian-perjanjian WIPO ini. Adalah penting supaya Malaysia tidak setuju kepada mana-mana perjanjian WIPO dan satu penilaian perlu yang komprehensif terhadap impak perjanjian-perjanjian ini terhadap kepentingan ekonomi negara dan awam. Misalnya akses terhadap perubatan, alat-alat pendidikan, pembangunan ICT, perlindungan bio *diversity*, peningkatan kapasiti teknologi dan industri boleh dijalankan dengan melibatkan masyarakat awam.

Walaupun undang-undang kita sudah mengandungi sesetengah daripada peruntukan *diversity* dan WPPT, kita boleh menilai semula dan meminta apabila diperlukan tetapi jikalau kita setuju kepada perjanjian-perjanjian dan juga mengunci atau *locked in for our...*, dengan izin, mereka ke dalam satu FTA dengan Amerika Syarikat. Kita tidak akan

dapat melakukan perubahan unilateral dan lebih teruk lagi kita mungkin akan terdedah kepada *dispute settlement system* di bawah FTA kerana melanggar FTA.

Disebabkan bahagian hak milik intelektual atau bahagian IP, Kementerian Perdagangan Domestik dan Hal Ehwal Pengguna telah dikorporatkan, kita masih tidak mempunyai satu dasar hak milik intelek. Kita tidak ada satu nasional IP polisi, *Intellectual Property Policy*.

Ataupun kita telah berusaha terhadapnya beberapa tahun yang lepas. Apakah yang menjadi panduan kerajaan dalam menentukan isu-isu IP, *Intellectual Property*? Khususnya dalam akses kepada perjanjian-perjanjian WIPO serta rundingan FTA. Malaysia tidak harus setuju kepada empat perjanjian WIPO sehingga kita mempunyai satu dasar hak *intellectual property national* serta perundangan yang terlengkap dengan masyarakat madani dan pemegang-pemegang kepentingan.

Perjanjian-perjanjian di bawah WIPO di buka kepada negara-negara yang bersetuju pada akses unilateral. Kegagalan pada 1980-an untuk melibatkan negara-negara membangun untuk berunding dan menerima pakai perjanjian-perjanjian yang lebih tegas dan lebih jika dibandingkan dalam WIPO, telah menyebabkan negara-negara industri untuk melobi supaya *intellectual property* dimasukkan dalam rundingan Pusingan Uruguay menyebabkan perjanjian TRIPS atau *Trade Related aspects of Intellectual Property Rights*.

Selepas penerimaan perjanjian TRIPS yang mana ahli-ahli WTO tiada pilihan lain selain menerimanya, standard perlindungan *intellectual property* atau IP, juga telah meningkat dengan dramatik. Dalam membangunkan negara-negara membangun menyebabkan ubat, alat-alat pendidikan, dan bayaran untuk penggunaan teknologi yang lebih mahal kepada syarikat-syarikat dari negara maju. Di anggarkan negara-negara membangun perlu menanggung sebanyak USD60 bilion setahun untuk melaksanakan TRIPS menurut satu kajian *World Bank*. Ini bukan daripada kita, daripada *World Bank*. Biar pun begitu, terdapat juga sedikit kelonggaran yang dikekalkan di dalam TRIPS yang masih boleh digunakan. Apabila TRIPS menetapkan standard minimum dan sebilangan besarnya mencerminkan standard negara-negara maju, pelaksanaan dan penguatkuasaan standard-standard itu masih kekal di tangan *judicial national*.

Dalam kes Paten, peraturan dan praktis yang asas ialah ianya dipohon melalui paten Kebangsaan atau pejabat-pejabat paten atau pejabat-pejabat serantau seperti di EU di mana terdapat satu paten serantau dengan satu pejabat paten. Pejabat-pejabat ini kemudian akan memeriksa dan memutuskan sama ada sesuatu paten ini boleh diberikan atau tidak mengikut kriteria *novelty*, langkah-langkah ciptaan dan industri *applicability* ciptaan itu.

Juga tidak boleh dilupakan Sekretariat WIPO terus berusaha ke arah lebih banyak perjanjian dan untuk beberapa tahun yang lepas, kebanyakan negara maju telah mengorak usaha di dalam WIPO untuk mendapatkan apa yang tiada dalam TRIPS atau TRIPS plus. Kerjasama yang semakin bertambah di kalangan-kalangan negara membangun dalam Majlis TRIPS dan keengganan mereka untuk melebarkan sesetengah IPR atau *Intellectual Property Rights* merupakan satu sebab untuk meminta forum itu kepada WIPO. Secara khususnya usaha-usaha terhadap hak cipta baru dan norma-norma hak yang berkaitan dalam jawatankuasa-jawatankuasa WIPO telah diperkuatkan.

Pada tahun 1996, WIPO *Diplomatic Conference On Certain Copyright and Related Right Questions* telah menerima perjanjian WIPO *copyright treaty* ialah WCT dan WIPO *performance and phonograms treaty* ialah WPPT, WCT khususnya memberi skop perlindungan yang lebih luas daripada *Berne Convention for the protection of literary and artistic works* dan Malaysia merupakan satu parti kepada *Berne Convention*. Dengan mensasarkan teknologi digital khususnya teknologi berhubung dengan internet, WCT adalah berkaitan dengan hak-hak yang digunakan dalam penyimpanan dan transmisi kerja dalam sistem-sistem digital, had-had yang ke atas pengecualian terhadap had-had dalam persekitaran digital. Perlindungan dari segi teknologi serta maklumat pengurusan hak pengedaran dari segi transmisi dalam rangkaian digital dengan satu skop yang lebih luas dan hak penemuan juga telah diliputi. Terdapat 58 parti dalam pada masa sekarang, lalu WPPT pula berurusan dengan dua jenis *beneficiaries* hak IP. Satu *performers* ialah pelakon, penyanyi, ahli-ahli muzik dan sebagainya. Serta yang kedua, pengeluar fonogram

ialah orang atau *legal entity* yang berurusan dengan *sound taxation*. Mereka ini dikendalikan dalam instrumen yang sama kerana kebanyakan hak-hak yang diberi oleh WPPT kepada *performers* adalah hak-hak yang berhubung-kait dengan persembahan mereka yang tetap dan bersifat *oral*. WPPT memberi *performers* dan pengeluar fonogram empat jenis hak ekonomi dalam persembahan mereka yang tetap dalam fonogram iaitu tidak dalam penetapan audiovisual seperti *motion pictures*;

- (i) hak pengeluaran semula;
- (ii) hak pengedaran;
- (iii) hak penyewaan; dan
- (iv) hak keberadaan atau *the right of making available*.

Setiap satu ini merupakan hak eksklusif yang termaktub kepada beberapa hak dan pengecualian tertentu. Pada masa sekarang terdapat 57 parti dalam WPPT dan dalam realiti syarikat-syarikat rakaman atau pengeluar fonogram khususnya mereka yang berasal daripada AM merupakan anggota industri yang utama. Adalah tidak mengejutkan bahawa mereka merupakan lobi yang berkuasa untuk mengembangkan IRP-IRP ini meliputi seluruh dunia dan mereka merupakan benefisiari yang utama. Pada masa sekarang tidak wujudnya satu sistem paten antarabangsa, tidak ada satu sistem paten antarabangsa. Negara-negara membangun dan industri-industri mereka telah selalunya menginginkan satu sistem paten antarabangsa dengan berpaksikan dua pilar:

- (i) untuk menetapkan norma-norma yang *legal abiding*;
- (ii) untuk memperuntukkan satu rangka kerja prosedur untuk; dan
- (iii) memeriksa dan memberikan paten.

Walaupun terdapat perjanjian-perjanjian antarabangsa terhadap *international property* termasuk paten yang menetapkan norma-norma dan standard pelaksanaan serta penguatkuasaannya merupakan *jurisdiction national*. Perjanjian-perjanjian antarabangsa yang mewujudkan hak-hak substantif dan obligasi atau norma-norma dan standard ke atas paten adalah *Paris Convention for The Protection of Industrial Property* yang merupakan satu perjanjian WIPO yang awal. Malaysia merupakan salah satu parti dan perjanjian WIPO TRIPS, WTO TRIPS Malaysia merupakan salah satu parti. Biarpun terdapat perjanjian-perjanjian antarabangsa ini terdapat juga ruang pertimbangan untuk pelbagai undang-undang paten kebangsaan. Untuk mencerminkan keutamaan dan tahap pembangunan sesebuah negara.

Oleh itu kerja berterusan dalam WIPO ke atas satu *substantive patent law treaty* untuk mengharmonikan undang-undang paten dan menunjukkan satu norma-norma *legal abiding* yang komprehensif telah berada dalam kontroversi pada masa sekarang. *Acts* yang dicadangkan telah jauh keluar daripada perjanjian-perjanjian antarabangsa yang ada dan akan mengurangkan dengan banyak kelonggaran yang dinikmati oleh negara-negara yang membangunkan ini. Ini merupakan *substantive pillar* yang tidak berada pada tempatnya. Prosedur pilar yang pada sekarang ialah *Patent Co-operation Treaty* ialah PCT yang mana ianya sudah diadakan tetapi mana-mana negara boleh memilih untuk menyertai atau tidak.

Oleh itu terdapat usaha berterusan untuk memujuk negara-negara membangun untuk menjadi sebahagian daripada parti ini supaya pada akhirnya semua permohonan paten akan diproses dengan efektif di bawah satu sistem yang sama. Kekurangan kapasiti untuk memeriksa permohonan paten ialah satu masalah di semua negara termasuk Malaysia. Di negara-negara membangun, kepakaran dan pengalaman adalah kekurangan. Manakala di negara-negara maju khususnya tiga pejabat negara yang terbesar iaitu Amerika Syarikat, *European Union* dan Jepun, *backlog* dan permohonan tertunggak telah menjadi satu krisis, *Patent Co-operation Treaty* adalah direka untuk membolehkan seseorang untuk memohon satu paten dalam pelbagai negara dengan mudah.

Ini dilakukan dengan menstandardkan prosedur-prosedur permohonan dan memerlukan parti-parti terhadap PCT untuk menerima prosedur-prosedur yang telah dipiawaikan. Seseorang pemohon itu tidak perlu pergi ke mana-mana negara individu untuk memohon. Ia hanya perlu membuat satu permohonan antarabangsa dengan menunjukkan

negara-negara di mana beliau meminta untuk mendapatkan satu paten. Satu *international search* kemudian dijalankan. Pejabat-pejabat berkenaan telah dilantik untuk bertindak sebagai *international searching authorities* ialah *Australian Patent Office, Austrian Patent Office, Chinese Patent Office, European Patent Office, Japanese Patent Office, Russian Patent Office, Spanish Patent and Trademark Office, Swedish Patent Office and United States Patent and Trademark Office.*

Tujuan utama PCT mengikut WIPO adalah untuk mengurangkan beban kerja national patent offices dan juga untuk facilitate dan mempercepatkan akses oleh industri dan sektor-sektor berkepentingan yang lain terhadap ciptaan yang berhubung kait dengan maklumat teknikal dan membantu negara-negara membangun untuk mendapat akses terhadap teknologi, realitinya adalah bertentangan. Negara-negara ahli PCT masih boleh menjalankan pemeriksaan substantive terhadap permohonan paten untuk melihat sama ada ianya harus dipatenkan atau tidak. Selain daripada international search biarpun begitu ianya tidak selalu dilakukan. Realitinya ialah PCT adalah lebih memanfaatkan untuk negara-negara dengan mana pencipta-penciptanya ingin memohon paten di negara-negara lain. Amerika Syarikat, European Union yang mempunyai satu sistem paten serantau untuk ahli-ahli EU tetapi biarpun di kalangan EU sendiri. German sendiri pun bukan sebuah pengeluar dan Switzerland.

Oleh kerana kebanyakan negara ialah pengimport intellectual property bersih. Adalah bukan kepentingan mereka untuk menyertai PCT kerana mereka tidak mempunyai pencipta-pencipta yang cukup untuk memanfaatkan daripadanya semacam Malaysia. Satu professional estimate only WIPO terhadap negara atau rantau yang paling menggunakan PCT.

Pada 2005 menunjukkan bahawa pengguna terbanyak sistem paten antarabangsa kekal tidak berubah iaitu *European Patent Convention...*, iaitu 46, 404 permohonan atau 34.6 peratus daripada jumlah iaitu dalam tahun 2005 untuk Amerika Syarikat 45,111 permohonan atau 33.6 peratus. Pada tahun 2005 dan Jepun 25, 145 permohonan atau 18.8 peratus tahun 2005. Germany 15, 870 atau 11.8 peratus, Perancis 5, 522 atau 4.1 peratus, United Kingdom 5, 115 atau 3.8 peratus.

Malaysia langsung tidak nampak di dalam radar atau skrin. Dengan 80 ke 90 peratus daripada *budget world intellectual property organization* dalam satu tahun ini datang daripada *filing fees* PCT maka adalah tidak memeranjatkan bahawa mereka ada satu bias terhadap pemegang-pemegang hak cipta. Ini dicerminkan dalam *capacity building* dan bantuan teknikal yang diberi kepada negara yang membangun termasuk latihan pegawai-pegawai dan hakim-hakim paten. Kemampuan untuk memeriksa permohonan, permohonan yang semakin kompleks juga sedang mencabar. Pejabat-pejabat paten ini di negara-negara maju kompleksiti ini kadangkala bersifat teknikal tetapi ianya selalu adalah sah di sisi undang-undang kerana kenyataan-kenyataan yang semakin luas dilakukan untuk mengelirukan garisan di antara penciptaan dan penemuan atau di antara penciptaan dan perubahan-perubahan *minor* terhadap satu produk lama. Dengan itu *procedural...* yang ditawarkan oleh pencadang-pencadang PCT adalah menarik kerana kebanyakan pejabat-pejabat paten kebangsaan dan implikasinya adalah tidak dapat diduga. Satu keputusan yang membimbangkan ialah tanpa mengira sama ada sesuatu undang-undang utama itu diterima di sesebuah negara tetapi ditolak di negara yang lain.

Pemeriksaan atau *preliminary antarabangsa* yang dilihat sebagai tidak mencukupi mungkin akan menjadi satu-satunya pemeriksaan di mana kebanyakan negara tidak dapat menjalankan pemeriksaan yang bersesuaian. Pemeriksa-pemeriksa paten di Malaysia mungkin tidak dapat berbeza banyaknya dalam kekurangan kapasiti dalam peperiksaan yang mencukupi.

Adakah Yang Berhormat menteri boleh atau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi maklumat terperinci kepada Parlimen terhadap kapasiti dan praktis *Malaysia Intellectual Property Corporation*. Malaysia ialah parti kepada dua perjanjian WIPO; the Paris Convention for the *Protection of Industrial Property* dilaksanakan oleh Akta Paten 1983 dan *Berne Convention for the Protection of Literary and Artistic Work* dilaksanakan oleh Akta Hak Milik 1987. Sehingga sekarang, Malaysia belum lagi mengambil tanggungjawab yang lebih tegas dan lebih luas di bawah perjanjian-perjanjian WIPO.

Sementara itu, Malaysia pula memenuhi perjanjian TRIPS, sebenarnya Malaysia belum lagi menggunakan kelonggaran dalam TRIPS.

Maklumat di bawa berkenaan dengan permohonan paten yang diterima dan paten yang diberi di antara tahun 2000 dengan Januari 2006 sejak Malaysia melaksanakan perjanjian TRIPS mengikut pemegang/ pemohon paten asing dan luar negeri adalah datang daripada laman web Malaysian IP Corporation, yang sangat tepat dan dengan izin dalam bahasa Inggeris dua perenggan sahaja, "in 2000, there were 206 local and 6,021 foreign applications, of which 24 and 381 respectively were granted. In 2005, there were 522 local and 5753 foreign applications, of which 37 and 2471 respectively were granted. The total applications between 2000 and Januari 2006 was 34,741 of which 2,308 atau 6.64 percent were local and 32,433 or 93.36 percent foreign. Of the total of 10,150 patens granted from those applications, 173 or 1.7 percent where locally-owned and 9977 (98.3%) were foreign-owned. The categories of patents are difficult to fathom and need more detailed breakdown:

- (i) human necessities;
- (ii) performing operations; transporting;
- (iii) chemistry; metallurgy;
- (iv) textiles; paper,
- (v) fixed constructions,
- (vi) mechanical engineering; lighting; heating; weapons,
- (vii) physics; dan
- (viii) electricity

Tuan di-Pertua, implikasi penyertaan PCT, lebih banyak paten akan dipatenkan. Peningkatan dalam permohonan - Data untuk bilangan permohonan paten setiap negara adalah tidak lengkap. WIPO adalah badan yang bertanggungjawab untuk mengurus PCT supaya ianya dijangkakan akan mempunyai data yang terbaik. Mengikut data sendiri WIPO, untuk semua negara kecuali satu, penyertaan dalam PCT menyebabkan satu penambahan yang signifikan dalam permohonan paten. Sebagai contoh, permohonan paten China meningkat sebanyak lima kali ganda, Iceland meningkat 12 kali ganda dan Vietnam meningkat 15 kali ganda.

Jika pecahan permohonan yang diberi masih sama, maka lebih paten akan diberi - Dengan mengangap *Malaysian Intellectual Property Office* tidak di beban dengan peningkatan 15 kali ganda dalam permohonan dan ianya terus memberi paten kepada pecahan permohonan yang sama, maka dengan mengikut pengalaman ahli-ahli ASEAN yang lain, paten sebanyak 15 kali ganda akan diberikan di Malaysia. Ini akan mempunyai satu kesan yang signifikan terhadap harga perubatan Malaysia, kemampuan untuk dengan izin, *move up the manufacturing value chain* dan objektif-objektif Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tidak boleh bergantung kepada *International Search* dan *International preliminary Examination* - Satu argument yang digunakan untuk menggalakkan negara-negara membangun untuk menyertai PCT ialah bahawa mereka akan memanfaatkan daripada *preliminary International Search* dan pemeriksaan yang dijalankan sebagai sebahagian daripada prosedur permohonan PCT yang akan mengurangkan beban kerja mereka. Walaupun begitu, *preliminary search* dan pemeriksaan sebegini hanya dilakukan terhadap dokumen-dokumen bertulis. Ini tidak memberi faedah kepada negara-negara membangun. TRIPS mengizinkan negara-negara untuk menyemak sumber-sumber lisan maklumat dan melihat sama ada satu ciptaan itu betul-betul baru atau sama ada ianya telah dilakukan di tempat lain.

Sumber-sumber lisan ini khususnya penting apabila permohonan ini berkaitan dengan sumber-sumber biologi dan atau pengetahuan tradisional. Profesor Carlos Correa, seorang peguam yang terkenal dan merupakan ahli ekonomi dalam isu-isu perunding TRIPS dan *intellectual property* untuk Argentina semasa rundingan pusingan Uruguay telah mencadangkan supaya negara-negara membangun hanya memberi paten kepada ciptaan-

ciptaan yang betul-betul baru selepas memeriksa sumber-sumber maklumat lisan dan bertulis. Ini adalah kerana negara-negara pengimport *intellectual property* bersih, *net importer*.

Semua negara kecuali tiga buah negara yang dinyatakan di atas harus memberi sekurang paten yang boleh mengikut keperluan minimum perjanjian WTO dan TRIPS. Ini adalah kerana semakin banyak paten yang mereka beri, semakin banyak royalti yang mereka perlu bayar kepada orang luar. Sebagai contoh, di Vietnam, 97 peratus daripada paten ubat dipegang oleh orang luar.

Kesan terhadap RMK-9, Kesihatan/kualiti hidup - RMK-9 menekankan kepentingan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan. Disebabkan kebanyakan ubat di Malaysia akan dipatenkan, jika ianya menandatangani PCT, ini bermakna Malaysia akan perlu membayar harga monopoli yang lebih tinggi untuk semua ubat berpaten. Sudah ditunjukkan bahawa ubat berpaten boleh semahal 1044 peratus lebih daripada *generics version* nya di Malaysia. Satu kajian yang dibiayai oleh WTO, menyatakan bahawa untuk sebuah negara tiga anggota dengan sedikit masalah kesihatan badan, ianya akan mengambil gaji dua bulan pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia di peringkat terendah untuk membeli ubat selama sebulan jika *generics* tidak dapat dibeli.

Bergerak ke atas *Value Chain* - Mengikut RMK-9, Malaysia perlu bergerak ke atas rantai nilai. Walaupun begitu, dalam industri-industri teknologi tinggi, input-input juga adalah teknologi. Jikalau satu pecahan mesin yang lebih besar adalah dipatenkan di Malaysia, kerana ia menyertai PCT, ini akan menambahkan kos input kerana lebih banyak royalti akan dibayar dan menjadikannya lebih sukar untuk Malaysia bergerak ke atas, *up the value chain*.

Ini akan menjadi lebih teruk di bawah *United State Free Trade Agreement* yang mana dengan mengikut *United State Free Trade Agreement* yang ada sekarang akan memerlukan semua tarif di Malaysia diikat pada kadar 0% menjadikannya sangat sukar untuk memulakan industri-industri baru kerana mereka ini akan didedahkan kepada persaingan daripada import pada permulaan.

Bioteknologi - Seperti yang dijelaskan, untuk menggiatkan industri bioteknologi di Malaysia, Malaysia sebenarnya memberikan seberapa sedikit paten baru yang mungkin. Apa yang utama ialah paten terus diberikan kepada rakyat Malaysia di dalam pasaran utama untuk produk-produk industri bioteknologi Malaysia contohnya USA dan EU. Dengan tahap inovasi dan penyelidikan yang rendah sekarang, adalah menjadi tanda soal bahawa Malaysia mampu masuk ke dalam pasaran paten Amerika Syarikat tetapi dengan menjadikannya lebih senang untuk dipatenkan di Malaysia, sumber-sumber biologi negara ini akan terdedah kepada risiko untuk dieksploitasi.

Bukan semua negara ialah ahli PCT. *Patent Cooperation Treaty*. Terdapat 61 negara yang masih belum merupakan ahli-ahli PCT, walaupun terdapat tekanan daripada pengeluar *pharmaceutical* jenama Amerika Syarikat. Kerajaan Amerika Syarikat juga telah memberi tekanan untuk menyertai PCT sebagai, contoh melalui *Free Trade Agreement* nya. Semua *US Free Trade Agreement* nya telah mewajibkan negara ini menyertai PCT.

Sesetengah negara yang bukan lagi ahli-ahli PCT ialah negara-negara ASEAN. Brunei, Cambodia, Myanmar, Thailand dan/atau negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang lebih tinggi daripada Malaysia seperti yang lebih tinggi daripada Malaysia seperti Arab Saudi, Kuwait, Lebanon dan Malta, dan mereka menganggap ianya tidak mendatangkan faedah kepada mereka.

Perjanjian WTO ke atas IP (TRIPS) telah menyebabkan kita perlu membelanjakan wang kerana ianya akan meningkatkan tahap perlindungan *intellectual property* atau IP. Bekas ketua Penyelidikan Dasar Perdagangan Bank Dunia, Michael Finger (Finger, J.M. (2002). Dalam artikelnya "*The Doha Agenda and Development: A view from the Uruguay Round*", yang dikeluarkan oleh *Asian Development Bank*, Manila, menjangkakan bahawa obligasi terhadap negara-negara membangun untuk melaksanakan TRIPS akan menyebabkan peningkatan bayaran oleh mereka sebanyak USD60 bilion setahun. Satu laporan oleh Bank Dunia (2002) menganggarkan bahawa peningkatan bersih setahun dalam sewa paten daripada TRIPS untuk enam buah negara maju dalam bidang ini ialah

USD41 bilion, dengan penerima manfaat terbesar ialah US dengan USD19 bilion; Jerman 6.8 bilion; Jepun, 5.7 bilion; Perancis, 3.3 bilion; UK, 3 bilion; dan Switzerland, USD2 bilion.

Negara-negara Membangun yang akan merekod kerugian bersih tahunan termasuk Korea Selatan, USD15.3 bilion; China, USD5.1 bilion; Mexico, USD2.6 bilion; India, USD903 juta; dan Brazil, USD530 juta. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mampu untuk memberi angka-angka perbandingan sebagai kos terhadap Malaysia mengenai kerugian yang kita akan menghadapi apabila kita menyertai PCT.

Marilah kita melihat contoh-contoh baik yang lain bagaimana keadaan ubat-ubat jenama dan berpaten di Malaysia.

Satu, perbezaan harga di antara versi berjenama antibiotik *Amoxycillin Oral Suspension* 125 mg. dan 5 ml. dan versi generik ialah 1044% mengikut TRIPS, *Patent, Technology Transfer, Foreign Direct Investment and the Pharmaceutical Industry in Malaysia*, yang ditulis oleh dua orang rakyat Malaysia, Ida Madieha Azmi dan Rokiah Alavi dalam *Journal of World Intellectual Property, Volume 4, No. 6*, November 2001. Artikel ini ditulis oleh dua orang ahli akademik Malaysia, undang-undang dan ekonomi, masing-masing berdasarkan pendidikan mereka terhadap industri pharmaceutical di Malaysia.

Yang kedua, satu kajian terhadap harga ubat di Malaysia yang dijalankan di Malaysia dalam usaha sama dengan WTO menunjukkan bagaimana tidak mapannya ubat-ubat bukan generik untuk rakyat biasa di Malaysia. Ini memberi contoh sesebuah keluarga *hypothetical* kakitangan kerajaan tahap rendah dengan seorang isteri dan anak di mana suami menghidap tekanan jiwa dan ulser perut, isteri pula menghidap *viral infection* dan anak pula menghidap asma. Mereka perlu membelanjakan gaji dua bulan untuk memberikan ubat satu bulan kepada keluarga ini jika mereka memberi ubat-ubat bukan generik.

*Antiretroviral* berpaten yang digunakan untuk merawat AIDS ialah USD15 ribu setiap orang pesakit setiap tahun. Versi generik yang sama-sama berkesan dan efektif ialah USD150 setiap pesakit setiap tahun. Peruntukan-peruntukan USFTA terhadap *intellectual property* adalah hampir sama di dalam semua USFTA. Oleh itu adalah mudah untuk mendapatkan idea terhadap apakah peruntukan paten yang Malaysia akan perlu bersetuju jikalau ianya menginginkan sesuatu USFTA.

Kementerian Kesihatan Peru telah menjangkakan impak peruntukan standard USFTA terhadap harga ubat di Peru. Populasi kependudukan Peru ialah 27 juta orang. Hanya impak keeksklusifan data sahaja sudah bermakna USD34 juta akan dibelanjakan untuk membeli ubat yang sama, *extra cost*. Pada tahun 2003 jumlah perbelanjaan oleh Kementerian Kesihatan Peru terhadap ubat ialah USD35 juta. Kajian-kajian lain oleh WTO dan kerajaan-kerajaan Amerika Latin yang lain, yang menandatangani USFTA juga merasai kesan yang sama. Adakah kita telah menjalankan kajian sedemikian, *cost benefit*? Apakah kita buat satu *cost benefit analysis* yang perlu ditanggung oleh Malaysia?

Ini mengukuhkan pandangan saya bahawa sebelum menandatangani PCT atau meminda undang-undang Malaysia untuk melaksanakan PCT, Malaysia harus menjalankan satu analisa kos faedah yang lengkap dan menyeluruh terhadap impak tindakan ini kepada semua rakyat Malaysia, sama ada pemilik-pemilik *intellectual property* ataupun pengguna-pengguna mengikut objektif-objektif Rancangan Malaysia Kesembilan dan ini mustahak, khasnya oleh kerana 99.9% rakyat Malaysia nampaknya tidak tahu apa-apa mengenai isu ini. Sungguhpun ia begitu penting dan begitu berkesan, jauh di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**6.55 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bernama Akta Paten (Pindaan) 2006 yang bertujuan untuk meminda akta asal, Akta Paten 1983 memandangkan sesuai dengan

kemasukan Malaysia dalam era WTO dan pada keseluruhannya cadangan pindaan ialah yang berkaitan dengan hal-hal pendaftaran paten antarabangsa.

Untuk memasuki pasaran antarabangsa, urusan pendaftaran paten Malaysia tidak boleh berjalan lambat. Ia boleh menjejaskan daya saing negara dalam pasaran global. Kita melihat sahaja daripada perangkaan Perbadanan Harta Intelek Malaysia sebanyak lebih 33,000 permohonan paten yang difailkan dari 1999 hingga 2005. Baru hanya lebih kurang suku permohonan yang diluluskan. Keadaan ini membimbangkan kita kerana peluang-peluang ekonomi yang begitu besar berikutan peningkatan pemindahan harta intelek dan inovasi.

Persaingan negara pada keseluruhannya bergantung kepada bilangan inovasi dan produk yang berjaya dibangunkan. Bila proses pendaftaran paten berjalan lambat, maka proses mengkomersialkan ciptaan baru tertangguh dan ini akan membantutkan pertumbuhan industri baru. Sebahagian masalah ini terletak kepada kekurangan pakar paten dan harta intelek di Malaysia, dan kerajaan mengakui keperluan Perbadanan Harta Intelek Malaysia melatih lebih ramai rakyat menjadi golongan profesional yang berkemahiran paten sekurang-kurangnya 500 tenaga pemeriksaan paten lagi bagi mempercepatkan proses pendaftaran dan mengurangkan timbunan permohonan.

Proses permohonan paten mengambil masa sehingga sekurang-kurangnya 6 hingga 7 tahun baru siap. Proses yang lembap ini mempengaruhi para pelabur dari datang mendaftar perniagaan baru di sini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang pernah berkata, "bahawa lebih ramai rakyat Malaysia harus menjadi pereka cipta yang mahukan ciptaan baru dan bukan lagi jadi pengguna-pengguna barangan ciptaan orang lain". Permohonan paten rakyat Malaysia hanya berjumlah 600 sahaja. Yang difailkan hanya 2.1% pendaftaran sejak 6 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian adalah perlu Malaysia mengadakan tabung paten yang boleh digunakan untuk membantu dalam melahirkan *scientist* teknokrat terutama di bidang bioteknologi supaya mereka boleh menghasilkan banyak penemuan, ciptaan dan rekaan yang boleh didaftarkan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita harus berusaha dengan giat untuk menjadikan bangsa yang kreatif, inovatif dan boleh melahirkan ramai pencipta. Malang sekali Malaysia hanya memperuntukkan *budget* tahunan 0.7% bagi KDNK untuk bidang penyelidikan dan pembangunan sedangkan Korea Selatan 2.5%, Amerika Syarikat 3.7% manakala Jepun 3%. Itulah sebab negara kita ketinggalan di bidang R&D.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian TRIPS ialah *Trade-Related Aspects Of Intellectual Property Rights*, dengan izin, yang ditandatangani oleh negara-negara anggota WTO meliputi Malaysia boleh menjadi pemangkin kepada negara. Kerajaan dan rakyat Malaysia membangunkan bidang paten harta intelek bagi membawa Malaysia bersaing di peringkat global.

Apa yang perlu ialah kerajaan hendaklah mengambil langkah menjadikan tempoh proses permohonan dipersingkat lagi, sambil meningkatkan usaha pendidikan bagi melahirkan lebih ramai *scientist*, pakar paten, *technocrat* pelbagai bidang di kalangan anak Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri sila.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

## 7.01 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Bintang kerana mengambil bahagian dalam perbahasan dalam rang undang-undang ini. Saya juga ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang begitu arif dan beliau telah membuat banyak *homework* tentang semua aspek harta intelek, bukan sahaja paten tetapi lain-lain perkara cabang-cabang yang berkaitan dengan harta intelek. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada beliau.

Beliau telah sebut bahawa sepatutnya perkara berkaitan dengan PCT patut dibawa ke parlimen untuk dibahaskan. Akta Paten 1983 telah dipinda pada tahun 2003, bertujuan untuk memansuhkan peruntukan-peruntukan PCT. Penerangan mengenai tujuan serta kebaikan-kebaikan menganggotai PCT telah pun dibincangkan dan dibahaskan dalam Mesyuarat Parlimen sesi Jun/Julai 2003. Jadi perkara ini pernah di bincang panjang lebar di Parlimen.

Satu lagi perkara Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah menyebut adalah tentang Malaysia sepatutnya mempunyai Dasar Harta Intelek Negara memang itu adalah satu cadangan yang cukup baik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian telah selesai menyediakan cadangan Dasar Harta Intelek Negara. Buat masa ini, kementerian sedang membuat persediaan untuk memberi cadangan-cadangan Dasar Harta Intelek Negara dengan agensi-agensi yang lain seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan dan Warisan, Kementerian Kesihatan, MITI dan lain-lain agensi yang perlu juga tahu tentang perkara ini. Dan memang ia akan dibawa ke Parlimen untuk membincang tentang dasar itu. Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan

**Dato' S. Veerasingam:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya mengalu-alukan usaha untuk mengadakan satu *National Intellectual Property Policy*, *National IP Policy*, tetapi bolehkah proses ini diadakan secara selaras dengan *National IP Policy* ialah terbuka di mana melibatkan segala badan-badan yang berminat dalam perkara ini, supaya mungkin satu *green paper*, satu *green paper* kali yang pertama boleh di buat oleh kementerian berkenaan, membentang satu *green paper* mengenai *propose National IP Policy* di mana boleh akibatkan dengan satu perbincangan dengan luasnya input daripada semua.

Akan tetapi nampaknya Ahli-ahli Parlimen tidak berminat dalam hal ini, nampaknya boleh kira berapa orang, satu, dua, tiga, empat, lima. Tidak sampai sepuluh, tidak ada kuorum. Kalau ada orang yang panggil kuorum, habislah kita semua perlu menanggungkan. Maknanya itu, bukan sahaja tidak minat dalam isu ini tetapi nampaknya tidak berminat dalam persidangan Parlimen. Apa guna ada 92% majoriti Barisan Nasional kalau kuorum pun tidak boleh mengadakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Rehatlah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Rehat, kita tak perlu rehat, kita pun di sini.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Mungkin dia tidak mahu mendengar ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan saya punya ucap, Timbalan Menteri jawab, 92% majoriti Barisan Nasional. Apa guna? Kuorum pun tidak ada. Ada, ada? Ada saya panggil, *test*, mahu *test*, mahu saya *test*, mahu saya panggil?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha, bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan riuh]

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Ketua Pembangkang, kepimpinan melalui teladan.

**Dato' S. Veerasingam:** Walau bagaimanapun saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bawa berkaitan tentang ini dasar berkaitan dengan *intellectual property*. Memang apabila sudah sedia kita juga boleh bincang beberapa agensi-agensi dan NGO-NGO semua akan diberi peluang, akan diberi peluang kerana ini adalah satu dasar yang sangat penting untuk membangunkan ekonomi negara kita..., ada 'ong' sedikit ya?

Berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga sebut tentang ubat-ubat yang akan menjadi mahal. Memang apabila orang buat banyak penyelidikan R&D belanja berjuta-juta ringgit memang masa riwayat paten itu memang mahal, tetapi *life span* nya

dengan izin, hanya 20 tahun sahaja. Selepas itu siapa sahaja boleh, seluruh dunia boleh menggunakan produk itu, supaya produk itu menjadi lebih murah dan semua boleh menggunakan. Jadi ini adalah sesuatu perkara yang kita perlu ambil tahu dan kita perlu...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Dato' S. Veerasingam:** ...Munasabah tentang perkara ini, ya.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Kelmarin kami baca dalam surat khabar bahawa Malaysia telah menciptakan *bird flu* vaksin dan dipakai oleh seluruh dunia. Adakah *bird flu* vaksin ini yang diciptakan oleh Malaysia ini sudah di *register* dengan paten nya?

**Dato' S. Veerasingam:** Saya tidak ada butir-butir tentang perkara ini tetapi apabila sesuatu perkara seperti satu idea dapat kita tahu kita terus memfaikannya. Kita dapat *priority*. Apabila kita sudah fail ia akan di rekod masa itu. Jika ada orang lain juga dapat vaksin yang sama, jika mereka memfail vaksin itu di lain-lain negara, ia tidak akan diterima sebab kita sudah fail lebih dahulu. Jadi vaksin itu akan digunakan, kalau kita tidak paten macam itu, orang lain juga boleh mengambil ubat itu dan menjadikannya sebagai paten mereka. Jadi PCT adalah sangat penting supaya kita dapat memfaikannya dengan secepat yang boleh.

Sekarang vaksin itu apabila memfaikannya, apabila kita menandatangani PCT ini, ia hanya buat permohonan di Malaysia dan ia boleh didaftarkan di 128 buah negara di seluruh dunia. Dia hanya perlu membayar untuk lima buah negara sahaja dan selepas itu di mana sahaja dia ingin mempatenkan produk itu dia boleh mempatenkannya dengan bayaran *fee*.

Negara kita juga tidak akan rugi dalam perkara ini kerana sesiapa sahaja yang memohon di mana-mana negara di bawah PCT, kita juga selepas tempoh masanya akan mendapat *fee* daripada itu. Jadi kita tidak akan rugi. Kita mendapat sekarang ini dalam lingkungan RM10 juta dan saya fikir ini akan meningkat dari masa ke semasa.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga telah menyebut tentang kapasiti perbadanan harta intelek untuk menjalankan PCT ini dan juga untuk me *register* kan paten-paten. Sekarang kita ada jumlah kakitangan 272 orang, bilangan pemeriksa paten adalah seramai 62 orang dan saya fikir kita tidak akan menghadapi masalah-masalah berkaitan itu kerana kita sentiasa dibantu oleh WIPO dan juga *European Union* untuk memberi latihan dan lain-lain kepada pegawai-pegawai kita.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga yang telah menyebut beberapa perkara yang juga disentuh oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Beliau juga memberitahu bahawa mengambil masa sepanjang enam hingga tujuh tahun untuk mendaftarkan sesuatu paten bagi mengeluarkan sijil. Sekarang tempoh masanya sudah kurang. Kita telah berjaya membawa hingga ke empat setengah tahun dan apabila kita menjadi ahli PCT nanti ia boleh dikurangkan lagi sehingga tiga tahun. Dengan cara itu kita boleh mendaftar dengan cepat lagi kerana dengan *life span* yang saya sebutkan tadi 20 tahun, kalau kita ambil masa empat atau lima tahun bakinya hanya lima belas tahun untuk mendapat keuntungan daripada produk itu. Selepas itu seluruh dunia boleh menggunakan produk itu. Sebab itu ia menjadi penting kepada kita semua.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan juga kepada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan beliau juga telah menyebut tentang *cost factor* dan saya telah memberitahu bahawa dua puluh tahun selepas itu kita juga akan menghasilkan keuntungan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 16** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibaca kali yang kedua sekarang.

Akta Pengangkutan Jalan ini telah diperkuat kuasa sejak tahun 1987 dan telah beberapa kali dipinda bagi disesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa. Cadangan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 pada kali ini bertujuan untuk membolehkan pengenaan caj ke atas kenderaan asing yang memasuki Malaysia selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 29 Mac 2006 dan 19 April 2006.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan ini, pindaan perlu dibuat ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan menggubal bahagian baru iaitu Bahagian IIIA dengan objektif seperti berikut:

- (a) membolehkan pengenaan caj ke atas kenderaan asing yang memasuki negara ini berdasarkan kaedah tatacara pengutipan caj; dan
- (b) memberikan kuasa kepada anggota Jabatan Pengangkutan Jalan atau mana-mana penjawat awam atau pihak berkuasa yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang untuk menjalankan tugas pengutipan caj kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan baru yang diperkenalkan adalah seperti berikut: Seksyen 88A menghuraikan tentang tafsiran caj pihak berkuasa dan pintu masuk yang dibenarkan. Tafsiran ini disediakan bagi memberikan maksud yang jelas terhadap perkataan-perkataan sama yang digunakan dalam Bahagian IIIA baru ini.

Dari segi pemakaian pula, seksyen 88B memperuntukkan bahawa caj kenderaan ini akan dikenakan kepada mana-mana kenderaan motor kecuali kenderaan barangan. Ia tidak terpakai kepada kenderaan barangan memandangkan perkara ini telah pun diperuntukkan Akta Levi Kenderaan Barangan 1983 di bawah seliaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Dalam pada itu seksyen 88C memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menetapkan jenis atau kelas kenderaan motor, amaun caj yang kena dibayar atau cara pembayaran dan tempat pembayaran caj yang boleh dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 88D pula, memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk

memberikan kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai pengangkutan jalan atau mana-mana pegawai awam untuk meminta, memungut dan menyimpan caj yang dikutip terhadap kenderaan motor asing yang memasuki negara ini.

Selain daripada itu juga, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh mengecualikan mana-mana kenderaan motor asing daripada pengenaan caj melalui suatu perintah yang disiarkan dalam Warta. Perkara ini diperuntukkan dalam seksyen 88E.

Bagi tujuan melancarkan urusan petugas kutipan caj, seksyen 88F menetapkan bahawa pemandu kenderaan motor berkewajipan untuk mengemukakan apa jua dokumen apabila dikehendaki oleh orang atau pihak berkuasa yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mengutip caj kenderaan motor.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan perintah untuk mengenakan caj pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 127(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi maksud menyelaraskan tatacara dan mekanisme kutipan cadangan dengan memasukkan peruntukan seksyen 127(1)(s) baru. Melalui peruntukan baru ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh membuat peraturan melalui penggubalan kaedah mengenai kutipan caj bagi kenderaan motor.

Selain daripada itu suatu pindaan susulan turut dicadangkan kepada seksyen 3(6) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan mengadakan peruntukan bahawa semua pegawai awam dan pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan caj jalan bagi kenderaan motor hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam.

Dengan adanya Bahagian IIIA baru ini, maka kutipan caj kenderaan motor boleh dikenakan terhadap kenderaan motor asing yang memasuki negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ayer Hitam.

**7.21 ptg.**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan tujuan dibuat pindaan pada kali ini adalah untuk membolehkan kerajaan khususnya untuk mengutip caj daripada kenderaan asing yang masuk ke Malaysia, dan di sini saya ingin meminta Kementerian Pengangkutan untuk mengambil perhatian tentang beberapa perkara. Kalau kita melihat latar belakang apabila pihak Singapura pernah memperkenalkan *vehicle entry permit* pada 15 tahun yang lalu ia telah menjadi satu isu yang besar di Johor. Ramai yang pergi ke Singapura dahulunya yang pernah diberi pengecualian tidak perlu membayar untuk 90 hari akhirnya terpaksa membayar dengan kadar 20 Dolar Singapura pada ketika itu dan kemudiannya telah ditingkatkan kepada 30 Dolar Singapura.

Akhirnya oleh kerana pihak Singapura menghadkan kemasukan kenderaan Malaysia ke sana maka pihak Singapura telah menetapkan satu caj dan sehingga hari inilah ia masih kekal dilaksanakan di Singapura. Pihak Malaysia pula Majlis Bandaraya Johor Bahru dan beberapa agensi kerajaan juga pernah memperkenalkan satu cara, satu sistem yang menyerupai apa yang dipinda di Parlimen pada hari ini. Akan tetapi pada ketika itu kalau kita meneliti hujah-hujah yang telah disampaikan kita memang mengalu-alukan kedatangan pelancong asing. Akan tetapi apabila mereka menyebabkan kesesakan di Malaysia maka kami merasa tidak senang dengan keadaan itu. Begitu juga keadaan jalan yang sentiasa digunakan oleh kenderaan asing ianya juga dari segi etikanya perlu mengenakan sedikit caj daripada pihak negara jiran.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ketereh.

**Datuk Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Ayer Hitam dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bukan kenderaan dari Singapura saja. Saya di sebelah Kelantan tu kenderaan daripada Selatan Thailand masuk dan dia orang datang masuk ni terlalu bebas kadang-kadang dia berulang alik dan dia datang sesetengahnya penyeludup, sesetengah tu peniaga dan yang paling banyak sekarang sebenarnya dia masuk ambil minyak. Sebab barang-barang yang dijual di Malaysia jauh lebih murah daripada barang-barang di sebelah Siam. Macam sekarang ni gula untuk makluman Yang Berhormat. Gula di Kelantan sekarang kurang walhal gula banyak tetapi di Kelantan kurang sebab di sebelah Selatan Thailand, harga gula ialah RM2.50 sekilo, sedangkan di Kelantan RM1.60 sekilo maka dia masuk dan bawa keluar balik. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawasanya undang-undang ini patut diadakan tetapi caj ini hendak kena lebih lagi untuk belah sana. Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya memang setuju bahawa menyedari bahawa hakikatnya kenderaan yang berdaftar di Thailand juga masuk ke Semenanjung Malaysia melalui negeri-negeri utara dan itu memang hakikatnya tetapi saya cuma hendak mengutarakan hujah perspektif orang Johor mengenai apa yang berlaku di Johor. Izinkan saya meneruskan apa yang, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Ketereh tadi tetapi saya cuma hendak beritahu latar belakang. Sebenarnya Pihak Berkuasa Tempatan pada 10 tahun yang lalu pernah mencadangkan supaya mengenakan caj atas dasar-dasar yang saya katakan tadi, jalan rosak dan kerosakan jalan, tetapi ianya tidak boleh dilaksanakan kerana ia dianggap satu tindakan *reciprocal* dan sebab itulah ia tidak dapat dilaksanakan oleh agensi kerajaan.

Pada hari ini, saya rasa memang tepat pada waktunya akta ini dipinda untuk membolehkan caj tersebut dikutip, tetapi di sini ingin saya mengutarakan beberapa isu yang mungkin berlaku. Kalau di Singapura mereka hanya mempunyai satu agensi iaitu *Land Transport Authority* tetapi di Malaysia oleh kerana kita ada JPJ dan masing-masing ada beberapa jabatan, seperti Pihak Berkuasa Tempatan, pihak polis juga menjalankan penguatkuasaan terhadap kenderaan maka apabila kita menyebut tentang penguatkuasaan undang-undang itu, mungkin satu masalah yang agak rumit. Maka di sini ingin saya mengatakan bahawa kita perlu mengutip caj ini tetapi kegunaan apa, adakah ia semata-mata kita hendak mengenakan caj dan tidak ada satu tujuan?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya tertarik dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam berkaitan dengan caj yang harus dikenakan kepada pelancong-pelancong ataupun kereta yang masuk ke negara kita tetapi dalam kes khususnya di Sabah dan Sarawak, di mana sebenarnya kemasukan pelancong-pelancong ini adalah merupakan satu perkara yang kita menggalakkannya. Ini kerana misalnya kita dapat melihat beribu-ribu pelancong-pelancong khususnya yang membawa kereta daripada Brunei yang masuk ke Sabah dan Sarawak dan ini telah menyumbang kemakmuran dan juga peningkatan dalam kedatangan pelancong-pelancong ke Sabah yang sebenarnya memang dialu-alukan oleh Sabah dan Sarawak. Ini akan sekurang-kurangnya menyumbang kepada kejayaan pelancongan di Sabah. Jadi saya minta penjelasan sama ada akta ini juga merangkumi Sabah dan Sarawak. Apa yang kita mengharapkan supaya akta ini tidak dikenakan bagi Sabah dan Sarawak kerana *benefit* nya atau faedahnya adalah jauh lebih besar bagi keperluan di kedua-dua negeri tersebut. Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Sebenarnya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Menyampuk]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta pembangkang diam sedikit, boleh? Biar saya huraikan apa yang hendak saya cakap. Kalau di Sabah dan Sarawak kenderaan asing yang masuk mereka merupakan pelancong. Bagi negara jiran Singapura dan Thailand pun mereka datang ke sini juga kita menganggap mereka sebagai pengunjung atau pun sebagai pelancong tetapi oleh kerana dari segi bebanan trafik yang masuk itu agak besar dan kita juga kena menanggung sebahagian kos penyelenggaraan jalan dan begitu juga dari segi impaknya terhadap masyarakat tempatan. Saya rasa itu juga satu perkara yang perlu kita

buat analisis dengan jelas. Di mana kalau dari sudut perspektif pelancongan kita memang mengalu-alukan mereka datang ke sini, tetapi apabila mereka masuk seperti juga Singapura mereka kena caj. Rakyat Malaysia hendak masuk ke sana kita kena bayar, tetapi apabila mereka masuk ke sini nampaknya sekarang mereka tidak perlu membayar apa-apa dan di sini saya rasa kita memang lega sedikit. Kalau tidak kerana bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew dan juga Goh Chok Tong yang mengenakan syarat ketat di mana setiap kenderaan asing yang masuk ke Johor Bahru di mana tangki minyak mereka sekurang-kurangnya 75%. Kalau itu tidak berlaku pada hari ini kita mungkin kena menanggung subsidi minyak ataupun diesel yang lebih tinggi.

**Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Ayer Hitam. Saya kurang setuju dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang mengatakan bahawa kita harus gunakan kaedah dan ala Singapura kerana Malaysia berbeza. Saya hendak menegaskan di sini kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bahawa 30% hingga 40% pelancong yang datang ke Cameron Highlands contohnya adalah dari Singapura. Musim cuti sahaja begitu ramai yang datang ke sini maka mungkin saya tidak bantah Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tetapi mungkin perspektif yang dilihat adalah dari sudut yang berbeza.

Saya bagi contoh begitu ramai sekali masa cuti masuk ke Malaysia dan saya rasa industri-industri hiliran selain daripada yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah mendapat tempas keuntungan contohnya restoran, industri pengangkutan, industri pelancongan dan saya yakin di Cameron Highlands sahaja jumlah pelajar-pelajar Singapura datang begitu ramai sekali dengan bas dan pendapatan yang diperolehi dari pelancong-pelancong Singapura sahaja begitu banyak sekali. Ini bukan di Cameron Highlands sahaja saya rasa tetapi di Genting Highlands dan juga pelbagai destinasi pelancongan yang ada di Malaysia.

Selain daripada itu banyak industri-industri lain sama-sama untung seperti pasar raya contohnya. Dan saya rasa kalau kita bandingkan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dari segi petroleum penjimatan kita dari segi minyak dan berbanding dengan ini dan jumlah pekerjaan yang kita tawarkan saya rasa perlu kita lihat dan menilai betul-betulkah kita perlu kenakan. Saya memohon supaya minta penjelasan adakah Menteri kita perlu melihat kembali beberapa destinasi atau negara yang boleh dikecualikan dari konteks caj jalan ini. Minta pandangan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sebenarnya saya belum sampai ke situ. Ipoh mari *slow-slow* lah, perlahan-lahan. Sebenarnya kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa tidak ada.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** [Ketawa]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Biar saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lebih baik panggil dia datang jalan kaki.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau kita hendak mengenakan...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, minta supaya Yang Berhormat bagi Ayer Hitam gunakan bahasa baku.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Ipoh mari bukan bahasa baku.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Faham-faham sahajalah.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, sebenarnya kalau hendak meminda satu undang-undang tidak membuat pengecualian kepada negeri-negeri tertentu mungkin dari segi *practicality* dengan izin, tidak boleh kita buat dan kalau kita menyebut kes Singapura, saya tidak mengambil contoh Singapura. Saya cuma hendak menghuraikan apakah latar belakangnya. Kalau kita melihat kenderaan yang masuk ke Malaysia banyak kenderaan yang masuk melalui Tambak Johor dan itu satu hakikat dan Majlis Bandaraya Johor Bahru setiap tahun mereka terpaksa mengeluarkan begitu banyak duit untuk menyelenggarakan jalan termasuk juga JKR.

Sebab itulah kita mengatakan caj itu mestilah mempunyai justifikasi dan bukan semata-mata untuk mengurangkan subsidi terhadap kenderaan asing. Sebab itu saya menyatakan justifikasi itu mungkin mempunyai yang pelbagai bukan hanya berpandukan pada satu isu ataupun satu perkara yang tertentu yang berlaku pada masa ini.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** *[Bangun]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya rasa dari segi pelancongan, ingin saya menyatakan di sini pelancongan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya cukup setuju dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi yang mengatakan caj yang pelbagai kerana ini memberi kesan kepada kedatangan pelancong di dalam negara kita. Contohnya dari Sabah, dari Brunei yang masuk ke Sabah. Dari Thailand yang masuk ke negeri Kelantan dan negeri-negeri di utara dan dari *Singapore* yang masuk ke Johor Bahru.

Hari ini kita hendak masuk ke Singapore apabila membawa kereta kita terpaksa membayar SGD20. Apakah sekiranya kita cadangkan sekiranya kenderaan negara kita hendak masuk ke Thailand contohnya, kita kena bayar RM10 dan kita juga mengenakan caj yang sama kepada kenderaan Thailand hendak masuk ke Malaysia. Begitu juga dengan Singapore. Kalau Singapore mengenakan caj SGD20 kita juga caj SGD20 bukan RM20. Sama *equivalent* dengan caj yang dikenakan oleh negara berkenaan. Ini tidak akan timbul isu. Ini saya minta pendapat Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Sebenarnya apa Yang Berhormat sebut tadi memang relevan tetapi kita kena lihat dari segi jumlah trafik yang masuk itu terlalu banyak. Sekiranya kita membuat sesuatu secara mendadak, mengenakan satu tindakan secara *reserve crucial* ataupun kalau kita hendak membuat pertukaran wang itu kalau caj SGD30 bersamaan dengan hampir RM70 saya rasa mungkin itu satu bebanan yang amat besar dan saya juga menghuraikan tadi bahawa dari segi polisi yang ada di Singapura mereka mewajibkan semua kenderaan asing yang masuk ke Malaysia kenalah tangki penuh ataupun sekurang-kurangnya 75% penuh.

Ini bermakna kalau tidak ada polisi ini mungkin mereka kosongkan tangki datang ke Malaysia pam minyak tetapi kita mengalu-alukan mereka datang ke sini dan saya rasa caj yang dikenakan itu berdasarkan kepada beberapa justifikasi yang saya katakan. Bukan semata-mata kerana kita mahu mengurangkan subsidi petroleum yang kita tanggung selama ini.

Yang keduanya apa Yang Berhormat kata itu saya rasa dari segi caj yang kita hendak kenakan itu biarlah munasabah. Kalau kita melakukan sesuatu secara mendadak ataupun mengenakan satu caj yang mana bagi mereka satu bebanan yang agak berat mungkin mereka tidak masuk. Ini sekali gus akan menjejaskan sektor pelancongan kita. Jadi apabila kita hendak menentukan berapa caj, berapakah kuantum yang terpaksa dikenakan saya minta Kementerian Pengangkutan mengkaji secara mendalam dengan mengambil kira pandangan kerajaan negeri Johor termasuk juga Kementerian Pelancongan kerana itu adalah satu perkara yang ada hubung kait dengan sektor-sektor berkenaan termasuk seperti mana Yang Berhormat bagi Cameron Highlands kata dari segi restoran, dari segi pasar raya. Itu semua kita juga bergantung kepada pihak Singapura di mana pelancong mereka datang ke sini berbelanja.

Saya rasa itu adalah satu faktor yang perlu kita mengkaji secara mendalam baik dan buruknya kita menggunakan satu caj yang tinggi. Dan pada dasarnya, kita boleh mengenakan caj. Dahulunya Majlis Bandaraya Johor Bahru ada ahli majlis yang mencadangkan supaya dikenakan RM5. Mungkin RM5 itu terlalu kurang. RM10 atau RM15. Kalau kita kenakan terlalu tinggi saya khawatir kenderaan asing tidak akan masuk ke Malaysia. Itu satu impak yang akan berlaku kepada negeri Johor dan negeri-negeri lain yang bergantung kepada sektor pelancongan.

Di sini juga saya ingin mengatakan satu hakikat bahawa ramai rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Mereka bekerja di Singapura sama ada dengan *work permit* ataupun mereka mempunyai pas sebagai profesional. Akan tetapi satu syarat yang telah ditetapkan oleh pihak imigresen di Singapura mereka tidak boleh memandu kenderaan Malaysia. Walaupun mereka duduk atau bermastautin di Johor Bahru mereka boleh dikenakan tindakan. Mereka boleh di kompaun ataupun didenda sebanyak SGD3,000 untuk kesalahan kali pertama. Kali kedua mungkin boleh dipenjarakan. Saya rasa kita kena melihat hakikat ini. Rakyat Malaysia yang duduk di Johor Bahru mereka mungkin berulang alik melalui Tambak Johor untuk bekerja di Singapura. Kalau kita mengenakan satu caj yang terlalu tinggi saya khawatir akhirnya mungkin mereka memilih duduk di Singapura dan saya rasa itulah satu kesan atau implikasi yang kita kena lihat.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan kita buat satu sistem. Saya rasa banyak negara yang menggunakan sistem ini di mana mereka yang masuk kali pertama ataupun sehari atau dua mereka dikenakan caj mungkin RM10 atau kadar yang difikirkan bertepatan ataupun munasabah oleh Kementerian Pengangkutan. Bagi mereka yang sentiasa kena masuk setiap hari atau sebagai *frequent habitué* saya mencadangkan kita mempunyai satu sistem secara bulanan. Itu pernah dilakukan baik di Singapura atau negara-negara lain. Mereka mengenakan satu sistem caj bulanan di mana ianya jauh kurang daripada apa yang sepatutnya mereka bayar.

Ini dapat menggalakkan mereka masuk secara *frequent* atau secara lebih kerap lagi dan kita tidaklah mengenakan satu caj yang tinggi supaya setiap rakyat Malaysia bila ke Singapura setiap hari kena bayar RM10 keluar dan masuk sekali RM10 dan akhirnya mereka kena menanggung satu kos yang agak tinggi dan kita tidak mahu menghukum rakyat Malaysia yang duduk di Johor Bahru dan mereka pada hakikatnya kenalah bekerja di Singapura dan mereka dapat untung daripada Singapura dan berbelanja di Johor Bahru.

Itulah saya rasa bagi masyarakat Johor Bahru kita mengalu-alukan. Sebab itulah masyarakat perdagangan di Johor Baru mereka bergantung kepada rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura ataupun pelancong dari Singapura untuk kita merencanakan lagi sektor pembangunan di Johor Bahru. Sebab itulah Yang Berhormat Timbalan Menteri saya merayu supaya Kementerian Pengangkutan mengkaji satu sistem di mana kita mengenakan caj harian dan juga caj bulanan supaya ianya tidak membebankan mereka yang bekerja di Singapura tetapi masih lagi warganegara Malaysia.

Satu perkara lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa dari segi penguatkuasaan. Kita kena membuat penguatkuasaan secara bersepadu. Bersepadu dalam konteks ini ialah di mana kita tidak mahu apabila dilaksanakan kutipan caj ini Tambak Johor akan menjadi sesak dan selepas melepasi Tambak Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru pula menghantar pasukan penguat kuasanya menahan kereta-kereta Singapura untuk membayar saman dan *traffic police* pula mungkin mereka melakukan *road block* juga di tempat-tempat tertentu.

Saya rasa kita kena buat secara bersepadu iaitu apabila di Tambak Johor dan apabila kita mengenal pasti pihak mana yang sepatutnya mengutip lepas itu kita buat secara *one stop agency*, dengan izin. Kalau kita dapat melakukan itu, pungutan untuk kompaun-kompaun, kesalahan trafik lalu lintas itu mungkin kita dapat kutip dengan lebih banyak. Kalau tidak melakukannya secara bersepadu saya khawatir mungkin mereka bayar RM10 akhirnya saman-saman untuk MPJB untuk *roads traffic* mereka tidak bayar. Saya rasa ini merugikan negara dan sebab itulah saya meminta Kementerian Pengangkutan mengkaji satu mekanisme supaya kita boleh mewujudkan satu kaunter untuk mereka membuat pembayaran.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan. Yang Berhormat Ayer Hitam, di dalam Fasal 88F kewajipan untuk mengemukakan perakuan pendaftaran dan lain-lain. Ini berkata mana-mana pegawai pengangkutan jalan, pegawai awam atau pegawai pihak berkuasa yang diberi kuasa boleh meminta pemilik kenderaan asing menunjukkan sijil pendaftaran atau permit atau apa-apa dokumen lain seumpamanya untuk dirujuk atau diperiksa. Jadi adakah pegawai-pegawai yang termaktub dalam fasal ini juga akan mengambil kesempatan untuk menjalani kerja-kerja diberi kuasa dalam fasal 88F ini.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Sebenarnya mengenai Fasal 88F, dalam ucapan saya juga hendak minta Kementerian Pengangkutan untuk mengenal pasti siapa yang mengutip caj ini. Adakah kita serahkan kepada kastam ataupun agensi lain yang diwujudkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Adakah kita mempunyai kakitangan yang cukup dan saya rasa kalau kita hendak mengutip caj lazimnya ia dilakukan di kawasan mereka masuk ke Malaysia.

Kita tidak boleh sewenang-wenangnya menahan satu kenderaan dan bertanya sudah bayar caj atau belum. Saya rasa itu akan membuka kepada penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai tertentu. Saya rasa kalau kita melaksanakan satu sistem hanya di *check point* sahaja mereka kena bayar. Sebelum mereka masuk ke Malaysia sebelum passport mereka di cop maka kita perlulah mengutip caj itu berdasarkan kepada setiap kenderaan yang masuk.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kalau kita buat cara ini saya rasa itu bukan satu masalah tapi kalau kita membenarkan mereka melakukan di luar Tambak Johor ataupun di mana-mana *check point* yang ada di Malaysia saya rasa ia akan menyebabkan sistem kita bercelaru. Itu yang kita tidak mahu lihat dan kita mahu supaya perkara ini dapat diteliti. Dan berbalik kepada soal itu, siapakah yang boleh diberi kuasa untuk mengutip. Saya tidak mahu di Johor Baru mungkin diserahkan kepada kastam. Mungkin di utara pula diserahkan kepada agensi yang lain dan di Sabah dan Sarawak pula kepada satu agensi yang lain. Saya rasa kita kena buat satu sistem supaya hanya satu pihak sahaja dibenarkan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kita mahu segala caj yang dikutip itu untuk kegunaan mempertingkatkan sistem pengangkutan di dalam negara ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang lantang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam soal caj jalan ini kereta kepunyaan rakyat negara asing. Saya ingin membuat satu andaian beberapa kereta yang selalu masuk ke negeri Sabah dan kereta-kereta yang didaftarkan di negara Brunei Darussalam yang selalu masuk ke negeri Sabah atau negeri Sarawak berbulan-bulan. Bagaimanakah kementerian ini mengenakan caj? Berapa yang dikenakan caj setiap hari ataupun apabila dia balik ke pintu masuk itu baru kena caj lagi. Jadi ini minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Sebenarnya apabila kita menyebut tentang caj, saya rasa cara Malaysia berlainan dengan Singapura. Singapura mengenakan caj setiap hari. Bermakna kalau kita ke Singapura dan kita duduk di sana selama lima hari bermakna kita perlu membayar SGD150, tetapi saya rasa mengikut apa yang saya faham sebelum ini kerajaan hanya berniat untuk mengenakan caj setiap kemasukan. Bererti setiap *entry* itulah yang dikenakan caj dan kita mengalu-alukan mereka masuk untuk bercuti di Malaysia selama satu bulan ataupun dua minggu tidak ada masalah kerana mereka hanya membayar caj sekali sahaja. Tidak seperti Singapura mengirannya setiap hari. Saya rasa kalau kita mengirannya secara setiap itu mungkin ada masalah.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Minta tambahan. Yang kes saya sentuh tadi itu kebanyakannya keluarga-keluarga orang Brunei yang tinggal di negeri Sabah memakai kenderaan yang didaftarkan di Brunei

mungkin sampai enam bulan mungkin sampai satu tahun dikenakan caj satu kali masuk sahaja. Bagaimana pendapat Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Ini mungkin satu ketirisan ataupun satu kebocoran yang ada. Walau bagaimanapun, oleh kerana mereka ini warganegara asing, mereka duduk di Malaysia saya rasa secara sah. Kalau mereka telah memiliki permit ataupun merupakan peserta untuk program *second home* itu saya rasa kita memang mengalu-alukan mereka duduk di Malaysia. Apabila mereka menggunakan kenderaan, bermakna kalau mereka duduk di sini selama enam bulan saya rasa kita tidak boleh berbuat apa-apa.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini rakyat Malaysia pakai kereta dari Brunei.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya, saya rasa...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Orang Malaysia, orang Malaysia.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sama ada orang Malaysia ataupun orang Brunei yang menggunakan kenderaan yang berdaftar di Brunei saya rasa prinsip kita berdasarkan kepada kenderaan bukan kewarganegaraan pemandu. Jadi dalam konteks ini bermaksud bagi kenderaan asing kita kenakan. Tidak kira siapa yang memandu, pemandu asing ataupun warganegara Malaysia.

Akhirnya, saya minta Kementerian Pengangkutan supaya meneliti pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang ini supaya ianya tidak mengakibatkan masalah apabila ianya boleh mengakibatkan kesesakan yang teruk di Tambak Johor dan juga di tempat-tempat lain. Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Dungun.

7.46 mlm.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ingin mengalu-alukan cadangan Kementerian Pengangkutan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Saya hanya ada dua tiga perkara sahaja untuk diperbincangkan iaitu pada dasarnya Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan ini telah sampai masanya kita memberi kuasa kepada kementerian dan juga agensi-agensi di bawahnya supaya banyak perkara yang dapat diselesaikan bukan sahaja dari segi keuntungan kebendaan kewangan semata-mata tetapi ia banyak berkait kepada mengehendkan ataupun menyenaraikan kenderaan-kenderaan bermotor asing ini yang datang ke negara kita supaya ianya dapat dikuatkuasakan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah kita mengenakan caj ini juga harus diteliti oleh Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian supaya ianya bukan sahaja membawa keuntungan kepada negara tetapi juga perlu mengimbangi dalam beberapa perkara terutama sekali dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan dua hala. Umpamanya kalau ada kenderaan asing yang pastinya ada beberapa negara sahaja yang terlibat. Sekiranya kedatangan mereka ini kenderaan ini terpaksa masuk ke dalam negara kita kerana ada urusan kerajaan ataupun urusan perhubungan dua negara dengan bukti-bukti yang tertentu saya merasakan caj ini tidak patut dikenakan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** [Bangun]

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Ini Yang Berhormat Menteri boleh membuat peraturan selepas kita meluluskan rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Dungun, Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Berkaitan dengan caj yang dikenakan ini sebenarnya pada pendapat saya adalah merupakan satu langkah yang penting kerana kalau kita melihat misalnya di negara kita semua kenderaan di negara kita dikenakan untuk membayar *road tax*. Jadi apabila kenderaan-kenderaan asing ini datang ke negara kita maka adalah wajar bagi mereka yang menggunakan jalan kita, yang merosakkan jalan kita, yang boleh menyebabkan kesesakan bagi jalan-jalan raya kita dan juga mungkin menimbulkan masalah kemalangan dan sebagainya juga dikenakan *road tax* ataupun satu caj yang menyerupai *road tax* yang telah dikenakan kepada warganegara kita.

Jadi pada pendapat saya walaupun saya telah mengatakan tadi bahawa tempat-tempat tertentu haruslah dikecualikan seperti di Sabah dan Sarawak kerana kita memerlukan kemasukan kenderaan-kenderaan daripada Brunei yang datang untuk bercuti untuk menjadi pelancong di tempat-tempat tersebut tetapi khusus bagi di kawasan Singapura dan mungkin juga di sempadan Thailand dan Singapura, keperluan untuk mengenakan caj ini adalah merupakan satu yang adil, sesuatu yang sebenarnya seharusnya dituntut kerana ini akan memberikan kerugian kepada pemilik-pemilik kenderaan negara ini yang dikenakan *road tax*. Manakala kenderaan asing tidak dikenakan apa-apa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya mungkin tidak ada kena-mengena dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kudat tadi.

Saya hanya mencadangkan supaya...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** *[Keluar meninggalkan Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia pun larilah.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Mungkin dia hendak balik cepat, dia hendak sampaikan maksudnya.

Sebenarnya cadangan yang pertama ialah supaya sekiranya ada mesyuarat di antara pegawai-pegawai kerajaan di Malaysia dan pegawai-pegawai dengan negara-negara asing seperti Singapura, Thailand dan juga Brunei, dapat memberi bukti yang jelas supaya kita juga mesti menilai kerana ini urusan kerajaan dengan kerajaan supaya dikecualikan daripada bayaran ini.

Yang keduanya, ialah berkenaan dengan cara kemasukan kenderaan asing ini oleh peniaga-peniaga dan juga pedagang-pedagang daripada pelbagai negara terutama sekali yang saya hendak fokuskan ialah pedagang atau peniaga-peniaga daripada Thailand yang mana kalau kita tengok di Kelantan dan Terengganu malah sebahagian daripada Pahang malah persekitaran Lembah Klang ini ada jenis Tomyam yang tidak diusahakan oleh rakyat tempatan tetapi menggunakan kepentingan rakyat tempatan dan banyak di antara restoran-restoran seperti ini kita nampak kehadiran mereka di dalam negara kita adalah dalam bentuk jangka panjang.

Malah apabila yang menggunakan kenderaan seperti berada begitu lama daripada Thailand tetapi *road tax* mereka hanya didaftarkan di Thailand dan nombor pendaftaran mereka dalam tulisan Thailand. Saya tidak dapat baca sebenarnya supaya kita juga mesti mengenakan suatu kaedah supaya apabila ada kenderaan khususnya yang tidak bersamaan dengan nombor seperti nombor 1, 2, 3, 4 yang kita boleh baca. Di Brunei mungkin baca, di Singapura mungkin kita boleh baca tetapi nombor pendaftaran dari Thailand, tulisan dia saya pun tidak tahu cara hendak baca, apabila berlaku kesalahan dan sebagainya pihak penguat kuasa memang sukar untuk mendapatkan cara dan kaedah yang tertentu supaya kenderaan seperti ini juga harus dinomborkan mengikut nombor yang kita rakyat Malaysia ataupun pihak penguat kuasa boleh faham daripada pendaftaran mereka terutama sekali untuk mempamerkan *plate* mereka, ada nombor, kita nampak dia nombor pendaftarannya kecil, tetapi harus mempunyai piawaian yang lebih kurang sama dengan sebesar mana piawaian bentuk ataupun *plate* ataupun pendaftaran yang perlu dikenakan oleh JPJ atau kementerian kita.

Kalau hal-hal ini dapat kita selaraskan. Saya yakin dan percaya bahawa kedudukan kenderaan-kenderaan khususnya daripada Thailand ini juga mesti ...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Dungun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya tertarik dengan penjelasan ataupun perbincangan Yang Berhormat bagi Dungun mengenai *plate*. Kita nampak sekarang dari Thailand khususnya datangnya pelbagai kenderaan dengan bentuk-bentuk yang berbeza yang mungkin melanggar undang-undang kenderaan yang ada di Malaysia seperti paip *exhaust*, modifikasi-modifikasi kepada kenderaan itu sendiri dari segi tayar dan juga dari segi cermin ada yang tidak gelap dan gelap, maka ini mungkin kenderaan-kenderaan yang masuk daripada luar negara mungkin akan melanggar peraturan-peraturan JPJ yang sedia ada iaitu undang-undang berkaitan dengan jalan raya.

Dengan membenarkan kenderaan-kenderaan ini dan dikenakan caj kepada mereka, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Dungun, adakah kita menahan semua kenderaan-kenderaan yang melanggar dari segi spesifikasi-spesifikasi kenderaan mengikut undang-undang yang sedia ada di Malaysia atau kita benarkan semua kerana mereka sudah dikenakan caj. Macam mana pandangan daripada Yang Berhormat bagi Dungun.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Pada dasarnya modifikasi secara berlebihan juga harus dinilai semula oleh mungkin dan kerajaan kerana kita pun nampak bahawa cara memodifikasikan kenderaan daripada Thailand ini dia kadang-kadang bertukar wajah daripada jenis jenama yang berkenaan kadang-kadang bertukar dia punya wajah dan juga cara-cara yang dibuat di Thailand, kita nampaklah. Kadang-kadang Mercedes Benz yang dimodifikasikan di Thailand kita tidak nampak pun macam Mercedes Benz.

Kalau ini dapat diselaraskan oleh kementerian dan kerajaan supaya kita juga mempertingkatkan dalam keadaan ini untuk tidak membenarkan mana-mana kenderaan yang di luar daripada piawai ataupun keadaan biasa ataupun yang telah sedia ada mengikut atur dan peraturan yang ada dalam negara kita, tetapi kita ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** ...Boleh membenarkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, 36(1).

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Sedikit, saya habis ayat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Peraturan Mesyuarat 36(1). Hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap, sekiranya kita hendak memperluaskan kepada kesalahan-kesalahan JPJ maka *speed trap* pun boleh termasuk, lebih berat pun boleh termasuk, semua hari ini kita bincang sampai pukul 10.00 malam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya setuju. Saya ingat kita tumpukan kepada caj untuk kereta masuk ke negara kita.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Jawab kepada soalan tambahan, sebenarnya saya ada tiga perkara sahaja yang mana yang ketiganya ialah juga walau pun agak seperti mana dinyatakan tadi bahawa *plate* kenderaan yang tidak difahami oleh rakyat Malaysia atau pegawai penguat kuasa di ubahsuai, walau pun ini tidak dilihat sebagai suatu perkara yang mempunyai relatif yang rapat dengan caj yang kita hendak cadangkan ini tetapi sebenarnya menjadi perkara yang bersepadu sebenarnya apabila kenderaan yang tidak nampak secara jelas pendaftaran mereka ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mungkin kerajaan telah mengadakan suatu perkara untuk mengatasi perkara ini. Selama ini memang

kereta daripada Thailand sudah masuk ke Malaysia selama ini memang ada satu cara untuk mengatasi perkara ini.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah lebih kurang pandangan saya dan saya menyokong kepada pindaan rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tanjong.

**7.57 mlm.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang sudah pun digariskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan khususnya pihak kementerian adalah satu tindakan *reactionary* terhadap kenaikan harga minyak sedunia dan saya rasa setakat ini langkah ini masih belum dapat dihalusi iaitu jumlah caj masuk kenderaan asing, tarikh sebenar bayaran yang dikenakan, kadar rata dan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan rang undang-undang ini.

Saya berharap bahawa oleh sebab masih belum dapat dihalusi caj yang dicadangkan dalam pindaan ini, saya berharap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Kudat dan Ayer Hitam misalnya, dapat diambil kira oleh kementerian. Saya rasa tujuan utama langkah ini diambil, adalah supaya kereta pendaftaran asing tidak menerima faedah dalam bentuk subsidi atas minyak kereta ini yang masuk ke Malaysia.

Yang keduanya adalah untuk mendapat sumber pendapatan baru bagi offset subsidi petrol kepada kenderaan-kenderaan pendaftaran asing dan Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengatakan bahawa langkah ini tidak memberi kesan negatif kepada negara terutama dalam sektor pelancongan tetapi nampaknya hujah-hujah yang kita dengar memang membawa implikasi-implikasi positif dan juga negatif yang haruslah dihalusi oleh kementerian sebelum melaksanakan kuasa yang baru ataupun peraturan yang baru yang diberikan kuasa melalui pindaan ini.

Saya rasa sebab kementerian belum menetapkan satu tarikh untuk melaksanakan apa yang akan diluluskan oleh Dewan ini kementerian masih ada masa untuk menghalusi perkara-perkara yang penting dalam pindaan ini.

Saya rasa ramai pihak tidak begitu setuju dengan Menteri Pengangkutan bahawa langkah ini tidak memberi kesan negatif kepada negara ini. Kita dengar hujah-hujah daripada Ahli Exco Pelancongan Negeri Johor, mungkin rakan Tuan Yang di-Pertua, yang menyatakan bahawa langkah ini sememangnya akan menjejaskan pendapatan pelancongan di negeri Johor yang dianggarkan RM5 juta sehari. Itulah impak kepada industri pelancongan di negeri Johor, di mana dianggarkan 20 ribu kenderaan yang didaftarkan di Singapura masuk ke Johor setiap hari.

Selain daripada Ahli Exco Pelancongan Negeri Johor, Persatuan SMI kawasan Johor Selatan, mungkin Tuan Yang di-Pertua pun amat prihatin terhadap masalah mereka, yang merasa bimbang bahawa levi, walaupun RM10, RM20 atau RM30 pun mungkin membawa impak yang negatif, *backfire*, seperti hujah-hujah Yang Berhormat bagi Air Hitam tadi. Begitu pentingnya kepada perniagaan tempatan apabila langkah ini dilaksanakan.

Saya ambil kesempatan ini untuk meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada kementerian sudah buat satu *cost benefit impact study* ke atas langkah yang akan diambil untuk mengenakan caj. Jika *benefit* itu sedikit sahaja dari segi – kita boleh kira kalau 3,000 kenderaan masuk ke Malaysia setiap hari, *multiply* dengan RM10 atau RM20, kita dapat satu angka yang jelas tetapi dari segi impak kepada ekonomi kita, kita tidak senang untuk tafsirkan. Jadi, ini satu perkara yang amat penting.

Kita timbang-timbang dulu sama ada impak negatif lebih banyak daripada faedah untuk melaksanakan langkah ini. Saya rasa sasaran pindaan ini adalah untuk menyasarkan kenderaan yang didaftarkan di negara asing, khususnya Singapura, ada sedikit sebanyak

dari negara Thai, Brunei, mungkin Indonesia lebih kurang tetapi saya ingin tahu sama ada kementerian sedar – tadi Yang Berhormat bagi Air Hitam pun ada bangkitkan bahawa beribu-ribu rakyat Malaysia yang duduk di negeri Johor, termasuk kawasan Tuan Yang di-Pertua, bekerja di Singapura. Beribu-ribu jumlahnya, yang seperti dikatakan memegang *work permit* ataupun *employment passes*, yang diwajibkan sebagai syarat mendapat *Work Permit* ini untuk menggunakan kereta yang didaftarkan di Singapura.

Walaupun mereka duduk di Johor tetapi bekerja di Singapura tidak dibenarkan untuk menggunakan kereta yang didaftarkan di Malaysia, yang sememangnya berharga lebih rendah berbanding dengan kereta yang dijual di Singapura. Jadi, impak itu kepada beribu-ribu rakyat Malaysia yang tidak ada pilihan melainkan menggunakan kenderaan yang didaftarkan di Singapura. Nampaknya dalam pindaan ini pun ada satu kelonggaran di mana menteri boleh memberikan pengecualian di bawah Fasal 88E. Saya rasa kita boleh menimbang sama ada golongan rakyat Malaysia ini boleh diberikan pengecualian, iaitu apabila mereka tunjukkan sijil pengakuan pendaftaran, mereka boleh menunjukkan passport mereka, MyKad mereka ataupun kementerian boleh fikirkan satu mekanisme untuk menetapkan bahawa rakyat Malaysia sungguhpun mereka menggunakan kenderaan yang didaftarkan di negara asing, dalam kes ini Singapura boleh layak mendapat pengecualian dari kementerian apabila melaksanakan kuasa di bawah pindaan Akta ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin kita boleh fikir bahawa ada cara-cara lain untuk mengatasi kenderaan asing mendapat subsidi minyak dari negara ini, mungkin seperti yang dikatakan tadi pun, Singapura sememangnya ada suatu peraturan bahawa kereta yang keluar dari Singapura perlu mematuhi peraturan 75% isi tangki yang penuh ataupun tiga suku penuh tangki mereka. Jadi, ini merupakan satu batasan kepada jumlah minyak yang boleh diisi oleh kereta-kereta Singapura yang mungkin memberi sedikit faedah kepada mereka, tetapi pada keseluruhannya apakah tindakan ini membawa impak yang lebih banyak negatif daripada yang positif.

Mungkin kita buat syarat bahawa kereta pendaftaran asing hanya akan dibenarkan untuk mengisi minyak, misalnya 10 liter sahaja, sebagai satu cara alternatif daripada mengenakan caj. Dengan cara ini nampaknya bolehlah ada satu pertimbangan atau *balance* yang lebih baik tanpa menjejaskan industri pelancongan di negeri Johor serta sektor-sektor SMI di negeri Johor. Sebarang tindakan untuk meletakkan caj cuma akan dilihat sebagai satu *hostile gesture*, daripada pihak Singapura. Sebab sememangnya hasrat dahulu untuk membina jambatan yang *scenic* adalah untuk menggalakkan lebih banyak kereta masuk ke negeri Johor dan dengan langkah seperti ini, walaupun sudah menjadi akademik dan merupakan satu gambaran bahawa kita mahu lebih ramai pelancong datang dari Singapura dan sebarang langkah untuk mengenakan caj akan menjejaskan usaha ini.

Seperti yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tujuan utama langkah ini diambil adalah untuk melarang kereta asing dari menikmati subsidi. Mungkin memang ada kelemahan dalam menguruskan subsidi dalam minyak di negara ini. Kalau katakan kita tidak mahu mereka untung tetapi kita pun perlu sedar bahawa sistem subsidi dalam negara ini, yang diguna pakai pun ada penyelewengan dan kepincangannya yang mungkin walaupun sama rata rakyat Malaysia, orang yang memakai *Mercedes Benz*, orang kaya-raya yang memakai *Mercedes Benz* juga menikmati faedah subsidi yang sama dengan seorang petani atau nelayan yang menggunakan *Honda Cup*. Itu pun satu kelemahan sistem subsidi kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini pun terkeluar daripada tajuk.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Tidak terkeluar, ini tujuan utama untuk langkah ini diperundangkan.

Memangnya kalau sasaran adalah untuk menyekat kenderaan asing dari menikmati subsidi itu kita haruslah mencari sasaran yang sebetul-betulnya. Misalnya di Sempadan Utara, di mana berlakunya penyeludupan minyak. Itulah masalah yang lebih besar dari apa yang bakal diambil langkah oleh kementerian.

Kalau ini adalah satu masalah kita harus menyasarkan dan mengatasinya dan bukan memikirkan cara yang mungkin tidak berapa berkesan. Sebab walaupun kena RM10.00

atau RM20.00 se caj ini tidak bermakna penyeludupan di bahagian Wilayah Utara itu tidak akan tamat, ia akan terus menjadi satu masalah .

Jadi, saya berharap, walaupun kuasa telah diberikan oleh kementerian untuk mengenakan caj tetapi masih ada ruangan untuk kementerian dan menteri fikir sama ada mahu menguatkuasakan dalam masa sekarang atau pun menanggungkan kepada satu masa yang lebih sesuai setelah *tax study* dibuat dan menilai sama ada langkah seperti ini lebih menguntungkan atau merugikan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dua lagi. Yang Berhormat bagi Kepong, tengok sinilah lima minit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kenapa limit minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lepas tu, Yang Berhormat bagi Bagan. Menteri boleh jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kabinet telah membuat keputusan untuk mengenakan caj ke atas kereta daripada Singapura dan Thailand dan tidak disebutkan daripada Brunei ataupun negara yang lain. Keputusan ini pun hendak dilaksanakan pada 1hb Mei, bulan ini tapi saya berasa hairan juga keputusan Kabinet itu dan keputusan untuk bermula pada 1hb Mei ini dibuat tanpa mengira masalah perundangan dan sebagainya. Ini memang dan kadar untuk caj ini adalah ditetapkan RM20.00 setiap kenderaan.

Saya ada dengar daripada beberapa ahli di sini ada yang mempunyai alasan yang munasabah dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah rasional taakulan keputusan itu untuk mengenakan caj ke atas kenderaan ini dan bilangan kereta, bilangan kenderaan daripada Singapura, daripada Thailand dan juga daripada Brunei misalnya yang masuk ke negara ini kita hendak tahulah. Kalau kita kenakan RM20.00 setiap kenderaan, berapa jumlah yang kita akan dapat dan saya diberitahu bahawa pergi ke Singapura, 75 saja. Berapa? 30 *Dollar Singapore* juga satu kenderaan. Singapura, bukan 30..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanya Menterilah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** 30 tidak..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 30..

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** 30 bukan 20, ini bermakna RM75 tu dan kita kenakan RM20.00 dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat bersetuju RM30.00 anggap ini tinggi atau rendah?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini saya tidak tahu kerana kita ni mesti mengambil kira bilangan kenderaan yang datang walaupun itu satu faktor kesesakan dan sebagainya, kita mesti keluarkan misalnya di Johor Bahru, Majlis Perbandaran dan mesti keluarkan... Majlis Perbandaran ataupun Dewan Bandaraya...?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Majlis Perbandaran.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Majlis Perbandaran Johor Bahru mesti keluarkan wang untuk menguruskan semua ini memang berlaku di Johor, tapi mesti kita kira kalau dia masuk misalnya berapa juta kenderaan. Kita kiralah yang masuk ke Johor dan dia belanja, kita kiralah berapa dia dapat subsidi daripada petrol dan sebagainya.

Semua ini kita kira. Apakah perbelanjaan mereka untuk membeli-belah, untuk pelancongan dan di sekitarnya penginapan di dalam hotel dan sebagainya. Apakah jumlah yang mereka sumbang kepada kita dan *amount* yang mereka dapat daripada kita tanpa caj dan dengan ekonomik ini, saya ingat kita lebih untung kalau dia masuk ke Malaysia. Saya

ingat kita lebih untung daripada mereka, kalau kita kenakan RM20.00 ini adakah kita akan kurangkan bilangan yang masuk ke Malaysia. Saya tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau untung Yang Berhormat sokonglah, tidak untung tidak mahu sokong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak untung tidak payalah. Ini tidak kena Kuala Lumpur, kita tidak begitu rasa tetapi yang rasa di Johor, Johor dan juga di Kelantan, di Perlis, Kedah yang memang rasa.

Walau bagaimanapun kita mesti, kita hendak tahulah daripada kementerian apakah keadaan sebenar sehingga pihak Kabinet membuat keputusan untuk mengutip caj RM20 ke atas kenderaan ini. Selain daripada Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan ini, adakah perundangan yang lain daripada Peguam Negara, perundangan yang lain yang kita mesti pinda untuk melaksanakan keputusan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya pun berasa hairan juga mengapa Penasihat Jabatan Peguam Negara tidak didapati sebelum kita buat keputusan dulu.

Buat keputusan dulu, kemudian kita minta pandangan daripada Jabatan Peguam Negara. Ini memang satu perbuatan yang songsanglah tu, terbalik dan siapa yang akan bertanggungjawab untuk kutipan ini? Yang penting adakah Majlis Perbandaran yang bertanggungjawab ataupun Jabatan Imigresen saja yang dipertanggungjawabkan untuk kutipan ini. Menurut proses pembayaran, adakah pihak kementerian sudah kaji sistem pembayaran kerana yang saya takut kalau sistem itu tidak begitu sempurna akan menyebabkan kesesakan juga. Kesesakan dan pihak yang hendak masuk pun terasa tersinggunglah juga dan adakah kita akan menggunakan cara tunai ataupun pas bulanan dan sebagainya ini mestilah, saya percaya pihak kementerian sudah pun mempertimbangkan hal-hal dan cara sistem kutipan pembayaran ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat lima minit cukup. Tadi, saya beri lima minit kata tidak cukup, lebih cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini bukan lima minit, hampir 10 atau 15 minit tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak tambah kah, boleh tambah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan, sila.

#### 8.10 mlm.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan cadangan pemindaan rang undang-undang ini saya mengikutinya penjelasan beliau tetapi apa tujuan sebenarnya hendak meminda rang undang-undang ini? Adakah kerana hendak mengutip lebih *revenue* seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi kepong, adakah kerana hendak menghalang kemasukan kenderaan kerana kesesakan lalu lintas, adakah kerana keselamatan negara kita atau adakah kerana hendak menghalang mereka masuk untuk mengisi minyak atau diesel kerana subsidi harga minyak di negara asing lebih mahal dari negara kita dan sekiranya kita menguatkuasakan undang-undang ini, adakah tidak ia menentang dengan semangat ASEAN kerana pada satu masa dahulu, kerajaan telah mewujudkan satu kawasan bekerjasama iaitu IMGT, Indonesia Malaysia, *Thailand Growth Triangle* di mana warga negara dari Indonesia, Medan dari Thailand Hadyai dan Malaysia Penang, Ipoh, mereka boleh berulang alik tanpa kena apa-apa *charge levy*.

Sebenarnya di Indonesia jikalau seorang Indonesian hendak keluar negeri dia dikenakan levi apabila hendak pergi ke luar negeri, tetapi apabila mereka datang ke Penang, Ipoh, mereka tidak kena dan sekarang Kuala Lumpur juga tidak dikenakan levi oleh pihak Indonesia. Ini adalah semangat ASEAN di mana mereka menggalakkan pergerakan rakyatnya berulang alik ke tempat-tempat ini dan saya boleh faham kerana Yang Berhormat bagi Ayer Hitam berkata *Singapore* telah awal-awal lagi mengenakan *charge* kereta asing masuk ke negara kita, mungkin kerana saya bukan cakap bagi pihak *Singapore*, kita boleh fahamkan kerana *Singapore* adalah satu pulau yang kecil dan mereka mungkin

menghadapi kesesakan lalu lintas tetapi apabila kereta dari *Singapore* atau Thailand masuk ke negara kita, kesesakan lalu lintas hanya berlaku di bandar-bandar seperti Johor Baru, seperti di sempadan itu sahaja.

Akan tetapi apabila mereka masuk ke lebuhraya kita, lurus, jalan dengan lancar sahaja dan apabila mereka masuk sini, seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, kita dapat keuntungan dapat kutip tol lebuhraya, dapat hasil dari restoran, dapat hasil juga dari lain-lain bidang iaitu pelancongan dan lain-lain. Saya hendak mengemukakan beberapa soalan. Definisi kenderaan bermotor, motor *vehicle*. Motor *vehicle* ia termasuk van, *pick-up*, bas pelancongan, bas ekspres dan motosikal juga.

Adakah kita hendak mengenakan *charge* motosikal negara asing kerana masuk ke negara kita maka mereka kena *charge* dan dalam rang undang-undang ini, dikecualikan kenderaan barangan iaitu kenderaan yang boleh memuatkan barang. Sekiranya kita hendak menyekat kenderaan asing datang ke negara kita, semata-mata kerana hendak mengisikan minyak, maka kenderaan barangan ini yang paling banyak datang ke negara kita untuk mengisi minyak. Cuba pergi ke sempadan utara dan kalau tidak pergi pun kita nampak, baca dalam surat khabar gambar menunjukkan kenderaan negara asing di utara berbaris panjang untuk tunggu mengisi minyak. Kenderaan itu kenderaan apa, *pick-up*. *Pick-up* di utara sangat laris. Mereka menggunakan *pick-up* untuk membuat sehingga dua tan, tiga tan, tetapi di negara kita, hanya satu tan tetapi mereka memuatkan dua tan, tiga tan dan merekalah datang ke negara kita untuk mengisi minyak dan ini diklasifikasikan sebagai kenderaan barangan dan undang-undang tidak sekat mereka, mereka terlepas. Mereka boleh masuk dengan suka hati mengisi minyak...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Minta penjelasan Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit, kalau kenderaan barangan ini, saya bagi satu contoh untuk mendapat penjelasan ini, Cameron Highlands mengeluarkan contohnya jumlah sayur-sayuran sebanyak RM1 juta satu hari, itu angka yang saya dapat tetapi jumlah sayuran yang dikeluarkan tidak memadai dan tidak mencukupi untuk pengguna Malaysia dan mereka memerlukan sayuran daripada Thailand untuk masuk ke Malaysia ataupun buah-buahan daripada Thailand untuk masuk ke Malaysia. Apakah impak akan bakal berlaku sekiranya *charge* dikenakan dan ini mempunyai implikasi terhadap kemasukan barangan-barangan seperti ini yang diperlukan untuk negara yang tidak mampu mengeluarkan barangan sebegitu.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands mungkin sudah salah faham. Sebenarnya kenderaan barangan dikecualikan untuk membayar *charge* sekiranya Yang Berhormat...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Sebab itu saya tanya biarkannya begitu, saya sokong.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya lah, tidak kena *charge*. Jadi masalah ini tidak timbul. Kenderaan membawa ikan, sayur dan lain-lain barangan dari Thailand tidak dikenakan *charge* dan saya kata di sini, kenderaan inilah yang pakai banyak minyak seperti van dan *pick-up* di utara.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih sokong.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Saya memang sokong. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menanya di sini kenderaan motor yang berdaftar di negara asing, tetapi tuan punya kenderaan adalah warganegara Malaysia. Ini berlaku di sebelah utara kerana harga kereta di Thailand lebih murah dari Malaysia. Misal kata tempoh hari Yang Berhormat bagi bukit Bintang ada berkata, Toyota Camry kita jual di sini RM140 ribu atau RM150 ribu, tetapi di Thailand dijual tidak lebih dari RM100 ribu. Jadi orang utara mereka membeli kereta di Thailand, berdaftar di Thailand tetapi memakai di tanah air kita. Adakah

kenderaan ini juga dikenakan *charge* kerana masuk ke Malaysia? Makna saya kalau dia masuk satu, dia memang kena *charge*.

Akan tetapi kalau dia hari-hari keluar masuk, keluar masuk, sama ada dia akan dikenakan *charge* kerana dia warganegara Malaysia dan bukan orang asing. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberitahu, sekiranya oleh kerana hendak mengutip lebih *revenue* seperti yang dilaporkan oleh surat khabar hari ini di mana dalam satu tahun ada tiga juta kereta *Singapore* masuk ke negara kita. Ada lebih kurang 600 ribu kenderaan dari Thailand masuk ke negara kita dan ada sebahagian dari Brunei dan Kalimantan masuk ke negara kita dan unjuran pendapatan hasil dari *charge* ini mungkin mencecah RM76 juta dan sekiranya negara Thailand, negara Brunei dan juga negara Indonesia bertindak balas dan mereka juga mengikut jejak negara kita dan mengenakan *charge* kereta Malaysia kerana hendak memasuki negara mereka, mereka kenakan *charge*. Seperti apa yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Tanjong adakah satu kos *effectives* telah dikaji?

Sekiranya mereka menindak balas maka siapa yang rugi. Kerajaan dapat hasil dari orang asing, warga negara Malaysia terpaksa membayar kepada negara asing akhirnya orang kita juga terpaksa membayar. Jadi sama ada kos *effectiveness* ini dikaji. Saya, sekianlah sahaja saya habiskan soalan ini di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

**8.20 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah saya anggapkan begitu ramai bersetuju bahawasanya begitu banyak undang-undang yang perlu diadakan untuk kita melaksanakannya atau mengenakan caj bagi kenderaan-kenderaan yang memasuki negara kita yang mengguna pendaftaran daripada luar negara kita. Semua pandangan-pandangan ini adalah satu pandangan yang begitu bernas bermulanya daripada Yang Berhormat Ayer Hitam selepas itu Yang Berhormat Dungun dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah mencelah ke atas hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam.

Kalau kita menengokkan *bill* ini, dengan izin, iaitu memanglah pokoknya kita hendakkan ada satu undang-undang untuk kita dapat membuat caj kepada kenderaan yang datang daripada luar negara kita ini dan kaedah-kaedahnya belum kita tetapkan atau tentukan sama ada amaunnya, pengutipnya, jenis-jenis kenderaan dan cara-cara mengutip sama ada menggunakan cara *cash* ataupun cara-cara yang lain belum dapat ditentukan. Saya percaya pihak kabinet Pengerusi Kementerian Pengangkutan dan juga kementerian saya, akan mengkaji dan meneliti sehalus-halusnya sebelum kita dapat menguasai atau menguatkuasakan undang-undang ini kerana dia ini adalah satu bahagian yang baru yang mana banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita kaji dan banyak juga jabatan-jabatan yang perlu kita perbincangan dan menghalusi kaedah-kaedah ini semua.

Termasuklah Kerajaan Negeri Johor yang sudah tentunya kita akan terpaksa berbincang dengan sehalus-halusnya. Soal untung rugi itu kita juga perlu meneliti dan tetapi dari segi apa yang kita hendak tengok pada hari ini kenderaan-kenderaan yang masuk di pintu-pintu kemasukan negara kita ini supaya sama ada di Singapura ataupun daripada Brunei, Sarawak dan juga di tempat-tempat pintu yang telah kita benarkan di bawah undang-undang ini menengokkan keadaan populasi kenderaan ini meningkat daripada satu tahun ke satu tahun.

Ini sudah tentunya kemungkinan akan kita mendapat orang kata kebaikan kepada apa yang hendak kita laksanakan ini. Saya hanya hendak menjawab beberapa soalan yang boleh saya jawab di sini yang mana tertumpu pada soal apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi tindakan kerajaan mengenakan caj kemungkinan menjejaskan sumber pendapatan orang Johor dan lain-lain negeri di negara ini. Kerajaan sememangnya sedang meneliti semua aspek termasuk apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong sebab itu juga kerajaan belum lagi membuat keputusan muktamad

mengenai caj yang akan dikenakan serta tarikh pelaksanaan. Yang Berhormat bagi Dungun juga mengemukakan nombor pendaftaran kenderaan Thailand sukar dikenal pasti.

Pada masa ini semua kenderaan Thailand yang masuk ke negara ini diwajibkan untuk mempamerkan nombor *Roman* ataupun *Romanize* dengan izin. Kenderaan yang hanya mematuhi syarat-syarat yang dibenarkan untuk masuk ke negara kita ini. Kawalan dibuat di stesen kawalan-kawalan di sempadan. Yang Berhormat bagi Bagan telah mengesyorkan iaitu apakah perlawanan dengan kita berlawan dengan semangat ASEAN Tuan Yang di-Pertua, izin saya menyatakan bahawa langkah kerajaan tidak langsung berniat untuk berlawan dengan sesiapa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita hanya memandangkan dalam segi apa yang telah juga dilakukan oleh negara-negara jiran kita dan kita juga mengambil kesempatan di sini kalaulah maknanya kita juga boleh melakukan sesuatu caj ini untuk mendapat sedikit sebanyak orang kata nikmat daripada yang hendak kita laksanakan ini. Selain daripada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat untuk pengetahuan Dewan ini kerana undang-undang ini memanglah diperlukan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** [Penjelasan]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tadi Yang Berhormat kata mungkin negara jiran telah menguatkuasakan caj ini terlebih dahulu. Ya mungkin kalau kita hendak membalas maka caj di Johor sahaja, Thailand tidak kenakan caj kereta Malaysia masuk ke negara mereka. Cuma diperlukan untuk memberi insurans sahaja, boleh memberi satu minggu punya insurans RM35 lebih kurang, *road tax* tidak payah, caj masuk pun tidak payah. Kalau hendak membalas cuma satu tempat sahaja iaitu di Selatan.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Bagi tiap-tiap negara kita ada cara dan budi bicara apabila kita menengok sesuatu keadaan itu. Jadi saya merasakan tidaklah salah untuk kita memikirkan untuk mengadakan caj ini terhadap kenderaan yang datang daripada negara-negara lain yang mana kereta-kereta yang mendaftar luar daripada negara kita ini. Jadi saya rasa ini bukanlah sesuatu masalah yang kita hadapi dan juga tidak semestinya kalau kita memikirkan negara lain tidak membuat sesuatu caj tidak perlu kita mengikut mereka. Asalkan kita tidak membuat sesuatu yang amat berlebihan iaitu terlampau drastik. Jadi mengadakan satu caj yang saya anggap ini adalah satu perkara biasa yang telah digunakan oleh atau diperbuatkan oleh negara-negara jiran kita setakat hari ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasa itu sahaja yang saya dapat perelaskan di sini macam saya katakan tadi kaedah-kaedah untuk menguatkuasakan undang-undang ini akan ditentukan di kemudian hari pada hari yang akan ditetapkan oleh Menteri Pengangkutan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada jawatankuasa

**Fasal 1 hingga 4** diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.31 mlm.**

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** Saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi mengadakan peruntukan penubuhan, penyenggaraan dan pentadbiran Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya membentangkan Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006.

Lahirnya rang undang-undang ini adalah hasil dari kesedaran dan kajian mendalam bahawa di tanah air tiada terdapat sebarang institusi pengajian tinggi yang khusus mendidik, mempromosi dan menyelenggarakan siswa seni budaya dan warisan di bawah satu bumbung. Memang sedia terdapat di bawah satu institusi yang memberi khusus dan kursus latihan mengenai muzik, seni lukis, teater dan sebagainya secara persendirian dan secara berasingan di kalangan IPTA dan juga IPTS. Secara hakiki, kita ketiadaan institusi lengkap yang mempunyai skim pembelajaran khusus mengenai seni budaya dan subjek-subjek berkaitan seni kreatif dan warisan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Akademi Seni Kebangsaan atau ASK yang sedia ada sekarang adalah terhad. Sebagai institusi pengajian seni yang ditubuhkan 12 tahun lalu, ia hanyalah sebuah institusi amali yang menganugerahkan sijil dan diploma dalam beberapa mata pelajaran seni sahaja seperti tarian, teater, muzik, tulisan kreatif dan ASK yang sedia ada tiada kemampuan memberi pengajaran dan bimbingan menyeluruh sehingga ke peringkat ijazah bersekali dengan bimbingan amali atau praktikal.

Dengan lulusnya Akta ini, insya-Allah Malaysia akan beroleh sebuah institusi pengajian tinggi yang berkemampuan mengeluarkan graduan-graduan di tiga peringkat iaitu kelulusan bertaraf sijil, diploma dan ijazah. Sebagai sebuah institusi induk, pengajian tinggi Seni Budaya dan Warisan yang bermartabat, akademi ini akan melahirkan warga profesional, pemikir, penggiat dan pengamal seni budaya negara masa hadapan. Ia sesungguhnya membawa erti yang sangat bermakna pada waktu ini. Apatah lagi Bab 23, di dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan, penegasan dan dasar kerajaan mengenai seni budaya dan warisan dijelaskan begitu ketara ke arah membentuk suatu masyarakat yang berwibawa dan berhemah.

Institusi ini akan mengeluarkan graduan-graduan yang berupaya menjadi penggalak, pemupuk, pelaku dan pengamal seni termasuk pelakon, penulis skrip, sutradara filem yang berkaliber melalui pembelajaran tahap sijil, diploma dan juga ijazah. Juga akan dikursuskan melalui pembelajaran amali dan teori ialah bidang-bidang penyelidikan dan pemupukan kebudayaan, pemuliharaan dan pentadbiran warisan pelbagai jenis.

Adalah dijangka tidak kurang dari 20 mata pelajaran seni budaya dan warisan akan dikursuskan apabila ASK sekarang, menjadi Akademi Seni Budaya dan Warisan yang unggul. Mata pelajaran seperti penghayatan warisan, pemuziuman dan kearkiban juga akan ditawarkan. Tentunya tenaga pengajar juga akan melibatkan pakar-pakar dari luar negara.

Akademi juga akan bertalian akademik dengan pusat-pusat pengajian seni, global dan serantau.

Tuan Yang di-Pertua, pewujudan Akademi Seni Budaya dan Warisan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah untuk menampung keperluan industri seni di negara kita yang akan datang dan sekarang. Wajar dimaklumkan, negara kita memerlukan lebih ramai seniman, pengurus, pengamal dan pemaju budaya dan warisan berkaliber tinggi. Industri Seni Budaya dan Warisan yang secara popularnya dikenali sebagai Industri Kreatif atau Industri Budaya adalah bernilai antara RM2.8 bilion hingga RM5.2 bilion setahun.

Tergolong di dalam industri ini ialah antara lain, muzik, perfileman, teater, televisyen, seni, arkitek, fotografi, seni lukis, seni gubahan, kraf tangan, penulisan kreatif, koreografi dan sebagainya. Kekurangan sumber manusia berkualiti dalam bidang-bidang ini memang dirasai dan masanya telah sampai bagi kita melangkah berani melatih anak bangsa dalam jurusan-jurusan tersebut. Kekurangan juga terdapat di dalam aspek pengurusan dan pemasaran produk seni yang menyebabkan kerja-kerja produksi tidak berada di tahap cemerlang. Bidang ini memerlukan tenaga kerja yang terlatih bagi meningkatkan kerja-kerja di peringkat pra produksi, produksi semasa serta pasca produksi dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan Akademi Seni Budaya dan Warisan ini akan dapat mengubah sikap negatif masyarakat bahawa kononnya di dalam seni budaya atau di dalam Industri Kreatif tiada potensi atau tiada masa depan yang setanding dan menjamin. Anggapan ini salah dan meleset sekali. Telah terbukti di negara-negara maju, bahawa ini adalah sebaliknya. Industri kreatif yang menjenamakan budaya dan produk mereka sama ada muzik mereka, wayang mereka, fesyen mereka, minyak wangi mereka, kesemua ini adalah memberi sumbangan kepada negara mereka menerusi saluran komersial dan ekonomi.

Kita akan mewujudkan profesion-profesion seni budaya untuk zaman yang serba mencabar, dari animasi hinggalah kepada ciptaan fesyen dan hiasan. Warga Malaysia yang berbakat perlu dilatih seperti mana kita mendidik warga kita di bidang sains, matematik dan jurusan-jurusan lain. Cuma, bilangan mereka harus dihadkan mengikut mutu dan pasaran profesionnya.

Pengurusan Akademi Seni Budaya dan Warisan seperti yang dihuraikan di dalam Rang Undang-undang ini adalah mudah. Ia dikepalai oleh seorang Rektor dan dibantu oleh Timbalan Rektor, Pendaftar serta Pentadbir-pentadbir dan tenaga pengajar yang bertauliah dari luar dan dalam negeri. Sebuah Lembaga Pengarah ditubuhkan bagi mengawas dan menentukan dasar sementara Lembaga Pengajian menentukan soal-soal profesion dan pendidikan yang sesuai.

Disiplin para pelajar perlu berada di tahap maksimum. Untuk itu, peruntukan-peruntukan mengenai kebajikan, pengawasan dan lain-lain adalah disediakan terutama di bawah Jawatankuasa Perwakilan Pelajar atau ringkasnya JPP.

Saya suka memberi penegasan bahawa suasana artistik dan berbudaya akan menjadi premium kepada akademi ini. Negara pada masa ini sesungguhnya begitu memerlukan karyawan dan pengurus seni yang mempunyai ilmu akademik yang mencukupi, mendalam dan menyeluruh. Dengan lulusnya rang undang-undang ini, peranan dan taraf akademi ditingkatkan kepada sebuah institusi pengajian tinggi seni yang profesional dan akhirnya menyumbang kepada pembentukan sikap, nilai hidup dan perjuangan kehidupan insan yang berimbang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan menjadikan akademi cukup relevan, meluas peranannya serta mampu memenuhi kehendak semasa kerajaan dan negara. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa seni dan menjulang estetika mereka terhadap alam dan manusia. Masakan tidak begitu, subjek-subjek berkaitan arkib dan kearkiban serta pemuziuman juga akan diajar dan dipakari di samping perkara-perkara yang membentuk budi bahasa dan sifat yang lemah lembut. Akademi Seni Budaya dan Warisan tidak akan dijadikan sebagai institusi pengajian tinggi yang mementingkan kuantiti.

Kementerian akan memastikan supaya bilangan graduannya setimpal dengan keperluan negara dalam bidang seni budaya dan warisan.

Pengambilan pelajar-pelajar adalah terbuka kepada lepasan sekolah-sekolah seni Kementerian Pelajaran. Pelajar-pelajar perseorangan dari kolej dan universiti juga, graduan-graduan lain yang bercita-cita tinggi dalam dunia seni budaya dan warisan. Institusi ini akan berupaya memberi penumpuan yang lebih mendalam dan menyeluruh kepada pelbagai aspek pembelajaran kesenian dan tuntutan murni kehidupan itu sendiri. Rang undang-undang ini membolehkan akademi bergerak sebagai institusi tertinggi dalam hal ehwal seni budaya warisan dan sekali gus mengisi tuntutan modal insan yang begitu ditekankan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti dan martabat seni perlu diperkembangkan selaras dengan kemajuan negara. Bidang pendidikan industri kreatif tidak seharusnya berada di takuk lama tetapi perlu diperkembangkan selaras dengan zaman pembangunan pesat dan era global. Cuma kita harus memperkukuh budaya kita sendiri, bidang pendidikan kesenian adalah salah satu komponen penting yang dapat membantu usaha kerajaan ke arah membina negara bangsa yang tinggi. Tamadunnya berlandaskan pengalaman nilai-nilai murni dengan harapan dapat melahirkan masyarakat berbudi bahasa, berjiwa halus dan seterusnya menyumbang kepada identiti negara. Usaha dan peranan ini dapat dilakukan dengan adanya pembelajaran seni yang formal dan khusus melalui Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006.

Rang undang-undang ini juga secara khusus merupakan pelengkap kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. "Apa guna berburu menyempit kalau tak kena mergastua. Apa guna maju melangit kalau di dada tiada budaya". Dengan rangkap itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormat memohon mencadangkan.

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan penyelenggaraan dan pentadbiran Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Cameron Highlands.

#### **8.54 mlm.**

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin berbahas Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006. Saya ingin melihat Rang Undang-undang ini dari tiga, empat perspektif. Saya mengucapkan terima kasih kerana akademi ini satu yang begitu penting sekali memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang begitu kaya dengan gabungan berbagai budaya yang bakal menjadi gergasi dunia. Budaya Melayu yang merupakan rumpun rantau Asia Tenggara, dari Indonesia ke Malaysia, Brunei ke Filipina, ke Thailand. Budaya India dan budaya Cina dan juga pelbagai budaya-budaya lain yang kemudiannya diasimilasikan dalam masyarakat Malaysia. Termasuk budaya Sabah dan Sarawak yang begitu kaya dengan ketradiasiannya.

Maka dalam konteks itu saya rasa sudah cukup tiba masanya untuk kita memastikan bahawa budaya ini tidak hilang. Dan saya ucap syabas kepada Yang Berhormat Menteri. Cuma saya ingin melihat mungkin ada percanggahan sedikit dengan pengajian-pengajian yang dilakukan atau telah dijalankan di beberapa institusi tinggi atau pengajian tinggi di Malaysia. Walaupun rang undang-undang ini ketidapkakaian Akta 30 dan Akta 550 dan Akta 555, tidak memberi percanggahan itu dari konteks sukatan pelajaran dan juga keperluan perundangan tetapi saya rasa di Universiti Malaya contohnya, kita dah ada pengajian-pengajian yang berkaitan dengan sastera, berkaitan dengan seni. Seni-seni seperti Mak Yong, Mek Mulung, wayang kulit dan juga berkaitan dengan boria dan sebagainya. Dan ini juga sama juga di USM dan UKM, maka mungkin pada ketika itu tiada

akademi yang menampung untuk keperluan kesenian yang begitu tetapi sekarang sudah ada.

Adakah Yang Berhormat, saya nak penjelasan daripada Yang Berhormat, mungkinkah ini akan mewujudkan satu percanggahan antara institusi-institusi ini dari konteks kandungan sukatan, dari konteks perspektif melihat kesenian ini dari pelbagai jenis. Contohnya mungkin Akademi Kesenian ini sudah mempunyai kepakaran yang boleh meletakkan kandungan-kandungan sukatan yang jitu dan tepat, tetapi berbanding dengan institusi-institusi lain yang terlalu banyak sekali subjek-subjek sehingga benda ini menjadi satu perkara yang kecil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Saya tertarik dengan kenyataan tadi mengatakan pertindihan kursus yang ditawarkan di IPTA. Saya mendengar ucapan tadi Yang Berhormat Menteri yang mengatakan seni arkitek, *architecture* itu juga sebahagian daripada skop kursus yang akan ditawarkan. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat, memandangkan seni bina atau seni arkitek ini merupakan satu profesion yang mana terdapat Pertubuhan Arkitek Malaysia yang menentukan dari segi kelayakan seseorang itu jadi arkitek pendaftar.

Jadi adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa satu pertindihan dan apakah kualiti graduan yang akan dilahirkan oleh Akademi ini berbanding dengan Universiti Teknologi Malaysia ataupun UM ataupun di UPM. Dan kalaulah ianya merupakan satu perkara yang dikatakan pertindihan, bukankah lebih baik ianya dapat digabungkan di bawah IPTA dan tidak dimasukkan dalam skop Akademi ini. Kalau ia, adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada Menteri supaya perkara ini dapat dirunding dengan pertubuhan Arkitek Malaysia kerana apa yang lebih penting kelayakan itu adalah salah satu syarat minimum untuk menentukan sama ada seseorang graduan daripada seni bina itu boleh diterima memasuki PAM. Saya rasa itu adalah soal pokok dan apa penjelasan Yang Berhormat?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Ayer Hitam. Saya rasa dari segi muka surat 67 yang dikatakan tertakluk kepada kelulusan Menteri, Akademi boleh mengadakan pengajian dan senarai itu tidak terkata seni bina tetapi mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, mungkin benda ini dimasukkan, mungkin kursus atau latihan lain seumpamanya. Mungkin itu mendapat tafsiran tertentu, mungkin Yang Berhormat lebih arif dan lebih peka kepada benda ini. Saya rasa Yang Berhormat Ayer Hitam mempunyai satu pandangan yang begitu penting sekali. Kalau tidak mungkin kita akan mewujudkan satu pertelingkahan, konflik antara institusi-institusi profesional dengan universiti dengan Akademi Kesenian. Di minta supaya perkara itu dimasukkan dalam ucapan sekali untuk mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya ingin saya membawa kepada perkara berkaitan dengan kesenian ini. Kerana bila kita kata kesenian dan budaya, ianya dalam beberapa abad yang lalu, beberapa ribu tahun yang lalu, diilhamkan oleh munculnya agama.., pandangan dunia, masyarakat-masyarakat yang melihat budaya sebagai satu penerapan, nilai-nilai *spiritual*. Dan mahu tidak mahu masyarakat Malaysia yang begitu majmuk telah melihatkan penerusan budaya sebegitu. Dalam konteks ini mungkin kita akan ditempiasi cabaran, mengenai sensitiviti agama.

Dalam merangkakan kursus dan pengajaran kursus-kursus ini, maka di manakah dan bagaimanakah perkara-perkara yang saya sebutkan tadi boleh diatasi oleh kementerian bila meletakkan Akademi Kesenian. Contohnya, bila kita katakan tarian orang India, '*paruratum*', '*kuchipudi*' katakan, dua tarian yang begitu popular sekali. Dua-dua ini...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Menyampuk] [Bercakap dalam bahasa Tamil] [Dewan riu] [Ketawa]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yannade! [Bercakap dalam bahasa Tamil] [Ketawa]

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** [Ketawa] Putatan ini dia punya lidah tidak boleh sebut...

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Dia punya lidah itu, 'L', 'L', 'L' sahaja boleh sebut dia 'R', 'R', 'R' tidak boleh!... [Ketawa] Susahnya, masalah dia!

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Menyampuk]

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Okey... [Ketawa] Maka saya berbalik kepada tadi. Maka Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah hakikat ini dapat ditangani kerana mahu tidak mahu kita tidak boleh mengubahsuaikan satu budaya untuk keperluan Malaysia sendiri. Kita ada budaya yang kaya di negeri China, kita ada budaya yang kaya di negeri Thailand, kita ada budaya yang kaya di negara India dan kita ada budaya-budaya Barat yang mungkin tidak secocok dengan budaya Malaysia yang mempunyai dasar budayanya sendiri mengikut acuan kemalaysiaan.

Dalam konteks ini bagaimanakah kursus-kursus yang di tertera dalam muka surat 7, dalam rang undang-undang ini iaitu akta ini. Dapat diubahsuaikan supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak dingini atas dasar prinsip-prinsip ke tuntutan masyarakat dan agama. Salah satu contoh yang ingin saya ke utarakan di sini adalah dalam konteks sastera Melayu, kesusasteraan Melayu, kesusasteraan Tamil, kesusasteraan Cina, kesusasteraan Kadazan Iban dan juga pelbagai kaum di Malaysia. Mungkin saya nampak satu percanggahan, saya rasa itu juga akan dimasukkan dalam akademi ini kalau masuk kesenian dan budaya. Dalam konteks ini sastera dunia Melayu sendiri mempunyai pelbagai percanggahan, munculnya rumpun Melayu ada satu pandangan dunia mengatakan daripada Yunan, ada satu lagi pandangan mengatakan daripada Palembang di Sumatra, konteks Asmah Haji Omar dan konteks penyelidik-penyelidik dari Barat. Maka ini mungkin seterusnya akademi ini membuat tafsirannya sendiri.

Kemudiannya dalam proses ada banyak versi-versi *Sejarah Melayu* yang lebih dikatakan paling autentik. Maka versi-versi ini mungkin akan didedahkan kepada tafsiran-tafsirannya sendiri. Maka saya nampak lagi satu percanggahan yang mungkin berlaku di proses pengajian ini, di mana para pensyarah-pensyarah memberi tafsirannya sendiri. Kerana di Malaysia tidak ada satu konteks, dalam konteks sukatan kesusasteraan itu sendiri. Ini pula lagi teruk daripada konteks sastera Tamil, macam-macam pandangan, sastera cina saya pun tidak tahu, saya kena tanya Yang Berhormat Lee Kah Siong, macam mana dia punya konteks sukatan kesusasteraan. Maka segala ini memerlukan pakar-pakar untuk duduk berbincang dan bersepakatan dari segi kandungan-kandungan ini. Kalau tidak, maka anak murid yang bakal dan pelajar-pelajar institusi yang bakal...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Putatan.

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Sila.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya dari Cameron yang sudah syok berucap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sedikit daripada sahabat saya dari Cameron Highlands ini. Soal *enculturation* ini, soal yang seni-seni yang kita ada di dalam negara kita. Negara kita ini banyak jenis kesenian, banyak bangsa tetapi bahasa Malaysia, bangsa Malaysia dan kesenian kebangsaan ini kementerian saya sentiasa menyokong rang undang-undang ini. Jadi soal seni dari China, seni dari India, seni dari apa sahajalah, kalau ini yang telah ada daripada tenaga kita dan telah dipraktikkan semasa tamadun dahulu, ini kita akan ambil satu budaya kita dan dipermodenkan. Macam kita seni lukis, macam kita sendiri, saya minat dalam ukiran, Yang Berhormat Menteri sendiri tahu. Jadi ukiran ini kita boleh permodenkan untuk menyesuaikan kebudayaan kita. Adakah sahabat saya dari Cameron Highlands bersetuju dengan saya?

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya setuju kerana polemik itu adalah satu perkara yang begitu baik sekali untuk pencetusan satu kreativiti dan

keaktiviti adalah induk kepada kesenian dan budaya. Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Putatan, kalau tidak ada *fusion* dengan izin, *fusion* dalam sebarang benda dan kalau tidak kita benarkan permainan minda untuk mencari the *borderless* dengan izin, maka kita akan kegagalan dalam konteks melahirkan golongan-golongan kreatif. Saya berbalik kepada prinsip yang dikatakan oleh Yang Berhormat Putatan, saya setuju bahawa kita kena benarkan dalam akademik ini, *the mind* dengan izin, *to rule creativity*. Kalau kita membiarkan golongan-golongan yang tidak benar memahami kreativiti maka ini akan membantutkan hasrat dan juga hala tuju Akademi Seni Budaya.

Saya ingin sambung sedikit yang dikatakan tadi dari segi konteks yang saya katakan tadi, mengenai perbicaraan berkaitan dengan pelajar-pelajar yang bakal mengaji di institusi ini. Kalau sekiranya kita biarkan golongan-golongan yang tidak benar-benar arif dalam perkara-perkara berkaitan dengan kesenian ini maka pelajar-pelajar yang bakal belajar daripada sini akan jadi seperti acuan yang tidak kena seperti bunga yang tidak kembang betul, inilah masalahnya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ayer Hitam.

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Sila.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands, saya rasa Yang Berhormat menyatakan bahawa kepelbagaian budaya itu satu khazanah negara dan memang kita mahu akademik ini menganjurkan kursus supaya kepelbagaian budaya itu dapat ditonjolkan. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, sebenarnya saya kluatir juga apabila menteri kata mereka akan mengambil pelajar daripada sekolah seni, daripada Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi kadangkala kalau kita melihat prestasi akademik mereka mungkin tidak berapa tetapi dari segi kreativiti mereka mungkin lebih baik tetapi dari segi kalau hendak menghadapi ujian itu mungkin mereka menghadapi masalah. Jadi bagaimanakah Yang Berhormat dapat mencadangkan kepada Yang Berhormat satu cara untuk menentukan seseorang itu betul-betul mempunyai bakat dan bukan semata-mata berpandukan kepada pencapaian akademik.

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat dari Ayer Hitam, contohnya kita ada seniman P. Ramlee. Beliau dari segi akademik bukan seorang yang begitu dahsyat sekali tetapi dari segi ciptaannya, emak saya sampai sekarang menonton *Anakku Sazali*, dia menangis...

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Walaupun sudah menonton gambar atau filem itu sebanyak 17, 18, 20 kali.

**Seorang Ahli:** Saya pun.

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Akan tetapi, sapu tangan saya mesti sediakan...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Mak saya MGR...

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** So, begitu dahsyat sekali lakonan ... [*Ketawa*]

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Mereka ini kacau, MGR pula.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Mak saya tengok MGR!

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Sampai sekarang saya masih lagi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sebab Yang Berhormat beri kebenaran dua-dua jiran sahaja, yang lain tidak beri.

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, apa itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, jiran saya yang menyampuk, jiran saya.

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Mana? Oh...!

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Bangun*]

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tangga Batu mesti, sila.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Cameron, saya sebenarnya ingin terlibat sama dalam perbahasan ini tetapi oleh sebab topik ini telah dibuka oleh Yang Berhormat Cameron Highlands dan ditanya oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi. Saya cuba hendak membawa tajuk ini ke arah satu, kita cuma tumpukan seni ini, pada sayalah ke arah satu cara kita mempiawaikan budaya yang kita agungkan selama ini dalam masyarakat kita. Penubuhan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan ini adalah satu langkah yang baik dan saya yakin ia akan mencapai sasarannya. *Prerequisite* kepada siswa atau siswi akademi ini nanti mungkin perlu dikaji secara menyeluruh oleh pihak kementerian.

Saya minta Yang Berhormat Cameron cadangkanlah. Terutamanya kalau kita lihat di kampung-kampung dan di cawangan-cawangan umpamanya hari ini ada kumpulan-kumpulan kugiran, kumpulan-kumpulan kompang dan sebagainya termasuklah kumpulan tarian singa dan juga tabla dan sebagainya yang mana mereka ini tidak mempunyai kelayakan pelajaran yang tinggi. Mungkin kalau kita lihat dari segi skema peperiksaan itu mereka gagal di peringkat SRP atau SPM umpamanya tetapi mereka mempunyai keupayaan yang begitu tinggi ke arah mencipta lagu-lagu yang mungkin kita sendiri tidak terfikir mereka boleh cipta lagu.

Jadi bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada pihak kementerian supaya menyediakan satu sistem kemasukan yang mudah dan mesra kepada masyarakat seni ini. Yang mana jika mereka ini ditugaskan di jabatan-jabatan serta agensi kerajaan atau syarikat swasta pun mereka tidak perform, tidak berprestasi tinggi tetapi apabila mereka diminta untuk melakukan persembahan secara semula jadi apabila berada di atas pentas mereka akan mempersembahkan gaya yang menarik tanpa diberikan arahan terperinci oleh pengarah sesuatu acara itu. Apa pendapat Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya cukup bersetuju. Yang Berhormat Menteri, saya minta dimasukkan sebahagian daripada perbahasan saya kerana saya balik kepada P. Ramlee tadi. Sama juga macam di kampung asli saya. Saya tanya apakah bantuan yang mereka perlukan.

Yang pertama, mereka minta adalah *band* set kugiran, dan bakat mereka dahsyat. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Maka kalau kita tengok persembahan mereka, sepanjang malam mereka boleh bersembah. Tidak berhenti-henti, lapan jam masih tidak letih. Maka saya setuju bahawa Akademi Kesenian Budaya ini perlu meletakkan syarat-syarat kemasukan yang berlainan berbanding dengan institusi pengajian tinggi.

Oleh kerana ia bebas daripada akta-akta yang berkenaan dengan institusi-institusi pengajian tinggi, mungkin ini boleh menyenangkan dan saya balik kepada pelajar-pelajar ini. *So*, itulah. Yang lebih penting adalah kreativiti. Kreativiti dan sebagainya. Dan satu lagi saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat ini adalah dari segi, adakah warisan-warisan budaya seperti yang berkaitan dengan agama tadi, macam kuil, yang mempunyai seni binaan yang begitu canggih dan memerlukan kehalusan, kesenian yang begitu terperinci dan mendalam dimasukkan, boleh dimasukkan sebagai subjek-subjek ataupun ilmu-ilmu pengajian di dalam institusi-institusi ini. Sama juga dengan yang lain.

Adakah penerapan kesenian pelbagai bahasa juga akan dimasukkan dalam akademi ini, kerana mungkin ini boleh membawa kepada satu akademi yang mencorakkan

akademi dari perspektif dunia. Bukan hanya dalam konteks Malaysia. *Globalize*, ia menjadi lebih *globalize*. Maka itulah saya minta supaya Yang Berhormat Menteri memberi pandangan mengenai hal-hal sebegini terhadap perkara-perkara yang dikatakan tadi. Dan saya juga setuju dengan Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, bahawa penilaian yang dibuat terhadap pelajar-pelajar yang masuk - termasuk Yang Berhormat bagi Ayer Hitam perlulah berbeda, tidak boleh sama seperti penilaian bertulis... Ya, ada lagi?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bila disebutkan tentang globalisasi Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil. Soal globalisasi dalam seni ini, saya minta sedikit pendapat daripada Yang Berhormat. Mengenai kita punya kartunis-kartunis ini, Lat ini yang ada standard antarabangsa ini. Jadi saya minta kalau ini diperluaskan lagi, kalau kita ada satu pendekatan sebagaimana Yang Berhormat sentuhkan tadi, kita ada *reciprocal*, macam perundingan, persefahaman di antara akademi-akademi antarabangsa yang lain supaya kita dapat *exchange* ataupun pertukaran pelajar, soal kreativiti ini supaya kita punya taraf itu dikenali dalam peta dunia.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Saya setuju. Sebagai contohnya saya pergi ke satu akademi sebegini di Sydney. Saya pernah melawat akademi ini di mana mereka membuat pementasan setiap dua tiga hari. Dan saya tertarik kerana ada seketika saya pergi buat lawatan ke akademi kreativiti ini di Sydney, persembahan mereka dilakukan oleh *senior citizens*, warga emas dan mereka menjemput penonton - ramai datang memberi sokongan. Orang-orang tua membuat persembahan tarian, muzik dan ada juga lukisan-lukisan seperti kartunis, kartun yang dibuat oleh warga-warga emas.

Maka mungkin had umur tidak termasuk dalam akademi kesenian ini. Mungkin akademi kesenian itu boleh membenarkan seorang ibu, seorang nenek yang berumur 80 tahun turut serta untuk mendapatkan ijazah, untuk mendapatkan diploma kerana mereka mempunyai kepakaran dan kebolehan berbuat demikian. Kerana seni dan kreativiti tidak ada had umur, tidak ada batasan pembelajaran, tidak ada batasan agama, tidak ada batasan budaya, tidak ada batasan kaum. *Art is the give of God*, dengan izin. Maka saya rasa landasan itu perlu diambil kira sebagai tunjang kepada pembentukan institusi akademi ini, dan itulah harapan saya dan dengan itu saya menyokong.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Bera.

**9.08 min.**

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kebudayaan dan Warisan kerana akhirnya berjaya membentangkan satu akta ataupun Rang Undang-undang bagi mewujudkan IPTA, institut pengajian tinggi untuk melahirkan profesional seni dan warisan dengan menaiktarafkan Akademi Seni Kebangsaan yang ada pada hari ini. Langkah ini saya lihat akan mampu mewujudkan satu golongan anak-anak seni yang profesional, yang sesuai dengan tuntutan zaman pada hari ini.

Sebagai sebuah negara maju, kita juga mesti mampu melahirkan pakar-pakar bukan sahaja di dalam bidang IT, sains dan teknologi malah di dalam bidang seni dan warisan. Sehingga ke hari ini kalau kita lihat, selain daripada ASK pelajaran-pelajaran seni diajar di universiti-universiti yang berbeza-beza di bawah jabatan ataupun fakulti-fakulti yang berbeza-beza. Misalnya di Universiti Malaya, diletakkan di bawah Fakulti Sastera yang mempunyai Pengajian Media, Persembahan dan sebagainya.

Begitu juga di USM. Apabila diletakkan di bawah satu jabatan lain, satu fakulti. Dan mempunyai persembahan, seni persembahan, muzik dan sebagainya. Ini bermakna

dengan terbentangnya Rang Undang-undang ini, kita dapat merangkumi semua mata pelajaran yang melibatkan seni di bawah satu universiti. Kalau kita lihat di negara maju, di Korea misalnya. Mereka mempunyai universiti khusus untuk mata pelajaran seni iaitu *The Korean National University of Arts*. Malah di negara jiran kita, di Indonesia, di Jakarta mereka mempunyai Institut Kesenian Jakarta yang menggabungkan semua pelajaran seni di bawah satu bumbung.

Sebab itulah kalau kita lihat, Jakarta ataupun Indonesia mampu untuk melahirkan pengarah-pengarah filem yang berjaya, yang begitu profesional. Mereka mampu melahirkan pelakon-pelakon filem yang berjaya dan profesional. Mereka mampu mengekalkan muzik-muzik tradisional mereka hingga ke hari ini kerana pemuzik-pemuzik, pengarah-pengarah filem, pelakon-pelakon filem, penyanyi-penyanyi, semuanya datang daripada universiti dan mereka mendapat pendidikan formal di universiti-universiti. Kalau kita lihat...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera telah menyebut bagaimana kepelbagaian pembelajaran seni ini di merata universiti ataupun institut pengajian tinggi negara kita.

Pertama, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya semua sekolah seni di dalam institusi-institusi pengajian tinggi negara kita ini akan dibawa ke bawah satu bumbung, di bawah Kementerian KeKKWa ini, di bawah Akademi Kesenian dan Warisan ini nanti, satu.

Yang kedua, Yang Berhormat juga menyebut tentang betapa hebatnya rakan-rakan kita dari negara jiran, Indonesia umpamanya dan ini juga telah meletakkan Malaysia mungkin jauh di bawah jika dibandingkan produk-produk seni Malaysia terutamanya di dalam perfileman, jauh terkebelakang daripada rakan-rakan kita di Indonesia. Mengapa berlaku begitu Yang Berhormat? Adakah kerana kita terlalu mengambil kira tentang kos produksi sehingga filem-filem kita ini tidak boleh disamatarafkan dengan filem-filem hasil daripada industri-industri di negara jiran kita itu.

Saya juga pernah melihat sebuah filem Thailand yang meletakkan satu watak Jackie Chan kepada seorang pelakon muda Thailand dan filemnya setaraf dengan filem Jackie Chan. Dan itu juga telah meletakkan negara Thailand berada di atas sedikit daripada negara kita di dalam industri perfileman ini. Boleh Yang Berhormat bagi sedikit ulasan tentang perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih rakan saya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Yang pertamanya dari segi meletakkan di bawah satu bumbung. Daripada akta ini saya lihat ada disebut bahawa pihak Akademi Seni, Budaya dan Warisan boleh menubuhkan cabang-cabang mereka di universiti-universiti lain. Bermakna dibolehkan di universiti lain tetapi kalau boleh diletakkan semua tenaga pengajar profesional di bawah satu bumbung, saya kira itu adalah lebih baik.

Dari segi pengarah filem negara luar seperti Indonesia. Seperti saya katakan bahawa mereka mampu mengeluarkan filem yang baik kerana penulis skrip mereka adalah daripada mereka yang dihasilkan daripada sebuah institusi setelah mereka mendapat pendidikan formal. Mereka berlatih ataupun belajar untuk menjadi penulis skrip secara profesional. Begitu juga dengan pengarah filem. Pengarah kita mungkin hanya mereka pernah menjadi pelakon suatu ketika dahulu dan mereka mempunyai pengalaman sebagai pelakon, akhirnya menjadi pengarah.

Akan tetapi bezanya di kebanyakan di negara luar yang berjaya mengeluarkan filem bermutu. Ada di antara mereka yang mempunyai *Master Degree* di dalam perfileman, misalnya. Jadi pendidikan formal juga penting. Saya kira pengarah di Indonesia juga mempunyai latar belakang pendidikan formal. Sebab itulah mereka akhirnya mampu mengeluarkan filem yang bermutu, fikiran mereka berbeza, cara pandangan mereka berbeza, penyunting-penyunting filem mereka berbeza.

Jadi ini bermakna bahawa perlunya pendidikan formal untuk melahirkan pengarah yang profesional, pelakon yang profesional dan segala-galanya yang profesional. Saya kira sebab itulah mereka mampu melahirkan filem yang lebih berjaya daripada kita. Inilah saya kira harapan yang ada kepada pihak kementerian ini untuk melahirkan mereka yang profesional di dalam semua bidang seni supaya kita juga mampu bersaing dengan negara-negara lain. Selama ini kalau kita lihat...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat, Yang Berhormat bagi Bera. Saya ingin minta penjelasan sedikit soal profesional ini. Bagaimana pula kalau kita melatih pelakon-pelakonnya daripada peringkat umur yang masih muda lagi, seumpamanya umur 3 tahun, 4 tahun dan sebagainya supaya kita boleh melahirkan mereka sebagai seorang pelakon yang betul-betul profesional dan yang berpengalaman.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya sambung sedikit berkenaan dengan *originality* ini. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bera tentang dari pelakon berlakon satu, dua filem kemudian mencuba nasib untuk menjadi pengarah dan oleh kerana penonton-penonton filem kita pun bersikap *mediocre* ataupun lebih kurang dengan filem-filem yang mereka tonton maka mendapat penerimaan sebahagian besar daripada masyarakat kita.

Yang Berhormat bagi Bera setuju tidak dengan saya, hari ini kalau kita lihat di TV, kita ada satu filem halimunan, cuma meniru Gemini Man ketika saya kecil dahulu, cuba meniru *Invisible Man*, tetapi lakonannya hari ini nampak *imitation*, nampak tiruan, tidak ada *originality*. Kita lihat filem yang dilakonkan oleh John Travolta umpamanya, dengan Nicolas Cage di dalam *Face Off*. Perkara yang tidak logik bagaimana seorang polis yang berperibadi mulia dan berprinsip ditukarkan dengan watak seorang jahat, Nicolas Cage dan begitulah sebaliknya Nicolas Cage yang jahat tadi menjadi seorang polis yang akhirnya mereka terpaksa bertukar watak, bertukar karakter dan sebagainya.

Walaupun perkara itu tidak logik, dihasilkan oleh John Woo tetapi bila kita tonton, kita rasa ia boleh berlaku dan boleh dijadikan satu perkara yang mungkin akan berlaku. Begitu juga dengan Steven Spielberg yang menghasilkan filem-filem yang tidak masuk akal, *Extra-Terrestrial* umpamanya, tetapi ia menjadi igauan anak-anak kita. Bila agaknya dan di mana agaknya kalau sikap pengarah-pengarah filem kita masih lagi suka *imitate*, suka meniru-niru sampai bila pun kita tidak akan sampai ke wawasan itu. Boleh Yang Berhormat bagi Bera komen? Terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan daripada sahabat, Yang Berhormat bagi Putatan tadi bahawa latihan daripada awal memang penting. Misalnya kalau kita lihat bagaimana negara-negara, Rusia misalnya, berjaya melahirkan pakar gimnastik mereka. Asalnya mereka melatih ahli-ahli gimnastik mereka daripada kecil, daripada kanak-kanak dan sebagainya.

Walau bagaimanapun kita jangan lupa bahawa pendidikan formal itu penting. Seperti yang dikatakan oleh sahabat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi memang kita kekurangan idea. Kita kekurangan dari segi kreativitinya kerana mungkin tahap pemikirannya berbeza dan tahap pengetahuan kita berbeza. Sebab itulah akhirnya mereka mampu melahirkan filem yang jauh di luar imaginasi kita sedangkan pengarah-pengarah kita, saya tidak mahu memperkecil-kecilkan pengarah kita..

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** ...Akan tetapi dari segi imaginasi mungkin tidak kesampaian bagi pemikiran mereka dan sebab itulah akhirnya kita gagal di dalam idea

ini dan idea mereka akhirnya lebih baik dan kita hanya mampu meniru dan sebagainya. Yang Berhormat bagi Kepong tahu pasal filem?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasanlah, Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat mempunyai idea yang baik yang menggalakkan orang mesti ada kreativiti tetapi bolehkah Yang Berhormat fikirkan, Australia misalnya, yang memang mempunyai institusi seumpama ini dan bertaraf tinggi tetapi dari segi perfileman mereka kerana pasaran itu kecil, tidak boleh berbanding Hollywood misalnya, sehingga pelakon-pelakonnya pergi ke Hollywood sendiri kerana dia tidak boleh banding dengannya. Tidak boleh banding dengannya kerana negara kecil. Bilangan penduduknya kecil dan tidak dapat bersaing. Ini masalahnya.

Saya berharap Yang Berhormat jangan bandingkan dengan Amerika Syarikat misalnya, kerana dia mempunyai rangkaian, mempunyai tradisi dan mempunyai pasaran yang besar. Walau bagaimanapun adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita mesti memastikan bukan sahaja kita mengambil pelajar yang berkualiti, bukan bilangan tetapi berkualiti, ini penting dan juga semua pengajar, profesor dan sebagainya mestilah di tahap yang tinggi juga dan suasananya. Ini memang peranan Yang Berhormat Menteri pun penting, suasana yang kreatif, suasana yang menggalakkan orang-orang kerana bila orang yang mempunyai bakat dan kreativiti, mungkin kelakuan dia itu lain sedikit, pelik sedikit.

Sebab saya tengok di sini ada beberapa peruntukan hendak hukum orang, hendak sekat orang, hendak menggantung orang dan sebagainya. Saya setuju kalau dia melakukan kesalahan jenayah, mesti kita tidak boleh terima. Walau bagaimanapun, kalau dia setakat kelakuan yang pelik sahaja, janganlah kita mengambil tindakan terhadapnya kerana dia ada potensi dan bakat. Adakah Yang Berhormat bersetuju kita mesti wujudkan suasana seni, suasana liberal dan suasana terbuka yang boleh membukakan minda dia?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya, saya bersetuju. Tentang pasaran terutamanya, saya nak sebut tentang pasaran. Tentang pasaran kita mampu menerjah pasaran luar kalau kita mempunyai filem yang bermutu. Saya ingin ambil contoh, filem *Bollywood* suatu ketika dulu hanya dilihat, hanya di tonton oleh masyarakat di India. Itu pun di utara India, kerana di selatan India mempunyai filem-filem tamilnya, seperti lakonan MGR dan sebagainya.

Akan tetapi pada hari ini oleh kerana filem itu sudah pun dianggap bermutu, ianya bukan sahaja di India tetapi juga di Malaysia malah sampai ke Amerika, Britain dan sebagainya. Bermakna pasaran akan muncul apabila kita melahirkan sesuatu yang bermutu. Dan kita juga boleh. Di Indonesia misalnya, filem kita tidak mampu untuk pergi ke Indonesia, kerana mereka menganggap filem kita tidak bermutu. Filem kita tidak mampu pergi ke Thailand, kerana mereka menganggap filem kita tidak bermutu.

Tetapi filem Indonesia sampai ke negara kita, dan mungkin sampai ke negara-negara lain, kerana filemnya di anggap bermutu. Dari segi pengajar yang kreatif dan suasana tadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan saya masuk ke dalam ucapan saya supaya saya boleh dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin terus pergi kepada...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat bagi Bera, sikit lagi lah, saya minat betul tajuk ini. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tentang produk perfileman atau pun filem yang bermutu tadi itu, mungkin pihak Akademi Kesenian Kebangsaan perlu menggariskan apakah atribut, apakah ciri-ciri yang menyumbang kepada mutu filem yang dihasilkan. Hari ini kalau kita tengok umpamanya, hero yang kita bangga-banggakan, kalau tengok dari segi struktur *body*nya itu, binaan *badannya* itu, *muscle* nya itu, tidak nampak dia seperti hero. Kalau pelakon-pelakon Orang Putih ataupun *bollywood* umpamanya, *Bollywood*, *Hollywood* umpamanya, jika hero itu buka baju, lelaki, dengan *biceps* nya, *triceps* nya, *stomach muscle* nya Tuan Yang di-Pertua, herolah, betul-betul hero. Ini hero

kita bila buka baju tulang... [Ketawa] Betul tidak cukup makan atau pun tidak cukup vitamin. Jadi atribut itu, apakah atribut filem yang berkualiti, filem yang bermutu tinggi itu perlu digariskan secara jelas dan nyata supaya kita faham.

Bukan sahaja plot ceritanya, bukan sahaja teknik penggambarannya, bukan sahaja pelakon-pelakonnya, bahkan segala-galanya. Hendak kata seperti Yang Berhormat bagi Kepong tadi, kita mempunyai pasaran yang kecil dan kita terlalu jauh ke belakang. Saya rasa tidak mungkin, kerana suatu ketika dahulu kita mempunyai seorang hero, P. Ramlee umpamanya, S. Samsudin. S. Samsudin kalau kita tengok *Anakku Sazali*, kalau kita tengok filem *Antara Dua Darjat*, bila dia buka baju, pakai singlet nampak *muscle* nya. Begitu juga dengan P. Ramlee, kebolehan bersilatnya begitu membanggakan kita.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Akan tetapi Yang Berhormat, AR. Tompel pun hero juga...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** AR. Tompel hero juga..., *impossible...*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat bagi Kepong layak tak?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat bagi Kepong boleh layakkah, hero bagi filem Tamil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih, saya rasa Yang Berhormat bagi Kepong tidak layak jadi hero tetapi Wahid Sate pernah jadi Badang, kalau kita tidak lupa. Jadi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan...

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Cadangan Yang Berhormat itu...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Kalau Yang Berhormat bersetuju saya masukkan ke dalam ucapan untuk di jawab oleh Yang Berhormat Menteri dari segi syarat-syarat mutu tadi.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya kena tunduk sedikit, supaya *mic* dapat 'bunyi'. Yang Berhormat bagi Bera, saya tertarik dengan hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat. Selain daripada kita harus mempunyai artis melatih artis-artis baru dan sebagainya, selain daripada mempunyai pemikiran yang terbuka, saya rasa, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Bera sekiranya akademi yang bakal ditubuhkan ini dapat mencungkil bakat-bakat baru dari segi pengarahannya, ataupun produsernya yang memberi pemikiran yang kritis yang dapat menghasilkan filem ataupun tayangan yang menggambarkan kemajmukan masyarakat Malaysia, di mana filem-filem ini dapat dieksport ditayangkan di luar negara.

Seperti contohnya saya telah menyaksikan filem yang bertajuk *Sepet. Sepet* yang di arahkan oleh Yasmin Ahmad. Saya sekarang ini tunggu filem, hendak cuba beli CD yang original yang baru iaitu *Gubra*. Saya rasa Yasmin Ahmad ini, telah pun membawa satu corak pemikiran yang baru, dapat menggalakkan pemikiran yang kritis di dalam negara kita. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Bera?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya, saya bersetuju bahawa kita mesti terbuka, mempunyai pemikiran yang terbuka di dalam mengeluarkan filem. Mungkin *Sepet* merupakan satu filem yang kreatif kerana membincangkan mengenai pertembungan dua budaya yang berbeza. Filem ini saya kira bukannya di tonton oleh orang Melayu sahaja, tetapi mungkin orang Cina, dan apabila kita menghasilkan filem dari Malaysia untuk ke negara luar, hendak filem tersebut perlu menggambarkan Malaysia sebagai satu bangsa yang mempunyai kepelbagaian.

Akan tetapi kalau kita lihat banyak filem Melayu sekarang, drama-drama Melayu banyak menyentuh tentang bangsa Melayu semata-mata. Pelakon-pelakonnya hampir 100% nya Melayu. Konflik-konflik yang ditimbulkan adalah di dalam keluarga Melayu kita kurang kemalaysiaannya. Dan saya setuju bahawa kalau kita ingin bergerak lebih jauh, kita perlu lebih berani, walaupun kadang-kadang terpaksa membincangkan soal perkara yang agak sensitif kerana filem kita terpaksa kadang-kadang perlu mengemukakan perkara yang sensitif. Saya ingin sebut tentang warisan seni...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** ...Selain daripada filem.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera ini saya nampak mempunyai pandangan yang cukup bagus berkaitan dengan Akademi Seni dan Budayanya. Saya sebenarnya nak minta pandangan dari Yang Berhormat, saya pasti dan yakin bahawa penubuhan Akademi Seni ini, akan menggembirakan pencinta seni. Saya hendak lihat daripada peringkat sekolah. Di peringkat sekolah rendah kalau kita lihat daripada satu aspek kesenian atau pun seni, seni muzik itu kita lihat, apa ini, ada program, ada kurikulumnya di peringkat sekolah rendah, sampai guru muzik pun ada tetapi apabila dia masuk ke sekolah menengah ada *vacuum* dengan izin, dekat situ. Jadi dan kita lihat bahawa, setiap insan ini sebenarnya, setiap manusia memang dalam diri dia ada naluri seni, seperti yang kita bicarakan.

Jadi oleh sebab itu, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Bera supaya Kementerian Kesenian Warisan yang telah membawa satu penggagasan yang baik ini, berpakat dengan Kementerian Pelajaran supaya di peringkat sekolah menengah sebagai penerusan ataupun lanjutan daripada aspek seni di sekolah rendah itu dapat diteruskan dan ini sebagai lanjutan kepada program itu dan kita yakin bahawa kalau ini dapat diteruskan ia akan dapat melahirkan pakar seni, profesional seni yang lebih berwibawa. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya, saya bersetuju bahawa perlu ada kesinambungan tadi daripada sekolah rendah ke sekolah menengah dan akademi seni.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Yang Berhormat satu lagi, dengan izin, saya ada dua, satu lagi ialah saya ada satu kebimbangan sebenarnya. Boleh ya Yang Berhormat bagi Bera? Dengan izin, saya ada satu kebimbangan dalam konteks seni ini, tentang ramainya para pelakon, para artis, para penyanyi dan sebagainya yang begitu mudah terjebak dalam gejala sosial.

Jadi umpamanya dalam konteks dadah umpamanya, dalam konteks kehidupan yang bebas. Jadi bagaimana dan apakah cadangan Yang Berhormat supaya perkara ini, perkara yang baik kita harap dapat terus baik supaya tidak diganggu gugat dengan jenayah sosial seperti yang dapat kita lihat di negara-negara barat, kita lihat bahawa aspek profesionalisme kesenian ini begitu tinggi tetapi mereka terjebak dalam gejala hidup bebas yang sebenarnya dari segi moral begitu rendah. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam konteks ini. Terima kasih.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya, saya ada dua pandangan dalam soal terjebak dengan dadah ini. Yang pertamanya ialah kerana ramai di kalangan mereka itu tidak punyai masa depan di dalam bidang yang mereka ceburi. Oleh sebab itulah, kadang-kadang mereka apabila berlakon satu, dua filem mereka sudah menjadi *cultural shock* dalam hidup mereka dan apabila mereka tidak mampu lagi meneruskan peranan mereka sebagai pelakon dan sebagainya, akhirnya mereka terjebak dalam perkara ini. Perkara ini berlaku kerana mereka tidak ada sesuatu yang boleh membantu mereka.

Pertamanya mereka tidak ada apa-apa ijazah dan sebagainya. Mereka hanya berlakon mungkin kerana mereka mempunyai rupa paras yang cantik walaupun tidak ada bakat dan sebagainya. Inilah yang banyak berlaku. Apabila mereka sudah tidak diperlukan selepas satu, dua filem, akhirnya mereka terpengaruh dengan keadaan seperti ini apabila mereka terasa kecewa dan sebagainya tetapi kalau mereka lahir daripada akademi seni yang kita adakan, mempunyai sijil yang boleh diterima di mana-mana, mereka mungkin,

kalau tidak mampu menjadi pelakon yang baik, mereka boleh menjadi tenaga pengajar kepada pelakon lain dan sebagainya.

Oleh sebab itulah jika kita lihat - saya tidak mahu kata ramai, ada di kalangan mereka yang akhirnya terjebak kepada perkara-perkara ini.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cameron Highlands.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Filem lagikah?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Bera, saya ingin penjelasan sedikit. Daripada konteks yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi, mengenai konflik antara kesenian dan juga percanggahan nilai. Contohnya di Barat, apabila mereka katakan seni ini, ia terlalu demokratik. Ia memberi kepentingan kepada individu.

Contohnya Bob Marley, dia bawa fesyen rambut yang lain macam dan mempunyai pengikutnya yang begitu ramai. Semasa zaman Beatles dalam tahun 60-an, dia berambut panjang dengan stail *hippies* dan dia ada cara seni muziknya sendiri. Baru-baru ini kalau kita menonton televisyen cara orang kulit hitam di Amerika membawa perwatakan muzik yang berbeza yang mendedahkan aurat dan sebagainya dengan begitu berani sekali, maka inilah pandangan kesenian dari sudut mereka.

Bagaimanakah akademi ini dapat menangani percanggahan ini dalam konteks yang dikatakan tadi. Contohnya, baru-baru ini filem *Lelaki Komunis Terakhir* menjadi satu kontroversi kerana tidak boleh diterima. Mungkin pandangan kita berbeza. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya kurang jelas. Bagaimana?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Di negara Barat, ia membenarkan segala-galanya sebagai kesenian. Perubahan zaman daripada era 50-an, kita nampak caranya itu yang tidak boleh diterima. Macam Bob Marley, Frankie dan sebagainya. Macam mana dengan keadaan di Malaysia berkaitan dengan akademi?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya percaya bahawa akademi seni kita namanya Akademi Seni Budaya dan Warisan. Tentu sahajalah, saya kira soal budaya kita akan menjadi satu agenda utama di dalam kementerian kita. Saya bersetuju bahawa di negara Barat seni merupakan sesuatu yang bebas untuk sesiapa sahaja. Untuk seni misalnya, mereka boleh bertelanjang. Melukis gambar telanjang di dalam satu kompleks membeli-belah tidak ada makna kerana itu adalah satu seni. Bob Marley, mungkin dia nampak macam *hippies*, tetapi Bob Marley lagunya adalah lagu perjuangan; perjuangan pembebasan kerana ditindas dan sebagainya...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Maran.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sekejap. Sikit lagi. Walaupun dari segi seni kita bebas seperti yang berlaku di negara Barat, tetapi saya yakin Yang Berhormat Menteri kita yang memimpin Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, budaya kita, cara kita juga terbatas tidak terlalu bebas seperti negara Barat. Saya percaya.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera. Saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat sedikit. Bila kita membicarakan soal seni, kita tidak boleh lari daripada budaya, budi bahasa dan yang paling pokok ialah dari segi agama. Di negara kita ini ada pelbagai agama. Bagi saya, semua agama menggalakkan kebaikan, tidak ada satu agama pun yang menggalakkan kepada kejahatan.

Akan tetapi seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, kalau di Barat mungkin perkara ini tidak diambil kira. Kita tidak mahu nanti apabila kita wujudkan akademi seni ini, sedangkan matlamat kerajaan sebenarnya ialah untuk melahirkan insan, manusia, warganegara yang berbudi bahasa, berpekerti

mulia, berakhlak mulia dan sebagainya, hasil daripada akademi ini. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya dalam melaksanakan akademi seni ini nanti sama ada dari segi ahli-ahli lembaga dan sebagainya, kita pastikan supaya orang agama juga terlibat, yang secara umumnya supaya kita tidak lari daripada matlamat untuk melahirkan insan ataupun manusia, masyarakat yang berbudi bahasa dan bukan yang akhirnya kerana kesilapan kita, kita melahirkan mereka yang porak-peranda seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu budi bahasa kita, budaya kita mesti dikekalkan walaupun kita ingin maju sehingga filem-filem kita boleh disebar ke seluruh dunia. Sebenarnya kalau kita lihat filem yang bermutu tidak semestinya melanggar budaya. Zaman dahulu, filem Hindi pakaiannya tertutup. Tidak pernah kita tengok hero dengan heroinnya bercium. Bila dia hendak cium sahaja ditunjukkan gambar bunga, gambar... Kalau hendak masuk ke dalam rumah, kedua-dua lelaki dan perempuan masuk, ditunjukkan air titis...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Kumbang dengan bunga.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Kumbang dengan bunga - simbolik. Sebenarnya tidak susah, mereka masih mengekalkan kebudayaan, budi bahasa, tetapi filem mereka dapat diterima di seluruh dunia kerana mutunya, bukan perkara-perkara yang boleh melanggar kebudayaan, tatasusila dan sebagainya.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa ...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Ketawa] Saya hendak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Maran bahawa mungkin kalau dibenarkan oleh pihak Kementerian Yang Berhormat Menteri supaya Rektor ataupun Ahli Lembaga dan sebagainya mesti ada dari kalangan ahli agama supaya boleh memberi nasihat kepada Lembaga dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *I back to defer* sikitlah. Oleh sebab Yang Berhormat bagi Maran menyebut tentang melahirkan insan yang berbudi bahasa dan sebagainya, tetapi sebenarnya kita hendak melahirkan penggiat seni - penggiat seni yang mempunyai nilai tambah. Itu sebenarnya. Kita takut nanti Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan ini melahirkan insan yang berbudi bahasa yang tidak boleh bergerak kerana semuanya diikat.

Yang Berhormat bagi Bera, inilah yang sebenarnya yang saya hendak mencelah ini ialah tentang evolusi tadi. Yang Berhormat bagi Bera bercerita tentang filem Hindi 30 tahun dahulu. Hari ini filem *Hindi, Bollywood* sudah berani bercium, sudah berani berpeluk dan adegan terbuka dan pelbagai. Begitu juga kita hendak bawa dalam institusi budaya seni kita di mana hari ini Yang Berhormat Menteri mungkin boleh mengiakan saya, kita perlu ada satu piawai, *standard* umpamanya Zapin. Zapin yang macam mana? Mungkin Zapin yang di Johor, di Melaka pun ada Zapinnya, Kedah pula dengan Zapinnya dan masing-masing Zapin ini mempunyai rentak yang berbeza dan gaya tari yang berbeza. Tidak ada satu *standard* Zapin yang kita boleh banggakan.

Jadi saya minta supaya kalau boleh akademi ini juga mengusahakan satu prosedur tetap supaya Zapin ataupun tarian Mak Inang yang lain ini menjadi sinonim kepada sesuatu kumpulan masyarakat. Contohnya di Argentina yang popular dengan Tango. Betul, Tuan Yang di-Pertua? Sepanyol dengan Flamingonya, yang dalam filem Zorro itulah, yang dia berjoget dan sebagainya. Jadi di Malaysia apa dia? Apabila kita hendak menunjukkan Malaysia, adakah kita hendak tunjukkan Zapin yang berbeza-beza. Zapin Melaka lain, joget lambak umpamanya. Apa komen Yang Berhormat, apakah perlu

ada huraian tentang *standardization* ini, adakah perlu huraian yang terperinci tentang piawaian ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih. Yang pertamanya mungkin saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Maran. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bahawa penggiat seni yang ada bukan hanya kerana mereka anak seni maka mereka tidak perlu berpandukan nilai budaya kita. Di Barat mungkin artis yang berjaya adalah seorang *gay* maka kita perlu *gay*. Di Barat mungkin artis yang berjaya perlu berambut panjang dan perlu menghisap dadah untuk berjaya kerana mereka artis yang terkenal mereka menghisap dadah. Dan inilah yang cuba dipertahankan saya rasa yang patut dipertahankan oleh akademi seni kita iaitu melahirkan penggiat seni tetapi penggiat seni yang mempunyai nilai dan pekerti budaya yang berbeza dengan negara lain.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyambung daripada apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Maran tadi iaitu berkaitan dengan nilai agama dalam seni kerana salah satu sebab kita tengok salah satu faktor di Kelantan seni makyung dan wayang kulit yang tidak dibenarkan mungkin adanya unsur-unsur berbentuk khurafat. Begitu juga saya percaya mungkin di dalam budaya kuda kepang kalau tidak silap saya juga terdapat unsur-unsur yang sedemikian dan saya percaya sekiranya ada orang-orang agama di dalam akademi seni ini mungkin kita boleh mengawal unsur-unsur yang berbentuk sedemikian yang boleh begitu menghalang daripada kecelaruan akidah yang boleh membawa seni kita kepada seni yang boleh diminati oleh semua dan diterima oleh semua masyarakat Islam kerana tanpa unsur-unsur khurafat tadi pun seni ini boleh digiatkan. Bagaimana? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya, sebab itu saya telah bersetuju tadi. Banyak sebenarnya kesenian-kesenian kita seperti silat dan sebagainya kadang-kadang dimulakan dengan mantera-mantera yang agak bertentangan dengan agama. Kalau kita lihat dahulu banyak dimulakan dengan mantera, jampi serapah, bakar kemenyan dan sebagainya. Mungkin perkara ini kita perlu lihat supaya tidak bertentangan.

Saya ingin terus tukar tajuk kepada kesenian warisan. Saya lihat kesenian warisan kita sudah makin lama makin kepupusan seperti makyung, wayang kulit, ghazal. Saya difahamkan hari ini pemain gambus ghazal meninggal dunia. Ini mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mengesahkan, arwah Fadhil Ahmad telah meninggal dunia dan beliau telah meninggal dunia dengan membawa bersamanya bakat kesenian yang ada padanya.

Apa yang kita lihat selama ini makyung atau wayang kulit tidak ada pendidikan yang dibuat secara formal. Apa yang berlaku ialah kalau di kampung-kampung ajar pelajarannya di kampung-kampung dan sebagainya tetapi saya memuji langkah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini dengan wujudnya dengan lulusnya rang undang-undang ini saya lihat di dalam perkara 3 di dalam fasal 3(3) ianya merangkumi semua perkara termasuk soal perkara-perkara yang berkaitan dengan muzik tradisional dan sebagainya. Dan ini saya kira boleh memastikan bahawa tarian-tarian tradisional dan perkara-perkara yang melibatkan budaya yang lama akan dapat kita kekalkan kerana semakin hari perkara ini semakin pupus...

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Maran.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Bera. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Bera dan saya hendak kaitkan terus dengan mungkin bentuk pengajian sama ada cara bersama dan sebagainya. Dan warisan-warisan ini, sebab kalau kita lihat negara kita walaupun kaum yang besar di negara ialah Melayu, China, India tetapi banyak lagi kaum-kaum lain termasuk Orang Asli. Orang Asli kita ada 18 suku kaum. Kalau kita bicara pula tentang penduduk di Sabah dan Sarawak orang bumiputeranya semakin ramai dan banyak budaya-budaya tradisi mereka yang masih diamalkan.

Apakah melalui akademi ini nanti Yang Berhormat ingin mencadangkan ataupun minta kementerian mencadangkan supaya jenis-jenis kesenian yang ada ini saya ambil contoh di Pahang sahaja di mana dari segi tarian kita banyak. Kita ada tarian labi-labi,

macam bentuk labi-labi berjalan. Ada tarian pelanduk, kita ada tarian Pahang macam di sini mungkin ada tarian kipas dan berbagai-bagai lagi. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan bagi mengekalkan ini apabila mati seorang pengendali tarian-tarian ini mereka akan berakhir seni tersebut. Apakah Yang Berhormat bercadang kepada kementerian supaya semua subjek ini ataupun perkara-perkara ini diajar dalam akademi seni ini supaya kita dapat mengekalkan kesenian yang dimaksudkan ini.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya memang bersetuju dan saya percaya dari fasal 3(3) tadi menyebut tentang kesenian tarian dan sebagainya. Saya harap apa yang saya percaya benar-benar berlaku seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat Maran tadi bahawa semua kesenian. Tarian labi-labi Pahang saya rasa sudah kurang dimainkan, tidak ada siapa lagi yang tahu hendak memainkan tarian labi-labi kerana seperti yang berlaku kepada arwah Fadhil Ahmad tadi bahawa yang meninggal membawa bersama bakat mereka, tidak ada diajar lagi. Satu hari nanti mungkin di Sabah tarian Sumazau juga apabila tidak ada lagi penari yang dibuat secara profesional, tidak ada secara formal mungkin satu atau dua generasi benda ini juga akan pupus. Putatan masih ada lagi, bagus. Dan saya harap...

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu mohon penjelasan.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sikit, sikit saja lagi, saya hendak habiskan ayat. Dan saya percaya dengan adanya Akta yang baru dibentangkan ini dan mampu untuk melahirkan tenaga pengajar yang secara profesional dan akan melahirkan pelajar-pelajar yang menerima ajaran secara profesional untuk terus mengembangkan seni budaya yang kita bimbang akan pupus nanti.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terengganu, Ketereh. Kuala Terengganu.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ketereh dahulu.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ketereh.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih. Saya dengar ucapan Yang Berhormat dari tadi lagi. Bagus, Yang Berhormat ini peminat seni. Yang Berhormat dok cakap pasal menari sahaja tarian labi-labilah, tarian sumazaulah tetapi...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Filem.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Apa dia? Saya tahu, saya ada di luar. Pasal filem tetapi Yang Berhormat tidak sebut langsung pasal seni silat tari, saya peminat silat. Apakah akademi ini juga memasukkan silat. Silat ini banyak jenis silat, silat pulut, silat itu silat ini, silat kuntau macam-macam silatlah. Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat hendak sentuh esok ni sebab masa hendak habis dah ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kuala Terengganu.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya teruskan Kuala Terengganu. Takut nanti dah habis takut dia hendak sambung soalan besok.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Besok saya hendak bercakap. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bila kita bercakap dari segi nilai seni ni bukan dari segi nilai tradisinya sahaja tetapi harus kita lihat dari nilai komersialnya sekali gus. Sebab kita tidak boleh berdiri dengan sendiri hanya berdasarkan elemen-elemen tradisi siapa hendak tengok. Di mana ada *market* nya. Jadi kita harus fikir dari segi *marketability* nya itu dari segi *return on investment* kita ni... *[Ketawa]* Jadi ini adalah merupakan perkara-perkara yang saya kira harus diambil fikir oleh pihak itu. Bukan sekadar kita mengadakan kegiatan-kegiatan serupa itu ...

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Pukul 10 malam pun 'roi' lagi kah?... [Ketawa]

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang pertamanya silat seni tadi. Silat seni saya kira mungkin di bawah perkara tadi iaitu bidang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta perkara-perkara lain seperti seni halus. Ini saya rasa banyak dalam ini saya harap pihak kementerian akan memasukkan silat seni di dalam kursus yang akan ada di dalam akademi nanti.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak gulung habiskan atau hendak sambung besok?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sambung besok.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baiklah Yang Berhormat boleh sambung besok. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 hari Khamis, 11 Mei 2006 besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 10 malam.***